

LAPORAN TAHUNAN

HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

PELAN PEMBANGUNAN SMJ 1.0 : 2021-2025

2022

JABATAN KETUA MENTERI
www.smj.sabah.gov.my



LAPORAN TAHUNAN

HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

PELAN PEMBANGUNAN SMJ 1.0: 2021-2025

2022

JABATAN KETUA MENTERI
WWW.SMJ.SABAH.GOV.MY



Cetakan Pertama pada 17 Mei 2023

© Hak Cipta Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri
Aras 12-14, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

http://www.smj.sabah.gov.my
E-mel: sabahmajujaya@sabah.gov.my

Dicetak oleh:
Pencetak Kerajaan
Jabatan Cetak Kerajaan Sabah
KM 4, Jalan Tuaran
88554 KOTA KINABALU

Penafian: Dengan setiap penelitian yang telah diambil dalam penyediaan dokumen ini, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri tidak akan bertanggungjawab dengan sebarang maklumat yang tidak tepat. Semua informasi dan spesifikasi adalah berdasarkan kepada penyedia maklumat iaitu kementerian, jabatan dan agensi, waktu penyediaan dan tertakluk kepada sebarang perubahan dari semasa ke semasa.

Isi Kandungan

KABINET NEGERI SABAH vi-xviii

RETROSPEKTIF SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA 2-6

RANGKUMAN KEBERHASILAN DUA TAHUN HALA TUJU SABAH MAJU JAYA 8-78

PERTEMUAN DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA NEGARA, PERWAKILAN ASING DAN PEMIMPIN PERSEKUTUAN DENGAN KETUA MENTERI SABAH 80-92

BAHAGIAN 1 : INISIATIF HALA TUJU SABAH MAJU JAYA (2022) ELEMEN-ELEMEN UTAMA (TERAS)

Elemen Utama (Teras) 1 : Sektor Pertanian 94-129

Elemen Utama (Teras) 1 : Sektor Perindustrian 130-148

Elemen Utama (Teras) 1 : Sektor Pelancongan 149-176

Elemen Utama (Teras) 2 : Modal Insan dan Kesejahteraan Rakyat 177-239

Elemen Utama (Teras) 3 : Jaringan Infrastruktur dan Kelestarian Hijau 209-296

BAHAGIAN 2 : INISIATIF HALA TUJU SABAH MAJU JAYA (2022) PEMBOLEH DAYA

Pemboleh Daya 1 : Kemampanan Fiskal 298-305

Pemboleh Daya 2 : Kemudahan Kewangan 306-309

Pemboleh Daya 3 : Keberkesanan dan Kecekapan Penyampaian 310-326

Pemboleh Daya 4 : Kecemerlangan Tadbir Urus Yang Berintegriti 327-337

Pemboleh Daya 5 : Kerajaan Digital Berteraskan Teknologi dan Inovasi 338-356

BAHAGIAN 3 : RANTAIAN KE HADAPAN

Belanjawan Sabah Maju Jaya Tahun 2023 358-372

Isi Kandungan

BAHAGIAN 4: TADBIR URUS HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

Penetapan dan Pemantauan Inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0: 2021-2025) 374-375

United Nations Sustainable Development Goals (SDG 2030), Malaysia MADANI: Enam Tonggak Dasar dan Hala Tuju Sabah Maju Jaya 376

Instrumen Pemantauan & Pelaporan 377

Mekanisme Tadbir Urus Inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya - Pelan Pembangunan SMJ 1.0: (2021-2025) 378

BAHAGIAN 5: PENGHARGAAN 380-383

KABINET NEGERI SABAH



KETUA MENTERI SABAH

Dalam tempoh dua tahun pelaksanaan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya (SMJ), sejak dilancarkan pada Mac 2021, kejayaan demi kejayaan telah dicapai. Antaranya, kejayaan menarik pelaburan asing dan domestik di mana *Memorandum of Understanding* (MoU), *Memorandum of Agreement* (MoA), Perjanjian Pajakan Tanah, Perjanjian Induk dan lain-lain penyataan komitmen telah dimeterai.

Dalam tempoh yang singkat, tiga (3) pelaburan berimpak tinggi telah direalisasikan yang mana pembinaan kilang sedang dilaksanakan seperti yang dijadualkan. Hak pemilikan dan peningkatan hasil negeri juga menjadi keutamaan Hala Tuju Sabah Maju Jaya, antaranya melalui pemeteraian *Commercial Collaboration Agreement* (CCA) dengan PETRONAS yang berprinsipkan *Greater Say, Greater Participation, Greater Revenue.*

Rang Undang-Undang Suruhanjaya Tenaga dan Bekalan Gas yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah, sudah pasti manfaat ini akan dinikmati oleh negeri dan rakyat keseluruhannya.

Semua kejayaan yang dicapai itu terkandung dan tercatat dalam Laporan Pencapaian Pelan Pembangunan SMJ, sempena Dua Tahun Pelan Pembangunan ini dirangka dan dilancarkan.

Tahniah dan syabas kepada Sekretariat Sabah Maju Jaya kerana dapat mengeluarkan laporan pencapaian itu, yang akan menjadi penanda aras kepada kita semua terutama penjawat awam untuk terus melakukan yang terbaik dalam menjayakan Pencapaian Pelan Pembangunan SMJ ini.

Semua penjawat awam diminta meneruskan khidmat dengan penuh kebertanggungjawaban, iltizam yang tinggi dan amanah. Perkhidmatan awam perlu bijak merangka strategi kaedah penyampaian, tidak mudah rasa selesa dengan pencapaian sedia ada dan sentiasa kreatif membuat pembaharuan. Marilah kita terus berganding bahu dalam menjayakan Pelan Pembangunan SMJ untuk manfaat rakyat dan semoga Sabah terus maju jaya.

“SABAH MAJU JAYA”



YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR



“Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan (MAFFI) mempunyai keyakinan dan kepercayaan penuh terhadap inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0: 2021-2025), dan melalui semua inisiatif yang telah digarap dapat memastikan kelestarian dan kemampanan sumber makanan adalah terjamin.

Kementerian ini akan memastikan keberhasilan sub-sektor tanaman, penternakan dan perikanan dicapai dan direalisasikan seperti yang diharapkan melalui pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), pembangunan kawasan-kawasan tanah yang sesuai untuk tanaman padi, buah-buahan dan hasil tani lain termasuklah penternakan dan perikanan.”

YB Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan
Timbalan Ketua Menteri I Merangkap
Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah



“Pemerkasaan penyampaian perkhidmatan, penyediaan perumahan mampu milik yang kondusif dan pembangunan pekan baharu yang teratur menjadi fokus utama Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat di negeri Sabah.”

YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam
Timbalan Ketua Menteri II Merangkap
Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah



“Infrastruktur awam dan perkhidmatan kemudahan asas merupakan keperluan penting untuk keselesaan dan kesejahteraan rakyat Sabah. Kemudahan infrastruktur asas yang lengkap seperti sistem pengangkutan darat (jalan raya dan keretapi), laut dan udara, bekalan air dan sumber tenaga yang mencukupi adalah keutamaan yang diperlukan untuk memacu pertumbuhan ekonomi negeri Sabah. Kementerian Kerja Raya Sabah akan terus memberi fokus kepada usaha mempertingkatkan jaringan infrastruktur di negeri ini seiring dengan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0: 2021-2025.”

YB Datuk Haji Ir. Shahelmey Yahya
Timbalan Ketua Menteri III Merangkap
Menteri Kerja Raya Sabah



“Sesungguhnya, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan kutipan hasil negeri bukan sahaja kukuh tetapi juga dioptimumkan untuk menyumbang ke arah pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan.”

YB Datuk Seri Panglima Haji Masidi Manjun
Menteri Kewangan Sabah



“Pelaksanaan dua tahun Hala Tuju Sabah Maju Jaya merupakan cabaran yang melibatkan semua Kementerian dalam Negeri di bawah Bayu. Alhamdulillah, kesungguhan dan dedikasi semua dengan pantas, dapat menyesuaikan cara kerja dalam situasi sedemikian untuk mencapai matlamat dan objektif agenda Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0: 2021-2025.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah akan terus berusaha mencapai dan menjayakan inisiatif-inisiatif dalam membangun luar bandar demi menyejahterakan rakyat serta meningkatkan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan Negeri yang memegang mandat pentadbiran dan pengurusan negeri.”

YB Datuk Jahid bin Jahim @ Nordin
Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah



“Pembudayaan Sains, Teknologi, Inovasi & Ekonomi (STIE) dan memperluaskan liputan internet akan terus diperkasakan demi merealisasikan hasrat menjadikan Sabah sebuah negeri yang berteknologi tinggi selaras dengan aspirasi Sabah Maju Jaya (SMJ).”

YB Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah



“Terdapat lapan (8) inisiatif yang telah disenaraikan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk mendukung Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0: 2021-2025. Inisiatif-inisiatif ini memfokuskan kepada program-program pembangunan belia dan sukan yang bertunjangkan kepada kelestarian modal insan dan kesejahteraan rakyat di negeri Sabah.

Sesungguhnya adalah menjadi harapan saya agar kualiti kehidupan golongan belia akan terus meningkat setelah menyertai dan seterusnya mempraktikkan program-program yang telah disediakan. Di samping itu, saya juga yakin bahawa mutu sukan di negeri ini akan terus meningkat dengan adanya pengamalan Sains Sukan dan pertambahan fasiliti-fasiliti sukan baharu.”

YB Datuk Ellron Angin
Menteri Belia dan Sukan Sabah



“Pembangunan modal insan adalah nadi dan jantung utama dalam kerangka untuk membangunkan masyarakat ke arah kesejahteraan rakyat seiring dengan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0: 2021-2025.”

"MASYARAKAT MEMBANGUN RAKYAT SEJAHTERA"

YB Datuk James bin Ratib
Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah



“Keindahan alam semula jadi, keunikan flora dan fauna serta kepelbagaian budaya masyarakat menjadi daya tarikan kepada para pelancong dari dalam dan luar negara untuk melancong ke negeri Sabah. Sektor pelancongan menjadi salah satu sektor utama yang berupaya memacu ekonomi negeri Sabah. Saya optimis bahawa di bawah inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0: 2021-2025) Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, sektor pelancongan di negeri Sabah akan terus maju memakmurkan ekonomi rakyat dan negeri Sabah.”

YB Datuk Christina Liew Chin Jin
Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah



“Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0: 2021 – 2025 kini berada di fasa pertengahan. Segala inisiatif yang dirancang di bawah Pelan Pembangunan SMJ telah menjadikan Sabah negeri kelima (5) menerima pelaburan terbesar di Malaysia pada tahun 2022. Pencapaian ini adalah satu pencapaian terbesar berbanding sebelumnya dan ianya didorong oleh kemasukan pelaburan berimpak tinggi dan hasil keyakinan pelabur terhadap potensi ekonomi serta pendekatan mesra pelabur di negeri Sabah. Peningkatan kemasukan pelaburan serta pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) berupaya melonjakkan pertumbuhan ekonomi negeri Sabah dan seterusnya merealisasikan Sabah sebagai sebuah Negeri Perindustrian yang Maju Jaya.”

YB Tuan Phoong Jin Zhe
Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH

Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, Salam Sabah Maju Jaya dan Salam Integriti.



Penjawat awam merupakan nadi kejayaan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (HTSMJ) ke arah melestarikan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat negeri Sabah.

Aspirasi ***Humanising Service Delivery*** melalui **empati, keterangkuman, ketepatan** dan **responsif** perlu difahami, dihayati serta diterjemah dalam budaya kerja berprestasi tinggi. Legasi kecemerlangan pada hari ini akan menjamin masa depan negeri Sabah yang lebih unggul untuk generasi akan datang. Legasi ini bergantung dengan penjawat awam yang berjati diri tinggi, berjiwa besar dalam menyampaikan perkhidmatan, peka dengan denyutan nadi rakyat dan berintegriti dalam menjalankan amanah serta tanggungjawab yang digalas.

Selain itu, inisiatif-inisiatif dalam pelan HTSMJ perlu bercirikan konsep **3R – *Revitalize, React and Responsible,*** iaitu penciptaan kaedah-kaedah baharu dalam melaksanakan sesuatu, memberi reaksi kepada jangkaan perubahan berdasarkan data yang tepat serta berakauntabiliti dalam merealisasikan sasaran yang ditetapkan.

Di samping itu, Pendigitalan Perkhidmatan Awam ke arah Kerajaan Digital perlu diberikan keutamaan sebagai pemboleh daya dalam memacu kualiti penyampaian perkhidmatan selain mempertingkat kecekapan tadbir urus berpaksikan keperluan sebenar rakyat. Konsep 5A iaitu ***Accessible by Anyone, At Any Time, Any Where By Any Device*** perlu dijadikan kerangka dalam pembangunan sistem dan aplikasi yang bertujuan untuk melonjakkan akses rakyat kepada perkhidmatan kerajaan. Produk penyampaian perkhidmatan yang dihasilkan hendaklah mudah difahami, diakses dan digunakan oleh semua lapisan rakyat.

Akhir sekali, saya ingin mengingatkan bahawa penyampaian perkhidmatan terbaik bukan sahaja berteraskan kecekapan dalam memenuhi keperluan rakyat, malah pendekatan dari hati ke hati, iaitu daya menyelami dan memahami rungutan, rintihan dan keperluan rakyat merupakan pengertian sebenar menginsankan penyampaian perkhidmatan.

Kecemerlangan akan terus menjadi keutamaan saya dan saya yakin anda juga akan melakukan perkara yang sama.

YB Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong, JP

RETROSPEKTIF

SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA

KETUA SEKRETARIAT, SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, Salam Sabah Maju Jaya dan Salam Integriti.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri dan YB Setiausaha Kerajaan Negeri yang mengiktiraf sumbangan penjawat awam dalam merealisasikan Hala Tuju Sabah Maju Jaya. Ruang peningkatan kerjaya dan peningkatan kapasiti juga telah ditambah baik dengan mengambil kira keperluan semasa bagi memastikan perkhidmatan kerajaan dapat disampaikan dengan sebaiknya.

Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua Kementerian, Jabatan, agensi serta penjawat-penjawat awam yang telah bekerja keras, berusaha gigih dan mengorbankan masa dalam usaha menjayakan Hala Tuju Sabah Maju Jaya - Pelan Pembangunan SMJ 1.0:(2021-2025). Hasil usaha gigih semua pihak telah dapat dilihat apabila ekonomi negeri Sabah menzahirkan petanda-petanda pemulihan seperti peningkatan kutipan hasil, kemasukan pelaburan baharu, dan peningkatan kehadiran pelancong.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khususnya kepada seluruh pasukan Sekretariat Sabah Maju Jaya yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) dalam melaksanakan tanggungjawab selaku Urus Setia Sekretariat serta melaksanakan pelbagai program. Mentaliti berfikir dan bertindak 24/7 sebagai penjawat awam adalah faktor yang membolehkan setiap inisiatif dilaksanakan dengan jayanya. Diharapkan Sekretariat Sabah Maju Jaya akan terus menggalas tanggungjawab yang diberikan dengan cemerlang. Momentum ini perlu ditingkatkan dan diteruskan di masa akan datang.

Dengan itu, harapan saya dengan penghasilan Laporan Tahunan Hala Tuju Sabah Maju Jaya - Pelan Pembangunan SMJ 1.0:(2021-2025) akan memberikan inspirasi kepada semua warga perkhidmatan awam untuk menjayakan pelan ini. Sekali gus, memberikan rasa kepunyaan bersama dan rasa kebanggaan akan pencapaian pelan ini.

Wassalam.

YBhg. Datuk (Datu) Rosmadi Datu Sulai, JP

RETROSPEKTIF
SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA

Inisiasi

Pada 29 Mac 2021, iaitu dalam tempoh genap enam bulan dari tarikh penubuhan Kerajaan Negeri, Hala Tuju Sabah Maju Jaya yang dimulakan dengan Pelan Pembangunan SMJ 1.0 bagi tempoh 2021-2025 [disebut sebagai Pelan SMJ] telah dilancarkan oleh YAB Ketua Menteri. Pelan SMJ dirangka berpaksikan tiga Elemen Utama yang diinspirasikan daripada moto jata negeri Sabah iaitu “Sabah Maju Jaya”. Huruf awalan setiap perkataan dalam slogan ini iaitu “S”, “M” dan “J” dijadikan awalan bagi tiga Elemen Utama Pelan SMJ iaitu **S: Sektor Utama Fokus Pertumbuhan Ekonomi** yang terdiri kepada **Sektor Pertanian**, **Sektor Perindustrian** dan **Sektor Pelancongan**; **M: Modal Insan & Kesejahteraan Rakyat**; dan **J: Jaringan Infrastruktur & Kelestarian Hijau**.

Adaptasi ini bertujuan untuk menerapkan semangat perjuangan kemerdekaan dan pendirian negeri Sabah terdahulu, untuk membangunkan rakyat dan negeri Sabah agar mencapai kemajuan dan kejayaan yang gemilang, seterusnya menterjemahkannya kepada hala tuju di dalam Pelan Pembangunan SMJ. Di samping itu, Elemen Utama ini didukung oleh lima (5) Pemboleh Daya iaitu **Kemampanan Fiskal**, **Kemudahan Kewangan**, **Keberkesanan & Kecekapan Penyampaian**, **Kecemerlangan Tadbir Urus yang Berintegriti** serta **Kerajaan Digital Berteraskan Teknologi & Inovasi**.

Implementasi

Usaha-usaha pemulihan ekonomi negeri giat dijalankan melalui pelaksanaan fasa pertama Pelan SMJ yang meliputi sejumlah 573 inisiatif. Kesemua inisiatif dirangka selaras dengan fungsi teras setiap kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan Negeri. Ia dipantau secara dekat oleh Sekretariat Sabah Maju Jaya (Sekretariat SMJ). Status pelaksanaan dan pencapaian setiap kementerian dibentangkan kepada umum setiap tahun melalui Laporan Status Pelaksanaan dan Pencapaian Tahunan SMJ bermula dengan tahun pertama pada 29 Mac 2022.

Implementasi

Usaha diteruskan kepada pelaksanaan fasa kedua Pelan SMJ yang meliputi 510 inisiatif, yang mana sebahagian besar daripadanya adalah merupakan lanjutan kepada inisiatif tahun 2021, sebahagiannya lagi adalah inisiatif baharu. Laporan status pelaksanaan dan pencapaian bagi fasa kedua dikeluarkan pada 29 Mac 2023.

Di samping inisiatif-inisiatif ini, Pelan SMJ juga memulakan beberapa inisiatif baharu yang dikenali sebagai **Inisiatif Fokus Semasa**. Ia merupakan inisiatif yang dijadikan tumpuan oleh kerajaan kerana ia dirangka untuk memanfaatkan potensi-potensi ekonomi negeri yang kurang atau belum diterokai secara tuntas, serta untuk mewujudkan persekitaran yang mesra pelabur. Seterusnya, diperkenalkan juga **Inisiatif *Flagship***, iaitu inisiatif baharu yang berimpak tinggi, membawa pembaharuan kepada pembangunan negeri dan menonjolkan identiti negeri Sabah.

Pewujudan inisiatif-inisiatif tersebut juga bermatlamat untuk meningkatkan keyakinan pelabur bagi menyalurkan dana-dana pelaburan di pelbagai sektor dalam negeri ini. Pendekatan mesra pelabur ini meletakkan kedudukan Kerajaan Negeri Sabah sebagai pemilik aset yang menyediakan lokasi ataupun platform tertentu untuk dijadikan medan kemasukan bagi para pelabur menjalankan aktiviti ekonomi, dengan persetujuan yang saling memenangkan kedua-dua pihak serta pada yang sama dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat di seluruh negeri.

Refleksi

Selama dua tahun pelaksanaan Pelan SMJ, hasilnya sudah terzahir melalui beberapa pencapaian. Kutipan hasil negeri pada tahun 2021 telah meningkat kepada RM5.449 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 51.74%. Seterusnya pada tahun 2022, hasil negeri yang dikutip mencecah RM6.96 bilion iaitu peningkatan sebanyak 27.75%.

Refleksi

Rekod kutipan bagi kedua-kedua tahun ini adalah pencapaian yang memecahkan rekod tertinggi kutipan-kutipan hasil sebelum ini. Selain meningkatkan kutipan hasil, keyakinan pelabur telah terbukti apabila sebanyak tiga (3) pelaburan besar bernilai RM6.9 bilion telah masuk ke negeri Sabah dalam tempoh dua tahun ini. Yang pertama, pelaburan syarikat dari Korea Selatan, SK Nexilis (M) Sdn. Bhd. bernilai RM4.28 bilion untuk membina kilang kerajang tembaga di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP). Pembinaan kilang sedang berjalan rancak dengan kemajuan berada di tahap 68.8% setakat Februari 2023. Ia dijangka akan mula beroperasi pada bulan September 2023 ini.

Seterusnya yang kedua adalah pelaburan daripada syarikat negara China, SBH Kibing Solar New Materials (M) Sdn. Bhd. (SBH Kibing) bernilai RM2.0 bilion untuk membina kilang pembuatan kaca panel solar dan pemprosesan pasir. Kemajuan pembinaannya setakat ini berada di tahap 25% dan dijangka akan siap beroperasi sepenuhnya pada Oktober 2023. Manakala pelaburan yang ketiga adalah daripada sebuah syarikat pengeluar produk berasaskan kelapa iaitu Linaco Group di daerah Paitan bernilai RM620 juta. Ketiga-tiga pelaburan ini secara keseluruhannya menyediakan sebanyak 12,750 peluang pekerjaan kepada rakyat negeri Sabah.

Satu lagi pencapaian berimpak tinggi yang dikecapi adalah pemeteraian Perjanjian Kerjasama Komersil (*Commercial Collaboration Agreement*, CCA) dengan syarikat minyak dan gas negara, Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS). Kolaborasi ini dijalinkan atas prinsip *Greater Say*, *Greater Participation*, *Greater Revenue.* Melalui kolaborasi ini, negeri Sabah akan mendapatkan perkongsian hasil berkaitan minyak dan gas yang lebih besar (*greater revenue sharing*), penyertaan dan penguasaan yang lebih besar dalam hal-hal minyak dan gas (*greater participation and greater say*), di bawah satu (1) rangka kerja perundingan (*consultative framework*) komersial bersama dengan PETRONAS sambil memastikan negeri Sabah mengekalkan hak perundangannya selaras dengan Perjanjian Malaysia 1963.

Refleksi

Bagi memaknai Perjanjian Kerjasama Komersial (CCA), Kerajaan Negeri melalui Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Sabah, Sabah Energy Corporation (SEC) telah menandatangani Perjanjian Bekalan Gas Asli dengan PETRONAS yang menjadikan SEC sebagai pembekal dan pengangkut gas asli domestik terbesar di Sabah. Langkah ini akan membantu Sabah untuk maju ke hadapan dalam meneroka potensi penuh rantaian industri gas asli di negeri ini.

RANGKUMAN KEBERHASILAN

DUA TAHUN HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

MAJLIS SAMBUTAN SETAHUN HALA TUJU SABAH MAJU JAYA



Gimik perasmian majlis iaitu acara penyerahan Buku Laporan HTSMJ (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 : 2021-2025)

Majlis dimulakan dengan ucapan Retrospektif Aspirasi yang disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Sabah dan diteruskan dengan gimik perasmian majlis iaitu penyerahan Buku Laporan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 : 2021-2025) untuk tahun 2021, Penyerahan Laporan Pencapaian kepada setiap Kementerian, Tayangan Dokumentari 365 Hari SMJ, Upacara menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Negeri dan pihak berkepentingan berjumlah RM19.8 Bilion, Pelancaran Showcase SMJ, Lawatan ke Career GIG dan Showcase SMJ. Majlis tersebut telah berlangsung selama 4 hari bermula 28 Mac 2022 sehingga 31 Mac 2022 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC).

Antara pengisian menarik yang berlangsung semasa Majlis Sambutan Setahun Hala Tuju Sabah Maju Jaya (HTSMJ) adalah seperti Eksekutif Forum-SMJ, Career GIG-SMJ 2022, Ekadasa SMJ, Eksekutif Forum (Sabah Maju Jaya-SOGDC), SMJ Evo Nite dan Majlis Epilog Ekadasa SMJ yang akan menutup tirai sambutan Setahun Hala Tuju SMJ.

Kota Kinabalu, 29 Mac 2022 (Selasa) - Telah berlangsungnya Majlis Sambutan Setahun Hala Tuju Sabah Maju Jaya (HTSMJ) Pelan Pembangunan SMJ (2021-2025) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) yang disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah.

“ Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dengan komitmen untuk bersatu padu, bekerjasama, dan bekerja keras mencapai Pelan Pembangunan SMJ 1.0 (2021-2025). Ini kerana SMJ adalah hala tuju bersama milik semua anak watan Sabah ”

YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor

Ketua Menteri Sabah



RANGKUMAN KEBERHASILAN

INDIKASI KEYAKINAN NEGARA LUAR

37 Duta / Pesuruhjaya Tinggi dan Ketua Negara telah mengadakan pertemuan dengan YAB Ketua Menteri.




Sumber: Laporan SMJ Suku Tahun 3, 2022

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PRESTASI PELABURAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN DI MALAYSIA


LIMA (5) NEGERI PENYUMBANG NILAI PELABURAN TERBESAR DI MALAYSIA TAHUN 2022



Sabah menduduki **tempat ke-5** dalam menyumbang pelaburan tertinggi di Malaysia bagi **Sektor Perkilangan**

Sumber: Laporan Prestasi Pelaburan Malaysia Tahun 2022, Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA)

PELABURAN ASING DAN DOMESTIK DALAM SEKTOR PERKILANGAN YANG TELAH DILULUSKAN DI SABAH SEPANJANG TAHUN 2021 HINGGA 2022



PELABURAN (TAHUN 2021 – 2022)	NILAI PELABURAN DOMESTIK	NILAI PELABURAN ASING
Jumlah (RM)	RM1,275,950,297.00	RM11,966,624,972.00
Jumlah Pelaburan Asing dan Domestik	RM13.24 BILION	

***Catatan:**
Pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan di Sabah menunjukkan peningkatan sebanyak +RM312 Juta (Domestik) dan +RM3.21 Bilion (Asing) sepanjang Tahun 2021 hingga 2022.

Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Setakat Tahun 2021 hingga Tahun 2022

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MOU, MOA) DAN PAJAKAN TANAH SEPANJANG TAHUN 2020 HINGGA 2022

RM75.53 BILION

Nilai MoU, MoA & Perjanjian Pajakan Tanah ditandatangani (Sektor Pertanian, Sektor Perindustrian dan Sektor Pelancongan)


RM39.58 BILION

Nilai MoU, MoA dan Perjanjian Pajakan Tanah ditandatangani dalam SEKTOR PERINDUSTRIAN

2

Pelaburan Sektor Perindustrian telah Direalisasikan dengan nilai

RM6.28 BILION



SK Nexilis (M) Sdn. Bhd.



SBH Kibing Solar New Materials (M) Sdn. Bhd.

Sumber: Laporan SMJ Suku Tahun 3, 2022
**Setakat September 2020 – Disember 2022*

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PELABURAN SEKTOR PERINDUSTRIAN DIREALISASIKAN

SK NEXILIS MALAYSIA SDN. BHD.

PEMBINAAN KILANG KERAJANG TEMBAGA

JUMLAH PELABURAN:

RM4.28 Bilion

107 JURUTERA SABAH MENJALANI LATIHAN LANJUTAN DI SK NEXILIS, KOREA SELATAN



IBU PEJABAT SK NEXILIS, KOREA SELATAN

MENJALANI LATIHAN KEMAHIRAN LANJUTAN DI KOREA SELATAN SELAMA **3 BULAN**

SBH KIBING SOLAR NEW MATERIALS (M) SDN. BHD.

PEMBINAAN KILANG PEMPROSESAN PASIR SILIKA DAN PENGHASILAN PANEL SOLAR

JUMLAH PELABURAN:

RM2.0 Bilion

200 JURUTERA MUDA ANAK SABAH DIAMBIL BEKERJA DI SBH KIBING (M) SDN. BHD.



30 JURUTERA

PERTAMA DI HANTAR KE NEGARA CHINA UNTUK MENGHADIRI LATIHAN KEMAHIRAN

Sumber: Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah, Setakat Mac 2021 – Februari 2023

PELABURAN
SEKTOR PERINDUSTRIAN

PEMBANGUNAN LADANG KELAPA USAHASAMA KERAJAAN DAN SWASTA

INISIATIF FLAGSHIP

Usaha sama antara Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan dengan Linaco Resources Sdn. Bhd. bernilai **RM420 juta**

5,000 ekar tanah di daerah Paitan

3,250 peluang pekerjaan

30% kepentingan kerajaan

4,000 anak pokok telah ditanam





PEMBINAAN KILANG PEMPROSESAN KELAPA BERSEPADU USAHASAMA KERAJAAN DAN SWASTA



Memorandum persefahaman yang dimeterai antara Linaco Resources Sdn. Bhd. dan Sawit Kinabalu dalam pembinaan sebuah kilang pemprosesan kelapa

Langkah susulan selepas Projek Pembangunan kelapa di Paitan.

Tanah Seluas 30 Hektar di Langkon

2,400 peluang pekerjaan kepada pekerja di sekitar Kota Marudu, Kota Belud dan Pitas

Seramai 38 rakyat tempatan sekitar Paitan telah menjalani latihan di Johor dalam pengurusan kilang

RANGKUMAN KEBERHASILAN

KEBERHASILAN *COMMERCIAL COLLABORATION AGREEMENT* (CCA) DENGAN PETRONAS



7 Dis 2021

Perjanjian Kerjasama Komersial (CCA) dimeterai antara Kerajaan Negeri melalui SMJ Sdn Bhd dengan PETRONAS bagi memperkasakan penyertaan Negeri Sabah dan GLC Sabah dalam industri minyak dan gas



4 Jan 2022

Pelan Induk Gas Sabah dilancarkan setelah pemeteraian Perjanjian Induk Bekalan Gas Asli (HOA)



25 Ogos 2022

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Berkaitan Penyerahan Kawal Selia Bekalan Gas Elektrik kepada Sabah



27 Dis 2022

PETRONAS capai Keputusan Pelaburan Akhir (FID) untuk kemudahan Gas Asli Cecair (LNG) di Sabah



21 Dis 2022

Kerajaan Persekutuan bersetuju memindahkan kuasa kawal selia gas kepada Kerajaan Negeri Sabah



11 Okt 2022

Perjanjian Bekalan Gas telah dimeterai diantara PETRONAS dan Sabah Energy Corporation (SEC) Sdn. Bhd.



09 Jan 2023

SMJ Sdn. Bhd., dan PETRONAS Chemicals Group Berhad menandatangani Perjanjian Dasar Induk (*Heads of Agreement*) bagi pengambilalihan 25 % kepentingan ekuiti dalam PETRONAS Chemicals Fertiliser Sabah Sdn. Bhd.



10 Jan 2023

Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah meluluskan dua Rang Undang-Undang iaitu Enakmen Bekalan Gas 2023 dan Enakmen Suruhanjaya Tenaga Sabah 2023 diberi kuasa kawal selia gas asli diberi kepada negeri Sabah



15 Februari 2023

SMJ Sdn. Bhd. memeterai Surat Persefahaman (LoU) dengan PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. dan E&P Malaysia Venture berkaitan penyusunan Pilihan Semula Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) berkaitan cari gali minyak dan gas di BLOK SB409



22 Feb 2023

SMJ Sdn. Bhd. (SMJSB) memeterai Perjanjian Utama (HoA) dengan PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. bakal memiliki 50 % faedah penyertaan yang berpotensi menerusi Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) minyak dan gas di kompleks lapangan minyak dan gas di Samarang

Sumber: SMJ Sdn. Bhd. (SMJSB) dan Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. (SEC)

RANGKUMAN KEBERHASILAN



2 **RANG UNDANG-UNDANG (RUU) TELAH DILULUSKAN DALAM PERSIDANGAN KHAS DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) SABAH**

- **Enakmen Bekalan Gas 2023**
- **Enakmen Suruhanjaya Tenaga Sabah 2023**

ENERGY COMMISSION OF SABAH

Badan Berkanun Negeri yang mengawal selia bekalan gas dan bekalan elektrik

Sumber: Sidang Khas Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 10 Januari 2023

RANGKUMAN KEBERHASILAN

MEMAKNAI PERJANJIAN KOLABORASI KOMERSIAL (CCA)



PENYERTAAN SYARIKAT MINYAK DAN GAS SABAH DALAM KONTRAK PERKONGSIAN PENGELUARAN SAMARANG (SAMARANG PSC)

- **SMJ Sdn. Bhd. (SMJSB)** memeterai Surat Persefahaman (LoU) dengan **PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. (PCSB)** dan **E&P Malaysia Venture (EPMV)** berkaitan penyusunan Pilihan Semula **Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC)** berkaitan car gali minyak dan gas di **Blok SB409**.
- Menerusi LoU itu, Kerajaan negeri melalui **SMJSB** akan ditawarkan satu Pilihan Semula sehingga 20 % faedah penyertaan yang boleh dilaksanakan sejurus selesai Komitmen kerja atau penemuan komersial
- **SMJSB** bakal memiliki 50 % kelayakan rakan kongsi daripada pengeluaran minyak dan gas **(36,000 tong sehari)** dan **50 %** hak penjual Bersama gas asli kepada pelanggan gas sedia ada di **Kota Kinabalu** dan **Labuan**.



PERJANJIAN JUALAN GAS ASLI KEPADA PELABUR UTAMA DI SABAH

- **Sabah Energy Corporation (SEC)** menandatangani pelbagai Natural Gas Sales Agreements (GSAs) dengan pelabur utama di Sabah iaitu;
  - **SBH-Kibing Solar New Materials (M) Sdn. Bhd.**
  - **SK Nexilis Malaysia Sdn. Bhd.**
- **Sabah Energy Corporation (SEC)** menandatangani **Heads of Agreement (HOA)** dengan Petronas Gas Berhad, anak syarikat Regas Terminal (Lahad Datu) Sdn. Bhd. **(RGTLD)** bagi pembekalan gas asli kepada projek loji bernilai **RM230 juta** di SOGIP.
- **Sabah Energy Corporation (SEC)** memuktamadkan **Natural Gas Sales Novation Agreement** dengan PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. dan Independent Power Producers (IPP) sedia ada dengan kapasiti **880MW.**

Sumber: SMJ Sdn. Bhd. (SMJSB) dan Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. (SEC)

RANGKUMAN KEBERHASILAN

MEMAKNAI PERJANJIAN KOLABORASI KOMERSIAL (CCA)



PERJANJIAN BEKALAN GAS ASLI DAN PERTUKARAN DOKUMEN PERJANJIAN JUAL BELI ASET SERTA PERNIAGAAN GAS

- **Sabah Energy Corporation (SEC)** menjadi pembekal dan pengangkut gas asli domestik terbesar di Sabah dengan kapasiti lebih kurang **140 MMscfd (Juta Kaki Padu Standard Sehari)** gas asli ke **Independent Power Producer (IPP)** sedia ada.
- **SEC** berperanan dalam **meningkatkan penggunaan gas asli untuk kegunaan industri pembuatan dan tenaga** melalui talian perpaipan gas asli yang akan diambil alih daripada **PETRONAS bermula 01 April 2023.**
- **SEC** akan **membekalkan** lebih kurang **86%** bahan bakar bagi tujuan jana kuasa di Sabah.



PEMETERAIAN PERJANJIAN INDUK (HOA) ANTARA SMJ SDN. BHD. DAN PETRONAS CHEMICAL GROUP BERHAD (PCG)

- **SMJ Sdn. Bhd.** akan mengambil alih sebanyak 25 peratus kepentingan Ekuiti dalam **PETRONAS Chemicals Fertilizer Sabah Sdn. Bhd. (PCFSSB**).
- **HOA** ini merupakan tambahan daripada **pemerolehan aset saluran paip gas hiliran terpilih dan kontrak pembekalan gas** oleh **Sabah Energy Corporation (SEC).**

Sumber: SMJ Sdn. Bhd. (SMJSB) dan Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. (SEC)

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PERLUASAN PEMASARAN PRODUK USAHAWAN INDUSTRI KECIL & SEDERHANA

PASARAYA BATARAS FASA 1 HINGGA 8

PERKARA/ TAHUN	FASA BATARAS	BILANGAN USAHAWAN	STOCK KEEPING UNIT (SKU)	JUALAN (RM)
2020	1 & 2	101	196	1,180,756.00
2021	3, 4, 5 & 6	83	93	2,992,911.84
2022	7 & 8	45	45	1,387,005.03
JUMLAH		**229**	**334**	**5,560,672.87**

KEDAI MESRA PETRONAS

PERKARA/ TAHUN	BILANGAN USAHAWAN	OUTLET	STOCK KEEPING UNIT (SKU)	JUALAN (RM)
2021	173	42	336	175,511.00
2022	70		70	875,685.00
JUMLAH	**243**	**42**	**406**	**1,051,196.00**

PUSAT IKS SABAH AUTHENTIC SABAH MART

PERKARA/ TAHUN	BILANGAN USAHAWAN	STOCK KEEPING UNIT (SKU)	JUALAN (RM)
September hingga Disember 2022	**81**	**227**	**RM26,954.96**

Sumber: Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan Sabah (DIDR), Setakat September 2020 – Disember 2022

RANGKUMAN KEBERHASILAN

AKTIVITI PENYELIDIKAN PEMBIAKBAKAAN DAN AGRONOMI DARIPADA JABATAN PERTANIAN SABAH MENGHASILKAN 9 VARIETI BAHARU TANAMAN MAKANAN



Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

PROJEK TANAMAN KEKAL DI BAWAH PROGRAM PEMBANGUNAN KOMODITI USAHASAMA JABATAN PERTANIAN SABAH DAN PETANI KECIL



DURIAN PREMIUM — 186 HEKTAR



KOPI — 421 HEKTAR



NANAS MD2 — 5 HEKTAR



KELAPA — 474 HEKTAR



BUAH-BUAHAN TERPILIH — 134 HEKTAR



TANAMAN KONTAN — 43 HEKTAR



SAYUR-SAYURAN — 15 HEKTAR

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PEMASARAN HASIL PERTANIAN

AGRICULTURE PRODUCT COLLECTING CENTRE (APCC-KPD)

AGRICULTURE PRODUCT COLLECTING CENTRE (APCC-KPD)



SISTEM KPD SMART



- **6 Daerah:** Kota Marudu, Telupid, Beaufort, Kundasang, Keningau dan Lahad Datu.
- Memberi manfaat kepada **70,064 petani/penternak/nelayan** di seluruh Sabah melalui pelbagai agensi.

1. **Hasil tani dikumpulkan dan dihantar ke APCC**
2. **Kemudahan**
   - **Penyimpanan Sejuk Beku**
   - **Penggredan dan Pembungkusan**
3. **Jualan Pemasaran Digital *(kpdsmart.kpdsabah.com)***


Sumber: Korporasi Pembangunan Desa (KPD)

PEMERKASAAN PERTANIAN BANDAR

Penglibatan seramai 900 peserta dalam Kempen Pertanian Bandar (Urban Farming) pada 2022 anjuran Jabatan Pertanian Sabah.

LOKASI

Kota Kinabalu, Penampang, Beaufort, Papar, Putatan, Tuaran, Keningau dan Tambunan



Kg. Ramayah, Penampang (Fertigasi Terbuka)



Kg. Sembulan Baru, Kota Kinabalu (NFT)

SMK Bongawan, Papar (NFT)



Kg. Beringgis, Papar (NFT)



Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PROJEK PEMBANGUNAN KAWASAN PADANG RAGUT

7 Daerah: Tambunan, Keningau, Tenom, Ranau, Tuaran, Kuala Penyu & Beaufort

Jumlah keluasan padang ragut dibangunkan sebanyak **200 ekar** pada tahun 2022.

Lengkap dengan pemasangan tiang pagar, dawai berduri sepanjang **15,000 kaki** dan penanaman benih pastura serta pembajaan pastura.

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah

ANTARA PROGRAM MEMPERKASA INDUSTRI RUMINAN DI SABAH TAHUN 2022



PENGAGIHAN LEMBU

650 ekor

10 penerima



PENGAGIHAN KAMBING

775 ekor

41 penerima

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PROGRAM PEMULIHARAAN SUMBER PERIKANAN MARIN DAN SUNGAI DI SABAH



PROGRAM MELABUHKAN TUKUN TIRUAN

- 152 unit tukun
- 6 lokasi



PROGRAM PEWUJUDAN TAGAL

- 13 tagal baharu
- 10 MoU tagal*
- Jumlah keseluruhan tagal Sabah: 586 buah

*MoU antara Jabatan Perikanan dan Jawatankuasa Tagal ini membolehkan tagal menerima manfaat seperti kemudahan pondok, tandas dan sebagainya

PROGRAM PENGEMBANGAN DAN SOKONGAN AM PERIKANAN



PROGRAM PENGEMBANGAN LADANG PENTERNAKAN IKAN

- 20 orang penerima



PROGRAM SOKONGAN AM PERIKANAN SPESIES IKAN BERNILAI TINGGI

- 6 orang penerima

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PROGRAM LATIHAN DAN INSENTIF PERALATAN JABATAN PERIKANAN SABAH

PROGRAM PEMBANGUNAN KEMAHIRAN ASAS PERIKANAN

- Penyelenggaraan Enjin Sangkut
- Pelayaran dan Peralatan
- Pembuatan Bot Gentian Kaca

50 orang nelayan dilatih



BANTUAN INSENTIF PERALATAN PERIKANAN

Pemerkasaan Nelayan tradisional

100 orang penerima



Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

PELANCARAN PELAN STRATEGIK JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SABAH

Satu mekanisme untuk menguatkuasakan peruntukan dalam **Enakmen Sumber Air Sabah** berkaitan kebenaran pengambilan air

Pelaksanaannya juga akan mengambil kira kemungkinan **kesan ekonomi dan sosial** ke atas pelbagai pihak.

POTENSI PENINGKATAN HASIL NEGERI SABAH

RM 17 JUTA SETAHUN

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah

RANGKUMAN KEBERHASILAN

SKIM PENERAJU USAHAWAN PERIKANAN (SPUP)

TAHUN 2021

Penerima: 2 orang nelayan

TAHUN 2022

Penerima: 3 orang nelayan

Peningkatan status pengusaha M40 melalui bantuan seperti:

- Peralatan
- Sijil MeSTI, Halal, MyGAP
- Pembangunan Produk
- Pemasaran Digital Produk

Sumber: Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah

PROJEK TERNAKAN IKAN DALAM SANGKAR





SASARAN 2022

6 tan

PENCAPAIAN 2022

7.26 tan

Sumber: Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah

RANGKUMAN KEBERHASILAN

TABUNG PENDIDIKAN NEGERI SABAH (TPNS)



Inisiatif pembangunan modal insan
Kumpulan Yayasan Sabah

Jumlah dana terkumpul setakat Januari 2023:
RM55.7 juta

78 Mahasiswa di Malaysia University of Science & Technology (MUST) menerima manfaat **(RM3,000.00 Setiap pelajar)** berjumlah RM234,000.00

10 pelajar cemerlang STPM 2021 menerima manfaat **(RM3,000 setiap pelajar)** berjumlah RM30,000.00

286 orang pelajar di Mesir dan Timur Tengah menerima manfaat berjumlah RM286,000.00

Sumber: Kumpulan Yayasan Sabah
10 Februari 2023

RANGKUMAN KEBERHASILAN

BANTUAN PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

BANTUAN PENDAFTARAN IPT SECARA ONE-OFF (BUDI)

5,000 MAHASISWA

10 juta PERUNTUKAN

BANTUAN KHAS TUNAI PEPERIKSAAN (BAKTI)

40,000 PELAJAR

8 JUTA PERUNTUKAN

BANTUAN AKTIVITI PIBG SEKOLAH (BAGUS)

600 SEKOLAH

3 JUTA PERUNTUKAN

ANUGERAH KECEMERLANGAN SABAH (AKSA)

11 PENERIMA

500 RIBU PERUNTUKAN

BANTUAN IHSAN KOMPUTER (BAIK)

560 PELAJAR

1 JUTA PERUNTUKAN

BANTUAN IHSAN SEKOLAH SABAH (BISBAH)

1,500 SEKOLAH

8 JUTA PERUNTUKAN

BANTUAN IHSAN TABUNGAN PENDIDIKAN SABAH (BISTARI)

2,190 BAYI

1 JUTA PERUNTUKAN

Sumber: Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Tugas-Tugas Khas)

BIASISWA YAYASAN SABAH

2,823
PENERIMA

Sumber: Kumpulan Yayasan Sabah

BIASISWA KERAJAAN NEGERI SABAH

2,435
PELAJAR

Sumber: Bahagian Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri

SEKRETARIAT MAHASISWA SABAH (SEMESTA)



- Memantau dan menyelaras pergerakan aktiviti persatuan-persatuan mahasiswa Sabah di seluruh Malaysia dan luar negara.
- Menyelaras dan mengumpul maklumat mahasiswa Sabah di Malaysia dan di luar negara melalui Sistem Informasi Pendidikan Sabah (SIPS).
- Memastikan kebajikan mahasiswa Sabah di seluruh Malaysia dan luar negara terjaga dan diberi perhatian yang sewajarnya.

Sumber: Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Tugas-Tugas Khas)

RANGKUMAN KEBERHASILAN

FELO SABAH MAJU JAYA (SMJ)



PROGRAM FELO SABAH MAJU JAYA (SMJ) KOHORT 1

PENGLIBATAN 24 GRADUAN → 11 KEMENTERIAN



Berkonsepkan *direct mentoring* siswazah cemerlang bersama jemaah menteri (kerajaan negeri) selama enam (6) bulan

Sumber: Kementerian Belia dan Sukan Sabah

MAJLIS PERUNDINGAN PELAJAR SABAH (MPPS)

SEKRETARIAT MAHASISWA SABAH MALAYSIA
SEMESTA
SABAH MAJU JAYA

Platform untuk anak-anak Sabah membentangkan usul-usul pembangunan negeri Sabah untuk dibawa ke dalam Kabinet

PENCAPAIAN ATLET SABAH



SUKMA XX MSN 2022

Mendapat Tempat **Keenam (6).**

KUTIPAN PINGAT

30	29	39
Emas	Perak	Gangsa

PARA SUKMA XX MSN 2022

Mendapat Tempat **Pertama (Johan).**

KUTIPAN PINGAT

54	36	35
Emas	Perak	Gangsa

INSENTIF ATLET CEMERLANG SUKAN SEA, SUKMA & KOMANWEL

Peruntukan Insentif: RM481,600

INSENTIF

Komanwel	RM10,000	SUKMA	RM292,600
Para Asean	RM68,000	Jurulatih / Pengurus	RM111,000

RANGKUMAN KEBERHASILAN

KOLABORASI DENGAN *OUTLET* PASARAYA UNTUK PEMASARAN PRODUK USAHAWAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

PASARAYA BATARAS FASA 1 HINGGA 8

PERKARA/ TAHUN	FASA BATARAS	BILANGAN USAHAWAN	STOCK KEEPING UNIT (SKU)	JUALAN (RM)
2020	1 & 2	101	196	1,180,756.00
2021	3, 4, 5 & 6	83	93	2,992,911.84
2022	7 & 8	45	45	1,387,005.03
JUMLAH		**229**	**334**	**5,560,672.87**

KEDAI MESRA PETRONAS

PERKARA/ TAHUN	BILANGAN USAHAWAN	OUTLET	STOCK KEEPING UNIT (SKU)	JUALAN (RM)
2021	173	42	336	175,511.00
2022	70		70	875,685.00
JUMLAH	**243**	**42**	**406**	**1,051,196.00**

PUSAT IKS SABAH AUTHENTIC SABAH MART


PERKARA/ TAHUN	BILANGAN USAHAWAN	STOCK KEEPING UNIT (SKU)	JUALAN (RM)
September hingga Disember 2022	**81**	**227**	**RM26,954.96**

Sumber: Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan Sabah (DIDR), Setakat September 2020 – Disember 2022

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PENINGKATAN KEDATANGAN PELANCONG DOMESTIK DAN ANTARABANGSA





'FEEL SABAH, NORTH BORNEO'

Sabah menjenamakan semula slogan pelancongan kepada 'Feel Sabah, North Borneo' pada 07 Mac 2023 di Pameran Perdagangan Pelancongan, Berlin. Pada sebelum ini dikenali sebagai 'Enchanting Sabah'



KINABALU *HIGH ALTITUDE TRAINING CENTRE*

GUNUNG KINABALU



Pembangunan pusat latihan altitud tinggi untuk kegunaan pendaki elit bersedia sebelum mendaki Gunung Everest.

Latihan altitud tinggi yang bertaraf dunia akan dilakukan sebanyak 2 kali setahun.

RANGKUMAN KEBERHASILAN

WORLD TOURISM CONFERENCE 2022



Sabah menjadi tuan rumah bagi penganjuran WTC 2022 buat kali ke-2.

Menjadi tanda pengiktirafan antarabangsa terhadap komitmen dan kepimpinan pihak Kerajaan Negeri.

PELANCONGAN LUAR BANDAR (RURAL TOURISM) MENDAPAT PENGIKTIRAFAN DI FORUM PELANCONGAN ASEAN 2023



ANUGERAH PELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI ASEAN

PADAS FARMSTAY & MARI-MARI CULTURAL VILLAGE

ANUGERAH ASEAN *HOMESTAY STANDARD*

HOMESTAY TAUN GUSI

RANGKUMAN KEBERHASILAN

CRUISE TOURISM



Pada 15 Februari 2023, ketibaan sebuah kapal persiaran iaitu ‘Seaborn Encore’ di Pelabuhan Sabah menandakan pelancongan pelayaran telah beroperasi semula selepas hampir tiga tahun tidak beroperasi akibat penularan wabak Covid-19 pada 2020.

SABAH DESTINASI PERTAMA PENGEMBARAAN HIDUPAN LIAR PAKAR *NATIONAL GEOGRAPHIC*




Pasukan pakar hidupan Liar *‘National Geographic’* menjadikan Sabah sebagai lokasi pertama di Asia untuk menyaksikan hidupan liar menggunakan Jet Persendirian.

Pasukan *‘National Geographic’* ini melawat Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok (SOURC), Pusat Pemuliharaan Beruang Matahari (BSBCC) dan bermalam selama 2 malam di Sungai Kinabatangan, Sandakan

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PENGINVENTASIAN ARTIFAK & SPESIMEN DIGITAL KE DALAM *SABAH MUSEUM REPOSITORY OF CULTURAL HERITAGE COLLECTION SYSTEM* (SMRICHES)



960


Data artifak & spesimen koleksi warisan budaya di masukkan ke dalam sistem bagi tahun 2022

Artifak & spesimen digital koleksi warisan budaya ditambah dalam sistem SMRICHES untuk tahun 2022.

PENAMBAHAN BAHAN KOLEKSI KHAZANAH

15,400

Penambahan koleksi bahan khazanah budaya dan sejarah seperti spesimen, artifak, rekod dan gambar bagi tahun 2022. Bahan koleksi ini direkodkan pada buku inventori mengikut kategori.



Salah satu koleksi bahan khazanah yang disimpan

Tempayan ini berasal dari Myanmar (Burma) & dibuat pada abad ke – 16 dan digunakan dalam upacara ritual yang dipanggil 'Mongukas' iaitu upacara untuk memperingati ahli keluarga yang telah meninggal dunia.

RANGKUMAN KEBERHASILAN

RUMAH MESRA SMJ

JUMLAH UNIT
1,500 UNIT

LOKASI
73 KAWASAN DUN

KOS PERBELANJAAN
RM125.6 JUTA

TAHUN 2022

127 RUMAH TELAH DIBINA

TAHUN 2023

2,855 UNIT

Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar Setakat 29 Mac 2023



PENYERAHAN KUNCI RUMAH MESRA SMJ

"Encik Shahlan bin Wahap dan Keluarga apabila menerima kunci Rumah Mesra SMJ di Kg. Kepayan Skim, Menumbok sempena Majlis Pelancaran Rumah Mesra SMJ"



Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah

PERUMAHAN PENJAWAT AWAM NEGERI

LOKASI
KG. KOPIMPINAN, PAPAR

KELUASAN
136 EKAR

KONSEP
TERES 2 TINGKAT, BERKEMBAR 2 TINGKAT, SESEBUAH, APARTMEN & LOT TANAH

KEMAJUAN
PERINGKAT PEROLEHAN TAPAK TANAH

Sumber: Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PEMBERIAN HAK MILIK TANAH DAN PEWARTAAN RIZAB KAMPUNG


KERAJAAN TELAH MENGELUARKAN:

11,028 GERAN HAK MILIK ANAK NEGERI (NT) TAHUN 2020-2022.

229 KAMPUNG DIWARTAKAN SEBAGAI RIZAB KAMPUNG.

4,044 HEKTAR TANAH DI SELURUH SABAH TAHUN 2020-2022.

BILANGAN PENERIMA GERAN TANAH:




Sumber: Jabatan Tanah dan Ukur Sabah

PROJEK PERUMAHAN RAKYAT

8 BILANGAN PPR DALAM PEMBANGUNAN

22,662 BILANGAN UNIT PPR





31 PPR TELAH SIAP DIBINA DI SELURUH SABAH

Sumber: Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PEMERKASAAN GOLONGAN RENTAN, ORANG KURANG UPAYA DAN WARGA EMAS

YAYASAN KEBAJIKAN SABAH



BERJAYA MENGUMPUL DANA SEBANYAK

2021
RM12,100,000.00

2022 ⬆
RM18,337,716.65

PROGRAM OKSIGEN UNTUK RAKYAT
#SHARINGISCARING

74 **kes Pesakit memerlukan bantuan mesin oksigen**

36 orang pesakit direkodkan di Zon Kota Kinabalu, 15 orang di Zon Sandakan, 14 orang di Zon Tawau, 7 di Zon Keningau dan 2 di Zon Beaufort.

11 **Kes Pesakit memerlukan bantuan tangki oksigen**

6 orang pesakit direkodkan di Zon Kota Kinabalu dan 5 orang di Zon Sandakan

BANTUAN E-KASIH DANA CARUMAN I-SURI (BAIDURI)



42,097 wanita dalam kategori e-Kasih di Sabah menerima manfaat.

Peruntukan **RM2.5 juta untuk dana awal caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) secara *one-off* berjumlah RM60** seorang.

Mendapat manfaat sebanyak **RM480 seorang** daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Peluang menceburi bidang perniagaan dan membantu menikmati keselamatan sosial yang berkualiti selain meningkatkan keselamatan kewangan.

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PEMERKASAAN GOLONGAN RENTAN, ORANG KURANG UPAYA DAN WARGA EMAS

PROGRAM HOME WARD

BERIMPAK TINGGI





PEMBERIAN KEMUDAHAN ASAS SEPERTI KATIL BOLEH LARAS, KERUSI RODA.

2021

242 PENERIMA

2022

367 PENERIMA

"Penjagaan pesakit terlantar di kalangan warga emas atau oku di kediaman sendiri"

RANGKUMAN KEBERHASILAN
PEMERKASAAN DAN PEMBANGUNAN WANITA

PROGRAM "OUTREACH SANTUNI WANITA"

"Merakyatkan Perkhidmatan ke arah Kesejahteraan Wanita"

2021

4	88
KAWASAN MENGIKUT DUN	PESERTA

2022

18 (+14)	2108 (+2020)
KAWASAN MENGIKUT DUN	PESERTA

PENGISIAN PROGRAM:

1. KLINIK GUAMAN PUSAT BANTUAN GUAMAN WANITA (PBGW)
2. KAUNTER PERKHIDMATAN JHEWA (PENDAFTARAN IBU TUNGGAL/ PENGUMPULAN DATA INDEKS KESEJAHTERAAN WANITA SABAH (IKWS) JHEWA
3. KAUNTER PERKHIDMATAN AGENSI JEMPUTAN
4. CERAMAH LITERASI UNDANG-UNDANG & KESEDARAN

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PEMERKASAAN DAN PEMBANGUNAN WANITA

PEMBERIAN GERAN KEPADA NGOS WANITA DAN GERAN BANTUAN PERALATAN USAHAWAN BIMBINGAN



36 PERSATUAN WANITA YANG AKTIF DAN BERDAFTAR DI BAWAH JHEWA TELAH MENERIMA GERAN TERSEBUT.

104 USAHAWAN IBU TUNGGAL DAN WANITA B40 TELAH MENERIMA BANTUAN PERALATAN USAHAWAN BIMBINGAN.

PERUNTUKAN BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN WANITA

RM5.81 J
Diperuntukkan kepada Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA)

RM700K
Diperuntukkan kepada Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS)

PENUBUHAN PUSAT WANITA SABAH

DAERAH:	DAERAH KECIL:
BEAUFORT	*MENUMBOK*
KUALA PENYU	*MEMBAKUT*
SIPITANG	


"Pusat wanita dijadikan platform bagi wanita-wanita mempromosikan produk atau melaksanakan pelbagai aktiviti meliputi sosioekonomi, sosial, kursus-kursus dan sebagainya. "

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PEMBINAAN LEBUH RAYA PAN BORNEO


Projek Pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo Fasa 1 terdiri daripada 35 pakej kerja sepanjang 706 kilometer yang merangkumi jajaran dari laluan Sindumin-Kota Kinabalu-Kudat, Ranau ke Mile 32 Sandakan, Mile 32 Sandakan-Tawau

15 pakej kerja
78% *setakat Mac 2023




STATUS JALAN RAYA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

Jalan Raya Berturap




Jalan Raya Tidak Berturap



PENINGKATAN KUALITI RANGKAIAN JALAN RAYA PERSEKUTUAN DI NEGERI SABAH

JALAN RAYA PERSEKUTUAN SEPANJANG 1,503 KILOMETER



RANGKUMAN KEBERHASILAN

KAPASITI MAKSIMUM LOJI RAWATAN AIR MENGIKUT BAHAGIAN DI SABAH

BAHAGIAN PANTAI BARAT

DAERAH: 6
BILANGAN LRA: 19
JUMLAH KAPASITI: 498.58 MLD

BAHAGIAN TAWAU

DAERAH: 4
BILANGAN LRA: 17
JUMLAH KAPASITI: 285.40 MLD



BAHAGIAN PEDALAMAN

DAERAH: 8
BILANGAN LRA: 24
JUMLAH KAPASITI: 336.50 MLD


BAHAGIAN SANDAKAN

DAERAH: 6
BILANGAN LRA: 16
JUMLAH KAPASITI: 273.00 MLD

BAHAGIAN KUDAT

DAERAH: 4
BILANGAN LRA: 8
JUMLAH KAPASITI: 112.00 MLD

PENINGKATAN KAPASITI LOJI RAWATAN AIR






Kapasiti Loji Rawatan Air (LRA) berjaya ditingkatkan kepada **1510 JLH** dari **1500 JLH** melalui projek naik taraf dan penambahbaikan loji rawatan air.

RANGKUMAN KEBERHASILAN


LIPUTAN KADAR PENEMBUSAN INTERNET



Jendela — Jalinan Digital Negara

LIPUTAN 4G	90.45%
KETERSEDIAAN GENTIAN OPTIK	50.01%

PROFIL BEKALAN TENAGA NEGERI SABAH




**Megawatt (MW) adalah unit ukuran untuk kuasa elektrik*

**Renewable Energy (RE) ataupun tenaga boleh diperbaharui ialah tenaga yang dijana daripada sumber semula jadi sebagai contoh kuasa suria, hidroelektrik dan biojisim.*

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PENINGKATAN *RIDERSHIP* PERKHIDMATAN KERETAPI NEGERI SABAH





MENJADIKAN PELABUHAN SEPANGGAR SEBAGAI TRANSHIPMENT HUB



PERUNTUKAN

RM1.027 BILION

TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK

42 BULAN

KAPASITI PELABUHAN

500 Ribu TEUs/ Tahun

kepada

1,250,000 TEUs/ Tahun

HAK MENGAWAL SELIA TENAGA: PENUBUHAN SURUHANJAYA TENAGA SABAH

- Menyediakan *Sabah Renewable Energy Masterplan*
- Mengawal Pematuhan Peraturan Keselamatan
- Mengawal Selia Teknikal
- Mengawal Pematuhan Peraturan Keselamatan

ENERGY COMMISSION OF SABAH

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PELAN TINDAKAN STRATEGIK (2021-2030) HEART OF BORNEO



Pelan Strategik Sabah Heart of Borneo 2021-2030 yang baharu telah dibuat berdasarkan pencapaian terdahulu. Beberapa ciri baharu telah diperkenalkan dalam Pelan Strategik berkenaan untuk menyelaraskan lagi fokus strategiknya pada masa hadapan.

ANJAKAN STRATEGIK *(STRATEGIK SHIFT)*


1. Peralihan fokus geografi inisiatif HoB Sabah ke seluruh landskap HoB Sabah, tidak hanya memberikan fokus pada kawasan sempadan dan kerjasama merentas sempadan.
2. Gabungan projek-projek perdana *(flagship projects)* bagi meningkatkan dorongan terhadap pelaksanaan Pelan Strategik.
3. Pelaksanaan pengurusan yang berasaskan hasil, tertumpu kepada hasil yang ingin dicapai.

LIMA BIDANG TUMPUAN UTAMA *(FOCUS AREA)*

1. Pengurusan merentas sempadan.
2. Perluasan dan pengurusan kawasan yang dilindungi dan dipelihara.
3. Pengurusan sumber asli yang mampan dan pemuliharaan biodiversiti.
4. Pembangunan eko-pelancongan.
5. Pembinaan kapasiti.

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah, 2023.

PENCAPAIAN HEART OF BORNEO (HoB)



HOB SABAH

3.9 juta hektar (18%) daripada jumlah keseluruhan HoB (22 juta hektar)

PENCAPAIAN 2021

26% (1.9 juta hektar) berjaya diwartakan sebagai TPAs

75% daripada 1.9 juta hektar terletak di dalam kawasan HoB Sabah

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah, 2022.

RANGKUMAN KEBERHASILAN

DATA KEPELBAGAIAN SPESIES, ENDEMISME DAN PEMULIHARAAN

2007-2022


DATA KUMULATIF	TUMBUHAN	MAMALIA	BURUNG	SERANGGA	IKAN	ANURAN	FUNGI
BILANGAN TAXA YANG DIREKODKAN	4,350	60	286	560	116	60	398
BILANGAN SPESIES ENDEMIK (BORNEO)	304	21	2	23	42	32	-
BILANGAN SPESIES ENDEMIK (SABAH)	66	-	31	-	-	-	-
BILANGAN SPESIES TERANCAM	165	22	19	-	10	4	-
BILANGAN SPESIES BAHARU	231	-	-	13	3	1	-

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah, 2022.

PENGHIJAUAN MALAYSIA
KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK 2021 2025

PENGHIJAUAN MALAYSIA

KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK 2021-2025



Jumlah Pokok Yang Berjaya Ditanam Mengikut Carta Negeri (berdasarkan lima jumlah tertinggi)


Sumber: Laman web https://www.100jutapokok.gov.my/, setakat 13 Mac 2023.

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PROGRAM KESEDARAN AWAM JENAYAH HUTAN

Terdapat **lima (5) Program Kesedaran Awam** dijalankan bagi menangani persepsi negatif masyarakat pada tahun 2022.

Jenayah perhutanan seperti pembalakan haram dapat ditangani dan dikurangkan.



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah, 2022.

KAWASAN HUTAN NEGERI SABAH

Kawasan Berhutan Negeri	4,679,594 juta Hektar	64%
Hutan Simpan Kawalan JPS	3,574,468.00 juta Hektar	52%
Hutan Simpan Terlindung (TPA - JPS)	1,668,268.013 Hektar	22.66%
Hutan Simpan + Taman Hidupan Liar (Jumlah TPA Negeri)	1,942,397.013 Hektar	26.78 %

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah, 2022.

PEMULIHAN HUTAN TEROSOT *(DEGRADED FOREST)*



Sumber Gambar: brotherscycling.com, 2022.

SASARAN

Pemulihan **450,000 hektar kawasan hutan terosot *(degraded forest)*** menjelang tahun 2030.

Usaha berterusan dilaksanakan dalam pemulihan kawasan hutan terosot di dalam sempadan HoB Sabah melalui **penanaman spesies asli *(fast growing indigenous)* atau dipterocarps** bagi mempertingkatkan habitat hidupan liar.

Salah satu tapak utama bagi pemulihan hutan ialah **Bukit Piton Forest Reserve di dalam landskap Ulu Segama-Malua** yang meliputi kawasan seluas 242,884 hektar yang bersebelahan dengan Danum Valley Conservation Area dan Deramakot Forest Reserve. Kawasan ini mengekalkan salah satu **populasi Orang Utan yang terbesar di Sabah (3,400 individu).**

Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah, 2022.

RANGKUMAN KEBERHASILAN

VIRTUAL GALLERY

Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) telah membangunkan dua *Virtual Gallery* dan dimasukkan ke dalam laman sesawang JPAS yang bertajuk "Amalan Terbaik Program Perubahan Iklim Sekolah-Sekolah SERASI Sabah" dan "*Sabah's Biodiversity Treasures*" masing-masing pada tahun 2022 dan 2021.

Virtual Gallery mengenai SERASI dibangunkan bertujuan untuk memudahkan para guru dan pelajar sekolah mendapatkan maklumat mengenai amalan terbaik pengurusan alam sekitar yang dilaksanakan di beberapa sekolah di Negeri Sabah.

Virtual Gallery kepelbagaian biodiversiti berasal dari *Coffee Table Book* JPAS, merupakan kompilasi gambar dan lukisan bertemakan "Biodiversiti" yang dihasilkan oleh para peserta Pertandingan Fotografi dan Pertandingan Melukis Kartun sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2020. Maklumat boleh didapati dalam bentuk salinan keras, serta boleh dimuat turun melalui laman web JPAS.





E- PROCEEDINGS PERUBAHAN IKLIM




Pada 14 dan 15 Disember 2021, JPAS bersama-sama Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar dengan kerjasama *Southeast Asia Rainforest Research Partnership* (SEARRP) dan Petronas telah menganjurkan *Sabah Climate Change International Conference* dan sebanyak 36 pembentangan telah dilaksanakan dalam *e-proceedings* berkenaan.

JPAS telah mengumpul kesemua abstrak dan slaid pembentangan dalam *e-proceedings* dan telah diedarkan pada kepada para pembentang dan pihak berkenaan melalui e-mel pada 20 Januari 2023.

RANGKUMAN KEBERHASILAN

BUKU PANDUAN PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR



Jabatan Perlindungan Alam Sekitar telah berjaya menerbitkan buku panduan **edisi ketiga** yang dikenali sebagai *Handbook on Environmental Impact Assessment (EIA) In Sabah Third Edition* pada tahun 2022. Edisi kedua sebelum ini telah diterbitkan pada tahun 2005.

Buku panduan edisi baharu berkenaan dikemaskini untuk memperkasa pelaksanaan Sistem EIA sebagai alat pengurusan alam sekitar di Sabah dengan meningkatkan elemen transparensi dan ketelusan prosedur serta menambahbaik kualiti dan berdasarkan Laporan EIA/PMM.

PEMANTAUAN BERSEPADU DI SG PAPAR DAN SG TUARAN







Jabatan Perlindungan Alam Sekitar telah melaksanakan dua program bersepadu di Sungai Papar dan Sungai Tuaran masing-masing pada 7 Julai 2022 dan 12 Julai 2022. Program ini diadakan bertujuan untuk meninjau aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sepanjang kedua-dua sungai berkenaan dan melihat kepada potensi pencemaran yang boleh berlaku.

Program ini turut disertai oleh pelbagai jabatan seperti Jabatan Air Negeri Sabah, Jabatan Pengairan dan Saliran, Majlis Daerah Papar, Jabatan Tanah dan Ukur, Pejabat Daerah Papar dan Tuaran, Jabatan Perikanan dan Penolong Pemungut Hasil Tanah, Tuaran.







RANGKUMAN KEBERHASILAN

KEMPEN KESEDARAN AWAM HUTAN



Kempen Kesedaran Awam Wilayah Perhutanan Sandakan Bersama Guru-guru Dan Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Sandakan Di MRSM Sandakan.



Kempen Kesedaran Awam Wilayah Berhutanan Kota Kinabalu Bersama Jabatan-jabatan Kerajaan, Pemimpin Masyarakat, Komuniti Kampung, Guru-guru Dan Pelajar Sekolah Di Pusat Luar Hutan Paya Gambut Klias, Beaufort.



Program Kesedaran Awam Wilayah Perhutanan Kudat Bersama Komuniti Kg. Ponopuan Dan Pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Di Hutan Simpan Kelawat.




Kempen Kesedaran Awam Wilayah Perhutanan Tawau Bersama Komuniti Kg. Tinagat, Kg. Batu Payung Dan Kg. Membalua Di Hutan Simpan Membalua.



Kempen Kesedaran Awam Wilayah Perhutanan Keningau Bersama Pejabat Daerah Keningau, Tenom, Sook, Tambunan Dan Nabawan; Guru-guru Dan Pelajar-pelajar Sekolah Di Hotel Perkasa Keningau.

RANGKUMAN KEBERHASILAN


PENGURUSAN HASIL YANG MAMPAN (RM bilion)



Kutipan tahun 2022 mengatasi kutipan tertinggi RM5.449 bilion pada tahun 2021.

Nota: *Terimaan hasil setakat 31 Disember 2022 **sebelum diaudit.**

KUTIPAN DIVIDEN AGENSI DAN GLC (RM juta)



Kutipan dividen meningkat sebanyak 30% pada tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021.

Nota: *Kutipan dividen setakat 31 Disember 2022 **sebelum diaudit.**

PENGENALAN CUKAI BAHARU


RM52.3 JUTA

1 Ogos 2022	Peluasan skop Cukai Jualan ke atas **Produk Ammonia dan Urea**.
Disember 2022	Menyumbang sebanyak **RM52.3 juta** kepada hasil negeri tahun 2022.



OPS TIRIS 2.0

4 Oktober 2022	Pasukan *task force* ditubuhkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) peringkat negeri.
Disember 2022	Penubuhan OPS TIRIS 2.0 terdiri daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM Sabah), Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri untuk memeriksa 100 buah syarikat kelapa sawit yang tidak mengisytiharkan jumlah sebenar jualan minyak sawit mentah berjumlah **RM18.53 juta**.



RANGKUMAN KEBERHASILAN

BANTUAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (BAIKS)

Jenis Bantuan:

- Mesin dan Peralatan
- Pembungkusan
- E-Dagang/Pendigitalan
- Francais



Peruntukan Tahun 2022	Jumlah Penerima Tahun 2022
RM10.95 Juta	3,384 Penerima

Sumber: Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan Sabah (DIDR) (2022)

PROGRAM PEMACU PEMBANGUNAN EKONOMI & POTENSI BELIA SABAH

SYABAS

START-UP FUND

Dana bagi belia yang ingin memulakan perniagaan
- **RM2,000**


YOUNG DEVELOPING CREATIVE BUSINESS FUND

Dana bagi belia yang ingin mengembangkan perniagaan sedia ada
– **RM5,000**

Sumber: Kementerian Belia dan Sukan (2022)

RANGKUMAN KEBERHASILAN

LANDSKAP PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH



Jumlah Lantikan Baharu

TAHUN 2021	304 anggota
TAHUN 2022	333 anggota

Jumlah Kenaikan Pangkat

TAHUN 2021	424 anggota
TAHUN 2022	615 anggota

FAEDAH PENJAWAT AWAM NEGERI SABAH

BANTUAN KHAS KEWANGAN

TAHUN 2021	RM600
TAHUN 2022	SETENGAH BULAN GAJI DENGAN KADAR MINIMA RM1,000

BANTUAN KHAS HARI RAYA AIDILFITRI & PESTA KAAMATAN

TAHUN 2022	RM500
TAHUN 2023	RM500

KENAIKAN KGT TAMBAHAN KHAS BAGI TAHUN 2023

RM100
MULAI 1 JANUARI 2023

PEMBERIAN KHAS KEPADA PESARA

Pemberian *Gold Coin* semasa bersara

Pemberian Geran Peruntukan Khas RM100,000 kepada Persatuan Pesara Kerajaan Sabah

RANGKUMAN KEBERHASILAN

POLISI AMALAN BAIK PERATURAN NEGERI SABAH





- Negeri Sabah telah mendapat Anugerah 'Negeri Aktif Melaksanakan GRP' daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).
- Seramai 258 pegawai terdiri daripada pelbagai agensi telah dilatih bagi mendalami tujuh (7) elemen Analisis Impak Peraturan atau RIA.
- 22 Notifikasi Peraturan (RN) sedang disemak termasuk dua (2) pengecualian dan satu (1) dasar.
- Seramai 598 orang peserta telah mengikuti Bengkel GRP ini dari tahun 2021 sehingga 2023.

TAHUN 2021 → **7 BENGKEL GRP 460 PESERTA**

TAHUN 2022 → **1 BENGKEL GRP 87 PESERTA**

TAHUN 2023 → **2 BENGKEL GRP 51 PESERTA**

18 → **RANG UNDANG-UNDANG YANG MASIH DALAM PROSES SEMAKAN**

PERATURAN BEKALAN AIR → **DI PERINGKAT GRP**

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PENUBUHAN PEMUDAHCARA SMJ BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

PemudahCara SMJ mempunyai peranan sebagai platform kepada pihak berkepentingan dalam mengetengahkan isu-isu dan masalah yang dihadapi oleh sektor perniagaan serta bersama-sama mencari penyelesaian terbaik.

Setakat ini, PemudahCara SMJ telah dianggotai oleh 13 pemain industri sebagai pihak berkepentingan bersama Sekretariat GRP dan Sekretariat Sabah Maju Jaya.





PEMURNIAN SISTEM PERMOHONAN LESEN OPERASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) 2.0

1. Bengkel Pembangunan & Verifikasi Garis Panduan Permohonan Lesen Operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2.0 Di Sabah - **11 Mei 2022**;

2. Bengkel Pembangunan & Verifikasi Garis Panduan Permohonan Lesen Operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2.0 Di Sabah - **16 & 17 Jun 2022**;

3. Bengkel Pemurnian Akhir Garis Panduan Permohonan Lesen Operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sabah 2.0 Dan Lawatan Penandaarasan Amalan Baik-
12 - 14 Julai 2022;

4. Bengkel Pemuktamadan Garis Panduan Permohonan Lesen Operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2.0 Di Sabah - **2 Nov 2022**

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PEMERKASAAN PENTADBIRAN DAERAH

Pewujudan Jawatan Penolong Pegawai Daerah (*Focal Officer*) Di Setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri

73 JAWATAN



PELANTIKAN WAKIL SABAH DAN SARAWAK DALAM LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN)



UNTUK SIARAN SEGERA
6 OKT 2022

KENYATAAN MEDIA
MENTERI KEWANGAN, MALAYSIA

PELANTIKAN WAKIL DARI SABAH DAN SARAWAK DI DALAM LEMBAGA LHDNM MERALASKAN AGENDA KETERANGKUMAN MA63

Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Jemaah Menteri pada 30 September 2022 telah meluluskan cadangan pindaan kepada Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) 1996 [Akta 533] supaya diperuntukkan seorang wakil Kerajaan Negeri Sabah dan seorang wakil Kerajaan Negeri Sarawak di dalam keanggotaan lembaga pengarah LHDNM. Cadangan pindaan ini akan selanjutnya dibentangkan ke Parlimen untuk kelulusan.

Kerajaan pada 1 September 2022 lalahpun melantik calon Kerajaan Negeri Sabah ke Lembaga pengarah LHDNM yang mengisi kekosongan sihil profesional dalam Lembaga LHDNM. Namun, cadangan pindaan yang dipersetujui Jemaah Menteri akan mengmbilkukan wakil daripada Sabah dan Sarawak di dalam keanggotaan pengarah LHDNM, di samping memberikan peluang kepada wakil dari kalangan penjawat awam Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Pindaan Akta 533 merupakan tindakan Kerajaan Perseketuan untuk merupakan pemerhatian Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang dipersetujui semasa Mesyuarat Majlis Khas Perjanjian Malaysia 1963 (MKMA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Kerajaan percaya pelantikan wakil wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak adalah selaras dengan semangat Perjanjian Malaysia 1963 dan mengalu-alukan sumbangan idea dan kepakaran dari wakil Kerajaan Negeri berkaitan pentadbiran perkuaian.

YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
6 Oktober 2022

Selaras dengan semangat Perjanjian Malaysia MA63 dan sumbangan idea serta kepakaran daripada wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak berkaitan percukaian.

PENINGKATAN KAPASITI PENJAWAT AWAM

Sepanjang tahun 2021 dan tahun 2022, seramai 81 orang pegawai perkhidmatan awam telah menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

PhD	➡	4 ORANG
IJAZAH SARJANA	➡	21 ORANG
IJAZAH SARJANA MUDA	➡	56 ORANG

Bagi tahun 2022, seramai 600 orang pegawai perkhidmatan awam negeri telah menyertai 32 program latihan dalam perkhidmatan.

- **8 program luar negara disertai 40 orang**
- **7 program luar negeri disertai 75 orang**
- **17 program dalam negeri disertai 485 orang**

Sumber: Data Bahagian Pembangunan Kapasiti, JPANS dari tahun 2021 hingga 30 November 2022

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PEMANTAPAN INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI MELALUI PELAN ANTI RASUAH JABATAN KETUA MENTERI & KEMENTERIAN


Sepuluh (10) Kementerian & Jabatan Ketua Menteri telah merangka dan menyiapkan Pelan Anti Rasuah.






















PELAKSANAAN SISTEM i-Adu



Sistem ini diwujudkan bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus aduan merentasi semua agensi negeri dengan lebih cepat dan efisien, serta aduan awam dapat diterima, diproses dan diselesaikan secara *real time.*

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS (IGU)



“76 lagi Badan Berkanun Negeri dan GIC yang belum menubuhkan IGU diarah untuk menubuhkan unit berkenaan di agensi masing-masing.”

RM18.53 JUTA HASIL BERJAYA DIKUTIP SEMULA MENERUSI OPS TIRIS 2.0

Berdasarkan rekod operasi, OPS TIRIS 2.0, pasukan '*taskforce*' yang terdiri daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM Sabah), Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah, telah berjaya mendapatkan semula hasil sebanyak RM18.53 juta dan telah mengenal pasti 58 kilang daripada 100 kilang kelapa sawit yang tidak mengisytiharkan jualan minyak sawit mentah daripada nilai sebenar kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

Sumber: Ucapan Amanat SKN 2023

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN KERAJAAN NEGERI SABAH




JPKN


PEMBANGUNAN APLIKASI	PEROLEHAN ICT	LINTAS LANGSUNG	PEMASANGAN INFRASTRUKTUR RANGKAIAN
89	966	27	9

RANGKUMAN KEBERHASILAN

SABAH DIGITAL INTEGRATION & INTERCHANGE PLATFORM (DIIP)





Fasa 1: Automasi Digital telah selesai dilaksanakan



RANGKUMAN KEBERHASILAN


SABAH DIGITAL INTEGRATION & INTERCHANGE PLATFORM (DIIP)








RANGKUMAN KEBERHASILAN
HAB GEO SABAH



Hab Geo Sabah adalah inisiatif memodenkan Infrastruktur Data Spatial (SDI) negeri yang berusia dua setengah dekad. Data bukan sahaja perlu dicari, boleh diakses, saling kendali dan boleh digunakan semula, tetapi keseluruhan sumber di sekeliling data termasuk peta, aplikasi, alatan dan algoritma geoproses harus mematuhi prinsip yang sama




Sasaran Hab Geo Sabah adalah untuk mewujudkan model mampan baharu bagi tujuan penyampaian perkhidmatan kerajaan dengan menyusun sumber yang boleh diakses selaras dengan konsep *5A - Accessible by Anyone at Anytime, and Anywhere using Any device*. Hab Geo Sabah akan mengumpulkan sumber untuk menyokong tindakan atau aktiviti yang berasaskan pada aspek '4C' - ***Content Creation***, ***Contextualisation of data***, ***Capacity building***, *and* ***Connect-and-Collaborate***

RANGKUMAN KEBERHASILAN

APLIKASI *GEOHUB SANDBOX*




Aplikasi ini dibangunkan untuk memenuhi keperluan pegawai kerajaan untuk mendapatkan akses kepada alatan pra-bina, data ujian dan proses modular untuk mencipta, menggabungkan, memanipulasi dan menganalisis data menggunakan algoritma berasaskan tempat. Beberapa alat pra-bina yang popular ialah pengekodan geo alamat, penjanaan peta haba dan pertanyaan laluan kebolehcapaian.



Sandbox ini menyediakan persekitaran yang selamat untuk pegawai kerajaan yang dibenarkan untuk mempelajari dan memahami konsep, langkah dan fungsi pilihan keupayaan pemprosesan geo melalui pembelajaran kendiri serta penerokaan. Dengan capaian kepada lebih 400 transformer di bawah FME dan data ujian yang disediakan dalam pangkalan data, Sandbox ini boleh digunakan oleh pegawai kerajaan untuk pelbagai tujuan termasuk penyelidikan dan pembangunan, prototaip pantas dan pengesahan idea

RANGKUMAN KEBERHASILAN

eLESEN






Proses Yang Boleh Dilakukan:

- Permohonan Baharu
- Pembaharuan
- Pertukaran Maklumat

13 PEJABAT DAERAH




Selaras dengan Konsep 5A (*Accessible by Anyone at Anytime, Anywhere by Any Mobile Device),* Kerajaan negeri telah menaik taraf sistem pelesenan daerah melalui pembangunan sistem e-Lesen. Sistem memudahkan permohonan dan pengurusan lesen daripada Pejabat Daerah Sabah oleh orang awam. Sehubungan itu, penggunaan sistem ini akan memudahkan pengurusan dan analisis data berkenaan perniagaan di setiap daerah. Kini, sistem ini sudah dilancarkan di daerah Ranau, Tambunan, Putatan, Tenom, Keningau, Tuaran, Papar, Kota Marudu, Papar, Pitas, Beluran, Kinabatangan dan Penampang.

RANGKUMAN KEBERHASILAN


e-Planning Permission (ePP 2.0)

Kerajaan Negeri Sabah telah melancarkan portal kebenaran perancangan elektronik (ePP) untuk meluluskan pelan pembangunan dalam tempoh 24 jam.

Sistem kelulusan segera ini diwujudkan bertujuan mengurangkan rasuah, masa yang diambil, kerenah birokrasi dan kos pembangunan hartanah.



Permohonan dan interaksi di antara Pihak Berkuasa Tempatan dan Jururunding dilaksanakan melalui sistem ini bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti






RANGKUMAN KEBERHASILAN

SISTEM PERMOHONAN LATIHAN INDUSTRI

Kerajaan negeri telah menyediakan sistem permohonan latihan industri bagi memudahkan permohonan dan meluaskan capaian kepada belia dan para pelatih yang berminat untuk mendapat pengalaman kerja dalam sektor kerajaan.




Sistem ini merupakan sejenis *Content Management System* yang telah disesuaikan untuk pengurusan latihan industri bagi memudahkan pentadbir untuk menyemak butiran dan dokumen yang diperlukan oleh pemohon dan melulus dan menghantar notifikasi secara pukal.



RANGKUMAN KEBERHASILAN
SabahTAMU



Misi asas SMJ ialah "visi kemakmuran bersama", dan pendigitalan akan menjadi pemboleh utama bagi memacu visi ini. Pewujudan platform perniagaan digital adalah salah satu strategi asas bagi mencapai Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0.



Promote Local Products and Services

Buy local Sabahan product and other services

Online Sales Channel

Higher exposure and generate higher sales

Assortments

Variety of products and services to offer

Drive customer to physical store

Increase customer to physical merchant venue

SabahTAMU ialah pasaran Perniagaan kepada warganegara (B2C) dalam talian di bawah inisiatif Kerajaan Sabah untuk menggiatkan semula perniagaan tempatan yang membolehkan pelanggan membeli kupon dan menikmati tawaran hebat, diskaun, dan banyak lagi. Ia juga merupakan satu saluran untuk mempromosikan lokasi fizikal peniaga kepada pelanggan. Pendaftaran dan penggunaan SabahTAMU adalah percuma untuk semua rakyat Sabah.

RANGKUMAN KEBERHASILAN

PORTAL BAHAGIAN BIASISWA KERAJAAN NEGERI SABAH



Kerajaan negeri Sabah melalui KSTI telah membangunkan Portal Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah (BKNS) untuk memastikan pengurusan bahagian penajaan dapat dijalankan secara optimum bagi memenuhi keperluan para penerima biasiswa.


Melalui portal ini, program penajaan yang ditawarkan dapat dihebahkan dan proses permohonan dapat dilakukan dengan mudah melalui penggunaan portal ini.




Pendigitalan proses permohonan biasiswa membolehkan perluasan capaian pendidikan kepada golongan sasaran dan penajaan lebih mudah untuk dipohon oleh rakyat negeri Sabah.

RANGKUMAN KEBERHASILAN

SABAH *ELECTRONIC RISK ASSESSMENT* (S-ERIA)



S-ERIA merupakan sistem Notifikasi Peraturan Digital bagi memudahkan dan mempercepatkan proses penyemakan peraturan secara sistematik. Sekiranya *Regulatory Coordinator* (RC) di setiap Kementerian mempunyai cadangan peraturan, RC boleh menghantar cadangan tersebut melalui S-ERIA bagi mengenal pasti samada cadangan peraturan tersebut memerlukan Light Regulatory Impact Assessment (RIA), Full RIA atau pun boleh dikecualikan dari RIA.



Kewujudan Sistem peraturan yang berkesan, komprehensif dan progresif dapat menyokong usaha merealisasikan matlamat pembangunan ekonomi Negeri, urus tadbir yang baik dan penyampaian Perkhidmatan berkesan sejajar dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 – 2021-2025)

RANGKUMAN KEBERHASILAN


ENVIRONMENTAL CONSULTANT REGISTRATION & RENEWAL SYSTEM (ECRES)

FIRMA PERUNDING ALAM SEKITAR

27 FIRMA

PAKAR / PERUNDING ALAM SEKITAR


95 PAKAR



Sistem pendaftaran perunding alam sekitar dan pembaharuan Sijil Amalan untuk kegunaan firma dan/atau pakar alam sekitar.

ENVIRONMENTAL FINANCIAL ASSISTANCE SYSTEM (EFAS) 2022









Satu sistem permohonan bantuan kewangan secara dalam talian untuk memudahkan permohonan sekolah, institusi pengajian dan komuniti melaksanakan program dan aktiviti pendidikan alam sekitar.

JUMLAH BANTUAN


RM39,990

JUMLAH PESERTA PROGRAM

2,024 ORANG

RANGKUMAN KEBERHASILAN

SABAH PAY



190,860
PENGGUNA


E-Wallet dan aplikasi digital mudah alih terpusat yang inklusif untuk meningkatkan persekitaran yang lebih berorientasi rakyat melalui pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan dalam aplikasinya.

JUMLAH TRANSAKSI

	JABATAN AIR NEGERI SABAH	SABAH CREDIT CORPORATION	DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU	JABATAN TANAH & UKUR
2021	RM 6,775,892.05	RM 1,207,441.02	RM 848,207.77	RM 581,759.20
2022 (Setakat Oktober)	RM 7,828,012.51	RM 1,078,896.67	RM 741,703.72	RM 1,091,565.17

RANGKUMAN KEBERHASILAN

SABAH PAY



Sabah Pay


JUMLAH TRANSAKSI

	LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN & BANDAR	YAYASAN USAHA MAJU	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SABAH	JABATAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR
2021	RM320,249.01	RM0.00	RM11.00	RM12,400.00
2022 (Setakat Oktober)	RM441,499.0	RM202,314.50	RM60,819.00	RM15,300.00

	JABATAN KERJA RAYA	JABATAN PERTANIAN	JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH	LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH	PERBADANAN BAITULMAL NEGERI SABAH
2021	RM2,594.80	RM0.00	RM0.00	RM38.00	RM0.00
2022 (Setakat Oktober)	RM19,388.3	RM16,395.00	RM3,540.00	RM0.00	RM35.00

RANGKUMAN KEBERHASILAN


MUSEUM EDU



Sistem Museum Edu memudahkan pihak sekolah dan para pelajar untuk membuat tempahan lawatan berpandu di muzium atau pinjaman bahan kit Pendidikan muzium


SISTEM TEMPAHAN FASILITI


Sistem ini memudahkan orang awam yang ingin membeli buku terbitan Jabatan Muzium dan menempah penggunaan fasiliti Muzium Sabah yang kini boleh dilakukan secara dalam talian



RANGKUMAN KEBERHASILAN


eKERJA TAMAN-TAMAN SABAH





Sistem permohonan jawatan bagi pekerjaan di Taman-Taman Sabah secara atas talian. Permohonan Jawatan boleh dilakukan dengan mendaftar akaun dalam sistem ini.

RANGKUMAN KEBERHASILAN
DBKK E-SERVICES







DBKK e-Services adalah Perkhidmatan atas talian yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) bagi pembayaran kadar dan nilai hartanah, lesen perniagaan, lesen pengiklanan, lesen permit, lesen DBKK dan kompaun

RANGKUMAN KEBERHASILAN

DASHBOARD STATISTIK TAMAN-TAMAN SABAH




Dashboard statistik Taman-Taman Sabah memaparkan data berkenaan bilangan pengunjung bagi setiap taman utama di Sabah di bawah kawalan kerajaan negeri Sabah



Dashboard ini mempunyai data berkenaan kampung – kampung dan rizab biosfera di dalam lingkungan Banjaran Crocker dan

Selain itu, dashboard ini mempunyai data *geopark* di Sabah yang memaparkan lokasi tapak geologi, biologi, kebudayaan, kampung Orang Asli dan Sekolah angkat.




RANGKUMAN KEBERHASILAN

iPerform




Sistem ini memberi pengiktirafan kepada Kementerian yang melaksana urus tadbir baik dan pematuhan budaya integriti.



Sistem ini memastikan penilaian dapat dilaksana secara online dan pada kadar masa nyata (real time).

Dokumen-dokumen sokongan akan dimuat naik oleh pegawai penyedia dari setiap Kementerian. Sistem ini akan mengenal pasti dan memaparkan kriteria yang perlu ditambahbaik oleh setiap Kementerian melalui dashboard pencapaian.




RANGKUMAN KEBERHASILAN


iOFFICE




Aplikasi Pintar Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah




iMOVE
Sistem Pengurusan Bahan Api Kenderaan Rasmi



iFUEL
Sistem Pengurusan Bahan Api Kenderaan Rasmi




iCARS
Sistem Kawal Selia Kenderaan Pejabat SKN




iCONTACT
Sistem Direktori Agensi

RANGKUMAN KEBERHASILAN


iOFFICE



iMEET
Sistem Janji Temu Online




iBOOK
Sistem Tempahan Kemudahan Menara Kinabalu



iATTEND
Aplikasi Kehadiran Mesyuarat dan Acara Pejabat SKN



iVISIT
Sistem Rekod Pelawat Pejabat SKN




iAKSES
Sistem Permohonan Kad Pas Baharu

RANGKUMAN KEBERHASILAN


iOFFICE




iMEMO
Aplikasi Memorandum
Digital Kepada YB SKN




iTRACK
Aplikasi Pengesanan Surat Rasmi



iHEMAH
Sistem Pengurusan
Pengecualian Pekeliling




iDOCS
Aplikasi Repositori Fail



iCLEAN
Sistem Kebersihan, Keselesaan dan
Kemudahan Tandas Pejabat SKN

RANGKUMAN KEBERHASILAN

SISTEM SABAH JOBS PORTAL



Setakat Disember 2022, Sabah Jobs Portal telah menerima sebanyak 7,224 pencari kerja, 285 majikan dan 455 jawatan kosong.

SABAH VIRTUAL ACADEMY





SABAH EXECUTIVE LEARNING THROUGH INTERACTIVE TALENT MANAGEMENT (SABAH VIRTUAL ACADEMY)

1. MENGGALAKKAN PEMBELAJARAN SECARA MAYA SELARAS DENGAN KONSEP 5A
2. MEMPERKASA KOMPETENSI DIGITAL PARA PENJAWAT AWAM
3. MEMPERLUAS PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN PENJAWAT AWAM

PERTEMUAN DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA NEGARA, PERWAKILAN ASING DAN PEMIMPIN PERSEKUTUAN DENGAN KETUA MENTERI SABAH

PERTEMUAN DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA NEGARA, PERWAKILAN ASING DAN PEMIMPIN PERSEKUTUAN DENGAN KETUA MENTERI SABAH



Pertemuan YAB Ketua Menteri dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 29 September 2022.

YAB Ketua Menteri turut berkongsi maklumat dengan KDYMM Sultan Brunei mengenai pencapaian Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 : 2021-2025).





YAB Ketua Menteri mengabadikan gambar kenangan bersama rombongan dan disertai oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan YB Ahli Dewan Undangan Negeri.

PERTEMUAN DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA NEGARA, PERWAKILAN ASING DAN PEMIMPIN PERSEKUTUAN DENGAN KETUA MENTERI SABAH



Pertemuan YAB Datuk Seri Panglima Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 27 November 2022.




Pertemuan YAB Datuk Seri Panglima Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 8 Mac 2023.

PERTEMUAN DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA NEGARA, PERWAKILAN ASING DAN PEMIMPIN PERSEKUTUAN DENGAN KETUA MENTERI SABAH




Kunjungan Hormat T.Y.T Ary Norton de Murat Quintella, Duta Besar Republik Persekutuan Brazil ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 8 Mac 2023.



Kunjungan Hormat T.Y.T Bulat Sugurbayev, Duta Besar Republik Kazakhstan Ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 16 Februari 2023.

Kunjungan Hormat T.Y.T Khalid Ghanim Mohammad AlGhaith, Duta Besar Emiriah Arab Bersatu (UAE) ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 22 Ogos 2022.





Pertemuan T.Y.T Dr. Adel Mohammad Ali B.A, Duta Besar Republik Arab Yaman ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 19 Ogos 2022.

PERTEMUAN DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA NEGARA, PERWAKILAN ASING DAN PEMIMPIN PERSEKUTUAN DENGAN KETUA MENTERI SABAH

Pertemuan T.Y.T Thamer Abdalla Mohammad Adwan, Duta Besar Jordan ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 19 Ogos 2022.





Pertemuan T.Y.T Mohamed A.M. Attia, Duta Besar Libya ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 19 Ogos 2022.

Pertemuan T.Y.T Walid Abu Ali, Duta Besar Palestin ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 19 Ogos 2022.





Pertemuan T.Y.T Mahmoud Hussien Saeed Qattan, Duta Besar Arab Saudi ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 19 Ogos 2022.

PERTEMUAN DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA NEGARA, PERWAKILAN ASING DAN PEMIMPIN PERSEKUTUAN DENGAN KETUA MENTERI SABAH

Pertemuan T.Y.T Abukar Abdi Osman, Duta Besar Somalia ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 19 Ogos 2022.





Pertemuan Tuan Omer Mahgoub Ahmed Oushek, Kuasa Usaha (*Charge d' Affaires*) Sudan ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 19 Ogos 2022.



Kunjungan Hormat T.Y.T Edmundo Font Lopez, Duta Besar Mexico ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 23 Jun 2022.

Kunjungan Hormat Puan Huang Shifang, Konsul Jeneral Republik Rakyat China kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 16 Jun 2022.




PERTEMUAN DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA NEGARA, PERWAKILAN ASING DAN PEMIMPIN PERSEKUTUAN DENGAN KETUA MENTERI SABAH



Kunjungan Hormat T.Y.T Olexander Nechytaylo, Duta Besar Ukraine ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 15 Jun 2022.

Kunjungan Hormat T.Y.T B Nagabhushana Reddy, Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 26 Mei 2022.





Kunjungan Hormat T.Y.T Dr. Justin Lance Lee, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 9 Mei 2022.




Kunjungan Hormat T.Y.T Fahad Mohammed Yousef Kafoud, Duta Besar Qatar ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 19 April 2022.

PERTEMUAN DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA NEGARA, PERWAKILAN ASING DAN PEMIMPIN PERSEKUTUAN DENGAN KETUA MENTERI SABAH


Kunjungan Hormat T.Y.T Chainarong Keratiyutwong, Duta Besar Thailand ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 14 April 2022.





Kunjungan Hormat Bapak Rafail Walangitan, Konsul Jenderal Republik Indonesia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 30 Mac 2022.

Kunjungan Hormat T.Y.T Takahashi Katsuhiko, Duta Jepun ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 22 Mac 2022.





Kunjungan Hormat T.Y.T Charles Hay MVO, Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 22 Mac 2022.

PERTEMUAN DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA NEGARA, PERWAKILAN ASING DAN PEMIMPIN PERSEKUTUAN DENGAN KETUA MENTERI SABAH


Kunjungan Hormat P.Y.T Dr. Merve Safa Kavakci, Duta Republik Turkiye ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 21 Februari 2022.





Kunjungan Hormat T.Y.T Sami Rafael Leino, Duta Besar Finland ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 15 Februari 2022.

Kunjungan Hormat T.Y.T Sami Roland Galharague, Duta Besar Perancis ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 15 Februari 2022.






Kunjungan Hormat T.Y.T Aart Jacobi, Duta Belanda Ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 28 Januari 2022.

PERTEMUAN DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA NEGARA, PERWAKILAN ASING DAN PEMIMPIN PERSEKUTUAN DENGAN KETUA MENTERI SABAH

Kunjungan Hormat T.Y.T Morten Paulsen, Duta Norway ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 19 Januari 2022.





Pertemuan T.Y.T Milan Hupcej, Duta Republik Czech ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 17 Januari 2022.

Pertemuan T.Y.T Massimo Rustico, Duta Itali ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 17 Januari 2022.





Pertemuan P.Y.T Pam Chong Dunn, Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 17 Januari 2022.

PERTEMUAN DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA NEGARA, PERWAKILAN ASING DAN PEMIMPIN PERSEKUTUAN DENGAN KETUA MENTERI SABAH

Pertemuan P.Y.T Nineta Bãrbulescu, Duta Romania ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 17 Januari 2022.





Pertemuan T.Y.T Naiyl M. Latypov, Duta Rusia ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 17 Januari 2022.

Pertemuan T.Y.T Jose Miguel Corvinos Lafuente, Duta Sepanyol ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 17 Januari 2022.





Pertemuan T.Y.T Lee Chi-Beom, Duta Korea Selatan ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 17 Januari 2022.

PERTEMUAN DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA NEGARA, PERWAKILAN ASING DAN PEMIMPIN PERSEKUTUAN DENGAN KETUA MENTERI SABAH

Pertemuan T.Y.T Dr. Joachim Bergström, Duta Sweden ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 17 Januari 2022.





Pertemuan P.Y.T Andrea Reichlin, Duta Switzerland ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 17 Januari 2022.

Sidang Video T.Y.T Vanu Gopala Menon, Duta Besar Singapura ke Malaysia dengan YAB Ketua Menteri Sabah pada 28 Jun 2021.





Kunjungan Hormat P.Y.T Kirsten Rosenvold Geelan, Duta Besar Denmark Ke Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 30 April 2021.

PERTEMUAN DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA NEGARA, PERWAKILAN ASING DAN PEMIMPIN PERSEKUTUAN DENGAN KETUA MENTERI SABAH

Kunjungan Hormat YB Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 25 Februari 2023.





Kunjungan Hormat YB Puan Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 25 Februari 2023.

Kunjungan Hormat YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 9 Februari 2023.





Kunjungan Hormat YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan, Menteri Belia dan Sukan Malaysia kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 6 Februari 2023.

PERTEMUAN DAN KUNJUNGAN HORMAT KETUA NEGARA, PERWAKILAN ASING DAN PEMIMPIN PERSEKUTUAN DENGAN KETUA MENTERI SABAH

Kunjungan Hormat YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 12 Disember 2022.





Kunjungan Hormat YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) kepada YAB Ketua Menteri Sabah pada 12 Disember 2022.

BAHAGIAN 1
INISIATIF HALA TUJU SABAH MAJU JAYA (2022)
ELEMEN-ELEMEN UTAMA (TERAS)



SEKTOR UTAMA FOKUS PERTUMBUHAN EKONOMI:

SEKTOR PERTANIAN



SUB SEKTOR

TANAMAN

SEKTOR PERTANIAN
SUB-SEKTOR TANAMAN

PELABURAN SYARIKAT LINACO RESOURCES SDN. BHD. (LINACO) DALAM PEMBANGUNAN INDUSTRI KELAPA DI SABAH









Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Negeri Sabah dan syarikat Linaco Resources Sdn. Bhd. pada 24 Mac 2021 merupakan salah satu inisiatif berimpak tinggi bagi memajukan sektor pertanian di negeri Sabah khususnya membangunkan industri kelapa.

Syarikat Linaco Resources Sdn. Bhd. telah menandatangani perjanjian pemajakan tanah seluas 5,000 ekar dan akan membangunkan kilang pemprosesan kelapa, pusat pengumpulan kelapa dan Pusat Kecemerlangan Kelapa di daerah Paitan yang akan menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan khususnya kepada penduduk di daerah tersebut. Dengan termeterainya memorandum persefahaman ini, ekonomi negeri Sabah dijangka akan melonjak terutamanya dalam penanaman kelapa dan mampu untuk memenuhi permintaan pasaran luar berkaitan produk berasaskan kelapa di samping menambah pendapatan rakyat.

Pada penghujung tahun 2022, pihak Linaco berada di awal projek yang terdiri daripada penyiasatan tanah, pembersihan tanah, pembangunan infrastruktur dan saliran, nurseri dan peringkat penanaman pokok yang belum matang. Setakat ini, seluas 100 ekar tanah telah dibuka yang mana 50 ekar telah pun dibangunkan bagi penanaman 4,000 pokok kelapa.

Pihak Linaco juga telah melaksanakan pengambilan rakyat tempatan Sabah untuk sesi latihan di Kilang Linaco, Batu Pahat, Johor. Pelatih yang berpotensi akan dilatih dan diberikan jawatan untuk kilang pemprosesan kelapa yang akan dibangunkan di Sabah. Setakat Disember 2022, 38 rakyat tempatan sekitar daerah Paitan telah diberikan latihan dan inisiatif ini dilaksanakan secara berterusan.

SABAH PERUNTUK RM561.82 JUTA PERKASA SARA DIRI MAKANAN



Ucapan belanjawan 2022
Sumber: Sabah Media

Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM561.82 juta di bawah Belanjawan 2022 untuk memastikan produktiviti serta kualiti produk pertanian Sabah mampan.

Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor berkata, ia juga bagi memastikan Tahap Sara Diri (SSL) Sabah ditingkatkan setiap tahun melalui pelbagai inisiatif pemodenan.

Sektor pertanian yang meliputi tanaman, penternakan dan perikanan adalah satu daripada tiga sektor ekonomi utama dalam Pelan Pembangunan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ) selama lima tahun bermula 2021.

Sabah adalah antara pengeksport utama hasil ikan segar di Malaysia, menyumbang RM2.03 bilion atau kira-kira 15.7 peratus setahun kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri.

Prospek bagi sektor ternakan juga kekal cerah bagi sektor ternakan berikutan pengembangan dan penambahbaikan berkesan dalam pemboleh strategik utama yang dijangka akan meningkatkan sistem rantaian nilai keseluruhan industri.

Sektor pertanian Sabah sahaja menyumbang sebanyak 15.9% kepada KDNK negeri pada 2021, sumbangan ketiga tertinggi selepas sektor perkhidmatan sebanyak 47% diikuti dengan perlombongan dan kuari 26%.

Industri pertanian adalah penyumbang penting kepada Ekonomi Malaysia dengan menyediakan pekerjaan luar bandar, meningkatkan pendapatan luar bandar, memastikan keterjaminan makanan negara. Ia juga bertindak sebagai pemangkin dan tonggak utama kepada eksport negara.

Sektor pertanian akan terus berjaya walaupun terdapat isu dan cabaran yang dihadapi. Sektor Pertanian akan terus berkembang dengan komitmen dan usaha kerajaan dalam mentransformasikan sektor ini selaras dengan perkembangan pesat teknologi maklumat serta komunikasi.

SEKTOR PERTANIAN
SUB-SEKTOR TANAMAN

KETERJAMINAN KEBERHASILAN HASIL PERTANIAN

Kerajaan Negeri melalui Korporasi Pembangunan Desa telah membina enam (6) Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Hasil Tani (APCC) pada tahun 2021 dan tahun 2022 di enam (6) lokasi strategik iaitu di Beaufort, Keningau, Kota Marudu, Kundasang, Telupid dan Lahad Datu.




APCC Kundasang



APCC Kota Marudu



APCC Lingkungan



APCC Telupid



APCC Keningau



APCC Lahad Datu

APCC yang dibangunkan akan memberi manfaat 70,064 orang petani, penternak dan nelayan seluruh Sabah. APCC dilengkapi dengan bilik pengumpulan dan perkhidmatan yang termasuk penggredan, penyimpanan sejuk, pembungkusan dan pengangkutan produk pertanian.

IMPAK

APCC mampu menyelesaikan isu pemasaran dan meningkatkan taraf ekonomi ~~dalam~~ kalangan petani. Petani tidak mempunyai saluran yang sesuai untuk memasarkan produk mereka. Ia adalah satu pembaziran masa dan wang bagi petani dan penternak. Justeru, pembinaan APCC adalah relevan bagi memastikan keterjaminan keberhasilan hasil tani di samping memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk sayur-sayuran dan buah-buahan segar.

PENCAPAIAN

- APCC Kundasang :Telah siap dibina
- APCC Kota Marudu :Telah siap dibina
- APCC Lingkungan :Telah siap dibina
- APCC Telupid :Telah siap dibina
- APCC Keningau :Telah siap dibina
- APCC Lahad Datu :Dalam proses pembinaan


Sumber: Korporasi Pembangunan Desa, Suku Tahun 1, 2023

KETERJAMINAN KEBERHASILAN HASIL PERTANIAN

Membangunkan dua (2) buah TKPM dan tiga (3) Mini TKPM di dalam kawasan tanah Jabatan dalam RMK-12 (2021-2025)

PENCAPAIAN

TKPM	PEMBINAAN
Mini TKPM Ulu Bongawan	:Telah Siap Dibina
Mini TKPM Talibadak	:Telah Siap Dibina
TKPM Gum-Gum	:Telah Siap Dibina
Mini TKPM Apin-Apin	:Pembinaan Infrastruktur Asas
TKPM Sg. Koyah	:Pembinaan Infrastruktur Asas



LOKASI

Lokasi pembangunan TKPM dan Mini TKPM adalah di kawasan Papar, Kuala Penyu, Sandakan, Keningau dan Kinabatangan.



IMPAK

1. Menyediakan peluang pekerjaan
2. Meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat
3. Memangkin pembangunan industri hiliran
4. Meningkatkan pendapatan hasil kerajaan negeri
5. Memacu Sabah sebagai hab tanaman makanan setempat



Sumber: Jabatan Pertanian Sabah, Suku Tahun 1, 2023

PENINGKATAN INDUSTRI HILIRAN

Melaksanakan program peningkatan kapasiti dan kecekapan unit pemprosesan lateks bermula 2021 sehingga 2025

SASARAN DAN PURATA PENCAPAIAN

Sasaran Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) terhadap peningkatan kapasiti lateks adalah 2,000 Metrik Tan. Setakat September 2022, pemprosesan lateks adalah sebanyak 1,406.45 metrik tan (70.32%).



Kilang Lateks Pekat, Beaufort

SASARAN 2025

Sasaran untuk tahun 2025 adalah penghasilan 4,000 Tan Lateks per tahun dengan penambahan 5-unit Mesin *Centrifuge*



Kilang Pemprosesan Lateks

LOKASI

Lokasi Kilang Pemprosesan Lateks yang dibangunkan oleh LIGS adalah di Kawasan Beaufort.

IMPAK

1. Meningkatkan pendapatan pekebun kecil.
2. Menarik pelabur berasaskan getah dalam industri hiliran iaitu dalam pembuatan sarung tangan, bantal, kondom dan tilam.



Kilang Pemprosesan Lateks



Mesin *Centrifuge*

Sumber: Lembaga Industri Getah Sabah, Suku Tahun 1, 2023

SEKTOR PERTANIAN
SUB-SEKTOR TANAMAN

PEMBANGUNAN TANAMAN

- Meningkatkan keluasan bertanam bagi tanaman kelapa seluas 2600 hektar dan kopi seluas 550 hektar melalui penanaman kawasan baharu atau pemulihan kawasan tanaman sedia ada tahun 2021-2025.
- Pelaksanaan Program Pembangunan Tanaman durian Premium seluas 660 Hektar bermula tahun 2021 sehingga tahun 2025.

SASARAN DAN PENCAPAIAN

Pada tahun 2022, Jabatan Pertanian Sabah menyasarkan peningkatan keluasan tanaman seluas 257 hektar (kelapa), 170 hektar (kopi) dan 216 hektar (Durian Premium). Pada Disember 2022, Jabatan Pertanian Sabah telah berjaya mencapai keluasan tanaman kelapa seluas 261.6 hektar (100%), tanaman kopi seluas 142.1 hektar (83.59%) dan tanaman durian premium seluas 216 hektar (100%).

LOKASI

Inisiatif pembangunan tanaman ini dilaksanakan di semua daerah di negeri Sabah yang termasuk 18 daerah bagi tanaman kelapa, 10 daerah bagi tanaman kopi dan 23 daerah untuk tanaman durian premium.

IMPAK

- Penambahan keluasan dan pengeluaran
- Penambahan pendapatan
- Peluang pekerjaan
- Mempergiatkan rantaian aktiviti '*downstream*' berkaitan



Projek Kelapa,
Kg Korongkom, Kota Marudu



Projek Kelapa.
Kg. Lok Batik, Sulaman.



Projek Durian Premium,
Kg. Tarangkapas, Kota Marudu



Projek Durian Premium,
Kg Lingkungan, Beaufort



Projek Kopi,
Padas Valley,
Beaufort

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah, Suku Tahun 1, 2023

PEMBANGUNAN TANAMAN

Program Pembangunan Tanah Peneroka/Peserta SLDB

Objektif Program Pembangunan Tanah Peneroka/Peserta SLDB ini dilaksanakan adalah selaras dengan tujuan penubuhan iaitu membangun tanah dengan tanaman komersial yang ditadbir urus oleh SLDB untuk menjana pendapatan dan seterusnya diagihkan kepada Peneroka/Peserta dalam bentuk dividen dengan anggaran di antara RM1,200.00 - RM1,500.00.

Terdapat dua program iaitu Pembangunan Tanah Projek Sosioekonomi dan Program Tanam Semula Sawit yang di laksana secara berperingkat (sehingga tahun 2025) mengikut dana yang diperuntukkan. *Good Agricultural Practice* (GAP) dipraktikkan sepenuhnya bertujuan agar sistem pengurusan sumber, kerja-kerja pengeluaran buah tandan segar (BTS) dibuat secara baik dan lestari sekali gus dapat meningkatkan produktiviti ladang dan memelihara alam sekitar. Setakat tahun 2022, seluas 2,231 hektar Pembangunan Tanah Projek Sosioekonomi antaranya di Bombong, Kota Marudu, Lumiri, Nabawan dan Sumatalun, Nabawan telah siap dibangunkan manakala bagi Program Tanam Semula Sawit juga telah siap sepenuhnya dilaksanakan, antaranya di Skim Rancangan seperti Sg. Manila (Sandakan), Apas Balung (Tawau) Pegagau (Semporna) bagi Wilayah Timur dan, Ladang Bingkor, (Keningau) di Wilayah Barat.

Program Pembangunan Tanah Sosioekonomi dan Program Tanam Semula Sawit ini akan menjadi punca pendapatan utama kepada Peneroka/Peserta seramai 2,153 orang. Kesan lain dari program ini ialah, penyusunan penempatan masyarakat di luar bandar dengan penyediaan kawasan perumahan dan kenaikan taraf infrastruktur asas seperti jalan perhubungan bagi kawasan terpencil turut dapat dibangunkan. Selain dari itu, ia memberi peluang kepada Peneroka/Peserta serta masyarakat setempat bersama-sama menikmati manfaat seperti peningkatan pendapatan melalui pekerjaan di dalam projek dan boleh memulakan perniagaan secara kecil-kecilan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi setempat.





Sumber: Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah, Suku Tahun 1, 2023

SEKTOR PERTANIAN
SUB-SEKTOR TANAMAN

KETERJAMINAN PENGELUARAN MAKANAN

Perladangan Secara Kontrak

Perladangan Secara Kontrak merupakan suatu pakej pembangunan yang lengkap dan mengandungi kesemua keperluan seperti input pertanian, khidmat nasihat, latihan, pengangkutan, pemprosesan dan pemasaran kepada petani.



Ayam Pedaging



Cendawan

PENCAPAIAN 2022

- Pengeluaran Cendawan **: 42 MT**
- Pengeluaran Pomelo **: 42 MT**
- Pengeluaran Ayam Pedaging **: 2,400 MT**
- Pengeluaran Ayam Kampung **: 6 MT**
- Pengeluaran Madu Lebah **:11 MT**
- Pengeluaran Susu Kambing **:20,000 LITER**



Ayam Kampung



Pomelo

IMPAK

Peningkatan pengeluaran hasil tani dan tambahan pendapatan petani



Lebah Madu



Kambing Tenusu

Sumber: Korporasi Pembangunan Desa, Suku Tahun 1, 2023

LATIHAN DAN MODAL INSAN BERASASKAN TANI

Melatih belia-beliawanis dalam Program Sijil Vokasional Pertanian (Bidang Penyeliaan dan Operasi Perladangan Sawit) di Pusat Latihan Vokasional Pertanian (AVTC), Lahad Datu.

PENCAPAIAN

Pusat Latihan Vokasional Pertanian (AVTC) telah melatih seramai 153 belia-beliawanis dalam Program Sijil Vokasional Pertanian yang mana 63 pelatih tersebut telah bergraduasi pada Disember 2022 dan 90 lagi pelatih baharu telah didaftarkan pada Oktober 2022.

Pendaftaran Pelajar Baharu



Sesi P&P (Kuliah)







Amali di Ladang



LOKASI

Lokasi Program Sijil Vokasional Pertanian adalah bertempat di Pusat Latihan Vokasional Pertanian (AVTC), Lahad Datu

Majlis Konvokesyen



IMPAK

Mengeluarkan tenaga separa mahir dalam sektor pertanian khususnya tanaman sawit.

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah, Suku Tahun 1, 2023

LATIHAN DAN MODAL INSAN BERASASKAN TANI

Melatih belia-beliawanis dalam pertanian secara teori dan amali melalui Program Latihan Kursus Asas seramai 105 orang pada tahun 2022 dan Program Kursus Khas seramai 300 orang di PLP (Pusat Latihan Petani) Damai, Kota Marudu, PLP Lagud Sebrang, Tenom dan PLP Ulu Dusun Sandakan pada tahun 2022.

CATATAN

Jabatan Pertanian Sabah melalui Pusat Latihan Petani telah melatih seramai 523 belia-beliawanis di dalam Program Kursus Asas dan Program Khusus Khas. Seramai 71 orang telah bergraduasi melalui Program Kursus Asas dan 452 orang telah mengikuti kursus asas pada tahun 2022.





Program Kursus Khas

LOKASI

PLP Damai, Kota Marudu, PLP Lagud Sebrang, Tenom dan PLP Ulu Dusun Sandakan





Program Kursus Asas

IMPAK

Melahirkan usahawan belia-beliawanis dalam bidang keusahawanan pertanian



Penganugerahan Sijil Program Kursus Asas

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah, Suku Tahun 1, 2023

LATIHAN DAN MODAL INSAN BERASASKAN TANI

Program Agri-Perantis Hidroponik Peserta SLDB

Pada tahun 2021, SLDB telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Kundasang Aqua Farm (KAF) untuk menjalinkan usaha sama dalam mengembangkan projek Hidroponik dikalangan komuniti SLDB. SLDB telah memohon dana di Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dalam bentuk geran dengan tujuan untuk mengadakan program latihan seterusnya sebagai modal permulaan perusahaan dalam usaha meningkatkan pendapatan komuniti. Permohonan dana tersebut diluluskan dalam Belanjawan 2022 dengan jumlah RM1 juta dan Program Agri Perintis Hidroponik (ProApp) ini dilaksanakan serta merta dalam tahun yang sama.

Objektif program ini diadakan adalah untuk melahirkan *agropreneur* dikalangan komuniti SLDB serta memberi pendedahan tentang keusahawanan pertanian moden, pengurusan perniagaan tani bersistematik di samping praktikal perusahaan hidroponik untuk menambah sumber pendapatan.

Sebagai permulaan, seramai 30 orang dari kalangan komuniti SLDB telah terpilih untuk mengikuti modul latihan secara teori, teknikal dan *hands-on* selama sebulan di KAF, Mesilau Kundasang. Modul latihan ini juga turut memberi pendedahan tentang asas pengurusan pertanian dan pengurusan kewangan. Selepas tempoh latihan berakhir, SLDB telah memberikan geran penuh sebanyak RM25,000.00 seorang sebagai permulaan untuk mengusahakan perusahaan hidroponik di kawasan masing-masing kepada pelatih yang berjaya dan memenuhi kriteria.

Impak dari program ini, peserta dari komuniti dianggarkan akan memperolehi pendapatan sampingan di antara RM300-RM450 sebulan, dan pendapatan ini akan meningkat untuk pusingan seterusnya dan secara tidak langsung pertanian moden ini dapat diperkenalkan kepada komuniti setempat mereka.





Sumber: Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah, Suku Tahun 1, 2023

SEKTOR PERTANIAN
SUB-SEKTOR TANAMAN

LATIHAN DAN MODAL INSAN MELALUI PERTANIAN

- Meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah melalui program peningkatan pendapatan pekebun kecil getah (Aktiviti Ekonomi Tambahan) sepanjang tempoh 2021-2025
- Menjalankan program latihan pekebun kecil untuk meningkatkan ilmu pengetahuan 10,000 pekebun kecil dalam semua aspek penanaman getah bermula tahun 2021 hingga 2025

SASARAN DAN PURATA PENCAPAIAN

Pada tahun 2022, Lembaga Industri Getah (LIGS) telah mencapai sasaran penglibatan pekebun kecil seramai 441 peserta melalui Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET).

LIGS juga menyasarkan seramai 2,000 peserta diberikan latihan melalui Program Latihan Pekebun Kecil dan mencapai penglibatan seramai 1,761 peserta (88.05%) pada Disember 2022.

CATATAN

Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET)

- Ternakan Ikan Tilapia : 66 Peserta
- Tanaman Pisang Sabah : 22 Peserta
- Tanaman Halia : 48 Peserta
- Tanaman Nanas Md2 : 305 Peserta

IMPAK

1. Meningkatkan pendapatan pekebun kecil.
2. Menggalak pekebun kecil melibatkan diri dalam keusahawanan bagi menambah pendapatan sendiri.

Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET)


Nanas MD2, Keningau


Nanas MD2, SPG Kuala Tomani


Nanas MD2, Tuaran


Kolam Ikan Tilapia, Beaufort

Program Latihan Kepada Pekebun Kecil


Kudat


Kota Marudu


Tuaran


Skim Penempatan Getah, Tuaran


Pitas

Sumber: Lembaga Industri Getah Sabah, Suku Tahun 1, 2023

PENYELIDIKAN DAN INOVASI SUB-SEKTOR TANAMAN

Penghasilan varieti baharu atau klon tanaman makanan dalam tempoh setiap 2 tahun bermula tahun 2021.

SASARAN DAN PENCAPAIAN

Pada tahun 2022, Jabatan Pertanian Sabah menyasarkan sebanyak dua (2) varieti tanaman dihasilkan. Pada penghujung tahun 2022, Jabatan Pertanian Sabah telah menghasilkan empat (4) varieti tanaman sekali gus melebihi sasaran tahunan. Antara varieti tanaman yang dihasilkan adalah Avokado QAV3, Tarap QTRP1, Nanas dan Tuhau LSTu1



Sabah Volcanic Sweet Pineapple



Avokado QAV3

LOKASI

Lokasi penyelidikan penghasilan varieti tanaman adalah bertempat di ARC, Quoin Hill, Tawau; ARC, Ulu Dusun, Sandakan; dan ARC, Sebrang, Tenom.



Tarap QTRP1

IMPAK

1. Mempergiatkan aktiviti pengeluaran bahan tanaman bermutu dan tulen.
2. Menjana pendapatan dalam industri pengeluaran bahan tanaman.
3. Menarik minat pihak swasta dan pelabur.



Tuhau LSTu1



Kultur Tisu Nanas


Sumber: Jabatan Pertanian Sabah, Suku Tahun 1, 2023

PEMERKASAAN PERTANIAN BANDAR

Memperkenalkan Kempen Pertanian Bandar (*Urban Farming*) yang berskala kecil dengan menggunakan teknologi pertanian moden di kawasan bandar bagi tujuan mengurangkan beban sara hidup dan mewujudkan interaksi yang berkesan dengan penglibatan 1,500 peserta pada tahun 2021-2025

SASARAN DAN PENCAPAIAN

Jabatan Pertanian Sabah telah menyasarkan penglibatan seramai 300 peserta dalam mengikuti Kempen Pertanian Bandar (*Urban Farming*). Pada Disember 2022, pencapaian inisiatif ini telah melebihi sasaran sebenar dengan menerima penglibatan seramai 900 peserta.



Kg. Ramayah, Penampang (Fertigasi Terbuka)



Kg. Sembulan Baru, Kota Kinabalu (NFT)

LOKASI

Lokasi dalam melaksanakan Kempen Pertanian Bandar (*Urban Farming*) adalah di kawasan Kota Kinabalu, Penampang, Beaufort, Papar, Putatan, Tuaran, Keningau dan Tambunan



SMK Bongawan, Papar (NFT)



Kg. Beringgis, Papar (NFT)

IMPAK

- Meningkatkan pengeluaran makanan bagi kegunaan sara diri di kalangan penduduk bandar dan pinggir bandar.
- Sebagai sumber pendapatan sampingan

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah, Suku Tahun 1, 2023

SEKTOR PERTANIAN
SUB-SEKTOR TANAMAN

NAIK TARAF PENGAIRAN, SALIRAN DAN JALAN LADANG BAGI PERTANIAN

Menaik taraf Infrastruktur Pengairan Sepanjang 8km Skim Pengairan Trusan Sapi Menjelang Tahun 2025

Kerja menaik taraf tali air dan jalan ladang bagi blok-blok sawah adalah seperti berikut:

Blok 1 (B1)
Keluasan sawah: 36 hektar
Panjang tali air dinaiktaraf: 765m

Blok 2 (B2)
Keluasan sawah: 40 hektar
Panjang tali air dinaiktaraf: 1,028m
Panjang jalan ladang dinaiktaraf: 1,028m

Blok 3 (B3)
Keluasan sawah: 60 hektar
Panjang tali air dinaiktaraf: 780m
Panjang jalan ladang dinaiktaraf: 780m



Skim Pengairan Trusan Sapi



Kerja Membina *Irrigation Control Structure/Irrigation End Control* (ICS)

Menaik taraf Infrastruktur Pengairan Sedia Ada di Membakut Meliputi Tali Air Sepanjang 5km



Kerja Semasa Naik taraf Infrastruktur Tali Air



Kerja Semasa Naik taraf Infrastruktur Tali Air

Pencapaian: 100% Kemajuan Projek

Selain itu, JPS juga melaksanakan projek seperti yang berikut:

- Menaik taraf Infrastruktur Pengairan di Skim Pengairan (SP) Trusan Sapi, SP Bingkor, SP Kota Marudu dan Membakut
- Pembaikan Sawah-sawah Padi Melalui Pembinaan Jalan Ladang dan Penaiktarafan Tali Air di Skim-skim daerah Tambunan, Kota Marudu, Penampang, Keningau, Sipitang dan Kota Marudu.

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah, Suku Tahun 1, 2023

SEKTOR PERTANIAN
SUB-SEKTOR TANAMAN

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR PERTANIAN

Menaik taraf jalan ladang sepanjang 462 km bagi memudahkan pekebun kecil mengeluarkan hasil pertanian bermula 2021 hingga 2025

SASARAN DAN PURATA PENCAPAIAN

Setakat September 2022, sepanjang 132 KM jalan ladang Berjaya dinaiktaraf iaitu melebihi sasaran tahunan sepanjang 92KM di pelbagai daerah.

LOKASI


Lokasi penaiktarafan jalan ladang dilaksanakan di daerah Tenom, Tuaran, Kota Marudu, Pitas dan Keningau.

IMPAK

1. Memudahkan pekebun dan pemain industri melaksanakan aktiviti pertanian seperti mengeluarkan hasil pertanian.
2. Menjamin keselamatan para pekebun kecil.



Skim Penempatan Getah Lagud Sebrang, Tenom



Skim Penempatan Getah Kuala Tomani, Tenom



Skim Penempatan Getah Mendulong, Sipitang




Skim Penempatan Getah Tulid, Keningau

Sumber: Lembaga Industri Getah Sabah,Suku Tahun 1, 2023

POTENSI PENINGKATAN HASIL SEBANYAK RM17 JUTA DIJANA MELALUI PENGUATKUASAAN ENAKMEN SUMBER AIR SABAH 1998

Majlis Pelancaran Pelan Strategik Organisasi (PSO) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabah telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah pada 22 Julai 2022. Menerusi pelan yang mempunyai empat (4) teras utama dan 23 strategi ini, kerajaan komited untuk memastikan tindakan yang sewajarnya diambil bagi mengatasi sebarang masalah yang berlaku seperti kejadian banjir dan pencemaran sungai. JPS melalui pelan ini akan menguatkuasakan peruntukan pengurusan rizab sungai seperti sungai, tasik, perairan pantai, paya dan akuifer serta membangunkan manual pemantauan morfologi dan ekosistem sungai kawalan aktiviti-aktiviti dalam rizab sungai dan pantai. Kerajaan negeri juga akan memperolehi sebanyak RM17 juta kutipan hasil setahun melalui penguatkuasaan peruntukan mengenai pengambilan air dalam Enakmen Sumber Air Sabah yang mana mekanismenya sedang dibangunkan oleh JPS pada waktu ini. Peranan JPS Sabah dalam menambah dan menaik taraf sistem tali air di ladang padi adalah sangat kritikal bagi membantu usaha meningkatkan pengeluaran beras dan merealisasikan sasaran *Self Sufficiency Level* (SSL) beras sebanyak 60% menjelang 2030 menurut Menteri Pertanian dan Perikanan dalam satu (1) temu bual yang berasingan. Antara inisiatif untuk meningkatkan SSL beras adalah dengan menaik taraf sistem pengairan dan saliran kawasan tanaman padi sedia ada sekurang-kurangnya 5,795 km panjang serta membina pengairan baharu untuk kawasan seluas 17,805 hektar melalui JPS Sabah. Projek-projek perluasan kawasan fizikal sawah padi juga menjadi keutamaan Jabatan Pertanian Sabah termasuklah cadangan membangunkan 11,000 hektar ladang padi di Felda Lahad Datu yang berpotensi meningkatkan SSL padi dari 23% hingga 31%. Selain itu, Jabatan Pertanian Sabah (DOA) juga akan berusaha meningkatkan produktiviti kawasan penanaman sedia ada dengan menggunakan teknologi, mekanisasi dan automasi serta penggunaan benih padi Varieti Berkesan Tinggi (HYV). JPS turut melipatgandakan usaha untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) tanaman padi.



https://did.sabah.gov.my/index.php?q=df4za6uu

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah, Suku Tahun 1, 2023



SUB SEKTOR
TERNAKAN

SEKTOR PERTANIAN
SUB-SEKTOR TERNAKAN

Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan (MAFFI) menyedari kepentingan industri pedaging dan tenusu di negeri Sabah yang mana Tahap Sara Diri bagi kerbau/lembu/kambing pedaging yang masih lagi rendah, serta mempunyai potensi besar untuk membekalkan sumber protein penting dalam bekalan makanan di negeri Sabah. Lantas itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sabah telah mengambil langkah proaktif dalam usaha untuk meningkatkan stok-stok ternakan di Sabah. Stok-stok ternakan ini seterusnya akan memberi impak yang lebih besar pada peringkat hiliran. Aktiviti pemprosesan, logistik, eksport dan import akan memberi kesan limpahan ekonomi kepada penduduk setempat. Rantaian nilai sebegini akan melonjakkan industri ruminan di Sabah.

INISIATIF PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN



- Projek Memperkasa Industri Ruminan
- Projek Integrasi Ternakan Di Bawah Kelapa Sawit (PINTAR)
- Projek Ternakan Kambing Pedaging
- Pembangunan Padang Ragut

Beberapa inisiatif projek ternakan sosioekonomi yang telah dilaksanakan pada tahun 2022 antaranya adalah Projek Memperkasakan Industri Ruminan, Projek Integrasi Ternakan di Bawah Kelapa Sawit (PINTAR) dan juga Projek Ternakan Kambing Pedaging. Sebanyak 650 ekor lembu pedaging Brahman telah diagihkan kepada 10 penternak termasuk GLC dan separa komersial, manakala sebanyak 775 ekor kambing telah disampaikan kepada 41 orang penternak bagi Projek Memperkasa Industri Ruminan pada tahun lepas. Sebanyak 25 ekor kambing dan kesemua perolehan bebiri digunakan untuk pembiakbakaan di ladang jabatan, Pusat Pembiakan Kambing Bebiri (PPKB), Ranau. DVS Sabah juga telah menganjurkan kursus untuk peserta dan pengendali projek. DVS Sabah juga telah meneruskan inisiatif PINTAR dan Projek Kambing Pedaging masing-masing melalui perolehan sebanyak 45 ekor lembu pedaging dan 65 ekor kambing pedaging untuk tujuan pembiakbakaan di ladang jabatan, SPT Batu 16, Tawau dan PPK Purutan, Tambunan. Selain daripada projek ternakan sosioekonomi, DVS Sabah juga telah membangunkan padang ragut seluas 200 ekar di tujuh (7) daerah di negeri Sabah. Pembangunan padang ragut ini merangkumi kerja-kerja pembersihan, penanaman pasteur, pemagaran sepanjang 15 ribu kaki. Inisiatif yang dilaksanakan di daerah Tambunan, Keningau, Tenom, Beaufort, Kuala Penyu, Tuaran dan Ranau ini secara langsung membolehkan kawasan padang ragut dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti setempat.



Padang Ragut Yang Telah Dibangunkan Pada Tahun 2022



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah, Suku Tahun 1, 2023

POTENSI DAERAH TONGOD SEBAGAI PENGELUAR DAGING KHINZIR DI RANTAU ASIA

Pengeluaran daging khinzir di Sabah pada tahun 2021 adalah sebanyak 8,642 tan dengan anggaran nilai RM155 juta. Daging khinzir dari Sabah telah mendapat permintaan yang lumayan tinggi terutamanya dari Sarawak dan Singapura. Menyedari potensi pengeluaran daging khinzir masih boleh dikembangkan, Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah memulakan satu (1) usahasama dengan syarikat tempatan berkenaan projek pembinaan Kawasan Penternakan Babi Moden seluas 500 ekar di Kampung Entilibon, Tongod pada Mac tahun 2022. Projek ini akan melibatkan dua (2) fasa di mana fasa pertama projek ini akan mengambil masa selama dua (2) tahun yang merangkumi kawasan seluas 200 ekar manakala 300 ekar lagi dilaksanakan pada fasa seterusnya. Melalui projek pembinaan ini, operasi pengeluaran dan pemprosesan daging khinzir di Sabah akan menjadi lebih teratur, bersih dan produktif dengan pengadaptasian teknologi moden dari negara pengeluar daging khinzir terbesar di dunia iaitu Denmark. Industri veterinar ini juga dijangka mewujudkan lebih 1,000 peluang pekerjaan dan memberikan limpahan ekonomi kepada penduduk setempat. Pada Disember 2022, DVS Sabah turut mengadakan libat urus bersama penduduk kampung melalui Majlis Dialog Pelaksanaan Projek Pembangunan Kawasan Penternakan Khinzir. Sesi ini telah disambut baik oleh pemimpin tempatan dan juga penduduk kampung. Setakat Disember 2022, kerja-kerja pembinaan pagar parameter sepanjang 1.7 km dan jalan raya sejauh 1 km sedang giat dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sabah melalui jabatan teknikal iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabah.



Adaptasi Tongod *Pig's Farm Area* Dengan Teknologi Moden Dari Negara Denmark Yang Merupakan Pengeluar Daging Khinzir Utama

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah, Suku Tahun 1, 2023

SEKTOR PERTANIAN
SUB-SEKTOR TERNAKAN

Bagi memastikan keterjaminan bekalan daging di Sabah berada dalam keadaan yang mencukupi, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sabah berusaha untuk mewujudkan ekosistem yang kondusif di samping merancakkan lagi pertumbuhan sektor hiliran ternakan melalui pembangunan infrastruktur-infrastruktur ternakan. Antara inisiatif tersebut adalah pembinaan Rumah Penyembelihan Haiwan (RPH) di Keningau, pembinaan Makmal Diagnosis di Kinarut dan juga pembangunan Pejabat Veterinar Baharu di daerah-daerah. Pada tahun 2021, DVS Sabah telah berjaya membangunkan satu (1) RPH Ruminan di daerah Kota Belud. Bagi meneruskan usaha tersebut, DVS Sabah pun mulai membangunkan dua (2) lagi RPH di daerah Keningau pada tahun 2022. Setakat bulan Disember 2022, status pembinaan RPH Unggas dan Khinzir berada dalam proses pengeluaran *Terms Of Reference* bagi pembinaan RPH oleh jabatan teknikal iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabah. Pemilihan dan penandaan tapak bagi RPH Unggas dan Khinzir juga telah dimuktamadkan iaitu masing-masing di kawasan Sebrang dan Padang Ragut Kampung Liau Etoh, Keningau. Pembangunan fizikal bangunan akan bermula pada tahun 2023. Selain itu, dua (2) bangunan Pejabat Veterinar juga telah siap dibangunkan di Matunggong dan di Pusat Pembiakan Lembu Pedaging (PPLP) Kalumpang, Semporna pada tahun 2022.

INISIATIF PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR TERNAKAN



- Pembangunan Pejabat Veterinar Baharu
- Pembinaan Rumah Penyembelihan Haiwan (RPH)Unggas, Keningau
- Pembinaan Rumah Penyembelihan Haiwan (RPH) Khinzir, Keningau
- Pembinaan Makmal Diagnosis



Bangunan Pejabat Veterinar Baharu Matunggong, Kudat



Cadangan Tapak Pembinaan RPH Unggas di Seberang, Keningau

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah, Suku Tahun 1, 2023

SEKTOR PERTANIAN
SUB-SEKTOR TERNAKAN

INISIATIF PEMBANGUNAN MODAL INSAN



- Memberikan Kursus Perkhidmatan Kuarantin dan Penguatkuasaan
- Menjalankan Latihan Keusahawanan
- Mengadakan Pameran dan Menerbitkan Risalah Pengembangan

Pusat Pengurusan Veterinar (PPV) Tuaran, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sabah menawarkan pelbagai program latihan untuk anggota DVS Sabah, penternak, usahawan ternakan dan orang awam di Sabah. Pada tahun 2022, PPV Tuaran telah melatih seramai 1,525 orang penternak dan usahawan ternakan dalam pelbagai bidang penternakan dan mengadakan 28 kursus berteraskan bidang penternakan. Selain daripada itu, pusat ini juga telah menganjurkan 16 kursus yang berteraskan perkhidmatan dan kesihatan veterinar. Bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran anggota DVS Sabah, sebanyak 33 kursus telah dianjurkan dalam pelbagai bidang perkhidmatan veterinar dan penternakan yang telah melibatkan 1,868 penyertaan sepanjang tahun 2022.

Secara keseluruhan, program latihan yang dilaksanakan pada tahun 2022 adalah sebanyak 61 kursus dan seramai 3,393 orang telah dilatih dalam pelbagai program latihan anjuran pusat ini. Rantaian ke hadapan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sabah adalah berfokuskan matlamat untuk menjadikan PPV sebagai pusat pembangunan sumber manusia dan sumber pemindahan pengetahuan serta kemahiran yang unggul dalam industri penternakan di Sabah, adalah dicadangkan supaya pusat ini dinaiktaraf kepada Institut Veterinar Sabah. Ini adalah bagi memastikan pusat ini dapat menyediakan pelbagai program latihan berkualiti dan teknologi terkini dalam industri penternakan serta melatih lebih ramai penternak dan usahawan ternakan yang berjaya dan berdaya saing.



Bangunan Utama Pusat Pengurusan Veterinar, Tuaran



Salah Satu Kursus Untuk Meningkatkan Kompetensi Anggota DVS Sabah

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah, Suku Tahun 1, 2023



S

SUB SEKTOR

PERIKANAN

INISIATIF PEMULIHARAAN HABITAT DAN SUMBER PERIKANAN DI SABAH



- Program Membina dan Melabuhkan Tukun Tiruan
- Pewujudan Tagal di Sungai-sungai Sabah
- Pewujudan sanktuari dan Konservasi Marin dan 3 inisiatif lain

Pada tahun 2022, Jabatan Perikanan (DOF) Sabah telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang berkaitan dengan pemuliharaan sumber perikanan di laut mahupun sungai di negeri Sabah dengan nilai purata pencapaian sebanyak 99%. Antaranya adalah inisiatif mewujudkan kawasan sanktuari dan konservasi marin di Kudat dan menyasarkan penglibatan sebanyak 12 orang komuniti nelayan di pesisir pantai. DOF telah berjaya merealisasikan satu (1) kawasan sanktuari di perairan Pantai Kelambu, Kudat. Aktiviti seperti pembuatan 10 unit rangka konkrit penanaman batu karang dan kerja-kerja melabuhkan rangka-rangka konkrit tersebut tentunya dengan semangat gotong-royong komuniti setempat. Empat (4) program bagi membina keupayaan komuniti melalui pendekatan ekosistem, satu (1) program pembersihan pantai, satu (1) aktiviti kempen kesedaran tentang penjagaan pantai serta 1 kaji selidik kesesuaian tapak cadangan untuk sanktuari/pemantauan projek juga telah dilaksanakan DOF Sabah pada tahun 2022. Golongan sasar adalah komuniti pesisir pantai, pelajar universiti dan murid-murid sekolah. Inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya yang telah dijalankan ini secara langsung menyumbang kepada Agenda Pembangunan Mampan (SDG) iaitu Agenda Kedua dan Ke-14 iaitu *Zero Hunger* dan *Life Below Water*.



Proses Melabuh *Frame* Penanaman Batu Karang di Perairan Pantai Kelambu, Kudat



***Frame* Konkrit Batu Karang Yang Telah Dibina Bersama Komuniti Nelayan**

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah, Suku Tahun 1, 2023

PROGRAM PEMULIHARAAN SUMBER PERIKANAN MARIN DAN SUNGAI DI SABAH

Jabatan Perikanan Sabah (DOF) komited dalam memulihara ekosistem marin mahupun sungai melalui program-program seperti Program Membina dan Melabuhkan Tukun Tiruan Rekreasi dan Program Mewujudkan Tagal di Sabah. Usaha-usaha pengurusan sumber perikanan seperti ini dijalankan bagi membolehkan sektor perikanan di Sabah terus berdaya saing dan mempunyai kemampanan yang berterusan. Pada tahun 2022, sebanyak 152 unit tukun tiruan telah dilabuhkan di perairan setiap daerah di negeri Sabah termasuklah di perairan daerah Kudat, Pitas, Kunak, Tawau, Lahad Datu dan Papar. Objektif lain bagi projek ini adalah menghalang pencerobohan kapal pukat tunda di kawasan persisiran pantai nelayan tradisional selain memulihkan sumber perikanan pesisiran pantai yang kian merosot dan menjadi tarikan eko-pelancongan dan rekreasi untuk penyelam dan pemancing. Salah satu inisiatif bagi meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar dengan hasil tuaian ikan yang banyak di samping memulihara ekosistem perikanan sungai-sungai adalah Program Mewujudkan Tagal. Sejumlah 10 tagal baharu telah diwujudkan di sungai-sungai daerah Ranau, Telupid, Tongod dan Sook manakala 13 memorandum persefahaman tagal telah ditandatangani oleh Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan di daerah Papar dan Tambunan. Memorandum persefahaman tagal ini membolehkan jalinan kerjasama antara komuniti dan DOF Sabah terjalin agar tagal yang terlibat akan dapat meningkatkan sumber perikanan air tawar, menaik taraf hidup penduduk setempat serta mempromosikan eko-pelancongan di negeri Sabah.



Kapal Yang Digunakan Untuk Melabuhkan 35 Unit Tukun Tiruan Di Perairan Kg Pagasaon, Pitas

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah, Suku Tahun 1, 2023

SEKTOR PERTANIAN
SUB-SEKTOR PERIKANAN

INISIATIF PEMBANGUNAN MODAL INSAN



Selain daripada inisiatif pemuliharaan sumber perikanan marin dan sungai, DOF Sabah juga menekankan pembangunan modal insan dalam subsektor perikanan agar golongan sasar seperti golongan nelayan tradisional, pengusaha akuakultur dan pengusaha produk hiliran boleh terus diperkasakan melalui kursus, latihan serta insentif terutama sekali peralatan perikanan. Bagi terus menerokai potensi laut dalam sebagai satu industri yang besar, DOF Sabah telah menjalankan inisiatif pemberian Bantuan Perikanan Laut Dalam seperti peralatan payao kepada tujuh (7) orang nelayan dari Kota Kinabalu dan Semporna tahun 2022. Di samping itu, bagi memacu sektor hiliran perikanan di Sabah, DOF Sabah telah memberikan insentif kepada 10 orang pengusaha dan latihan kepada 80 orang pengusaha. Latihan yang telah diberikan antaranya adalah kursus asas pemprosesan ikan di bawah Program Agropreneur Muda di Sandakan, kursus pemprosesan di Keningau dan kursus asas pembungkusan dan pelabelan di daerah Ranau sepanjang tahun 2022. DOF Sabah juga telah menjalankan program latihan dan memberikan bantuan peralatan perikanan kepada nelayan tradisional.

BANTUAN DAN LATIHAN

- Program Latihan dan Bantuan Peralatan Perikanan Nelayan Tradisional
- Bantuan Peralatan Ladang dan Peningkatan Kemahiran Pengusaha Akuakultur
- Bantuan Peralatan Pemprosesan Pengusaha Produk Hiliran
- Bantuan Perikanan Laut Dalam
- Bantuan kepada Pengusaha Rumpai Laut
- Program Pembangunan Modal Insan dan Pemberian Insentif



Penyerahan Bantuan Peralatan Payao



Kursus Asas Penyelenggaraan Enjin Sangkut kepada Nelayan Tradisional

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah, Suku Tahun 1, 2023

INISIATIF PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN KEMUDAHAN KEWANGAN



- Insentif Skim Kredit Ko-Nelayan
- Bantuan Pembangunan Asas Perkampungan Nelayan
- Latihan Pasaran Digital Melalui Elektronik Komuniti Usahawan Nelayan (e-Kan)
- Latihan *Upskilling* Dalam Bidang Perikanan dan satu inisiatif lain


Umum ketahui bahawa kemudahan kewangan merupakan salah satu elemen yang kritikal bagi terus memacu perubahan dalam sektor hiliran perikanan di negeri Sabah. Suntikan dana perlu diberikan kepada nelayan dan pengusaha bagi terus memperkasakan golongan sasar itu sendiri. Menyedari tentang kepentingan pendaratan ikan dari perkampungan nelayan, KO-NELAYAN membina lima (5) buah pondok/jeti/pelantar pendaratan ikan di lima (5) buah kampung nelayan berlainan. Dianggarkan sebanyak 500 orang nelayan telah menerima manfaat daripada pembangunan infrastruktur tersebut. Antara kampung nelayan yang telah menerima manfaat daripada inisiatif tersebut adalah Kampung Mesej Pangi, Kunak dan Kampung Sabok Kinarut, Papar. Di samping itu, dua (2) inisiatif pendigitalan juga telah direalisasikan oleh KO-NELAYAN bagi tujuan membantu para Pengusaha untuk memasarkan produk-produk perikanan melalui platform e-KAN. Satu lagi inisiatif pendigitalan KO-NELAYAN adalah pembangunan sistem e-SMART yang dapat membantu bahkan meningkatkan pendapatan nelayan melalui pengesanan kedudukan lokasi penangkapan ikan bersama teknologi yang mampu menjimatkan masa dan juga kos. Kedua inisiatif pendigitalan ini telah siap dibangunkan dan sedang diaplikasikan oleh para nelayan dan pengusaha. Setakat bulan Disember 2022, platform e-KAN telah merekodkan jualan peserta sebanyak RM655,856. Bukan itu sahaja, KO-NELAYAN juga memberikan latihan aplikasi digital kepada 80 orang pengusaha bagi platform e-KAN dan 120 nelayan bagi sistem e-SMART pada tahun 2022. KO-Nelayan turut memberikan Latihan *Upskilling* kepada para belia dan bakal pengusaha akuakultur dalam bidang perikanan seperti Kursus Pengurusan Ternakan Ikan Tilapia dan Kursus Pembinaan Bot Gantian Kaca. Seramai 480 peserta telah dilatih melalui pelaksanaan 10 kursus sepanjang tahun 2022.

Sistem e-KAN



Dashboard e-KAN

Pembangunan Sistem e-SMART



Sistem e-SMART Menunjukkan Lokasi Berpotensi Menangkap Ikan

Sumber: Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah, Suku Tahun 1, 2023

PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN KO-NELAYAN

Korporasi Pembangunan Perikanan dan Nelayan (Ko-Nelayan) telah memperuntukkan sebanyak RM7.5 juta untuk Program Peningkatan Pendapatan dan Pembangunan Usahawan dengan memberi skim kredit seperti Skim Bantuan Nelayan (SBN), Skim Bantuan Pengusaha Akuakultur (SBPA) dan Skim Pembangunan Industri Kecil Perikanan (PIKP). Melalui tiga (3) skim ini, nelayan, pengusaha akuakultur dan pengusaha produk hiliran perikanan bimbingan Ko-Nelayan telah menerima bantuan kredit bagi kegunaan modal pusingan dan memperoleh peralatan perikanan seperti enjin sangkut, perahu, pukat dan peralatan sokongan. Seramai 60 orang nelayan telah menerima SBN, 3 orang pengusaha akuakultur menerima SBPA manakala 43 orang pengusaha hiliran menerima PIKP di setiap daerah di negeri Sabah pada tahun 2022. Selain itu, Ko-Nelayan juga memberikan Skim Peneraju Usahawan Perikanan (SPUP) yang mana berupaya untuk meningkatkan pendapatan usahawan perikanan berstatus M40 ke arah Usahawan T20 dengan pewujudan peluang-peluang ekonomi baru. Pada tahun 2022, sebanyak tiga (3) orang pengusaha dari Kota Kinabalu dan Tuaran telah menerima skim ini bagi tujuan menaik taraf premis perusahaan dan peralatan pembungkusan produk.



Produk Program Skim Pembangunan Industri Kecil (PIKP)

Sumber: Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah, Suku Tahun 1, 2023

INISIATIF KAWAL SELIAAN PERIKANAN

Bagi memperkasakan pengurusan dan pengawalan lesen akuakultur, Jabatan Perikanan (DOF) Sabah telah dapat mengumpulkan seramai 110 orang pengusaha akuakultur untuk didaftarkan. Draf peraturan berkaitan lesen akuakultur di bawah Enakmen Perikanan Darat dan Akuakultur (EPDA) 2003 masih dalam proses semakan *Good Regulatory Practices* (GRP). Lanjutan daripada itu, pelesenan akuakultur belum dapat dimulakan. Akan tetapi, program ini tetap berjalan sebagai satu persiapan awal yang mana aktiviti melawat kolam akuakultur telah pun dilaksanakan. Selain itu, sebanyak 783 permohonan lesen perikanan tradisi baharu telah diluluskan di 16 buah daerah marin di Sabah pada tahun lepas. Di samping itu, DOF Sabah juga berjaya mendaftarkan sebanyak 56 orang nelayan darat baharu di 26 daerah. Sasaran 100 orang dalam tahun 2022 tidak dapat dicapai sepenuhnya kerana kurang nelayan baharu yang mengoperasikan perikanan tangkapan darat (air tawar). Maka tidak ramai yang tampil untuk didaftarkan. Selain itu, bagi membantu dan memudahkan agensi pelaksana penguat kuasa di laut terutamanya Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis Marin, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sabah dan lain-lain itu sendiri mengenali dengan cepat operasi vesel-vesel yang sah di laut, DOF Sabah juga menjalankan sebanyak 200 pemasangan sistem *Intruder Intervention System Vessel Monitoring System* (iiVMS) pada vesel-vesel pukat tunda dan jerut di daerah Kota Kinabalu, Kudat, Semporna dan Sandakan.



PENGAWALSELIAAN

- Pendaftaran Lesen Perikanan Darat
- Pendaftaran Lesen Akuakultur
- Membina Pangkalan Utama Perikanan di Kota Kinabalu



Program Lawatan Kolam Pengusaha Akuakultur Bagi Pendaftaran Lesen Akuakultur



Program Interaksi Bersama Nelayan di Pulau Jambongan, Beluran Bagi Pendaftaran Lesen Perikanan Tradisi

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah, Suku Tahun 1, 2023


SEKTOR PERTANIAN
SUB-SEKTOR PERIKANAN

INISIATIF PENINGKATAN PENGELUARAN PRODUK PERIKANAN DAN PEMASARAN



- Peningkatan Pengeluaran Benih Ikan Kerapu Hibrid
- Projek Propagasi Ladang Batu Karang
- Peningkatan Pengeluaran Produk Perikanan seperti keropok dan mi melalui Kilang Pengembangan Perusahaan Industri Hiliran Perikanan
- Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Hasil Perikanan Akuakultur

Pada tahun 2022, Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN) telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkukuhkan pengeluaran subsektor perikanan di negeri Sabah. Salah satu inisiatif yang baharu dan akan mempunyai impak kepada ekosistem di laut adalah Projek Propagasi Ladang Batu Karang yang kini giat dijalankan di Stesen Hab Balat, KO-NELAYAN, Pulau Banggi, Kudat. Projek ini berpotensi untuk menjana sumber pendapatan sampingan kepada nelayan dan dalam masa sama dapat melestarikan batu karang. Sebanyak tujuh (7) orang nelayan di Pulau Banggi telah mengambil bahagian dalam program taklimat Ladang Propagasi Batu Karang. Nelayan yang terlibat akan berperanan dalam penjagaan dan kawalan daripada kumpulan peniaga haram yang mengambil batu karang secara tidak terkawal. Di samping itu, KO-NELAYAN telah berjaya mencapai pengeluaran sebanyak 41,004 ekor benih ikan Kerapu Hibrid pada tahun 2022 melalui pembangunan 90 unit tangki benih ikan di Pusat Pengeluaran Benih Ikan Marin (SENTS), Kampung Laya-Laya, Tuaran. Inisiatif ini telah memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 27 orang penternak akuakultur di negeri Sabah pada tahun lepas.



***Coral Culture Table* dan *Holding Tank* di Stesen Hab Balat Pulau Banggi, Kudat**



Taklimat *Coral Planting* daripada pegawai Jabatan Perikanan Malaysia semasa MAHA di MAEPS Serdang.

Sumber: Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah, Suku Tahun 1, 2023

KERJASAMA JABATAN PERIKANAN SABAH DENGAN INSTITUSI PENYELIDIKAN MARIN BORNEO (IPMB), UMS MELALUI PROGRAM PELEPASAN BENIH KETAM

Salah satu tunjang utama dalam keterjaminan makanan adalah ketersediaan. Oleh itu, program kerjasama antara Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Jabatan Perikanan Sabah adalah bertujuan untuk menambah stok perikanan dan hidupan air di kawasan-kawasan berkenaan ekoran hasil kajian dari IPMB yang menunjukkan terdapat trend penurunan populasi ketam bakau di Sabah. Antara lain program ini juga bertujuan untuk melestarikan alam sekitar. Sepanjang tempoh tahun 2022, sebanyak 4,490 ekor benih ketam bakau telah pun dilepaskan di Tasik Sitompok, Kuala Penyu dan Kampung Marudu Laut, Kota Marudu. Benih ketam bakau yang dilepaskan adalah dari spesies *Scylla tranquebarica* atau lebih dikenali sebagai ketam nipah sepit ungu yang mana dihasilkan di Hatcheri Krustasia IPMB. Saiz ketam yang dilepaskan adalah bersaiz 5mm hingga 25mm lebar karapas cangkerang dan berumur sekitar lapan (8) minggu selepas penetasan. Kolaborasi dan kerjasama antara institusi pengajian tinggi dan jabatan kerajaan seperti ini membolehkan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 dikecapi dengan lebih bermakna. Hal ini kerana kajian-kajian intelektual yang berkaitan dengan hidupan marin mahupun sungai yang dihasilkan oleh mahasiswa universiti boleh dimanfaatkan sepenuhnya dan seterusnya menambah nilai sektor perikanan akuakultur di negeri Sabah.



Benih ketam bakau dari spesies *Scylla tranquebarica* Yang Dilepaskan Di Kampung Marudu Laut, Kota Marudu



Program Pelepasan Benih Ketam Bakau Di Tasik Sitompok, Kuala Penyu



Program Pelepasan Benih Ketam Bakau Di Tasik Sitompok, Kuala Penyu

Sumber: Utusan Borneo, 1 Oktober, 2023

AKUAKULTUR PENYUMBANG PENTING SEKTOR PERIKANAN NEGERI SABAH



Projek Lestari Ketam Bakau Dalam Kolam Di Kg. Teritipan, Kota Marudu
Sumber: KO-Nelayan



Projek Lestari Ketam Bakau Dalam Kolam Di Kg. Nanamun, Kota Belud
Sumber: KO-Nelayan

***S**elf Sufficiency Level* (SSL) perikanan telah melebihi 100 peratus buat beberapa tahun berturut-turut dan kini Sabah menjadi negeri pengeksport utama hasil perikanan di Malaysia yang mana telah menyumbang kepada Imbangan Dagangan (*Balance of Trade*) positif sekitar RM600 juta hingga RM900 juta setahun. Sememangnya potensi sub-sektor perikanan adalah sangat besar dan boleh terus dikembangkan kepada produk hiliran seperti keropok ikan, produk ikan dalam tin dan sebagainya. Bagi memastikan pengeluaran perikanan dapat menampung keperluan semasa, Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan (KO-Nelayan) telah mengambil inisiatif untuk merealisasikan beberapa projek ternakan perikanan akuakultur seperti Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar, Projek Lestari Ketam Bakau Dalam Kolam dan Projek Propagasi Batu Karang. Pada tahun 2022, Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar yang bertempat di Kampung Trayong, Tuaran telah berhasil mengeluarkan sebanyak 7.26 tan bersamaan dengan 7,125 ekor ikan marin. Selain itu, dua (2) buah Kolam Ketam Bakau telah pun dibangunkan di Kampung Teritipan, Kota Marudu dan Kampung Nanamun, Kota Belud dalam usaha meningkatkan pengeluaran ketam bakau di masa akan datang. Secara langsung, projek seperti ini dapat memaksimumkan penggunaan aset negeri yang terbiar dan membuka ruang dan peluang pekerjaan kepada para graduan dan orang ramai yang berminat mengusahakan industri perikanan akuakultur.



Proses Melepaskan Ternakan Ke Dalam Sangkar Ikan di KO-Nelayan Trayong, Tuaran
Sumber: KO-Nelayan

Sumber: Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah, Suku Tahun 1, 2023

KERJASAMA KO-NELAYAN DENGAN INSTITUT KAJIAN BORNEO, KOLEJ UNIVERSITI YAYASAN SABAH MELALUI PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KOMUNITI LUAR BANDAR: HATCHERI DAN PENTERNAKAN TILAPIA

Melalui kolaborasi antara Korporasi Kemajuan Perikanan dan Perikanan Sabah (KO-NELAYAN) dan Kolej Universiti Yayasan Sabah di bawah tajaan ditaja oleh APPGM-SDG yang telah berlangsung selama 3 bulan bermula Julai hingga September tahun lepas, seramai 15 orang peserta telah diberikan latihan intensif berkenaan kemahiran penternakan ikan tilapia. Antara latihan yang telah dilaksanakan termasuklah Latihan Penyelenggaraan *Hatcheri*, Latihan Kolam Gantian Kaca serta Latihan Pemasaran Produk Akuakultur. Selaras dengan tuntutan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), kaedah pelaksanaan projek ini adalah melalui penglibatan pihak kerajaan dan bukan kerajaan dalam memastikan pembangunan komuniti bersifat mampan. Matlamat utama program ini adalah bagi menggalakkan nelayan menceburi bidang akuakultur dan keusahawanan melalui pengadaptasian ilmu serta kemahiran akuakultur. Secara langsung, komuniti nelayan dapat menjana pendapatan isi rumah serta mengurangkan kebergantungan terhadap penangkapan hasil perikanan laut yang semakin berkurangan akibat pelbagai faktor. Sesi dialog dan perbincangan bersama komuniti setempat turut diadakan bagi mengenal pasti masalah dihadapi serta input daripada peserta sendiri mengenai cara penyelesaian masalah tersebut. Kolaborasi ini secara langsung menyumbang kepada agenda pertama iaitu *No Poverty* dan kedua, *Zero Hunger* dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Tuntasnya, pemerkasaan industri perikanan perlulah direalisasikan dengan kerjasama-kerjasama sedemikian rupa agar pembangunan bersifat lebih inklusif selaras dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya.



Ikan Tilapia Sumber: https://www.allaboutfeed.net/animal-feed/feed-additives/health-benefits-of-microalgae-fortified-tilapia-diet/

Sumber: Utusan Borneo, 3 Oktober 2022

INISIATIF MENAMBAH BAIK KEMUDAHAN PERIKANAN

SAFMA

MENAIK TARAF KEMUDAHAN DI KOMPLEKS PERIKANAN SAFMA, KOTA KINABALU

- Membaiki dan Menaik taraf 2 Unit Bilik Sejuk, 1 Unit *Blasting Room* dan 2 Unit *Plate Freezer*
- Menaik taraf Loji Ais
- Penambahan 1 Jeti Pendaratan/Dewan Borong dan 1 Jeti Bekalan Diesel/Air
- Pembelian 1 unit Kapal Penangkap Ikan (Jerut dan Tunda)

Menaik taraf Loji Ais

Sepanjang tahun 2022, SAFMA telah memastikan penukaran kaedah penggunaan gas bagi bilik stor ais daripada kaedah gas *Ammonia Refrigeration System* kepada *Freon System 507* termasuk pengubahsuaian dua (2) bilik stor ais.



Semasa Pembinaan | **Selepas Pembinaan**



Pembaikan dan Penaiktarafan Bilik Sejuk, *Blasting Room* dan *Plate Freezer*

Bilik sejuk, *blasting room* dan *Plate Freezer* telah siap dibaik pulih dan juga dinaiktaraf sepenuhnya oleh pihak SAFMA.



Sebelum Pembinaan | **Selepas Pembinaan**



Penambahan 1 Jeti Pendaratan/Dewan Borong dan Jeti Bekalan Diesel/Air

Jeti Pendaratan yang baharu akan dibina di Kompleks Perikanan SAFMA, Kota Kinabalu. Setakat bulan Disember 2022, Reka bentuk jeti telah selesai dan dikemukakan kepada DBKK. Reka bentuk baharu ini akan dapat menampung dua (2) kali ganda keperluan jeti untuk pendaratan ikan dan bekalan diesel/air.



Cadangan Lokasi Penambahan Jeti

Sumber: Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd., Suku Tahun 1, 2023



SEKTOR UTAMA FOKUS PERTUMBUHAN EKONOMI:

SEKTOR PERINDUSTRIAN

SEKTOR PERINDUSTRIAN

PELABURAN SK NEXILIS (M) SDN. BHD. PEMBINAAN KILANG KERAJANG TEMBAGA



Pencapaian terbesar dalam Sektor Perindustrian ialah pelaburan baharu berteknologi tinggi oleh Syarikat SK Nexilis (M) Sdn. Bhd. (syarikat daripada Korea Selatan) yang bernilai RM4.28 bilion. Pelaburan ini bertujuan untuk pembinaan sebuah kilang pembuatan kerajang tembaga (*copper foil*) di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) di tapak berkeluasan 100 ekar. Melalui pendekatan mesra pelabur, Perjanjian Pajakan Tanah antara Kerajaan Negeri yang diwakili Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan dengan SK Nexilis telah dimeterai pada 26 Julai 2021. Melalui pembinaan kilang ini, sebanyak 7,000 peluang pekerjaan bagi fasa pembinaan dan 500 peluang pekerjaan sepenuh masa akan tersedia apabila beroperasi. Kilang ini juga berupaya menghasilkan pengeluaran kerajang tembaga berjumlah 50 ribu tan metrik setiap tahun dan akan beroperasi pada bulan September 2023. Status kemajuan pembinaan kilang setakat Februari 2023 ialah 68.8 peratus.

GARIS MASA PELAKSANAAN PROJEK:

24 MAC 2021

Memorandum of Understanding (MOU) Timbalan Ketua Menteri II Merangkap Mantan Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan, YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam menandatangani Perjanjian Persefahaman dengan Ketua Pegawai Eksekutif SK Nexilis (M) Sdn. Bhd., Encik Shin Dong Hwan

26 JULAI 2021

Momorandum of Agreement (MOA) Timbalan Ketua Menteri II Merangkap Mantan Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan, YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam selaku pengerusi KKIP Sdn. Bhd. menandatangani Memorandum Perjanjian dengan Ketua Pegawai Eksekutif SK Nexilis (M) Sdn. Bhd., Encik Shin Dong Hwan

28 JULAI 2021

Pembinaan Kilang bermula

APRIL 2023

Status Kemajuan Pembinaan Kilang: **75.9%**

SEPTEMBER 2023

Jangkaan siap dan beroperasi sepenuhnya dengan kapasiti pengeluaran kerajang tembaga sebanyak **50 ribu tan metrik setahun**

SEKTOR PERINDUSTRIAN

PELABURAN SBH KIBING SILICON MATERIALS (M) SDN. BHD. PEMPROSESAN PASIR SILIKA& PELABURAN SBH KIBING SOLAR NEW MATERIALS (M) SDN. BHD. PENGHASILAN KACA SOLAR



Pelaburan kedua terbesar adalah pembinaan kilang pemprosesan pasir silika dan penghasilan kaca solar oleh SBH Kibing Solar New Materials (M) Sdn. Bhd. (syarikat daripada China) dengan nilai pelaburan berjumlah RM2.0 bilion dengan keluasan 130 ekar di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP). Sejumlah 1,800 peluang pekerjaan bagi sepenuh masa di KKIP dan 300 peluang pekerjaan bagi pekerjaan sepenuh masa di Sikuati, Kudat apabila kilang ini sudah beroperasi. Dijangkakan pada September 2023, kilang ini akan beroperasi sepenuhnya dengan kapasiti pengeluaran pasir silika sebanyak 45,200 tan (2023), manakala penghasilan kaca dijangka sebanyak 12,000 tan pada tahun 2023 dan 670,000 tan pada tahun 2024. Status kemajuan pembinaan kilang setakat Februari 2023 ialah 25 %.

GARIS MASA PELAKSANAAN PROJEK:

18 JANUARI 2022

MoU telah ditandatangani

17 MAC 2022

Majlis menandatangani perjanjian pajakan tanah

NOVEMBER 2022

Pembinaan Kilang bermula

APRIL 2023

Status Kemajuan Pembinaan Kilang: **29.0%**

OKTOBER 2023

- Jangkaan siap dan beroperasi sepenuhnya dengan kapasiti pengeluaran:
  - **12,000 tan (Tahun 2023) – Penghasilan Kaca**
  - **45,200 tan (Tahun 2023) – Penghasilan Pasir Silika**

SEKTOR PERINDUSTRIAN

PROJEK PERKILANGAN YANG TELAH DILULUSKAN DI SABAH (PELABURAN ASING DAN DOMESTIK) SEPANJANG TAHUN 2020 HINGGA 2022

Jumlah Keseluruhan Pelaburan: RM25,196,286,335.00

5381 Peluang Pekerjaan

11 SUB-INDUSTRI

INDUSTRI PRODUK ASAS LOGAM
Bilangan Pelabur: 1
Peluang Pekerjaan: 382
Nilai Pelaburan: RM4,286,300,773.00

INDUSTRI PRODUK PETROLEUM DAN PETROKIMIA
Bilangan Pelabur: 2
Peluang Pekerjaan: 750
Nilai Pelaburan: RM16,735,510,000.00

INDUSTRI JENTERA DAN PERALATAN
Bilangan Pelabur: 1
Peluang Pekerjaan: 9
Nilai Pelaburan: RM4,000,000.00

INDUSTRI PRODUK MINERAL BUKAN LOGAM
Bilangan Pelabur: 3
Peluang Pekerjaan: 1,762
Nilai Pelaburan: RM2,521,061,686.00

INDUSTRI PRODUK LOGAM FABRIKASI
Bilangan Pelabur: 4
Peluang Pekerjaan: 111
Nilai Pelaburan: RM91,256,989.00

INDUSTRI PEMBUATAN PLASTIK
Bilangan Pelabur: 7
Peluang Pekerjaan: 452
Nilai Pelaburan: RM109,520,922.00

INDUSTRI PEMBUATAN MAKANAN
Bilangan Pelabur: 13
Peluang Pekerjaan: 937
Nilai Pelaburan: RM354,157,399.00

INDUSTRI PERALATAN PENGANGKUTAN
Bilangan Pelabur: 7
Peluang Pekerjaan: 236
Nilai Pelaburan: RM400,241,909.00

INDUSTRI PERABOT DAN PERALATAN
Bilangan Pelabur: 2
Peluang Pekerjaan: 107
Nilai Pelaburan: RM48,080,000.00

INDUSTRI PERKAYUAN DAN PRODUK KAYU
Bilangan Pelabur: 4
Peluang Pekerjaan: 128
Nilai Pelaburan: RM64,682,000.00

INDUSTRI PEMBUATAN MINUMAN DAN TEMBAKAU
Bilangan Pelabur: 3
Peluang Pekerjaan: 30
Nilai Pelaburan: RM117,695,800.00

Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Setakat Tahun 2020 hingga Tahun 2022

SEKTOR PERINDUSTRIAN

MENARIK PELABURAN BERIMPAK TINGGI DI TAMAN-TAMAN PERINDUSTRIAN

PELABURAN SK NEXILIS (M) SDN. BHD. PEMBINAAN KILANG KERAJANG TEMBAGA

- Nilai pelaburan: **RM4.28 bilion**
- Lokasi: **Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP).**
- Peluang Pekerjaan: **7,000 fasa pembinaan; 500 sepenuh masa**
- Pengeluaran: **50 ribu tan metrik** setiap tahun
- **30 jurutera tempatan Sabah dihantar ke Korea Selatan** untuk mendapatkan latihan lanjutan
- Beroperasi sepenuhnya pada **September 2023**
- Pencapaian April 2023: **75.9%**
- Kapasiti Pengeluaran: **11,000 tan (2023) dan 57,000 tan (2024)**

PELABURAN SBH KIBING SOLAR NEW MATERIALS (M) SDN. BHD. PEMPROSESAN PASIR SILIKA DAN PENGHASILAN PANEL SOLAR

- Nilai pelaburan: RM2.0 bilion
- Lokasi: **Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP).**
- Peluang Pekerjaan: **1,627 peluang pekerjaan**
- **Pemajakan tanah selama 30 tahun seluas 130 ekar**
- Beroperasi sepenuhnya pada **Oktober 2023**
- Pencapaian April 2023: **29.0%**
- Kapasiti Pengeluaran:
  - **12,000 tan (2023) dan 670,000 tan (2024) – Penghasilan Kaca**
  - **45,200 tan (2023) – Penghasilan Pasir Silika**

SEKTOR PERINDUSTRIAN

BERKOLABORASI DENGAN OUTLET PASAR RAYA UNTUK MEMASARKAN PRODUK USAHAWAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

Pasar raya BATARAS Fasa 1 hingga 8 merupakan program kolaborasi di antara DIDR dan Bataras Sdn. Bhd. yang berjalan sejak Julai 2020 sehingga kini.

PENCAPAIAN PEMASARAN PRODUK INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

PERKARA/ TAHUN	FASA BATARAS	BILANGAN USAHAWAN	STOCK KEEPING UNIT (SKU)	JUALAN (RM)
2020	1 & 2	101	196	1,180,756.00
2021	3, 4, 5 & 6	83	93	2,992,911.84
2022	7 & 8	45	45	1,387,005.03
JUMLAH		**229**	**334**	**5,560,672.87**

Sumber: Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan Sabah (DIDR), Setakat September 2020 – Disember 2022

SEKTOR PERINDUSTRIAN

BERKOLABORASI DENGAN OUTLET PASAR RAYA UNTUK MEMASARKAN PRODUK USAHAWAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

Kedai Mesra PETRONAS merupakan program kolaborasi di antara DIDR dan PETRONAS Dagangan Bhd untuk memasarkan produk makanan dan minuman 42 outlet Kedai Mesra PETRONAS setiap hari di seluruh Sabah.

i. **Setakat Disember 2022, seramai 243 usahawan telah terpilih untuk memasarkan produk di Kedai Mesra di seluruh Sabah; dan**
ii. **Jumlah jualan produk sebanyak RM1.05 juta setakat Disember 2022.**

PENCAPAIAN PEMASARAN PRODUK INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

PERKARA/ TAHUN	BILANGAN USAHAWAN	OUTLET	STOCK KEEPING UNIT (SKU)	JUALAN (RM)
2021	173	42	336	175,511.00
2022	70		70	875,685.00
JUMLAH	**243**	**42**	**406**	**1,051,196.00**

Sumber: Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan Sabah (DIDR), Setakat September 2020 – Disember 2022

SEKTOR PERINDUSTRIAN

BERKOLABORASI DENGAN OUTLET PASAR RAYA UNTUK MEMASARKAN PRODUK USAHAWAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

Authentic Sabah Mart yang bertapak di GM Klang merupakan pusat pemasaran produk-produk IKS Sabah di pasar raya Semenanjung Malaysia. Pusat IKS ini telah mula beroperasi pada bulan September 2022.

PENCAPAIAN PEMASARAN PRODUK INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

PERKARA/ TAHUN	BILANGAN USAHAWAN	STOCK KEEPING UNIT (SKU)	JUALAN (RM)
September hingga Disember 2022	81	227	RM26,954.96

Sumber: Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan Sabah (DIDR), Setakat September 2020 – Disember 2022

SEKTOR PERINDUSTRIAN

PLATFORM E-DAGANG

Kerjasama antara Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan (MIDE) serta Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan (DIDR) bersama pihak swasta menyediakan platform e-dagang untuk melonjakkan perdagangan dalam talian. Platform ini sebagai usaha kerajaan dan pihak swasta untuk meluaskan pasaran usahawan industri kecil dan sederhana ke peringkat global.

- **MyBorneoShop**
- **PERDIKS Coop Mart**
- **Gobiz**
- **Tamuku**

KAWASAN INDUSTRI HAB HALAL KKIP

Anggaran Pelaburan Domestik:
RM62.20 Juta

Tapak kilang operasi telah digunapakai:
38.08 Ekar


Jumlah pekerja
398 orang

SEKTOR PERKILANGAN

- PEMBUATAN KOPI & PRODUK BIJIRIN
- PEMBUATAN PRODUK MINUMAN
- KILANG PEMBUATAN DAN GUDANG FASILITI UNTUK KERJA PEMBUATAN, PENYIMPANAN MINUMAN DAN PRODUK TENUSU
- KILANG PEMPROSESAN BERAS DAN GUDANG PENYIMPANAN
- PUSAT GUDANG SERTA PENGEDARAN PRODUK MINUMAN, BAHAN MAKANAN KERING DAN BARANGAN PENGGUNA (FMCG)

SEKTOR PERINDUSTRIAN

PERUNTUKAN KEPADA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN



Sumber: Ucapan Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2023

Sepanjang dua (2) tahun pelaksanaan Hala Tuju Sabah Maju Jaya, sejumlah **RM149.82 Juta (2021-2023**) peruntukan telah disalurkan kepada Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan untuk tujuan pembangunan sektor perindustrian di negeri Sabah.

PROJEK PERKILANGAN YANG TELAH DILULUSKAN DI SABAH

Bil.	TAHUN	PELABURAN ASING (RM)	PELABURAN DOMESTIK (RM)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
1	2021	4,379,468,220	RM481,952,913.00	4,861,421,133
2	2022	7,587,156,752	RM793,997,384.00	8,381,154,136
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		RM1,275,950,297.00	RM11,966,624,972.00	RM13,242,575,269.00

Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Setakat Tahun 2020 hingga Tahun 2022

Sektor perindustrian merupakan sektor penting yang juga berperanan sebagai nadi penggerak kepada pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah. Berdasarkan sumber daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Sabah telah berjaya memperolehi sejumlah **RM1.28 bilion pelaburan asing** dan **RM11.97 bilion pelaburan domestik** bagi Tahun 2021 hingga 2022. Apa yang membanggakan lagi, Sabah telah menjadi negeri tempat **kelima** terbesar di Malaysia dengan nilai pelaburan asing dan domestik sejumlah **RM8.4 bilion** dalam sektor perkilangan bagi tahun 2022.

SEKTOR PERINDUSTRIAN

KEMPEN BELILAH BARANGAN BUATAN SABAH

28 JULAI 2022

Kempen Belilah Barangan Buatan Sabah telah dilancarkan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor, Ketua Menteri pada awal tahun telah menunjukkan impak positif dan merancakkan sektor perniagaan di Sabah. Pusat Produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Sabah (IKS Mart Papar) telah dilancarkan di Papar Square. Kempen ini telah merangsang pertumbuhan ekonomi domestik dengan peningkatan pembelian dan penggunaan produk tempatan. Inisiatif Kerajaan Negeri melalui MIDE bagi membantu usahawan Sabah juga turun dijalankan melalui pemasaran produk IKS dengan kerjasama Kedai Mesra PETRONAS dan Pasar raya BATARAS, pemberian mesin, kursus-kursus pembungkusan serta pelabelan.

Pewujudan kedai-kedai IKS di Kota Kinabalu, Beaufort, Ranau dan Papar bertujuan untuk membantu pemasaran produk Sabah serta memberi pendedahan kepada usahawan yang mengendalikan kedai IKS agar mereka menjadi usahawan berjaya. Hasil program kolaborasi dengan Pasar raya Bataras, Kedai Mesra Petronas dan Pusat Produk IKS di Kota Kinabalu, Beaufort serta Ranau telah mencapai jumlah hasil jualan sebanyak RM5.9 juta. Bagi menambah lagi jumlah jualan produk IKS dan membolehkan produk buatan Sabah dapat dipasarkan ke setiap pelosok negeri, MIDE kini dalam perancangan untuk menambah pusat Produk IKS di daerah Tuaran, Kota Marudu, Keningau dan Tawau.

FORUM PELUANG PELABURAN DI TAMAN-TAMAN PERINDUSTRIAN SABAH



20 OGOS 2022

Sesi Forum Peluang Pelaburan di Taman-Taman Perindustrian Sabah anjuran Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan (MIDE), Invest Sabah Berhad dengan Kerjasama Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) Sabah telah diadakan sebagai usaha untuk mempromosikan Taman-Taman Perindustrian Sabah di bawah MIDE. Forum ini menyasarkan dapat menarik pelabur asing dan domestik. Seramai lebih 200 orang dari 90 syarikat telah menyertai forum ini.

SEKTOR PERINDUSTRIAN

PEMETERAIAN *SALES AND PURCHASE AGREEMENT* DI ANTARA POIC SABAH SDN. BHD. DAN SYARIKAT GAMALUX OILS SDN. BHD.

06 SEPTEMBER 2022

Satu majlis menandatangani perjanjian pelaburan telah disempurnakan dalam majlis pelancaran Pelabuhan Kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC) di antara Syarikat Gamalux Oils Sdn. Bhd. dan POIC Sabah Sdn. Bhd. dan disaksikan oleh Ketua Menteri Sabah serta Pengerusi Lembaga Pengarah POIC Sabah. Syarikat Gamalux Oils ini telah beroperasi sepenuhnya pada tahun 2016 sehingga kini di Lahad Datu. Perjanjian itu merangkumi membeli dan penggunaan *bulking installation* di POIC. MoU penyewaan tangki dimeterai untuk pembinaan kilang oleokimia. Kilang oleokimia dan asid lemak pertama di kepulauan Borneo bakal dibina atas keluasan 1.21 hektar Kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC) dengan memakan kos berjumlah RM300 juta.



Kilang ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2024 dengan sasaran perolehan RM2.0 Bilion bagi tempoh 4 tahun akan datang. Kilang ini akan beroperasi dengan kapasiti penuh sebanyak 120,000 tan setahun dengan penggunaan kontena sebanyak 200 buah sebulan. Projek ini membuka peluang pekerjaan untuk seramai 200 orang untuk penduduk setempat.

KERJASAMA PENGENDALIAN PERKAPALAN DAN LOGISTIK KOREA SELATAN

30 SEPTEMBER 2022

POIC Sabah Sdn. Bhd. telah mengadakan majlis menandatangani Bersama syarikat Dongnam A Circulated Co Ltd pada 30 September lepas untuk menyewa seluas 4.5 ekar tanah selama 20 tahun bagi tujuan pembinaan tapak logistik. Dengan termeterainya MoU ini, syarikat Dongnam mengiktiraf POIC Lahad Datu dan berpotensi di pantai timur Sabah sebagai pos ideal untuk pasaran di Timur Asia. Selain itu, Kerajaan Negara Korea Selatan juga telah meluluskan permohonan syarikat Dongnam untuk beroperasi bagi laluan perkapalan POIC-Busan.



Pihak Dongnam juga ingin menjadikan Lahad Datu sebagai pemangkin pembangunan dalam sistem perdagangan yang berhubung dengan perindustrian Korea Selatan dengan menggunakan sumber daripada Sabah dan kawasan sekitar seperti negara Filipina, Indonesia dan Brunei. Pihak syarikat Dongnam memaklumkan POIC bahawa rakan kongsi mereka telah membuat perancangan untuk membangunkan kilang-kilang di POIC Lahad Datu dan menghantar produk Sabah ke Korea Selatan seperti makanan dan bahan pembinaan.

SEKTOR PERINDUSTRIAN

PERTUKARAN DOKUMEN PERJANJIAN JUAL BELI ASET DAN PERNIAGAAN GAS

17 OKTOBER 2022

Majlis pertukaran dokumen perjanjian jual beli perniagaan gas dan aset di antara Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. dan Petronas telah berlangsung. Perjanjian ini telah disempurnakan oleh Tuan Aidid Chee Tahir (Pengurus Besar Kanan Pengurusan Hidrokarbon Bersepadu, Pengurusan Petroleum Malaysia) bersama Tuan Adzmir Abdul Rahman (Ketua Pegawai Eksekutif mewakili SEC). Hasil daripada kemasukan Produk Petrochemical (PetChem) dalam enakmen *State Sales Tax 1998* (SST) dijangkakan Sabah bakal memperolehi RM2.45 bilion royalti dan bayaran cukai jualan negeri (SST) bagi tempoh setahun dari sektor minyak dan gas.



Petronas Chemical juga telah membuat sumbangan tambahan sebanyak RM10 Juta pada bulan Ogos 2022 kepada kutipan SST Sabah bagi pengoperasian SAMUR di Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (SOGIP).

INISIATIF MINYAK MASAK SAYANG

26 OKTOBER 2022

Anak syarikat Sawit Kinabalu (Kunak Edible Oil Sdn. Bhd., KEOSB) melancarkan produk minyak masak jenama “Sayang”. Minyak masak “Sayang” merupakan satu inisiatif untuk menangani masalah kekurangan bekalan minyak masak di negeri Sabah terutamanya di kawasan pedalaman. Minyak masak ini ditawarkan dengan harga bersubsidi yang dijual dengan harga RM2.50 sekilogram dan harga tidak bersubsidi berharga RM13.20 (2 Kilogram) dan RM31.00 (5 Kilogram).



Syarikat Sawit Kinabalu akan mengeluarkan minyak masak bersubsidi dengan kapasiti sebanyak 150 tan sebulan dan bagi tidak bersubsidi sebanyak 100 tan sebulan. Sawit Kinabalu juga melantik ejen-ejen pemasaran untuk menjual minyak masak.

SEKTOR PERINDUSTRIAN

KERAJAAN NEGERI SAMBUT BAIK LAWATAN AMBCWA KE SABAH

17 NOVEMBER 2022

Satu majlis telah berlangsung di Sabah International Conventional Centre (SICC) untuk menyambut kedatangan wakil daripada Australia Malaysia Business Chamber Western Australia (AMBCWA) yang diwakili oleh Tuan Bernard Chia (Timbalan Presiden AMBCWA) dan Puan Nicole Tan (Setiausaha AMBCWA) bagi lawatan kerja ke negeri Sabah. Taklimat ringkas mengenai potensi-potensi pelaburan bagi tiga (3) sektor utama yang menjana pendapatan negeri iaitu Sektor Pertanian, Perindustrian dan Pelancongan sempena lawatan kerja ini telah disampaikan oleh wakil daripada Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan (KPPK), Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan (MAFFI) dan Lembaga Pelancongan Sabah. Turut hadir YBhg. Datuk (Datu) Rosmadi Datu Sulai selaku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri merangkap Ketua Sekretariat Sabah Maju Jaya (SSMJ) bagi mempengerusikan taklimat tersebut.



Kerajaan Negeri Sabah melalui SSMJ menyambut baik lawatan kerja daripada AMBCWA ke Sabah dan berharap agar hubungan kerjasama di antara dua negara lebih erat dan perkongsian dua hala dari segi sektor pelancongan, perindustrian dan tidak lupa juga terhadap sektor pendidikan. Kerajaan negeri merancang untuk menghantar beberapa orang Pegawai Daerah untuk menyertai sesi lawatan ke negara Australia bagi tujuan perkongsian idea serta pengetahuan mengenai pelbagai sektor pembangunan negeri.

SEKTOR PERINDUSTRIAN

PETRONAS CAPAI *FINAL INVESTMENT DECISIONS* (FID) UNTUK *LIQUEFIED NATURAL GAS* (LNG)



27 DISEMBER 2022

YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor, Ketua Menteri Sabah dalam kenyataan media berkata bahawa pihak PETRONAS kini telah mencapai keputusan pelaburan akhir/ *Final Investment Decision* (FID) untuk kemudahan gas asli cecair / *Liquified Natural Gas* (LNG) berhampiran pantai di Sabah. Kontrak Perolehan, Pembinaan dan Pentauliahan Kejuruteraan (EPCC) untuk projek ini telah dianugerahkan kepada pemenang kontrak *Front End Engineering Design* (FEED) pada Oktober tahun lalu. Projek LNG ini merupakan satu Langkah yang tepat kerana Kerajaan Negeri akan terus mendapatkan lebih banyak tawaran bagi menambah lagi sumber pendapatan negeri melalui penyertaan ekuiti dalam sektor minyak dan gas di Sabah. Projek LNG ini juga akan memberikan manfaat ekonomi pelan jangka panjang *spin-off* dan memanfaatkan rakyat Sabah. Projek ini dijangka akan siap dan mula beroperasi pada suku tahun kedua tahun 2027 dengan penghasilan 2.0 juta tan setahun (MTPA) LNG setahun dan akan menjadi LNG terapung gabungan terbesar di dunia.

STRATEGI MENARIK PELABURAN OLEH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN (MIDE)

1. Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan (MIDE) akan menubuhkan Jawatankuasa Khas (*Task Force*) yang berfungsi sebagai penyelaras semua keperluan pelaburan dengan memastikan cadangan pelaburan dapat direalisasikan dan dipercepatkan pelaksanaan inisiatif pelaburan. Jawatankuasa Khas (*Task Force*) ini diwakili oleh agensi kerajaan negeri dan persekutuan.
2. Kerajaan Negeri akan memastikan infrastruktur dan utiliti bagi semua taman-taman perindustrian Sabah ditambah baik untuk memenuhi keperluan para pelabur.
3. Kerajaan Negeri melalui INVEST Sabah Berhad (ISB) iaitu agensi di bawah KPPK akan sentiasa mengambil Langkah proaktif untuk mempromosikan peluang pelaburan di negeri Sabah dan berperanan sebagai *One Stop Centre* (OSC) untuk menyelaras dan memudahcara cadangan – cadangan pelaburan.
4. KPPK menubuhkan *Sabah Trade and Tourism Office* (STTO) di Singapura berperanan untuk mempromosikan peluang – peluang pelaburan, perdagangan dan pelancongan yang boleh di bawah ke Sabah. Selain itu, STTO juga menjadi strategi untuk memudahcara pengurusan dan penyelarasan sesuatu cadangan pelaburan.
5. KPPK akan sentiasa bekerjasama dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA). Pihak MIDA akan membantu untuk mempromosikan Sabah sebagai destinasi pelaburan melalui cawangan pejabat di China, Korea Selatan dan Jepun.
6. Para pelabur juga akan menikmati tawaran insentif yang diberikan oleh MIDA dan SEDIA yang khususnya kepada industri hiliran. Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha mempercepatkan segala urusan dan permohonan yang berkaitan cadangan pelaburan daripada syarikat pelabur agar dapat direalisasikan dengan segera.

SEKTOR PERINDUSTRIAN

TASKFORCE

JAWATANKUASA KHAS (*TASK FORCE*) PELABURAN


- Memudahcara dan menyelaras setiap cadangan pelaburan untuk:
    1. Memenuhi keperluan (*wish list*) pelabur;
    2. Mempercepatkan kelulusan-kelulusan berkaitan; dan
    3. Menyelesaikan isu-isu berbangkit.
- Ahli-ahli jawatankuasa khas terdiri daripada agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

AHLI-AHLI JAWATANKUASA KHAS PELABURAN

1. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)
2. Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)
3. Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan (DIDR)
4. Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan (PHEDNP)
5. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
6. Jabatan Kastam Diraja Malaysia
7. Jabatan Imigresen Malaysia Cawangan Sabah
8. Jabatan Tenaga Kerja Sabah (JTK)
9. Kota Kinabalu Industrial Park Sdn. Bhd. (KKIP)
10. Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (LPPS)
11. Sabah Ports Sdn. Bhd.
12. Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB)
13. Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. (SEC)
14. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
15. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Negeri Sabah
16. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
17. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sabah dan W.P Labuan
18. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

SEKTOR PERINDUSTRIAN

PELAN INDUK GAS SABAH:
RANTAIAN GAS DAN INFRASTRUKTUR DI SABAH



4 TEMPAT PENERIMA HIDROKARBON:

1. **SABAH GAS TERMINAL (SBGAST), TUARAN;**
   - Kapasiti: 150 MMscfd (Juta Kaki Padu Standard sehari).
   - Pembekal gas kepada Loji Tenaga dan Industri Kecil di sekitar Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP).
2. **SABAH OIL AND GAS TERMINALS (SOGT), KIMANIS;**
   - Kapasiti: 1,250 MMscfd (Juta Kaki Padu Standard sehari).
   - Pembekal gas kepada Loji Tenaga di Kimanis, SOGIP dan Malaysia LNG (MLNG) melalui 512KM Sabah Sarawak Gas Pipeline (SSGP) dengan kapasiti 750MMscfd.
3. **LABUAN GAS TERMINAL 1 (LGAST 1), LABUAN;**
   - Kapasiti: 160 MMscfd (Juta Kaki Padu Standard sehari).
   - Pembekal gas kepada Loji 1 PETRONAS Chemicals Methanol, Loji Tenaga Patau-Patau dan Industri.
4. **LABUAN GAS TERMINAL 2 (LGAST 2), LABUAN;**
   - Kapasiti: 1,250 MMscfd (Juta Kaki Padu Standard sehari).
   - Pembekal gas kepada kepada Loji 2 PETRONAS Chemicals Methanol.

3
POTENSI PENJANA KEWANGAN DALAM INDUSTRI GAS ASLI

440 MMscfd LNG
Penjana Kewangan

Liquified Natural Gas (LNG)
320 MMscfd

PENGIMPORT LNG TERTINGGI
- Jepun – **38.4%**
- China – **26.9%**
- Korea Selatan – **15.9%**

Derivatif Petrokimia

PETROKIMIA DERIVATIF BERPOTENSI UNTUK DIJUAL
1. *Dimethylpyrazole Phosphate* (DMPP) *coated urea;*
2. *Compacted Nitrogen, Phosphorus and Potassium (NPK) fertiliser;*
3. *Polymer coated urea*;
4. *Formaldehyde*; dan
5. *Methylamine*.

Komersial dan lain-lain
120 MMscfd



SEKTOR UTAMA FOKUS
PERTUMBUHAN EKONOMI:

SEKTOR PELANCONGAN

SEKTOR PELANCONGAN

KEDATANGAN PELANCONG KE NEGERI SABAH



HASIL TERIMAAN PELANCONGAN (BILION)

2021	2022
RM0.6	RM3.18

JUMLAH KEDATANGAN PELANCONG

2021	2022
371,187	1,727,740

PELANCONG ANTARABANGSA

2021	2022
7,286	280,101

PELANCONG DOMESTIK

2021	2022
363,901	1,447,639

KINABALU HIGH ALTITUDE TRAINING CENTRE

Pembinaan sebuah pusat latihan untuk kegunaan para pendaki.

Pusat latihan yang dibangunkan sebagai persediaan pendaki elit mendaki Gunung Everest.

Cadangan Latihan Altitud Tinggi Gunung Kinabalu sebanyak 2 kali setahun



SABAH-MALAYSIA MY SECOND HOME PROGRAMME (SBH-MM2H)



Kabinet Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan dasar untuk pelaksanaan SBH-MM2H pada 01 Februari 2023

Pra-syarat permohonan SBH-MM2H merangkumi syarat umur, sijil perubatan dan akaun simpanan tetap di Sabah

SEKTOR PELANCONGAN

PRESTASI PENERBANGAN NEGERI SABAH



PENERBANGAN ANTARABANGSA	PENERBANGAN DOMESTIK
62	354
PENERBANGAN SEMINGGU	PENERBANGAN SEMINGGU

DASAR DAYA TAMPUNG PELANCONGAN

Kajian Kapasiti Daya Tampung (HDT) Menyelam di Taman Pulau Sipadan, Semporna telah dilaksanakan.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keboleh-tampungan bilangan penyelam di Pulau Sipadan

Seramai 254 orang penyelam sehari dibenarkan untuk melakukan aktiviti menyelam di Pulau Sipadan.



BILANGAN HOTEL MENGIKUT PENARAFAN BINTANG



9 ★★★★★	15 ★★★★	44 ★★★	43 ★★

Dalam segmen penginapan berbayar, penginapan hotel adalah pilihan tertinggi (28.5%) dalam kalangan pelancong diikuti oleh apartmen (4.6%), inap desa/rumah percutian (4.1%), rumah rehat (3.9%) dan chalet (1.8%). (**Survei Pelancongan Domestik, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021**)

SEKTOR PELANCONGAN
PENINGKATAN KEDATANGAN PELANCONG DOMESTIK & ANTARABANGSA

LEMBAGA PELANCONGAN SABAH



Syarikat Penerbangan Malaysia Airlines

Sabah telah berjaya mencapai sasaran ketibaan pelancong bagi tahun 2022 iaitu sebanyak 1.3 juta pelawat hanya dalam tempoh masa sepuluh (10) bulan sahaja.

Peningkatan ini merupakan indikator positif dengan peningkatan pelancong ke Sabahsejak ia terjejas akibat pandemik Covid-19. Sektor pelancongan telah mengalami penurunan dalam kadar penerimaan pelancong iaitu seramai 977,460 orang pada tahun 2020 dan seramai 371,187 orang tahun 2021. Namun, seiring peredaran masa, pada tahun 2022 dapat dilihat bahawa kedatangan pelancong ke negeri Sabah semakin meningkat.

Sehingga bulan Disember 2022, negeri Sabah telah menerima kedatangan pelancong seramai 1,727,740 dengan anggaran perbelanjaan pelancongan sebanyak RM3.18 bilion. Ini merupakan satu peningkatan yang besar iaitu sebanyak 433.0% berbanding tahun sebelum ini.

Melihat lebih dalam, pecahan angka tersebut terbahagi kepada sektor pelancongan domestik sebagai penyumbang terbanyak iaitu seramai 1,447,639 jumlah pelawat dengan kadar peningkatan sebanyak 297.8%. Manakala seramai 280,101 pelawat antarabangsa direkodkan dengan peningkatan bersamaan 3,744.4%.

SEKTOR PELANCONGAN

KINABALU HIGH ALTITUDE TRAINING CENTRE

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH TAMAN-TAMAN SABAH



Gunung Kinabalu



Puncak Gunung Kinabalu

Bagi tahun 2022, aktiviti pelancongan negeri terus dipergiat untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke Sabah. Melalui inisiatif Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah sebuah pusat latihan altitud tinggi akan dibangunkan di Gunung Kinabalu bagi kegunaan para pendaki.

Gunung Kinabalu yang tersergam indah dengan ketinggian 4,095 meter merupakan antara gunung tertinggi di Asia Tenggara dan tertinggi di Borneo. Pusat latihan khas ini dibangunkan untuk menyediakan kemudahan latihan bertaraf dunia yang menepati piawaian moden bertujuan memberi suasana prestasi tinggi demi kegunaan pendaki elit sebagai persediaan mendaki Gunung Everest.

Pusat Latihan ini terletak di Taman Kinabalu dengan keluasan 75,370 hektar (753.7km persegi) dan telah diwartakan sebagai Taman Negara pada tahun 1964. Tambahan pula, Taman Kinabalu juga telah diisytiharkan sebagai tapak warisan Dunia oleh UNESCO pada 2 Disember yang lepas.

Dengan pengisytiharan ini, kepentingan nilai alam semula jadi di peringkat dunia untuk kepentingan manusia diiktiraf.

Matlamat Pelan Strategik Taman-Taman Sabah untuk menjadikannya lokasi pilihan utama pelancongan berasaskan alam semulajadi menjelang tahun 2025 akan dapat direalisasiskan dengan terbinanya pusat latihan ini.

Puncak Gunung Kinabalu

SEKTOR PELANCONGAN
COMMUNITY BASED TOURISM

LEMBAGA PELANCONGAN SABAH

Pelancongan berasaskan komuniti atau lebih dikenali sebagai *Community Based Tourism* (CoBT) merupakan jenis pelancongan yang semakin mendapat perhatian daripada pelancong domestik mahupun antarabangsa. Negeri Sabah kaya dengan keindahan flora dan fauna, ini merupakan kelebihan yang terdapat di Sabah. Trend pelancongan selepas pandemik Covid-19 juga turut berubah di mana pelancong lebih gemar untuk memilih pelancongan yang berasaskan keindahan alam dan mempelajari budaya-budaya etnik sebagai ruang untuk melupakan kesibukan bandar.

Di samping itu, setiap daerah yang terdapat di Sabah masing-masing mempunyai keunikan dan budaya tersendiri. Setakat tahun 2022, pelancongan berasaskan komuniti (CoBT) mencatatkan sebanyak 55 lokasi. Antara lokasi CoBT adalah Penampang, Keningau, Kota Kinabalu, Tuaran, Kota Marudu, Papar, Kinabatangan, Semporna dan Kunak. Perkembangan lokasi CoBT ini merupakan indikator bahawa pelancongan berasaskan komuniti semakin mendapat tempat di hati pelancong. Pelancong didedahkan dengan budaya sekali gus keindahan alam sekitar.

Justeru itu, masyarakat luar melihat ianya adalah sesuatu yang membanggakan kerana Sabah masih mampu untuk melindungi warisan budaya ini sehingga sekarang. CoBT ini mampu memberi peluang kepada pelancong domestik dan antarabangsa untuk merasai pengalaman dan budaya etnik yang terdapat di Sabah.



Walai Tokou, Ranau



Mandalipau White Water View & Fishpond



Pinahawon Masakat View & Kolonutan Hill

SEKTOR PELANCONGAN
DESTINASI *COMMUNITY BASED TOURISM* (CoBT) DI SABAH


LEMBAGA PELANCONGAN SABAH



Mesilau Atamis Homestay



Tanak Nabalu Homestay



Maglami-Lami Water House



Kopel Batu Puteh & Miso Walai Homestay



Guas Nabalu Homestay



Tobilung Cultural House

SEKTOR PELANCONGAN

LAPANGAN TERBANG SANDAKAN, TAWAU & LAHAD DATU BERSTATUS LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA

KEMENTERIAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR



Lapangan Terbang Tawau



Lapangan Terbang Sandakan

Inisiatif untuk menjadikan Lapangan Terbang Sandakan, Tawau & Lahad Datu untuk menjadi status Lapangan Terbang Antarabangsa sedang berada dalam fasa kajian. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) sedang melaksanakan kajian *National Airports Strategic Plan* (NASP) yang telah dijalankan pada Mac 2022 dan dijangka selesai pada September 2023.

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hala tuju pembangunan lapangan-lapangan terbang di seluruh Malaysia dari segi pembangunan infrastruktur fizikal, keperluan ruang udara (*Airspace Requirement*), kajian ekonomi dan strategik agar pembangunan sesebuah lapangan terbang termasuk aktiviti-aktiviti sokongan seperti perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) dapat dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan sebenar berdasarkan dengan hasil dapatan kajian yang akan diperolehi kelak.

Justeru itu, sebarang cadangan untuk penaiktarafan mahupun pembinaan baharu akan ditangguhkan buat sementara waktu untuk memberi laluan kepada Kerajaan Persekutuan bagi menyiapkan kajian tersebut. Hal ini juga adalah untuk memastikan sebarang cadangan pembaikan yang akan dilakukan adalah berpandukan kepada hasil dapatan kajian.

SEKTOR PELANCONGAN
SABAH-MALAYSIA MY SECOND HOME PROGRAMME

KEMENTERIAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR



"Program berkenaan tidak akan mengikuti piawaian baharu yang dikeluarkan MM2H Persekutuan, sebaliknya kita akan jadikan SBH-MM2H lebih menarik kepada warga asing yang berhasrat dan menetap di Sabah."

YANG AMAT BERHORMAT
DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR
20 September 2022

Program 'Sabah Rumah KeduaKu' merupakan inisiatif untuk membuka peluang kepada pelancong asing berhijrah dan menetap di Sabah. Inisiatif ini dilihat mampu memberikan peluang kepada pelancong untuk merasai pengalaman menetap di negara luar pada tempoh tertentu.

Program ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri menerusi Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar yang diadaptasi daripada program Kerajaan Persekutuan iaitu *Malaysia My Second Home* untuk menarik dan memberi peluang kepada pelancong dari luar negara yang memenuhi kriteria untuk menetap di Sabah.

KRITERIA PERMOHONAN SBH-MM2H

1. Sekurang-kurangnya menetap di Sabah selama 30 hari setahun
2. Tempoh diluluskan untuk individu/keluarga menetap di Sabah ialah 5+5 tahun sahaja
3. Membeli hartanah bernilai RM600,000 dan ke atas sahaja
4. Memiliki Sijil Kelakuan Baik dari negara asal
5. Mengemukakan Sijil Pemeriksaan Kesihatan
6. Membuka akaun bank tempatan dengan deposit tetap sekurang-kurangnya RM200,000

SEKTOR PELANCONGAN

DASAR DAYA TAMPUNG PELANCONGAN

KEMENTERIAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR



Pulau Sipadan

Pulau Sipadan diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai salah satu lokasi menyelam terbaik di dunia. Ia terletak di Semporna iaitu di Lautan Celebes, di luar pantai timur Sabah, Malaysia dan satu-satunya pulau lautan di Malaysia.

Pulau Sipadan mempunyai ketinggian 600 meter dari dasar laut dan tersenarai antara 77 bentuk muka bumi yang ajaib dan terbaik dunia pada Julai 2009.

Pulau Sipadan mempunyai 11 kawasan menyelam dengan tarikan yang unik. Dimana Pulau Sipadan berada di dalam lingkungan *Coral Triangle* yang kaya dengan sebanyak 600 spesies dan terumbu batu karang. Kedalaman laut sekitar Pulau Sipadan menempatkan habitat lebih 400 spesies marin yang menjadi tarikan kepada penyelam dan pelancong sama ada domestik dan antarabangsa.



Aktiviti Menyelam Bersama Ikan

Kajian Kapasiti Daya Tampung (HDT) Menyelam di Taman Pulau Sipadan, Semporna.

Inisiatif di bawah Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar melalui Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah telah melaksanakan satu kajian mengenai Dasar Daya Tampung Pelancongan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kekuatan tampung bilangan penyelam di Pulau Sipadan. Gangguan manusia dan penyelam didapati boleh menyebabkan spesies hidupan laut untuk lari dan berpindah dari kawasan asal mereka.

Selain itu, Pulau Sipadan turut terdedah kepada arus yang kuat dan menyebabkan hakisan pantai yang berterusan. Impak daripada hakisan ini ianya mengubah struktur pulau secara keseluruhannya dan mengancam pembangunan infrastruktur di atas pulau. Disebabkan Pulau Sipadan yang terdedah kepada bencana alam yang kerap, kajian ini akan meneliti kaedah untuk menggelak atau mengurangkan bencana di pulau ini.

Di samping itu, kajian ini dalam peringkat pengumpulan data dan menggunakan *Systematic Literature Review* (SLR). Kajian ini akan melengkapkan kaedah *literature review* dengan pemerhatian, lawatan padang, tinjauan pulau dan bawah laut seterusnya analisis. Kajian ini telah bermula pada Disember 2022 dan mengambil masa selama 6 bulan untuk disiapkan. Manakala, tarikh penerimaan draf laporan akhir kajian ini pada bulan Jun 2023.

Kajian ini akan memberikan gambaran komprehensif tentang Pulau Sipadan dan masa depan tampungan serta kelestarian hijau.

SEKTOR PELANCONGAN
DASAR DAYA TAMPUNG PELANCONGAN

KEMENTERIAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR



Aktiviti Menyelam di Pulau Sipadan

Persekitaran kawasan pelancongan sewajarnya perlu sentiasa dalam keadaan yang selamat bagi memastikan ia selesa untuk dikunjungi. Keterancaman daya tampung fizikal merupakan ancaman yang mampu membawa sesebuah destinasi pelancongan dalam fasa kemerosotan bahkan akan menjejaskan tahap kepuasan pengunjung dan keinginan untuk mengadakan lawatan ulangan ke destinasi tersebut. Oleh itu, melalui Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah, inisiatif mewujudkan dasar daya tampung ini adalah untuk melindungi sesebuah kawasan pelancongan yang berpotensi untuk menjadi kawasan tarikan utama kepada pengunjung.

Pihak Taman-Taman Sabah telah mewujudkan dasar daya tampung pengunjung yang datang untuk melakukan aktiviti-aktiviti di Taman-taman Sabah dengan mengehadkan jumlah pengunjung yang datang.

PENETAPAN DASAR DAYA TAMPUNG

Aktiviti mendaki Gunung Kinabalu hanya dibenarkan seramai 163 pendaki sehari.

Aktiviti menyelam yang dibenarkan di Pulau Sipadan adalah seramai 254 orang sehari.

Pengunjung bagi setiap pulau/stesen dihadkan seramai 350 orang untuk satu-satu masa.

SEKTOR PELANCONGAN
LALUAN PENERBANGAN BAHARU, DOMESTIK ANTARABANGSA & SEWA KHAS

LEMBAGA PELANCONGAN SABAH



Syarikat Penerbangan Scoot



Penerbangan Air Busan

Sebagai usaha untuk membangunkan semula sektor pelancongan Sabah, Lembaga Pelancongan Sabah bekerjasama dengan pihak Malaysia Airport Berhad (MAB) untuk mewujudkan laluan penerbangan sebagai inisiatif meningkatkan kedatangan pelancong.

Terdapat sebanyak 354 seminggu untuk penerbangan terus dari Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Labuan ke Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Syarikat penerbangan yang beroperasi untuk laluan penerbangan domestik adalah Malaysia Airlines, Air Asia, Batik Air, MYAirline dan Firefly.

Bagi laluan penerbangan antarabangsa, negeri Sabah menerima 62 penerbangan antarabangsa seminggu setakat Disember 2022. Sebanyak 9 syarikat penerbangan iaitu Malaysia Airlines, Air Asia, AirAsia Zest, Scoot Airlines, Royal Brunei, Jeju Air, Jin Air, Air Busan dan Cebu Pacific mengendalikan penerbangan terus dari Singapura, Brunei, Taipei, Hong Kong, Narita, Incheon, Busan, Manila dan Bangkok ke Kota Kinabalu pada masa ini.

MYAirline telah memulakan penerbangan sulungnya dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu pada 1 Disember 2022.


Selain itu, Sabah juga meraikan penerbangan semula Air Busan dari Incheon ke Kota Kinabalu pada 24 Jun 2022 dan penerbangan sulung Jin Air dari Busan ke Kota Kinabalu bermula pada 23 Disember 2022.

Di samping itu, pada 02 Mac 2023 ketibaan seramai 140 pelancong dari Guangzhou yang tiba di Sabah menerusi penerbangan terus daripada China sejak pandemik lalu. Manakala, ketibaan pelancong dari Shenzhen pula tiba pada 03 Mac 2023. Ketibaan pelancong dari China ini menerusi syarikat penerbangan Air Asia.

Peningkatan kemasukan pelancong semakin ketara sama ada domestik dan antarabangsa. Ini merupakan petunjuk yang positif dalam usaha untuk memulihkan semula sektor pelancongan negeri.

SEKTOR PELANCONGAN
TAMAN BUDAYA SABAH
(SABAH CULTURAL VILLAGE)

LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH



Peta Tapak Taman Budaya

Keunikan di Sabah pastinya mempunyai potensi yang cukup besar untuk dikembangkan kerana inilah khazanah warisan yang tidak ternilai harganya selain daripada memastikan budaya suku kaum di negeri ini terus terpelihara. Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) telah memperkenalkan konsep Taman Budaya Sabah untuk menjaga dan melindungi adat budaya setiap etnik dalam setiap daerah di Sabah. Bukan itu sahaja, pengusaha tempatan juga dapat memasarkan produk-produk mereka melalui program ini selain daripada menambah tarikan pelancongan khususnya pelancongan budaya.

Inisiatif ini sudah semestinya dapat memajukan lagi sektor pelancongan Sabah menerusi kekayaan warisan budaya etnik di negeri ini dengan memartabatkan aspek kebudayaan dan kesenian. Justeru, kita berharap agar program seperti ini akan lebih maju pada masa akan datang sekali gus menjadi salah satu destinasi 'hotspot' di negeri bawah bayu ini.

TUJUAN PENUBUHAN TAMAN BUDAYA SABAH

- Menjadi sebuah pusat pelancongan unggul berasaskan produk kebudayaan dan kesenian pelbagai etnik di Sabah.
- Menjadi pusat pemasaran untuk mempromosi pelancongan budaya di seluruh Sabah.
- Menjadi pusat pertunjukan/demonstrasi, pengembangan dan penyelidikan aktiviti kebudayaan di Sabah
- Menjadi pusat penggambaran untuk filem-filem bertemakan Sabah
- Menjadi tapak atau tuan rumah acara-acara kebudayaan dan kesenian



Lakaran Awal Taman Budaya

SEKTOR PELANCONGAN
PRODUK PELANCONGAN SABAH

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH TAMAN-TAMAN SABAH


CORAL ADOPTION PROGRAMME

Program *Coral Adoption* yang menggunakan *Coral Frame* merupakan sokongan kepada pembangunan dan konservasi alam semula jadi. Kaedah ini direka khas oleh penyelidik dari luar negara telah berjaya menjalankan restorasi karang di kawasan terumbu mereka.

Program ini telah dilancarkan pada 25 Julai 2022 yang bertujuan untuk membuka platform kepada masyarakat umum dalam sama-sama menjalankan restorasi karang di Taman Tunku Abdul Rahman, Kota Kinabalu. Platform ini berasaskan atas talian yang memudahkan orang awam untuk mengikuti program ini. Lokasi *coral frame* adalah di Pulau Manukan dan Pulau Sulug.

Di samping itu, sepanjang tahun 2021, sebanyak 8 *coral frame* telah dianak angkatkan oleh peserta program ini. Taman-Taman Sabah mempunyai kakitangan yang sentiasa menjalankan pemantauan dan pembersihan bagi memastikan karang yang ditanam berada dalam keadaan yang baik.

Sambutan daripada orang awam terhadap program ini adalah memberangsangkan dengan penyertaan ramai daripada pihak NGO. Pada tahun 2022 pula, sebanyak lapan *coral frame* telah diadopsi setelah ianya dilancarkan.



***Coral Frame* di Dasar Laut**



Aktiviti *Coral Frame*

SEKTOR PELANCONGAN
PRODUK PELANCONGAN SABAH

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH TAMAN-TAMAN SABAH

WILD ORCHID ADOPTION PROGRAMME



Pelbagai Jenis Spesies Orkid

Program ini merupakan salah satu program yang dikendalikan oleh Taman-Taman Sabah di bawah inisiatif Sabah Maju Jaya (SMJ) dan dilaksanakan di Pusat Pemuliharaan Orkid Poring (POCC), Stesen Mata Air Panas Poring, Ranau.

Program ini telah dilancarkan pada 01 Disember 2022 oleh YBhg. Puan Rimi Repin, Timbalan Pengarah Taman-Taman Sabah. Program telah dibuka kepada orang awam termasuk antarabangsa.

Sistem dalam talian juga telah siap dibangunkan dan boleh diakses di laman web rasmi Taman-Taman Sabah. Tujuan utama program ini adalah untuk menarik minat masyarakat terhadap keunikan spesies orkid tempatan dan seterusnya meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pemuliharaan spesies orkid. Di samping untuk menjana pendapatan Kerajaan Negeri Sabah. Di samping itu, di antara spesies orkid yang boleh diadopsi/ditaja ialah *Paphiopedillum rotschildianum* ataupun lebih dikenali sebagai orkid selipar, Orkid Telinga Gajah ataupun *Phalaenopsis gigantea, Renanthera bella, Coelogyne pendurata* dan sebagainya.

Bayaran untuk setiap adopsi/penajaan ialah sebanyak RM100 bagi setiap pokok orkid. Seterusnya, orkid yang ditaja akan di pasang dengan label dan akan dijaga oleh kakitangan Pusat Pemuliharaan Orkid Poring untuk tempoh selama 3 tahun.

Seterusnya, jumlah individu yang telah mengangkat orkid liar setakat ini adalah 12 orang (11 tempatan, 1 antarabangsa (USA – *Orchid Society*) dengan jumlah pendapatan keseluruhan RM1,533.00.



Warga Kerja Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah



Bersama Pelancong Antarabangsa

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH TAMAN-TAMAN SABAH

TURTLE ADOPTION PROGRAMME



Tapak Penetasan Penyu

Turtle *Nest Adoption Programme* telah mula dibuka secara dalam talian kepada orang awam pada tahun 2019.

Program ini telah membuka peluang kepada orang tempatan dan antarabangsa untuk bersama-sama Taman-Taman Sabah dalam usaha konservasi Penyu. Orang awam yang melawat ke Taman Pulau-Pulau Penyu Sandakan akan berpeluang untuk menganak angkat sarang penyu di taman tersebut. Orang awam juga boleh menganak angkat sarang-sarang penyu dengan menggunakan platform dalam talian melalui Sistem *Turtle Nest Adoption* di laman web Taman-Taman Sabah.

Taman-Taman Sabah akan menghantar laporan berkala melalui e-mel kepada individu yang mengadopsi sarang penyu sehinggalah telur-telur penyu menetas. Setakat tahun 2022, sebanyak 311 sarang penyu telah dianak angkat di Taman Pulau-Pulau Penyu, Sandakan.



Proses Memeriksa Keadaan Telur Penyu

BEBOLA TERUMBU



Kawasan Bebola Terumbu

Inisiatif mempelbagaikan produk pelancongan merupakan usaha untuk mempelbagaikan penjanaan pendapatan ekonomi bagi rakyat dan negara. Produk pelancongan adalah hasil aktiviti pembangunan pelancongan yang ditawarkan kepada para pelancong yang berkunjung ke Sabah.

Taman-Taman Sabah sentiasa berusaha untuk mempelbagaikan tapak selaman yang menarik. Antaranya meletakkan bebola terumbu di kawasan taman marin, Taman-Taman Sabah. Selain daripada membentuk satu tarikan pusat selaman yang baharu, bebola terumbu berperanan sebagai restorasi terumbu karang yang rosak. Walau bagaimanapun, pada tahun 2022 bebola terumbu tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan peruntukan untuk pembelian, penghantaran dan penempatan bebola terumbu ini.

Bebola terumbu tersebut akan ditempatkan di Taman Tunku Abdul Rahman, Taman Pulau Sipadan, Taman Pulau-Pulau Penyu dan Taman Marin Tun Sakaran.

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH TAMAN-TAMAN SABAH

MAMUTIK SHIPWRECK: SELAM SKUBA RANGKA KAPAL



Kawasan Rangka Kapal

Selam skuba rangka kapal yang dinamakan sebagai *Mamutik Shipwreck* adalah bertempat di Taman Tunku Abdul Rahman, Kota Kinabalu. Tapak selaman rangka kapal ini telah dilancarkan pada 25 Julai 2022.




Aktiviti Selam Skuba

Pembukaan tapak selaman baru berasaskan *Shipwreck* ini akan dapat menarik minat para penyelam untuk menyelam di kawasan ini. Selaras dengan pelancaran tapak selaman ini, Taman-Taman Sabah telah menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) pada tahun 2022. Tapak selaman rangka kapal ini telah dibuka sepenuhnya kepada penyelam pada 01 Januari 2023.

SEKTOR PELANCONGAN

SISTEM MODUL TEMPAHAN PENYELIDIK

JABATAN MUZIUM SABAH



Sistem Borang Tempahan Penyelidik

Susulan penularan pandemik COVID-19 di negara kita, Jabatan Muzium Sabah telah membangunkan dan melaksanakan perkhidmatan atas talian untuk kemudahan orang awam berurusan dengan pihak Muzium, sesuai dengan norma baru masa kini.

Sistem ini dikenali sebagai *Research Application Form* yang telah siap sepenuhnya. Penyelidik boleh menempah untuk membuat penyelidikan di Pusat Rujukan Muzium dengan mengakses sistem ini di laman web Jabatan Muzium Sabah.

MUSEUM EDU

'Museum Edu' merupakan aplikasi di bawah naungan Jabatan Muzium Sabah. Aplikasi ini dibangunkan untuk berfungsi sebagai platform tempahan bagi aktiviti pembelajaran dan penglibatan masyarakat (*Community Engagement*).

Pada tahun 2022, Bagi pelajar sekolah dan masyarakat yang ingin mengadakan aktiviti bersama muzium dari segi pembelajaran tidak formal dan penglibatan masyarakat, mereka boleh mengakses ke laman web Jabatan Muzium Sabah untuk membuat tempahan.



Aplikasi *Museum Edu*


SEKTOR PELANCONGAN

SABAH MUSEUM REPOSITORY OF CULTURAL HERITAGE COLLECTION SYSTEM (SMRICHES)

JABATAN MUZIUM SABAH


Data entri bahan koleksi khazanah budaya dan sejarah yang dimasukkan ke dalam sistem SMRICHES adalah kategori zoologi, herbarium, etnografi dan seramik.

Sasaran data entri bagi setiap tahun adalah 960 data dan pada tahun 2022, data entri ini telah 100% tercapai.



Paparan Data Entri SMRICHES

PERTAMBAHAN KOLEKSI WARISAN NEGERI



Tempayan Panding

Bahan koleksi terdiri daripada spesimen, artifak, rekod dan gambar. Bahan koleksi ini diklasifikasikan dalam pelbagai kategori, antaranya etnografi, seramik, arkeologi, zoologi, herbarium dan sejarah. Bahan koleksi yang diperolehi direkodkan pada buku inventori mengikut kategori.

Umumnya, cara perolehan bahan koleksi khazanah budaya dan sejarah adalah menerusi pembelian, derma dan kerja lapangan (seperti pada gambar sebelah - kerja lapangan mengumpul spesimen herbarium dan zoologi). Sasaran penambahan bahan koleksi bagi setiap tahun adalah 15,400 bahan khazanah budaya dan sejarah. Bagi tahun 2022, pertambahan koleksi ini 100% tercapai.

Tempayan ini dikenali dengan nama ‘Panding’ oleh masyarakat Rungus di Kampung Tinangol, Kudat. Tempayan ini digunakan dalam upacara ritual yang dipanggil ‘Mongukas’ iaitu untuk memperingati orang (ahli keluarga) yang sudah meninggal dunia. Tempayan ini berasal dari Mynmar (Burma) dan dibuat pada abad ke-16.

SEKTOR PELANCONGAN

PAMERAN KHAS
“DIRGAHAYU TUAN YANG TERUTAMA”

JABATAN MUZIUM SABAH





Setiap tahun Jabatan Muzium Negeri Sabah akan mengadakan Pameran Khas sempena dengan Sambutan Hari Jadi Rasmi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah bertajuk “Dirgahayu Tuan Yang Terutama”. Pameran khas ini juga dimasukkan sebagai sebahagian daripada acara dalam kalendar tahunan pelancongan Sabah.

Objektif pameran ini dibangunkan adalah untuk memaparkan kepada masyarakat, fungsi dan peranan serta mempamerkan aktiviti-aktiviti sosial dan kemasyarakatan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah sebagai payung perpaduan dan kesejahteraan rakyat.



Pada tahun ini, Jabatan Muzium Negeri Sabah akan mengadakan dua segmen pameran khas bertajuk “Dirgahayu Tuan Yang Terutama” dan “LATerasi Kewangan Bank Negara Malaysia”.

Pameran “Dirgahayu Tuan Yang Terutama” akan berkisarkan kepada program-program sosial dan kemasyarakatan Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin, Yang di-Pertua Negeri Sabah. Manakala Pameran Khas “LATerasi Kewangan Bank Negara Malaysia” pula adalah sebuah pameran yang mengetengahkan koleksi karikatur YBhg. Datuk Mohammad Nor Khalid atau lebih dikenali sebagai LAT. Pameran ini bertujuan untuk menyemai tabiat mengurus wang secara berhemat sejak dari usia muda lagi.

Majlis Perasmian Pameran Khas ini disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin, Yang di-Pertua Negeri Sabah pada 12 Oktober 2022, jam 9.00 pagi di Kompleks Muzium Sabah.

SEKTOR PELANCONGAN

FASILITI *BORNEO ELEPHANT SANCTUARY*

JABATAN HIDUPAN LIAR





Pandangan Udara Pusat Perlindungan

Borneo *Elephant Sanctuary* (BES) ialah program perlindungan habitat semula jadi Sabah yang ditubuhkan oleh Jabatan Hidupan Liar untuk memenuhi keperluan spesies gajah yang terancam. BES dibangunkan dan telah direka khas untuk spesies gajah yang sakit atau memerlukan yang telah cedera akibat sebarang insiden atau konflik yang berlaku dengan manusia dan gajah.

Tempat perlindungan ini terdapat di Kawasan Perlindungan Hidupan Liar, Kinabatangan. Ianya meliputi kawasan seluas kira-kira 12 kilometer persegi. Spesies gajah yang terdapat di Sabah dikenali sebagai gajah Pygmy Borneo ialah gajah Asia kecil yang tumbuh sehingga 2.5 meter panjang dan hidup dalam iklim subtropika dan tropika di Borneo Malaysia dan Indonesia.

Selain itu, kerja-kerja yang dijalankan di BES adalah penting untuk kemandirian spesies gajah. Gajah-gajah ini terjejas oleh aktiviti pembalakan di kawasan habitat yang mereka diami semakin mengecil dan menghalang mereka daripada mendapatkan bekalan makanan yang penting.

Kemudahan-kemudahan yang turut disediakan di pusat perlindungan ini adalah seperti perumahan kakitangan, klinik, kandang gajah, Doktor Haiwan dan jaringan infrastruktur iaitu jalan raya ke Pusat Perlindungan. Di samping itu, pusat perlindungan ini juga turut mempamerkan informasi lengkap mengenai spesies gajah dan memberikan kepuasan kepada pelawat dan NGO seperti Oregon Zoo yang telah berkunjung ke Pusat Perlindungan ini.



Spesies Gajah yang Ditempatkan di Pusat Perlindungan

SEKTOR PELANCONGAN

COMMUNITY BASED TOURISM ROADSHOW (CoBT)

LEMBAGA PELANCONGAN SABAH



Lembaga Pelancongan Sabah telah menganjurkan Jerayawara Pelancongan Berasaskan Komuniti (Community Based Tourism Roadshow - CBTR) kali ke-4 yang diadakan pada 27 hingga 29 November 2022 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC). Acara ini merupakan acara tahunan yang dilakukan sejak tahun 2017. Namun, berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan, acara tahunan ini tidak dapat diadakan pada tahun 2020 dan 2021.

Pada tahun 2022, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah, dan Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah telah dijemput menyertai pameran bersama Persatuan Pelancongan Luar Bandar Sabah (FeRTAS), Persatuan Homestay Sabah, Kinabalu Geo Park, Kraftangan Malaysia dan buat julung kalinya semasa Jerayawara CBTR, pihak Lembaga Pelancongan Sabah juga telah menjemput Lembaga Pelancongan Sarawak, Pelancongan Johor dan 'Designated Areas for Sustainable Tourism Administration (DASTA)' dari Thailand sebagai pempamer.

Selain itu, terdapat juga forum yang diadakan selama dua hari yang dikendalikan dan dianjurkan bersama oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang terdiri daripada ahli panel daripada DASTA, Wawasan Open University Penang, FeRTAS, Taman-Taman Sabah, Persatuan Pelancongan Kiulu, Persatuan Homestay Sabah dan Universiti Teknologi Malaysia.

OBJEKTIF JERAYAWARA

Untuk menyediakan pemilik produk pelancongan luar bandar dan pemilik pelancong berasaskan komuniti sebuah platform untuk mempamerkan tarikan dari daerah mereka

Membolehkan usahawan tempatan luar bandar menjual barangan/produk mereka kepada pelawat domestik dan antarabangsa



SEKTOR PELANCONGAN

PENGIKTIRAFAN *UNESCO GLOBAL GEOPARK* KEBANGSAAN (AKUGGP)

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH TAMAN-TAMAN SABAH



Sesi Penilaian AKUGGP

Penilaian aKUGGp telah berlangsung pada 17 hingga 21 Julai 2022. Penilai adalah Mr. Nick Powe *(Chair of the English Riviera Global Geopark Organisation and Director of Kents Cavern Prehistoric Caves*), dan Dr. Sophie Justice *(Coordinator, Chablais UNESCO Global Geopark, France).*

Mesyuarat *UNESCO Global Geopark Council* (UGGC) Ke-7 yang telah berlangsung pada 4-5 September 2022, di Satun Global Geopark, Thailand, telah memutuskan untuk menerima dan memberi kad hijau kepada Kinabalu Geopark sebagai Kinabalu UNESCO Global Geopark.

UGGC merupakan badan bertanggungjawab untuk menerima dan meneliti hasil penilaian dan perakuan para penilai-penilai Geopark. Penerimaan ini adalah satu Petanda (*indicator*) kejayaan usaha Kerajaan Negeri Sabah di bawah inisiatif Sabah Maju Jaya melalui Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar dalam usaha meningkatkan ekonomi Negeri Sabah melalui industri pelancongan yang berdaya saing dan bernilai antarabangsa. Di samping itu, pengisytiharan penuh sebagai UNESCO Global Geopark dijangka pada April 2023.

SEKTOR PELANCONGAN

KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DI GALERI ETNIK KOTA BELUD

LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH



Galeri Etnik Kota Belud

Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah mewujudkan inisiatif ini sebagai langkah untuk menaik taraf infrastruktur tempat atau ruangan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti kebudayaan. Melalui inisiatif ini, ianya menggalakkan pendedahan budaya dan etnik kepada masyarakat.

Projek ini adalah untuk menaik taraf kemudahan yang sedia ada dan menambahbaik infrastruktur bangunan tersebut kerana terdapat banyak kerosakan memandangkan keadaan bangunan yang sudah usang.



Pentas Laluan Berkuda



Kaunter Tiket Laluan Berkuda

SEKTOR PELANCONGAN

PORTAL INFORMASI SENI BUDAYA (E-*CULTURE*)

LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH



Paparan Aplikasi E-*Culture*

Pada 15 Julai 2021, aplikasi E-*Culture* Sabah telah dilancarkan. Aplikasi 'E-*Culture* Sabah' ini dihasilkan di bawah naungan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) bertujuan untuk memulihara dan memupuk kesedaran serta pengetahuan tentang kepelbagaian dan keunikan etnik-etnik yang terdapat di negeri Sabah melalui satu platform aplikasi. Aplikasi 'E-*Culture* Sabah' ini dihasilkan sesuai dengan tema "Ke Arah Pendigitalan Budaya Etnik Sabah"

Tajuk aplikasi adalah 'E-*Culture* Sabah', E yang dimaksudkan dalam perkataan E-*Culture* merupakan singkatan bagi perkataan '*Electronic*' atau '*Educational*' dimana aplikasi ini berunsurkan lebih kepada infografik yang boleh menarik perhatian orang ramai untuk memahami dan mempelajari kepelbagaian suku kaum etnik di Sabah.

Pada tahun 2022, pihak LKNS sedang dalam proses penterjemahan aplikasi ini ke dalam Bahasa Inggeris agar mudah diakses di peringkat antarabangsa sesuai dengan inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya di bawah LKNS. Selain itu, jumlah pengguna yang telah muat turun aplikasi ini mencapai sebanyak 1,000 orang.




Paparan Aplikasi E-Culture

SEKTOR PELANCONGAN

APLIKASI LAWATAN ALAM MAYA (SABAH ART GALLERY)

LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH



Paparan Pameran Secara Maya

Pada tahun 2021, mewujudkan pameran secara realiti maya merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0: 2021-2025 melalui laman sesawang rasmi Balai Seni Lukis Sabah.

Melalui inisiatif ini, pameran secara realiti maya di Balai Seni Lukis dapat dibuka semula kepada orang awam dengan hanya mengakses ke laman web Balai Seni Lukis dan menikmati pameran yang tersedia daripada artis-artis tempatan.

Setakat tahun 2022, pameran secara realiti maya ini telah dikunjungi seramai 3,801 pengguna. Ini merupakan jumlah yang positif dan menunjukkan sokongan yang baik daripada orang awam.



Pameran Secara Maya

SEKTOR PELANCONGAN

HENTIAN BUDAYA (*CULTURAL PIT STOP)*

LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH



Hentian Budaya Kota Belud



Hentian Budaya Tawau



Hentian Budaya Tenom



Hentian Budaya Sandakan

Program *Cultural Pit Stop* (Hentian Budaya) adalah hasil usaha Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah untuk membina dan menggalakkan industri pelancongan melalui aktiviti kebudayaan di setiap daerah-daerah di Sabah.

Majlis pelancaran Program *Cultural Pit Stop* ini telah diadakan pada 27 Julai 2022 bertempat di Tapak Tamu Kota Belud dan Galeri Etnik Kota Belud. Majlis ini dirasmikan oleh YB Datuk Jaffry Ariffin, mantan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar. Program yang diadakan ini turut mendapat Kerjasama daripada Majlis Daerah Kota Belud. Antara aktiviti utama program ini ialah Menaiki Kuda Berhias Bajau dan Pameran etnik.

Majlis pelancaran Program *Cultural Pit Stop* turut diadakan di Tawau pada 26 Oktober 2022 bertempat di Muzium Budaya Tawau. Program ini juga turut mendapat kerjasama daripada Majlis Perbandaran Tawau. Manakala, aktiviti utama iaitu acara menaiki Beca dan basikal etnik di samping pertandingan nyanyian etnik, pameran etnik, pertandingan peragaan kanak-kanak dan beberapa aktiviti menarik turut dijalankan.

Selain itu, pada 25 September 2022 pelancaran program Hentian Budaya diadakan di Tenom bertempat di Pusat Kebudayaan Murut Tenom Sabah. Program ini diadakan bermula pada 23 hingga 27 September 2022. Pelbagai aktiviti yang dijalankan antaranya ialah *Body Smart* Onsoi, Kucing Onsoi, Autoshow Onsoi, Pertandingan Tarian Etnik Onsoi, Akustik Onsoi dan Arboretum (Tanaman Herba).

Manakala, program Hentian Budaya di Sandakan bermula pada 9 hingga 10 Disember 2022 dan bertempat di Taman Tun Abdul Razak, Sandakan. Program ini turut mendapat kerjasama daripada Majlis Perbandaran Sandakan. Antara program yang akan dijalankan ialah lukisan mural pada lantai dan dinding, lampu hiasan, *busking*, jualan makanan, pertandingan tanglung etnik dan pertandingan nyanyian lagu etnik.



MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT:

MODAL INSAN

BANTUAN TUNAI PENDAFTARAN IPT SECARA *ONE-OFF* (BUDI)



Majlis Penyerahan Bantuan Tunai Pendaftaran IPT Secara *One-Off*

Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM39.0 juta di bawah Belanjawan 2022 untuk memastikan aspirasi pembangunan modal insan bermodus operandikan bantuan pendidikan direalisasikan. Agenda pembangunan modal insan dan kesejahteraan rakyat juga meliputi bantuan khas pendidikan kepada golongan yang memerlukan. Ini untuk memastikan setiap anak Sabah mempunyai akses dan tidak dinafikan hak untuk mendapatkan pendidikan.

Modal insan bukan sahaja menyentuh ruang lingkup pembinaan jati diri dan kerjaya, tetapi juga menitik beratkan pendidikan di peringkat awal, rendah, menengah dan pengajian tinggi. Kerajaan Negeri melalui Kementerian Tugas-tugas Khas dan Penyelarasan yang beroperasi pada tahun 2022, sebelum dijenamakan kepada Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Tugas-Tugas Khas) telah melaksanakan tujuh (7) jenis bantuan pendidikan bersasar pada tahun 2022 yang menjadikan setiap kategori pelajar sebagai penerima manfaat.

Di peringkat pengajian tinggi, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM10.0 juta untuk pelaksanaan BUDI yang menyasarkan sebanyak 5,000 mahasiswa sama ada di peringkat ijazah sarjana muda, diploma mahupun peringkat asasi.



Bagi pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda, sebanyak RM2,000.00 diperuntukkan kepada setiap pemohon yang layak. Manakala bagi pemohon di peringkat diploma dan asasi, pemohon yang berkelayakan akan menerima bantuan pendaftaran sebanyak RM1,500.00.

Berdasarkan laporan yang diterima daripada Kementerian Tugas-tugas Khas dan Penyelarasan, pada tahun 2022, seramai **5,000 pelajar** telah menerima bantuan ini dan digunakan untuk kemasukan mereka ke institut pengajian tinggi.

BANTUAN IHSAN KOMPUTER 2.0 (BAIK 2.0) DAN BANTUAN AKTIVITI PIBG SABAH (BAGUS)



Penerima bantuan BAIK yang terdiri dari kalangan mahasiswa

Di samping bantuan BUDI, pelajar Sabah yang sedang menuntut di institut pengajian tinggi (IPT) juga berkelayakan untuk mendapat Bantuan Ihsan Komputer (BAIK) iaitu bantuan unit komputer riba. Bantuan komputer riba ini bertujuan untuk meringankan beban mahasiswa yang kurang berkemampuan dan lantas memudahkan proses pembelajaran mereka di IPT kelak.

Kerajaan Negeri Sabah meneruskan inisiatif ini untuk membantu pelajar-pelajar IPT berstatus Bumiputera berasal dari Sabah yang memerlukan komputer untuk tujuan pembelajaran.

Pemberian bantuan BAIK berkonsepkan satu komputer untuk satu Ketua Isi Rumah (KIR) sahaja. Ibu bapa atau penjaga penerima adalah tergolong dalam golongan penerima bantuan e-Kasih. Dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.0 juta, seramai 560 penerima telah diberikan bantuan ini yang terdiri daripada kalangan mahasiswa Sabah.



Bantuan seterusnya yang memberi manfaat kepada pendidikan adalah dengan pelaksanaan Bantuan Aktiviti PIBG Sabah (BAGUS). Sebanyak RM3 juta diperuntukkan untuk program BAGUS yang menyaksikan setiap Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah menerima RM2,000.00 untuk menjalankan aktiviti masing-masing pada tahun 2022.

BAGUS disalurkan untuk menampung kegiatan PIBG di seluruh Sabah dan setakat ini 1,500 PIBG terlibat merangkumi sekolah kebangsaan, sekolah menengah, sekolah agama negeri, sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah agama. Berdasarkan rekod, sebanyak 496 permohonan telah diterima dari PIBG di seluruh Sabah. Kesemua permohonan yang diterima telah diluluskan dan diberikan bantuan sewajarnya.

BANTUAN KHAS TUNAI PEPERIKSAAN (BAKTI) DAN BANTUAN IHSAN SEKOLAH SABAH (BISBAH)

Pada tahun 2022 juga, Kerajaan Negeri meneruskan lagi Bantuan Khas Tunai Peperiksaan (BAKTI) yang telah dilaksanakan pada tahun sebelumnya melihat kepada manfaat dan keberkesanan inisiatif tersebut kepada pelajar. Bantuan ini menyasarkan pelajar Sekolah Menengah berkelayakan yang akan menduduki peperiksaan besar iaitu SPM/STPM dan STAM. Setiap pelajar akan menerima wang tunai sebanyak RM200 untuk membantu mereka menyediakan kelengkapan peperiksaan.

Dengan nilai peruntukan sebanyak RM8.0 juta, seramai 40,000 pelajar dari seluruh Sekolah Menengah di setiap daerah telah mendapat bantuan ini.





Di samping bantuan-bantuan yang berkisarkan tentang pelajar, Kerajaan Negeri melalui Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 (2021-2025) akan memberikan bantuan keperluan alat-alat kelengkapan sekolah dengan kos maksimum RM15,000.00 bagi setiap sekolah secara berperingkat. Ini bertujuan untuk memberi keselesaan dan kelengkapan bagi menambah kecemerlangan sekolah di Sabah.

Bantuan perbekalan ini menyediakan beberapa peralatan seperti skrin projektor, set komputer, mesin pencetak serta meja dan kerusi. Setiap sekolah yang memohon akan memperolehi kesemua peralatan ini yang bernilai RM8,000. Data menunjukkan untuk tahun 2022, sebanyak 1,500 buah sekolah telah mendapat bantuan ini. Sebanyak RM12 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan BISBAH.

ANUGERAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN SABAH (AKSA) DAN BANTUAN IHSAN TABUNGAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH (BISTARI)



Penerima Anugerah Kecemerlangan Sabah



Majlis menandatangani Bantuan Ihsan Tabungan Pendidikan Negeri (BISTARI)

Bermula tahun 2022, bagi mengiktiraf dan menghargai pelajar-pelajar anak Sabah di kesemua peringkat persekolahan, yang berjaya mengharumkan negeri Sabah sama ada di peringkat Kebangsaan mahupun Antarabangsa, Kerajaan Negeri akan memberi Anugerah Khas Kecemerlangan Pelajar Sabah (AKSA).

Kerajaan Negeri juga telah memberi pengiktirafan khas kepada warga pendidikan iaitu pelajar mahupun guru Sabah yang cemerlang dalam akademik.

Pada tahun 2022, seramai 15 penerima Anugerah Kecemerlangan Sabah (AKSA) di atas usaha mereka mengharumkan nama Sabah di persada nasional dan antarabangsa.

memperkenalkan Bantuan Ihsan Tabungan Pendidikan Negeri Sabah (BISTARI) yang diberikan kepada bayi kelahiran negeri Sabah yang lahir pada tahun 2022. Pelaksanaan bantuan yang memperuntukkan dana sehingga RM5 juta ini merupakan salah satu komitmen kerajaan negeri terhadap pembangunan modal insan di samping menggalakkan ibu bapa untuk menabung bagi tujuan pendidikan anak sejak awal kelahiran. Setiap permohonan yang diluluskan, akan diberikan suntikan dana sebanyak RM100.00 yang dimasukkan ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).

Pada tahun 2022, sebanyak 2,500 permohonan telah diberikan kelulusan dan setiap bayi menerima RM100.00 yang dimasukkan ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). Menjadi harapan agar inisiatif ini menjadi pencetus dalam menyemarakkan tabiat menabung untuk pendidikan.

PENUBUHAN SEKRETARIAT MAHASISWA SABAH (SEMESTA)



Majlis Pelancaran SEMESTA yang dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri

Sekretariat Mahasiswa Sabah Malaysia (SEMESTA) merupakan sebuah pertubuhan yang memayungi semua persatuan mahasiswa Sabah di seluruh Malaysia dan juga dunia.

Tujuan penubuhan SEMESTA adalah untuk menjadi badan penghubung yang mendengar suara mahasiswa Sabah kepada Kerajaan Negeri Sabah serta menjadi badan perantara dalam menyampaikan informasi-informasi berkenaan dengan dasar-dasar Kerajaan Negeri Sabah kepada mahasiswa Sabah. Ia juga ditubuhkan untuk memastikan pergerakan dan aktiviti persatuan-persatuan mahasiswa Sabah di seluruh Malaysia dan dunia selaras dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya serta berfungsi untuk mengeratkan ikatan silaturahim antara mahasiswa dengan Kerajaan Negeri Sabah. Memastikan maklumat pelajar-pelajar Sabah di seluruh IPT dapat dikemaskini dengan kerjasama sekretariat dan persatuan atau perwakilan pelajar.

Selain itu, SEMESTA yang ditubuhkan berfungsi untuk memantau dan menyelaras pergerakan aktiviti persatuan-persatuan mahasiswa Sabah di seluruh Malaysia dan luar negara.

Selain itu, ia ditubuhkan untuk memastikan kebajikan mahasiswa Sabah di seluruh Malaysia dan luar negara terjaga dan diberi perhatian yang sewajarnya.

Akhir sekali, SEMESTA juga berfungsi untuk menyelaras dan mengumpul maklumat mahasiswa Sabah di Malaysia dan di luar negara untuk diselaraskan di dalam Sistem Informasi Pendidikan Sabah (SIPS).



Program Ramah Mesra Mahasiswa-mahasiswa Sabah di Bangi Avenue Convention Centre (BACC), Selangor

PENUBUHAN MAJLIS PERUNDINGAN PELAJAR SABAH (MPPS)









MAJLIS PERUNDINGAN PELAJAR SABAH (MPPS) SIRI 1/2022

Majlis Perundingan Pelajar Sabah (MPPS) merupakan inisiatif baharu yang dilaksanakan bagi menghimpunkan para pimpinan mahasiswa, pelajar IPTA, IPTS, Institut Kemahiran dan Sekolah Menengah dalam satu persidangan/mesyuarat yang dihadiri oleh pemimpin tertinggi negeri Sabah. Persidangan tersebut juga turut melibatkan beberapa kementerian, jabatan dan agensi berkaitan bagi mendengar suara dan aspirasi para pimpinan mahasiswa/pelajar Sabah.

MPPS adalah inisiatif bersama Institut Kerjasama Kerajaan dan Rakyat (IKRAR), Pejabat Menteri Tugas-Tugas Khas dan Majlis Belia Sabah (MBS). Lebih 80 pemimpin pelajar daripada 60 institusi pendidikan di seluruh negara menghadiri MPPS, termasuk pemimpin pelajar sekolah menengah di negeri ini.

Lebih 10 usul atau cadangan yang dibentangkan daripada tujuh kluster dalam MPPS iaitu Kluster Belia dan Sukan; Sains, Teknologi dan Inovasi; Kepimpinan dan Modal Insan; Ekonomi Anak Muda dan Perniagaan; Pendidikan dan Kerjaya; Alam Sekitar dan Kelestarian Hijau; dan Pertanian dan Pelancongan.

PUNGUTAN ZAKAT TAHUN 2022



Majlis ringkas Penyerahan Replika Cek Zakat Perniagaan oleh DBKK Holdings Sdn. Bhd. haul 2020 berjumlah RM62,715.37.




Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan oleh Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. Tahun 2021 berjumlah RM152,053.00.

Pada tahun 2022, Bahagian Zakat dan Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) menyasarkan untuk memperoleh jumlah pungutan zakat sebanyak RM104,000,000.00.

Walau bagaimanapun, pada tahun tersebut, Bahagian Zakat dan Fitrah berjaya memperoleh pungutan zakat berjumlah RM133,360,278.32, bersamaan 128% melebihi sasaran yang ditetapkan di awal tahun. Perincian pungutan zakat adalah seperti yang berikut:

Jenis Zakat	Jumlah Kutipan
Fitrah	10,928,619.40
Pendapatan	11,385,858.42
Penggajian	57,216,359.14
Simpanan	6,985,134.01
Perniagaan	45,693,681.00
Emas/Perak	844,194.24
Saham	206,038.16
Pertanian	77,708.65
Ternakan	22,685.30
Jumlah	**133,360,278.32**

AGIHAN ZAKAT TAHUN 2022



Infografik Jumlah Agihan Zakat, Bahagian Zakat dan Fitrah, MUIS

Sepanjang tahun 2022, Bahagian Zakat dan Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) telah berjaya mengagih zakat kepada setiap kategori asnaf (penerima yang layak) seperti yang berikut:

1. Asnaf Fakir (orang Islam yang tidak mempunyai harta atau pekerjaan atau ada pekerjaan tetapi tidak halal atau ada pendapatan tetapi tidak mencapai 50% daripada had kifayah untuk keperluan diri atau keperluan tanggungannya) telah mendapat agihan sebanyak RM53,732,981.88 iaitu merangkumi 137,405 penerima;
2. Asnaf Miskin sebanyak RM13,841,325.73 dengan 33,069 penerima;
3. Asnaf Amil sebanyak RM9,506,926.12 dengan 3,191 penerima;
4. Asnaf *Muallaf* (baru memeluk Islam) menerima RM3,385,856.33 dengan 5,225 penerima;
5. Asnaf *al-Riqab* (Seseorang yang ditahan sebagai hamba atau belenggu yang memerlukan bantuan untuk membebaskan dirinya daripada apa-apa tanggungan yang telah dikenakan ke atas dirinya) sebanyak RM20,823,864.49 dengan bilangan penerima seramai 22,239 penerima;
6. Asnaf *al-Gharimin* (golongan berhutang wang atau harta untuk kegunaan orang awam sebagaimana yang dibenarkan oleh hukum Syarak) dengan RM1,974,487.31 untuk 316 penerima;
7. Asnaf *Ibnu Sabil* dengan RM23,084.42 untuk 23 penerima; dan
8. Asnaf *Fisabilillah*, iaitu golongan yang berjuang di jalan agama termasuklah penuntut ilmu, dengan jumlah agihan sebanyak RM17,314,907.86 kepada 2,886 penerima.

Jumlah Keseluruhan agihan zakat untuk kesemua asnaf adalah berjumlah **RM120,603,434.14.**

AGIHAN BANTUAN BAITULMAL



5 Jun 2022 – sumbangan kepada penerima di Daerah Beaufort.



19 September 2022 - Sumbangan bakul makanan dan wang tunai kepada dua (2) orang pelajar asnaf di SMK Kota Klias Beaufort.



26 Julai 2022 -
sumbangan kepada Pejabat Pendidikan Daerah Keningau.



29 Nov 2022 - sumbangan dalam bentuk peralatan dan keperluan asas untuk masjid, surau dan sekolah agama rakyat sekitar daerah Tungku.



30 Nov 2022 - Sumbangan untuk mangsa yang terkesan akibat ribut di SMK Pulau Gaya, SK Pulau Gaya dan persekitaran Pulau Gaya.



23 Dis 2022 – Sumbangan untuk mangsa yang terjejas akibat angin kencang dan ombak besar di Kg. Tanjung Aru.

MAJLIS RU'YAH HILAL DAN MUZAKARAH MAJLIS FATWA NEGERI SABAH



Majlis Ru'yah Hilal Rasmi (Ramadhan, Syawal dan Zulhijah) Negeri Sabah Tahun 2022M/1443H

Pembangunan modal insan di bawah Pejabat Mufti Negeri Sabah diimarahkan lagi dengan penganjuran Program Mufti Bersama Masyarakat yang telah diadakan pada 8-10 November 2022 bertempat di Daerah Kecil Tungku, Lahad Datu. Terdapat lima (5) program berimpak tinggi yang telah dilaksanakan iaitu:

1. Cerapan Gerhana Bulan Penuh
2. Lawatan tinjau ke Titik Paling Timur Malaysia di Tanjung Atiam, Lahad Datu Sabah
3. Muzakarah Fatwa Negeri.
4. Wacana Pendidikan Fatwa
5. Kembara Dakwah Ahli Majlis Fatwa Negeri.

Program dimulakan dengan Cerapan bagi Fenomena Gerhana Bulan Penuh pada tapak lokasi berhadapan SK. Tanjung Labian yang diteruskan dengan solat sunat gerhana.

Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah Bil.3/2022 juga telah diadakan pada 9-10 November 2022 (Rabu-Khamis) bertempat di Felda Residence Sahabat, Tungku, Lahad Datu.




Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah

Program diteruskan dengan Wacana Pendidikan Fatwa bertujuan untuk memperkasakan modal insan, menyebar luas serta menjelaskan fatwa-fatwa negeri yang berkaitan kepada masyarakat negeri Sabah.




Wacana Pendidikan Fatwa



Cerapan Fenomena Gerhana Bulan Penuh

PUSAT DIGITAL IoT SANDBOX













Kerajaan Negeri melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI) telah membangunkan Pusat Sandbox yang pertama di Malaysia Timur iaitu Borneo dan kelapan di Malaysia. Pusat ini menjadi platform dalam kalangan inovator untuk menghasilkan solusi atau produk kepada masalah di Sabah dan seterusnya menjadi pemacu kepada pertumbuhan ekonomi bagi semua industri. Di samping itu, Pusat Sandbox ini akan berfungsi sebagai platform bagi kolaborasi yang berimpak tinggi dalam pembangunan ekonomi digital di Sabah. Tema Sandbox ini adalah berasaskan infrastruktur, tenaga yang boleh diperbaharui, Bandar Pintar, Pembuatan Pintar, Pelancongan Pintar dan Pertanian Pintar menggunakan teknologi IoT.

Melalui Memorandum Persefahaman yang dimeterai dengan pihak National Technology and Innovation Sandbox (NTIS), Sandbox IoT ini menawarkan pelbagai kemudahan seperti peluang pelaburan kepada inovator dan usahawan, khidmat nasihat seperti nasihat guaman dan latihan keusahawanan.

Berkedudukan strategik di Tingkat 12, Wisma Bandaraya, Sandbox ini mempunyai keluasan sebanyak 10,000 kaki persegi dan dilengkapi dengan jalur lebar internet berkelajuan tinggi, kemudahan yang lengkap dan kondusif serta mempunyai empat ruang utama iaitu *Showcase Space, Maker Space, Thinking Space* dan *Pitch Space*.

KARNIVAL SAINS SABAH





Karnival Sains Sabah adalah inisiatif kerajaan yang bertujuan menyemai dan memupuk kesedaran, menyemarakkan pembudayaan dan pengaplikasian Sains, Inovasi, Teknologi (STI) sebagai pemangkin dan pemacu sektor ekonomi demi pembangunan Sabah. Penganjuran program ini diadakan pada tahun 2021 secara maya akibat penularan COVID-19. Istimewanya tahun 2022, penganjuran telah diubahsuai kepada pelaksanaan secara hibrid dengan gabungan aktiviti bersemuka dan atas talian.

Pelaksanaan Karnival Sains Sabah 2022 ini adalah selari dengan visi kementerian dalam memartabatkan STI, iaitu melahirkan generasi intelek dan inovatif melalui kemajuan sains, ICT dan modal insan berkemahiran tinggi menjelang tahun 2030. Penglibatan seramai 1.25 juta masyarakat pelbagai peringkat.

KSS 2022 kali ini berjaya menarik penyertaan daripada pelbagai peringkat umur termasuk pelajar pra-sekolah berusia 6 tahun sehingga mereka yang berusia lebih 50 tahun. Kepelbagaian latar usia peserta tersebut membuktikan bahawa program-program berkaitan pendidikan STEM (*Science, Technology, Engineering & Mathematics*) mampu menembusi pelbagai kumpulan sasar.

Sepanjang program ini, sebanyak 14 pertandingan secara atas talian dan fizikal telah diadakan. 10 pertandingan STEM yang melibatkan pelajar bandar dan luar bandar serta program pendidikan khas integrasi dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, dua (2) pertandingan STEM Maktab Rendah Sains MARA dan dua (2) pertandingan yang diselaraskan oleh U-Science.

KARNIVAL KERJAYA





Inisiatif karnival kerjaya merupakan anjuran Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM) bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam pendekatan untuk memberi hebahan terhadap peluang pekerjaan di Negeri Sabah. Pada tahun 2022, sebanyak 11 karnival telah dilaksanakan yang meliputi seluruh Sabah. Karnival kerjaya telah berjaya dilaksanakan di kawasan DUN Semporna, Kota Belud, Tawau, Nabawan, Kemabong, Kota Kinabalu, Kuala Penyu, Tenom, Pensiangan dan Sandakan. Bagi tahun 2022, seramai 1,390 pengunjung telah berjaya mendapat pekerjaan.









LATIHAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET) DAN PERDAGANGAN



Kampus Institut Latihan Teknik & Perdagangan (ILTP)



Robot yang telah dihasilkan daripada sisa & bahan buangan oleh Pelatih Program Kimpalan



Program Setiausaha Korporat Eksekutif



Program Juruteknik Sistem Komputer

Institut Latihan Teknik & Perdagangan (ILTP) merupakan salah sebuah Pusat Bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di Sabah yang ditubuhkan pada tahun 2005 membolehkan semua pelatih dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) mengikut tahap dan bidang latihan yang diikuti. Melalui kerjasama dengan rakan strategik JPSM, pelatih ILTP daripada Program Pentadbiran Sistem Maklumat, Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4 telah diterima oleh beberapa agensi dan jabatan untuk menjalankan latihan praktikal di agensi masing-masing.

ILTP telah mendapat pengiktirafan Majlis TVET negara sebagai Hab Kolaborasi TVET dan telah menerima watikah pelantikan pada 24 Jun 2022. Di samping itu, ILTP telah menjadi pusat latihan TVET tunggal di Sabah yang diiktiraf sebagai Hab Bidang Kimpalan dan Fabrikasi Logam.

Agensi yang terlibat menerima pelatih praktikal JPSM ialah Kementerian Kewangan Negeri Sabah, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Pejabat Daerah Kota Marudu, Pejabat Pendidikan Daerah Kota Marudu, Pejabat PERKESO Cawangan Keningau dan Tawau, Koperasi Serbaguna SANYA Berhad, Richland Sdn. Bhd., Sawit Kinabalu Sdn. Bhd. dan Simply Chocolate Sdn. Bhd.

Bagi tahun 2022, ILTP telah berjaya melatih 273 orang iaitu 162 dalam program teknikal dan 111 dalam program perdagangan. Setakat ini, sebramai 9,000 pelatih telah berjaya menamatkan pengajian dengan ILTP. Sebanyak RM6,150,010.00 telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 15 program latihan TVET yang akan dilaksanakan secara *'in-house'* selaras dengan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 (2021-2025) bagi tahun 2023.

BOSCH REXROTH CYBER TRAINING SYSTEM IR 4.0



Bosch Rexroth Cyber Physical Training System IR 4.0

Kerajaan Negeri Sabah komited dalam mewujudkan kumpulan modal insan yang lebih besar yang berkemahiran tinggi dalam sains dan teknologi selaras dengan perubahan ekonomi global yang memasuki Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0).



Peruntukan sebanyak RM127.06 juta telah disalurkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah yang membiayai Sistem Latihan Fizikal Siber Bosch Rexroth IR4.0 yang terletak di Sabah Skills & Technology Centre (SSTC) untuk memastikan bakat Sabah dapat digilap untuk memenuhi keperluan semasa industri.

TAJAAN BIASISWA/DERMASISWA DAN PINJAMAN KUMPULAN YAYASAN SABAH



Penerima Biasiswa Cemerlang Negeri Sabah

Pendidikan merupakan teras utama kegiatan Yayasan Sabah sejak ditubuhkan pada tahun 1966. Sejak itu, Bahagian Pembangunan Pendidikan diwujudkan untuk merealisasikan objektif penubuhannya. Program pendidikan Kumpulan Yayasan Sabah bertujuan menokok tambah dan melengkapkan aktiviti-aktiviti kerajaan dalam meningkatkan kualiti dan kemudahan pendidikan untuk rakyat di Sabah. Biasiswa ditaja sepenuhnya kepada pelajar daripada Tingkatan Satu sehingga Tingkatan Lima.

Terdapat empat (4) kategori tajaan sekolah menengah iaitu:

1. Biasiswa Sekolah Menengah Semenanjung.
2. Program Pertukaran Pelajar Sabah/Sarawak.
3. Biasiswa Penempatan Pelajar Luar Bandar ke Bandar (SMESH/MRSM KK)

Pada tahun 2022, seramai 50 pelajar Sekolah Menengah telah ditaja. Bagi kategori Tajaan Biasiswa ataupun Dermasiswa, seramai 833 pelajar layak dan ditawarkan untuk menerima tajaan biasiswa bagi tahun 2022.

Impak daripada Tajaan Biasiswa ini ianya dapat memudahkan pelajar untuk melanjutkan pengajian dengan diberi tajaan sepenuhnya mengikut kursus-kursus yang telah di kategorikan di bawah tajaan biasiswa. Kursus-kursus yang dikategorikan di bawah Biasiswa ini merupakan kursus-kursus keperluan utama pada masa kini.



Penerima biasiswa/tajaan Pendidikan yang terdiri dari kalangan pelajar sekolah menengah

Bagi kursus yang tidak tersenarai iaitu kursus-kursus yang tidak ditaja dalam program tajaan biasiswa akan mendapat tajaan pinjaman.

Seramai 327 pelajar telah ditawarkan untuk menerima tawaran pinjaman pengajian bagi tahun 2022. Tajaan Pinjaman Pengajian memberi ruang dan peluang kepada semua kategori pelajar yang tidak mendapat tajaan biasiswa atau tajaan daripada mana-mana agensi lain untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan bagi penerima tajaan pendidikan di peringkat pengajian tinggi pada tahun 2022 adalah seramai 1,160 penerima.

GERAN DANA TAMBAHAN UNTUK KOLEJ TEKNOLOGI YAYASAN SABAH (KTYS)



Majlis Konvokesyen Kolej Teknologi Yayasan Sabah ke-25 dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor di Sabah International Convention Centre (SICC) pada 20 Oktober 2022.



Beliau turut mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui Yayasan Sabah bersetuju meluluskan geran tahunan sebanyak RM500,000.00 sebulan bersamaan RM6.0 juta setahun.


Kerajaan juga akan menyediakan kuota biasiswa khas kepada 100 pelajar KTYS setiap tahun menerusi Tabung Pendidikan Negeri Sabah (TPNS).



Kini, Kolej Teknologi Yayasan Sabah telah melahirkan graduan yang mempunyai kadar kebolehpasaran tinggi iaitu 98% sama ada dalam bidang profesional dan keusahawanan.

TABUNG PENDIDIKAN NEGERI SABAH





Tabung Pendidikan Negeri Sabah (TPNS) telah dilancarkan oleh Ketua Menteri Sabah merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor di Sabah International Convention Centre (SICC) pada 2 Jun 2022.

Penubuhan TPNS merupakan salah satu inisiatif dalam Pelan Strategik Transformasi Kumpulan Yayasan Sabah 2015 – 2023. Inisiatif yang bertemakan “Peluang Tajaan Untuk Semua” ini akan dijadikan landasan bagi membolehkan lebih ramai anak-anak Sabah berpeluang ke institusi pengajian tinggi.

Sehingga kini, jumlah dana TPNS yang terkumpul adalah sebanyak RM55.7 juta yang merangkumi sumbangan daripada Kerajaan Negeri Sabah, Benta Wawasan Sdn. Bhd, Sabah Softwoods Berhad, Innoprise Plantations Berhad, Yayasan Lau Gek Poh, Ikatan Kayangan Sdn. Bhd, Usahawan Borneo Group dan Sabah Electricity Sdn. Bhd.

Semenjak Tabung Pendidikan Negeri Sabah ditubuhkan, dana yang terkumpul telah digunakan untuk mengembangkan lagi potensi serta pembangunan pendidikan Negeri Sabah. Pada tahun 2022, seramai 10 orang pelajar cemerlang Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia tahun 2021 telah menerima manfaat dengan nilai RM3,000 untuk setiap pelajar.

78 mahasiswa di Malaysia University of Science and Technology (MUST) turut menerima bantuan wang tunai secara *one-off* dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM264,000.00.

Bantuan Kewangan Khas secara "*One-Off*" berjumlah RM286,000.00 turut diserahkan oleh YAB Ketua Menteri kepada 286 orang pelajar Sabah di Mesir dan Timur Tengah melalui dana Tabung Pendidikan Negeri Sabah pada bulan Mac tahun ini.

BIASISWA KERAJAAN NEGERI SABAH



Kerajaan Negeri Sabah melalui Bahagian Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah (BKNS), Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri, telah menawarkan biasiswa kepada anak-anak Negeri Sabah bagi tahun 2022 menerusi Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah.

Biasiswa yang ditawarkan berdasarkan kelayakan akademik bagi pelajar peringkat diploma, biasiswa yang disediakan adalah untuk kursus-kursus seperti Aktuari Sains, Perikanan, Juruukur, Pertanian, Kejuruteraan, Sains Tulen, Kesihatan dan Perusahaan Ternak, Seni Bina (*Architecture*), Maritim, Teknologi Maklumat, Pengurusan Hartanah, Ukur Bahan dan Perakaunan.

Manakala di peringkat Ijazah Sarjana Muda, biasiswa yang ditawarkan adalah untuk pengkhususan Farmasi, Pergigian, Kejuruteraan, Perhutanan, Kesihatan dan Perusahaan Ternak, Perikanan, Keusahawanan, Pertanian, Juruukur, Perubatan, Perindustrian, Perubatan.

Biasiswa turut ditawarkan kepada program Veterinar, Pelancongan dan Hospitaliti, Sains Alam Sekitar, Sains Komputer, Seni Bina (Architecture), Pendidikan (Matematik, Pengajian Islam, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina), Seni Kreatif, Ukur Bahan, Pengajian Islam, Undang-Undang, Pengurusan Ladang, Perlombongan & Geologi, *Renewable Energy* serta *Oil & Gas.*



Seterusnya pelajar Sabah Di peringkat Ijazah Sarjana serta Bidang pengajian berkaitan turut ditawarkan biasiswa bagi memenuhi keperluan sumber manusia di Sabah.

Untuk pengajian ke Luar Negara, Penajaan terhad kepada pelajar yang telah mendapat tawaran daripada senarai 500 universiti terkemuka di dunia

Berdasarkan data yang diterima, pada tahun 2022, seramai **2,435** pelajar telah menerima Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah di pelbagai peringkat pengajian.

PROGRAM FELO SABAH MAJU JAYA (SMJ) KOHORT 1 TAHUN 2022













Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS) menerusi Inkubator Kepimpinan Belia Sabah (IKEBS) telah berjaya menjalankan Program Felo Sabah Maju Jaya (SMJ) pada tahun 2022 bermula dengan Felo SMJ Kohort 1 yang terdiri daripada 24 Felo SMJ yang telah ditempatkan di 11 kementerian di bawah Kerajaan Negeri Sabah. Hasil daripada proses pemilihan, seramai 24 (13 lelaki dan 11 wanita) telah dipilih sebagai Felo SMJ Kohort 1.

Sepanjang tahun 2022, 24 Felo SMJ Kohort 1 telah menjalankan tugas di 11 kementerian di bawah Kerajaan Negeri Sabah bermula pada 7 Februari 2022 sehingga 7 Ogos 2022 yang berkonsepkan *direct mentoring* siswazah cemerlang bersama jemaah menteri (kerajaan negeri) selama enam (6) bulan.

Sepanjang tempoh latihan tersebut, sebanyak 17 sesi libat urus oleh Felo SMJ Kohort 1 bersama beberapa tokoh korporat dan pemimpin Sabah telah diadakan dan 40 program telah dilaksanakan bagi memperkasakan anak-anak muda ke arah mewujudkan barisan modal insan yang memiliki minda kelas pertama.



PROGRAM KEMAHIRAN BELIA BERFOKUSKAN PERTANIAN, PERINDUSTRIAN, PELANCONGAN & PENDIGITALAN



Program Kemahiran dalam bidang Pertanian



Program Kemahiran dalam bidang Perindustrian



Program Kemahiran dalam bidang Pelancongan



Program Kemahiran dalam bidang Pendigitalan

Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS) komited dalam mewujudkan barisan modal insan bersifat minda kelas pertama secara inklusif meliputi pemerkasaan pemikiran dan kemahiran dalam bidang tertentu bagi sentiasa bersiap siaga merebut peluang dan mengharungi cabaran dalam pekerjaan di era globalisasi di samping memperkasakan ekonomi belia khususnya di luar bandar.

Untuk itu, Kementerian Belia dan Sukan Sabah telah melaksanakan program kemahiran yang memfokuskan empat (4) bidang bersifat *high impact and high demand.* Antaranya adalah program kemahiran dalam bidang pertanian, perindustrian, pelancongan dan pendigitalan yang merangkumi sebanyak 33 program berbentuk aktiviti kemahiran yang telah dibuat di kawasan luar bandar di kawasan Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau pada sepanjang tahun 2022 dengan hasil kerjasama antara KBSS, pejabat daerah dan beberapa agensi persekutuan berkaitan.

Di samping itu, 33 program ini juga meliputi 11 program yang telah dilaksanakan di bawah Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dengan penglibatan seramai 276 penyertaan belia. Manakala 22 program Keusahawanan Jangka Pendek telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 500 belia di luar bandar.

PROGRAM PENGARUS PERDANA BELIA SABAH TAHUN 2022

Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS) amat menitikberatkan pembangunan belia di Negeri Sabah kerana belia memainkan peranan yang cukup signifikan dalam arus pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Belia juga dijadikan sebagai barisan baharu bakal pemimpin yang menggantikan generasi lama dan mengetuai generasi sedia ada dengan membawa idea baharu dan diterjemahkan sebagai tindakan untuk mengubah landskap situasi ke arah kemakmuran.



Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan 2022, Tuaran

Oleh itu, Kementerian Belia dan Sukan Sabah telah melaksanakan Program Pengarus Perdana Belia Sabah Tahun 2022 yang mengandungi pelbagai program di bawahnya yang disasarkan kepada penglibatan besar oleh golongan belia Sabah di mana tujuan program ini adalah untuk **(i)** menghargai dan mengiktiraf golongan belia, **(ii)** mendorong semangat dan tumpuan terhadap golongan belia, **(iii)** menaikkan semangat patriotisme di kalangan belia dan **(iv)** mewujudkan jaringan *networking* impak antara pemegang taruh dan golongan belia.



Program Amazing Youth Race

Dalam mencapai hala tuju modal insan minda kelas pertama, penjagaan kesihatan hendaklah diambil berat dari semasa ke semasa dalam kalangan belia. Penjagaan kesihatan adalah luas sama ada fizikal, mental dan juga kerohanian. Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS) berserta agensi di bawahnya seperti Lembaga Sukan Sabah, Majlis Sukan Sabah dan Majlis Belia Sabah akan bersama-sama dalam membangunkan golongan belia dan meluaskan program-program berbentuk kesedaran, kesejahteraan dan sukan yang akan mempersiapsiagakan golongan belia.



Program Apresiasi Belia

PROGRAM PENGARUS PERDANA BELIA SABAH TAHUN 2022



Program *Non-Finito*



Program *Super Youth*



Program *Youth Leadership Unity*

Untuk menguasai enam (6) peranan belia dan memajukan negara iaitu **(i)** Menguasai ilmu pengetahuan, **(ii)** Mempelbagaikan kemahiran diri, **(iii)** Sihat dari segala aspek, **(iv)** Keterbukaan dalam kehidupan, **(v)** Keterampilan yang unggul dan **(vi)** Menyemat daya kreatif dan inovatif dalam kehidupan.

Secara keseluruhan, Program Pengarus Perdana Belia Sabah Tahun 2022 telah berjaya dilaksanakan yang mempunyai penglibatan seramai 40,500 golongan belia. Secara terperinci, Program Pengarus Perdana Belia Sabah Tahun 2022 yang mempunyai enam (6) program utama iaitu **(i)** Program Non Finito yang telah diadakan di Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Keningau, **(ii)** Program Apresiasi Belia yang telah diadakan di Kudat, **(iii)** Program Youth Leadership Unity yang telah diadakan secara *roadshow* di seluruh Sabah, **(iv)** Program Amazing Youth Race yang telah diadakan di Kota Kinabalu, **(v)** Program Super Youth yang telah diadakan di Pagalungan dan **(vi)** Program Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan di Tuaran di mana program ini menyumbang penglibatan belia terbesar iaitu seramai 39,000 belia.

Di samping itu, Program Pengarus Perdana Belia Sabah akan diteruskan pada setiap tahun dengan pengisian pelbagai program yang berbentuk memantapkan jati diri, pengetahuan, kemahiran dan semangat patriotisme di kalangan para belia agar dapat melahirkan barisan belia atau modal insan yang mempunyai semangat kepimpinan dan kebolehan dalam perjalanan untuk menjadi para pelapis pemimpin dalam pelbagai bidang.

TEMASYA PARA SUKAN MALAYSIA (PARA SUKMA) 2022



Para Sukan Malaysia 2022 atau lebih dikenali sebagai Para SUKMA ke-20 telah diadakan di Kuala Lumpur sebagai tuan rumah pada 1 November 2022 sehingga 6 November 2022. Secara amnya, Para SUKMA diadakan khas untuk atlet-atlet Orang Kelainan Upaya (OKU) yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan & Majlis Belia Negara dengan kerjasama Majlis Paralimpik Malaysia bersama negeri tuan rumah yang dipilih.



Temasya SUKMA kali ini berpandukan cogan kata rasmi iaitu “#DemiMalaysia” di mana edisi Para SUKMA 2022 kali ini terdiri daripada 14 pasukan dengan penyertaan lebih 1,200 atlet dari seluruh Malaysia yang telah bertanding dalam sebanyak 10 jenis sukan yang melibatkan 294 acara. Manakala seramai 109 atlet Para dari Sabah telah bertanding dalam pelbagai jenis sukan seperti olahraga, *ten-pin bowling*, renang, memanah dan beberapa acara lain.



TEMASYA PARA SUKAN MALAYSIA (PARA SUKMA) 2022



	NEGERI	1	2	3	JUMLAH
1	SABAH	54	36	35	125
2	SARAWAK	50	47	49	146
3	JOHOR	38	30	25	93
4	SELANGOR	28	26	24	78
5	PERAK	25	15	14	54
6	PULAU PINANG	15	15	13	43
7	N. SEMBILAN	14	11	10	35
8	KEDAH	11	16	11	38
9	KELANTAN	10	16	10	36
10	MELAKA	9	19	12	40
11	W.P. KUALA LUMPUR	9	16	26	51
12	PAHANG	9	6	4	19
13	TERENGGANU	8	19	8	35
14	PERLIS	8	6	2	16
15	W.P. LABUAN	2	1	4	7

Pada tahun 2022 bagi Para Sukan Malaysia ini, Sabah telah membuat kejutan iaitu telah menjadi juara keseluruhan dan menduduki tempat pertama yang meraih 54 pingat emas, 36 perak dan 35 gangsa. Di samping itu, kejayaan ini juga berjaya menumpaskan juara bertahan iaitu Sarawak yang telah sekian lama menjadi juara selama 13 temasya pada sebelum ini.

Pencapaian ini sememangnya merupakan sangat luar biasa bagi atlet Sabah di mana kunci bagi kejayaan ini adalah terhasil daripada usaha dan latihan yang sistematik secara berterusan di kalangan Para atlet Sabah yang turut didukung oleh dorongan dan pewujudan rangkaian kerjasama yang baik daripada pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan. Hasil usaha ini membolehkan Sabah menjadi juara keseluruhan dan turut melebihi sasaran sebenar ke tahap sasaran yang tidak dirancang. Pencapaian ini akan menjadi dorongan kepada atlet-atlet Sabah khususnya untuk terus memacu kemajuan di arena sukan sama ada di kebangsaan mahupun di antarabangsa.





PROGRAM PENYAMPAIAN INSENTIF KEMENANGAN KEPADA KONTINJEN PARA SUKAN MALAYSIA (SUKMA) NEGERI SABAH



Arena sukan Sabah terus memacu kemajuan apabila Sabah telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan dalam Para Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20 yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 1 November 2022 sehingga 6 November 2022. Dalam kemenangan tersebut, Sabah telah meraih 54 pingat emas, 36 perak dan 35 gangsa iaitu hasil daripada titik peluh dan usaha yang berterusan oleh 109 atlet Para Sabah yang telah bertanding dalam pelbagai jenis sukan seperti memanah, renang, *ten pin bowling* dan olahraga.

Sememangnya kejayaan yang luar biasa ini merupakan kebanggaan oleh seluruh rakyat Sabah dalam arena sukan. Kejayaan yang dikecapi oleh atlet Sabah dalam Para SUKMA telah mengharumkan nama Negeri Sabah di peringkat kebangsaan dan tidak mustahil di peringkat antarabangsa.

Sebagai tanda penghargaan, Kerajaan Negeri Sabah telah mengadakan Program Penyampaian Insentif Kemenangan kepada Kontinjen Para Sukan Malaysia (SUKMA) Negeri Sabah sempena Para SUKMA ke-20. Bagi atlet yang memenangi pingat emas memperolehi insentif sebanyak RM5,000, manakala perak sebanyak RM1,500 dan gangsa sebanyak RM800.



PROGRAM PENYAMPAIAN INSENTIF KEMENANGAN KEPADA KONTINJEN PARA SUKAN MALAYSIA (SUKMA) NEGERI SABAH





Penyampaian insentif kemenangan tersebut telah disampaikan oleh YB Datuk Ellron Angin, Menteri Belia dan Sukan Sabah mewakili YAB Ketua Menteri Sabah kepada barisan Kontinjen Para SUKMA berserta barisan Para Atlet Sabah. Kemenangan Sabah dalam Para SUKMA pada baru-baru ini tidak akan menjadi titik noktah malah akan terus menjadi pengibar semangat bagi seluruh atlet Sabah untuk terus berjuang dan bersiap siaga dalam pelbagai program sukan yang bakal diadakan sama ada peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa.

Di samping itu, atlet-atlet Sabah yang menyertai Para Sukma 2022 adalah mereka yang memiliki kualiti prestasi yang setanding dengan atlet-atlet yang telah mewakili Sabah sebelum ini. Pelbagai cabaran dan kejayaan baharu akan menanti bagi para atlet Sabah secara keseluruhan untuk terus mengecapi kejayaan dan mengembalikan era kegemilangan Sabah dalam arena sukan.





"*SPORTS VISITOR PROGRAM* 2023" DI AMERIKA SYARIKAT



Dari kiri: Elecsie Joseph, Evlin Sulaiman, Lindsay Michael Godtol, Hafipah Mohaidil, Awang Shahzmee, Farish Aziz, YAB DSP Haji Hajiji bin Haji Noor, Alice Mic Michael, Melvin Tan, Abdul Rahim Abu, Ayrton Alvin Sikawah, Mohd Fitri Amry, Mohd Nazrin Noin.

Program Pelawat Sukan atau "*Sports Visitor Program*" merupakan sebuah program aliran sukan yang membawa semua atlet belia, jurulatih dan pegawai pentadbir sukan dari seluruh negara ke Amerika Syarikat untuk mengikuti program sukan berkonsepkan "*sports-based exchanges*".

Kerajaan Negeri Sabah menerusi Kementerian Belia dan Sukan Sabah (Majlis Belia Sabah) dan Persatuan Bola Sepak Sabah telah mengadakan kerjasama dengan Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur yang telah mengenal pasti dan memilih 14 orang anak Sabah yang terdiri daripada para jurulatih dan pegawai pentadbir sukan Sabah untuk mengikuti *Sports Visitor Program* 2023 di Amerika Syarikat yang berlangsung pada 6 Januari 2023 sehingga 23 Januari 2023.

Melalui program ini, para peserta akan diberi pendedahan serta pembelajaran terhadap teori dan teknik kejurulatihan terkini dalam aspek gaya kepimpinan dan amalan terbaik dalam sukan bola sepak. Di samping itu, para peserta telah bertemu dengan organisasi sukan bertaraf dunia di Philadelphia dan juga di Miami sekali gus turut hadir dalam Konvensyen *United Soccer Coaches* 2023 yang merupakan acara pembangunan profesional terkemuka untuk jurulatih dan pegawai pentadbir bola sepak.

Penyertaan 14 orang anak Sabah ke program ini sememangnya merupakan satu pembelajaran dan pendedahan untuk dipraktikkan dalam memacu kemajuan arena sukan di negeri Sabah. Pentingnya sukan sebagai antara amalan terbaik untuk membina daya tahan dan kemahiran kepimpinan di kalangan modal insan.

INISIATIF BIZRIDER300

Seramai 300 penerima di negeri Sabah mendapat bantuan berbentuk motosikal menerusi inisiatif BIZRIDER300 yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA). Sebanyak 736 permohonan diterima untuk bantuan berkenaan sekali gus melebihi sasaran bantuan 300 motosikal yang diperuntukkan oleh SEDIA. Kerajaan Negeri akan meneruskan dan memperluaskan lagi program berkenaan bagi memberi peluang lebih ramai pemohon mendapat bantuan, terutamanya dalam kalangan belia yang tiada pekerjaan atau kehilangan punca pendapatan.





Inisiatif ini diwujudkan di atas keprihatinan Kerajaan Negeri dalam pembangunan golongan belia di negeri. Inisiatif BIZRIDER300 yang dijalankan oleh SEDIA adalah kerjasama dengan syarikat *Food Panda* iaitu perniagaan yang berorientasikan digital membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat dengan melakukan penghantaran makanan dan keperluan harian.



foodpanda

PELANCARAN SABAH YOUTH AND PROFESSIONALS FOUNDATION (SAYAP)



Bagi membina barisan modal insan berkualiti yang memiliki minda kelas pertama, pelancaran dan penubuhan Yayasan Usahawan Muda dan Profesional Sabah atau *Sabah Young Entrepreneurs and Professionals Foundation* (SAYAP) telah dilaksanakan.

Antara objektif utama penubuhan SAYAP ini adalah untuk membendung atau mengurangkan masalah terjadinya "*brain drain*" atau kehilangan pekerja tempatan yang berhijrah dan bekerja secara tetap di luar Sabah.

Ahli-ahli SAYAP kini mempunyai seramai 70 ahli yang memegang jawatan penting dalam pelbagai industri besar seperti minyak dan gas, teknologi digital, pertanian, perubatan, undang-undang, pembinaan, kejuruteraan, seni persembahan, kerajaan negeri, pemilik perniagaan, usahawan sosial dan sebagainya.

Bagi mengatasi masalah "*brain drain*" tersebut, ahli-ahli SAYAP ini akan berperanan sebagai jurucakap melalui program kumpulan pementoran, perkongsian industri kolaboratif dengan universiti tempatan dan penyedia latihan, pemindahan teknologi yang memberi fokus kepada sektor utama serta program kelas induk perniagaan. Dalam melaksanakan program ini, SAYAP turut berkolaborasi dengan Majlis Penasihat Ekonomi Sabah (*Sabah Economic Advisory Council*) yang merupakan sebuah majlis penasihat yang telah diwujudkan pada tahun 2021 bagi memacu pemulihan ekonomi negeri.





PROGRAM DAPUR BELIA 4.0 (YOUTH KITCHEN)



Sebelum Malaysia mula memasuki Fasa Peralihan ke Endemik pada 1 April 2022, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pelbagai fasa telah dilaksanakan di seluruh negara bagi mengawal penyebaran pandemik COVID-19. Atas faktor tersebut, ramai golongan belia khususnya di Sabah mengalami kehilangan pekerjaan tetap di pelbagai bidang. Oleh itu, ramai golongan belia telah menceburi bidang ekonomi gig atau turut dikenali sebagai "*Gig Economy*" seperti perkhidmatan penghantar makanan melalui aplikasi digital seperti *Food Panda* dan *Grab Delivery.*

Bagi menyokong kemajuan ekonomi gig yang diceburi oleh golongan belia ini, Kementerian Belia dan Sukan Sabah menerusi Majlis Belia Sabah telah melaksanakan Program Dapur Belia 4.0 atau "*Youth Kitchen*" yang telah menyumbangkan sebanyak 250 bakul makanan berserta 70 buah topi keledar bagi menjamin keselamatan golongan belia yang bekerja dalam perkhidmatan penghantar makanan.

Program Dapur Belia 4.0 kali ini menyasarkan pemberian bantuan kepada kumpulan belia yang terlibat dalam industri ekonomi gig yang makin berkembang sepanjang tempoh pelaksanaan PKP di kalangan kumpulan belia.



Perkhidmatan penghantar makanan sememangnya merupakan salah satu pekerjaan dalam ekonomi gig yang utama walaupun semasa era pandemik COVID-19 melanda di seluruh negara. Ekonomi gig telah menjadi satu *trend* khususnya dalam golongan belia yang merupakan sistem pasaran bebas yang memberi kebebasan kepada organisasi dan pekerja untuk menjalani kontrak kerja suka sama suka tanpa perlu menggajikan pekerja sepenuh masa.



MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT:

KESEJAHTERAAN RAKYAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT (KPMKR)

“Pembangunan modal insan adalah nadi dan jantung utama dalam kerangka untuk membangunkan masyarakat ke arah kesejahteraan rakyat seiring dengan Pelan Hala Tuju Sabah Maju Jaya.”

"MASYARAKAT MEMBANGUN RAKYAT SEJAHTERA"

YB Datuk James bin Ratib
Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah
11 Januari 2023

Dengan bertemakan “Merakyatkan Semua Perkhidmatan”, Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat (KPMKR) komited bagi mewujudkan kesejahteraan yang inklusif bagi semua rakyat Sabah. Sepanjang tahun 2022, KPMKR menerusi Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah telah melaksanakan Program *Homeward* iaitu sebuah inisiatif yang telah memberikan impak besar terhadap rakyat khususnya kebajikan kesihatan warga emas dan OKU.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Pewujudan program Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (PPKK) turut dilaksanakan. Antara program lain yang telah dijalankan oleh KPMKR berserta jabatan dan agensi di bawahnya adalah program Bantuan Sosial Sekolah (BaSS) yang membekalkan pakaian seragam, kasut dan alat tulis pada setiap tahun kepada sekolah-sekolah. Di samping itu, aktiviti-aktiviti lain seperti program sosial kesedaran pengetahuan yang menekankan aspek hak kepenggunaan, kekeluargaan dan pencegahan dadah telah dilaksanakan yang menyasarkan keterlibatan orang awam khususnya masyarakat di luar bandar.

Selain itu, bagi memperkasakan golongan wanita di Sabah, Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA) telah melaksanakan Program *Outreach* Santuni Wanita yang menyediakan perkhidmatan dalam aspek undang-undang seperti Bantuan Guaman, Perkhidmatan Nasihat Guaman dan sebagainya bagi memastikan kebajikan golongan wanita terutamanya di bandar terus terbela.

KESEJAHTERAAN RAKYAT

PROGRAM HOME WARD

BERIMPAK TINGGI





PEMBERIAN KEMUDAHAN ASAS SEPERTI KATIL BOLEH LARAS DAN KERUSI RODA.

2021 — **242 PENERIMA**

2022 — **367 PENERIMA**

"Penjagaan pesakit terlantar di kalangan warga emas atau o.k.u di kediaman sendiri"

PROGRAM "OUTREACH SANTUNI WANITA"

BERIMPAK TINGGI

"Merakyatkan Perkhidmatan ke arah Kesejahteraan Wanita"

2021

4	88
KAWASAN MENGIKUT DUN	PESERTA

2022

18 +14	2108 +2020
KAWASAN MENGIKUT DUN	PESERTA

PENGISIAN PROGRAM:

1. KLINIK GUAMAN PUSAT BANTUAN GUAMAN WANITA (PBGW)
2. KAUNTER PERKHIDMATAN JHEWA (PENDAFTARAN IBU TUNGGAL/ PENGUMPULAN DATA INDEKS KESEJAHTERAAN WANITA SABAH (IKWS) JHEWA
3. KAUNTER PERKHIDMATAN AGENSI JEMPUTAN
4. CERAMAH LITERASI UNDANG-UNDANG & KESEDARAN

PUSAT PERKEMBANGAN KANAK-KANAK (PPKK)

BERIMPAK TINGGI







Pusat Tempat Kanak-kanak Diberikan Pendidikan Asas Seperti Menulis, Membaca Dan Mengira Yang Memfokuskan Kawasan-kawasan Luar Bandar Dan Pedalaman Yang Tidak Mempunyai Sekolah Pendidikan Awal Seperti Tadika.

PUSAT PERKEMBANGAN KANAK-KANAK TAHUN 2020-2022

TAHUN	SASARAN	JUMLAH PPKK	JUMLAH MENDAF-TAR	JUMLAH HADIR
2020	Penubuhan dua (2) PPKK setiap tahun.	32	*1,133	611
2021		34	*1,162	640
2022		37	*1,264	755

NOTA
*Bilangan kanak-kanak dikira berterusan. Kanak-kanak melebihi umur 6 tahun telah terkeluar daripada senarai pendaftaran.

KESEJAHTERAAN RAKYAT

PEMBANGUNAN DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT: PROGRAM *HOMEWARD*

Program *Homeward* merupakan inisiatif di bawah Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (JPKA), Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat (KPMKR) yang memfokuskan kepada penjagaan pesakit terlantar di kalangan warga emas mahupun orang kurang upaya (OKU). Program ini bertujuan untuk menekankan tanggungjawab penjagaan pesakit oleh ahli keluarga dan komuniti sendiri. Program ini juga mengambil pendekatan memasyarakatkan perkhidmatan yang mana keperluan penting seperti katil boleh laras dan kerusi roda dapat dikongsikan bersama dalam komuniti. Lantaran itu, program ini menjadikan bilangan kes permohonan kemasukan ke institusi kebajikan berkurang dan individu yang tidak mempunyai waris dapat diutamakan.



Program penyerahan Katil Hi-Lo dan Menyantuni Rakyat bersama Setiausaha Tetap KPMKR, YBhg. Datuk Sr Lee Chun Khiong diiringi Pengarah JPKA Sabah, Tuan Jais Asri pada bulan Jun 2022.

Pada tahun 2022, JPKA telah berjaya merealisasikan Program *Homeward* dengan membantu seramai **367 penerima** iaitu lebih daripada sasaran tahunan. Jalinan kolaborasi pintar antara pihak KPMKR bersama PETRONAS juga telah mendapat sumbangan dalam bentuk peralatan wad berjumlah RM650,000.





Program *Homeward* telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan Anugerah Inovasi Jabatan Kebajikan Masyarakat (AIJKM) bagi kategori "Inovasi Sosial (Penambahbaikan)". Anugerah ini telah disampaikan sewaktu sambutan Hari Inovasi Jabatan Kebajikan Masyarakat pada 4 hingga 6 Oktober 2022.

KESEJAHTERAAN RAKYAT

PEMBANGUNAN DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT: SABAH SOCIAL TIME BANK (SSTB)


Sabah Social Time Bank (SSTB) merupakan sistem dalam talian yang merekodkan aktiviti dijalankan oleh setiap individu atau organisasi yang telah berdaftar sebagai sukarelawan sama ada selaku pemberi atau penerima perkhidmatan. Sistem ini dibangunkan untuk menggalakkan lebih ramai anggota masyarakat secara individu mahupun organisasi untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sukarelawan. Selain itu, aplikasi ini juga bertujuan untuk mewujudkan rekod perkhidmatan sosial yang sistematik dan berintegriti bagi membolehkan suatu mata perkhidmatan dikumpulkan dan digunakan semula sebagai *trade currency* dalam perkhidmatan sosial. Pada tahun 2022, seramai **551** individu telah mendaftarkan diri sebagai sukarelawan melalui aplikasi SSTB.

Antara matlamat pewujudan SSTB adalah:

1. Menyasarkan lebih banyak agensi kerajaan yang akan menjayakan program komuniti secara tersusun dan kakitangan awam mempunyai pilihan untuk menyumbang kepada komuniti dalam bidang di luar rutin perkhidmatan.

2. Menggalakkan penglibatan agensi swasta sebagai rakan sokongan ke arah pemberian sumbangan kepada komuniti secara bersasar.





PEMBANGUNAN DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT: PUSAT PERKEMBANGAN KANAK-KANAK (PPKK)

Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (PPKK) merupakan aktiviti pembangunan modal insan dalam komuniti seperti Pra Sekolah, Taska, Tadika mahupun Tadika di kawasan luar bandar khususnya kepada kanak-kanak yang berumur tiga (3) hingga enam (6) tahun. Antara objektif program ini adalah:

1. Melahirkan komuniti yang berdaya saing dari segi pembelajaran awal kanak-kanak dan meningkatkan sosioekonomi keluarga.

2. Memberikan pendedahan pembelajaran awal kepada kanak-kanak luar bandar yang sukar mendapat akses pendidikan formal, membantu komuniti untuk meningkatkan sosioekonomi setempat, menjalinkan hubungan yang baik dengan ibu bapa dengan komuniti setempat serta mengoptimumkan sumber tempatan sedia ada untuk pembangunan sosial komuniti setempat.

Setiap tahun, dua (2) PPKK disasarkan untuk dibangunkan di kawasan luar bandar. Pada tahun 2022, sebanyak tiga (3) PPKK berjaya dibangunkan iaitu di Pitas, Sook dan Tambisan. Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak **37 buah PPKK** di seluruh Sabah. PPKK tersebut telah membawa manfaat kepada seramai **742 kanak-kanak** di kawasan luar bandar.



Pusat Perkembangan Kanak-kanak (PPKK) Kindasan Minawo, Sook



Pusat Perkembangan Kanak-kanak (PPKK) Mapad, Pitas.

PEMBANGUNAN DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT: BANTUAN SOSIAL SEKOLAH (BASS)

Program Bantuan Sosial Sekolah (BaSS) merupakan program yang ditujukan khas kepada pelajar-pelajar sekolah rendah. Program ini terbahagi kepada dua (2) iaitu bantuan baju seragam dan kasut sekolah oleh pembekal Koperasi Serbaguna Sanya Berhad (Kosan) dan bantuan alat tuis dan buku latihan oleh CP Forms Sdn. Bhd. Program ini bertujuan untuk merakyatkan perkhidmatan bagi mensejahterakan murid-murid sekolah rendah di Negeri Sabah.

Antara objektif program ini adalah:

1. Menyediakan keperluan asas persekolahan kepada murid-murid sekolah rendah.

2. Membantu meringankan tanggungan perbelanjaan ibu bapa atau penjaga dalam persekolahan.



CP Forms Sdn. Bhd. telah menghantar bantuan sosial sekolah iaitu pensel, *ball pen* dan buku latihan ke SK Pulau Sepanggar, Kota Kinabalu pada 16 November 2021 untuk persediaan pengagihan sesi persekolahan tahun 2022.

KESEJAHTERAAN RAKYAT

PEMBANGUNAN DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT: PROGRAM KEKELUARGAAN (PROGRAM PRIHATIN KPMKR)

Program Prihatin KPMKR merupakan program di bawah Program Kekeluargaan yang telah dilaksanakan bermula tahun 2021 dan diteruskan pada tahun 2022. Objektif program ini adalah untuk memberikan bantuan bakul makanan kepada golongan rentan dan keluarga yang berpendapatan rendah iaitu golongan B40 bagi membantu meringankan beban mereka. Program ini telah dijalankan di sembilan (9) daerah iaitu Telupid, Semporna, Keningau, Nabawan, Tuaran, Ranau, Membakut, Penampang dan Kinabatangan.




Penyampaian Bakul Makanan di Dewan Kg.Lumou, Telupid pada 20 Mei 2022 (Jumaat).




Penyampaian Bakul Makanan di Dewan Kg.Lumou, Telupid pada 21 Mei 2022 (Sabtu).

KESEJAHTERAAN RAKYAT

PEMBANGUNAN DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT: PROGRAM KEKURANGAN ZAT MAKANAN

Program Kekurangan Zat Makanan merupakan satu program yang bertujuan untuk memberikan bantuan makanan kepada kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah yang kekurangan zat makanan dan terdiri daripada keluarga yang berpendapatan rendah agar mereka kekal sihat mengikut tumbesaran umur. Sepanjang tahun 2022, program ini telah dijalankan di lima (5) kawasan/daerah iaitu Menumbok, Tambunan, Kunak, Kudat dan Tuaran.



Penyampaian bantuan bakul makanan kepada penerima di Klinik Kesihatan Menumbok pada 20 September 2022 (Selasa).



Penyampaian bantuan bakul makanan kepada penerima di Kesihatan Daerah Tambunan pada 17 Oktober 2022 (Isnin).



Penyampaian bantuan bakul makanan di Kesihatan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Kunak pada 19 Oktober 2022 (Rabu).



Penyampaian bantuan bakul makanan di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Kunak pada 19 Oktober 2022 (Rabu).



Penyampaian bantuan bakul makanan di Klinik Kesihatan Tuaran pada 29 November 2022 (Selasa).

PEMBANGUNAN DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT: PROGRAM PROMOSI GAYA HIDUP SIHAT

Objektif program adalah untuk memberikan bantuan makanan kepada kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah yang kekurangan zat makanan dan terdiri daripada keluarga golongan B40 agar mereka sihat mengikut tumbesaran umur. Program ini telah dijalankan di Klinik Kesihatan Kinarut dan Klinik kesihatan Tandek.



Penyampaian bantuan bakul makanan kepada penerima di Klinik Kesihatan Kinarut.

PEMERKASAAN WANITA:
PROGRAM OUTREACH SANTUNI WANITA

Program *Outreach* Santuni Wanita; “Merakyatkan Perkhidmatan Ke Arah Kesejahteraan Wanita” merupakan inisiatif *flagship* Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA), Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat. Program ini telah dilaksanakan bermula tahun 2021 sehingga kini. Program ini menyediakan khidmat guaman untuk wanita khususnya golongan ibu tunggal, golongan kurang berkemampuan (B40 & M40) dan warganegara yang tidak mampu melantik peguam swasta. Antara kes yang dikendalikan adalah seperti kes Cerai, Hak Penjagaan Anak, Nafkah anak, Nafkah Iddah, Mutaah, Harta Sepencarian, Harta Pusaka, Nusyuz, *Children maintenance*, Nafkah tertunggak, Gangguan orang ketiga, Tegahan Gangguan, Pengesahan Nikah & Nasab anak, Permohonan pelanjutan tempoh rayuan, penggantungan pelaksanaan perintah, Nafkah Isteri semasa, Permohonan Surat Kuasa Tadbir dan Permohonan Kebenaran Penyampaian Notis di Luar Sabah. Program ini dijalankan dengan kerjasama Pejabat Daerah & Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat. Antara rakan kolaborasi yang terlibat dalam program ini adalah Jabatan Pembangunan Wanita Persekutuan (JPW) SKUAD WAJA; *Team Mobile* Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); Jabatan Pendaftaran Negara (JPN); Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK); Polis DiRaja Malaysia (PDRM); Panel Kaunselor di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (JPKA), Mahkamah Anak Negeri (MAN), SUHAKAM, PERKESO, AKPK, KKM.

Pada tahun 2022, JHEWA telah menyasarkan lawatan sebanyak 17 daerah. Walau bagaimanapun, sebanyak 18 daerah berjaya dilawati yang mana telah mencapai lebih daripada sasaran yang telah ditetapkan. Seramai 2,108 peserta telah menerima manfaat daripada program tersebut.



PEMERKASAAN WANITA:
PROGRAM OUTREACH SANTUNI WANITA

Antara objektif Program *Outreach* Santuni Wanita adalah:

I. Merealisasikan hasrat kerajaan untuk membantu wanita yang kurang berkemampuan secara cekap dan berkesan melalui khidmat guaman secara percuma;

II. Menyalurkan kesukaran hidup wanita ke saluran yang betul secara perundangan atau bantuan yang berkaitan melalui jabatan pelaksana iaitu jabatan hal ehwal wanita;

III. Meningkatkan kepekaan peserta melalui penganjuran ceramah literasi undang-undang serta sosial oleh panel jemputan berkaitan kesejahteraan rakyat.

IV. Perkongsian perkhidmatan, maklumat dan kepakaran daripada semua pihak yang memerlukan seperti perundangan, kewangan, sosial, kesihatan, kaunseling serta yang berkaitan kesejahteraan rakyat.

KOMENTAR PESERTA PROGRAM:

"Penganjuran program kemasyarakatan ini amat diperlukan di setiap daerah kerana ada di antara peserta tidak mengetahui mengenai hak-hak mereka dari aspek perundangan. Program ini memberi manfaat kerana membuka minda peserta. Kami harap program ini akan diadakan lagi di Pitas dan semua daerah di negeri Sabah. Terima kasih dan Syabas kepada penganjur kerana mempunyai inisiatif mengadakan disini pada hari ini. Sebanyak 3 mukim hadir pada hari ini dan kami harapkan mereka semua telah mendapat pengetahuan sebanyak mungkin hari ini."

Puan Ramlah Nasir-Pitas

"Kami berbesar hati program Outreach Santuni Wanita diadakan di Tandek. Kami harap Pihak penganjur akan hadir lagi tapi diadakan di kawasan Kota Marudu. Banyak ilmu saya dapat terutama dari Peguam Klinik Guaman. Semua urus setia melayan dengan baik dan kami juga beruntung YB Tuan Hendrus Anding datang melawat Kampung Gana hari ini."

Puan Mairim-Kg Gana Tandek Kota Marudu

“Pemerkasaan penyampaian perkhidmatan, penyediaan perumahan mampu milik yang kondusif dan pembangunan pekan baharu yang teratur menjadi fokus utama Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat di negeri Sabah.”

YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam

Timbalan Ketua Menteri II Merangkap
Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah

Sepanjang tahun 2022, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat Sabah melalui Pelan Pembangunan SMJ. Dengan peruntukan berjumlah RM135.11 juta, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan seperti kerja menaik taraf pasar awam di kawasan perkadaran PBT, penyediaan perumahan mampu milik dan pembukaan pekan-pekan baharu. KKTP sentiasa komited di dalam agenda pembangunan Negeri Sabah demi meningkatkan taraf kehidupan dan kesejahteraan rakyat Sabah.

Manakala bagi bajet peruntukan tahun 2023 yang dibentangkan oleh YAB Ketua Menteri, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (KKTP) telah menerima agihan peruntukan sebanyak RM176.68 juta untuk perbekalan dan sebanyak RM25.35 juta untuk pembangunan. Dengan agihan peruntukan yang diberikan, sepanjang tahun 2023, KKTP akan melaksanakan pelbagai program bagi menyediakan rumah mampu milik untuk didiami penduduk Sabah, di samping membantu dan membimbing Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini mentadbir dan menyediakan kemudahan sosioekonomi yang berkualiti. Selain itu, Program-program lain yang dilaksanakan termasuklah Program Memperkasa Komuniti, kerja-kerja membina dan menaik taraf kemudahan perniagaan dan pelbagai program-program lain.

MEMBANGUNKAN PERUMAHAN UNTUK GOLONGAN B40

Bil.	Senarai Inisiatif	Kaedah Pengukuran	Sasaran	Status Kemajuan	Pelaksana
1.1	Menyiapkan dua (2) Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) bagi tahun 2022	Peratus Kemajuan	100 unit rumah	66%	LPPB
1.2	Membina 742 unit rumah mampu milik di Kinarut South dan Tuaran melalui projek usaha sama bersama syarikat swasta.	Unit Rumah dibina	742 unit rumah	88%	LPPB

PERUMAHAN UNTUK PENJAWAT AWAM

Bil.	Senarai Inisiatif	Kaedah Pengukuran	Sasaran	Status Kemajuan	Pelaksana
2.1	Perumahan untuk Penjawat Awam - Kg. Kopimpinan, Papar	Peratus Kemajuan	632 unit rumah	Kerja pengukuran topografi sudah dibuat. LPPB sedang mengkaji kesesuaian/ keadaan tapak memandangkan melibatkan cerun yang agak tinggi.	LPPB

KESEJAHTERAAN RAKYAT

MEMBINA DAN MENAIK TARAF RUANG PASAR AWAM/ PASAR UMUM/ GERAI DI KAWASAN PERKADARAN PBT



Pada tahun kedua Pelan Pembangunan SMJ, KKTP telah melaksanakan kerja membina semula Pasar Awam Sementara Putatan.

Kerja pembinaan telah siap sepenuhnya pada tahun 2022. Pembinaan pasar ini adalah bertujuan untuk meningkatkan dan memberi ruang yang selesa kepada peniaga dan pengguna di pasar ini.

Selain itu, kerja Menaik taraf Pasar Ikan Beluran juga telah dilaksanakan oleh Majlis Daerah Beluran.

Kerja pembinaan telah siap pada tahun 2022. Kerja menaik taraf ini adalah sejajar dengan meningkatkan kualiti dan keselesaan peniaga dan pengguna pasar ini.



Seterusnya, Majlis Daerah Beaufort telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Pasar Awam Beaufort pada tahun 2022.

Kerja-kerja menaik taraf Pasar Awam Beaufort meliputi menaik taraf dewan perniagaan yang lebih selesa dan kondusif kepada warga peniaga dan rakyat seluruh daerah Beaufort secara amnya.



Projek pembinaan pasar ini adalah penting di dalam usaha Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan terbaik di kawasan bandar.

Pasar dan gerai merupakan nadi kegiatan ekonomi di kawasan bandar dan kerajaan tempatan memainkan peranan penting dalam memberikan perkhidmatan terbaik dalam meningkatkan sosioekonomi penduduk di negeri ini.



KESEJAHTERAAN RAKYAT

MEMBINA DAN MENAIK TARAF RUANG PASAR AWAM/ PASAR UMUM/ GERAI DI KAWASAN PERKADARAN PBT

Majlis Daerah Sipitang telah melaksanakan kerja menaik taraf Pasar Awam Pekan Mesapol.

Kerja naik taraf ini telah melibatkan kerja menaik taraf dewan makan dan kawasan perniagaan bagi memberikan keselesaan kepada pengunjung yang singgah ke pasar ini.



PBT memainkan peranan penting di dalam membantu dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat serta memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat di negeri.

Diharapkan dengan peningkatan kemudahan ini dapat meningkatkan sosioekonomi di kawasan ini dan dapat membantu meningkatkan kesejahteraan rakyat di negeri ini.





Dalam tahun kedua Pelan SMJ, Majlis Daerah Ranau telah melaksanakan kerja menaik taraf Pasar Terbuka Ranau. Kerja menaik taraf ini telah siap sepenuhnya pada tahun 2022.

Kerja menaik taraf ini adalah satu nilai tambah kepada daerah ini yang dikenali sebagai salah satu pusat pelancongan negeri. Diharapkan dengan penaiktarafan pasar ini dapat mempertingkatkan imej daerah Ranau sebagai destinasi pelancongan dan merancakkan aktiviti ekonomi di daerah ini.



Majlis Daerah Kota Marudu telah melaksanakan kerja menaik taraf gerai goshen dan kerja menaik taraf gerai tembakau di daerah Kota Marudu dengan kedua-dua projek telah siap pada tahun 2022.

KESEJAHTERAAN RAKYAT

PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH (PAKR)

Dalam penyediaan Perumahan Mampu Milik, LPPB sedang melaksanakan dua (2) Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) pada tahun 2022 iaitu 50 unit rumah berkembar di Kemabong, Tenom dan 50 unit rumah teres di Sukau Kota Kinabatangan.

PAKR Kemabong, Tenom

Peratus pelaksanaan kerja adalah pada 52% setakat tahun 2022. Kerja-kerja awalan seperti '*site clearing*', *setting out* dan persediaan tapak sedang giat dijalankan.

Tarikh Mula	16 Ogos 2021
Tarikh Dijangka Siap	16 Ogos 2024
Status Pelaksanaan	52%





PAKR Sukau, Kinabatangan

Peratus pelaksanaan kerja adalah pada 18%. Kerja-kerja awalan seperti '*site clearing*', *setting out* dan persediaan tapak akan dimulakan pada bulan Januari 2023 ini.

Tarikh Mula	30 Januari 2023
Tarikh Dijangka Siap	30 Mac 2026
Status Pelaksanaan	18%





Kerajaan Negeri melalui LPPB akan terus komited dengan pembinaan perumahan awam kos rendah dalam penyediaan kemudahan perumahan mampu milik kepada semua lapisan masyarakat dan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat di negeri ini selari dengan hala tuju yang digariskan di dalam Pelan SMJ.

KESEJAHTERAAN RAKYAT

SKIM PINJAMAN RUMAH PANJANG (SPRP) DAN SKIM PINJAMAN PERUMAHAN UNTUK GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH (SPPUGBR)

Dalam usaha pemberian bantuan perumahan kepada rakyat Sabah, LPPB akan melaksanakan Pembinaan 212 Skim Pinjaman Rumah Panjang (SPRP) dari golongan B40 dan 20 Skim Pinjaman Perumahan untuk Golongan Berpendapatan Rendah (SPPUGBR).



SPRP adalah Skim perumahan mampu milik di mana pinjaman disediakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk rakyat Bumiputera berpendapatan rendah di Sabah di samping melestarikan tradisi komuniti rumah panjang dengan jumlah pinjaman tidak melebihi RM75,000.00. Secara keseluruhan, sebanyak 257 rumah SPRP telah siap/sedang/akan dilaksanakan di negeri Sabah di antara tahun 2019-2022 di mana 30 unit telah siap pada tahun 2022.



SPPUGBR adalah skim perumahan mampu milik di mana pinjaman disediakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk golongan berpendapatan rendah (yang bukan kakitangan Kerajaan) dengan jumlah pinjaman tidak melebihi RM50,000.00. 35 unit rumah siap dibina dalam tahun 2022.



Jumlah pembinaan bagi program ini mengikut daerah adalah seperti berikut;

Daerah	Jumlah
Keningau	6
Kinabatangan, Kota Marudu, Kudat, Nabawan & Papar	5
Kota Kinabalu & Tuaran	6
Kuala Penyu	12
Penampang & Pitas	4

KESEJAHTERAAN RAKYAT

PERUMAHAN MAMPU MILIK

Pelan Pembangunan SMJ juga menggariskan inisiatif dalam penyediaan rumah mampu milik kepada rakyat Sabah. Pembinaan rumah mampu milik sebanyak 742 unit di Kinarut South, Papar dan Tuaran yang dijual pada harga RM180,000.00 sehingga RM250,000.00 melalui projek usaha sama bersama syarikat swasta. Berikut adalah prestasi status pelaksanaan bagi inisiatif ini;

No	Projek	Prestasi Pelaksanaan (%)
1	Pembangunan 502 Unit Perumahan Di Atas Sebahagian Daripada Cl.025359700 (7.5 Ekar) Di Kinarut South, Papar Secara usaha sama	100%
2	Pembangunan 160 Unit (Apartmen Blok A & Blok B) Rumah Mampu Milik Di Atas Sebahagian Daripada Cl.045115919 Di Tuaran Secara usaha sama	71%
3	Pembangunan 80 Unit (Apartmen Blok C) Rumah Mampu Milik Di Atas Sebahagian Daripada Cl.045115919 Di Tuaran Secara usaha sama	44%



502 unit rumah mampu milik siap dibina di Kinarut South, Papar siap dibina pada tahun 2022.



Pembinaan 160 unit rumah mampu milik (apartmen Blok A & B).



Pembinaan 80 unit rumah mampu milik (Apartmen Blok C). Status terkini projek pada tahun 2022.

KESEJAHTERAAN RAKYAT

PEMBANGUNAN PEKAN BAHARU

Di dalam Pelan Pembangunan SMJ 1.0, KKTP menerusi LPPB di dalam proses melaksanakan projek-projek infrastruktur asas untuk mewujudkan empat (4) buah pekan baharu (Kalabakan, Tongod, Merotai dan Sungai Melayu Sebatik) dalam tahun 2022 secara berfasa dengan mengoptimumkan peruntukan diluluskan tahun 2022 (RMK-12). Berikut adalah prestasi status pelaksanaan bagi inisiatif ini;

No.	Projek	Prestasi Pelaksanaan (%)
1	Projek Infrastruktur Di Pekan Baharu Kalabakan, Tawau	100%
2	Projek Infrastruktur Di Pekan Baharu Tongod	15%
3	Projek Infrastruktur Di Pekan Baharu Merotai, Tawau	15%
4	Projek Infrastruktur Di Pekan Baharu Sungai Melayu Sebatik (Tawau)	100%



Pembinaan enam (6) unit kios (5m X 5m) untuk keperluan pembangunan sosioekonomi penduduk setempat dan keperluan pembangunan di Pekan Baharu Kalabakan, Tawau.



'Site clearance' & earthwork 5 ekar dan access road (earth platform) 1 kilometer untuk kemudahan penduduk setempat dan keperluan pembangunan di Pekan Baharu Tongod.



Site clearing', earthwork for road platform 2,100 meter untuk kemudahan penduduk setempat dan keperluan pembangunan di Pekan Baharu Sungai Melayu Sebatik, Tawau.

PELAKSANAAN PROGRAM PBT HIJAU

Selaras dengan hala tuju dasar dan program Kerajaan melalui Pelan Pembangunan SMJ 1.0 melaksana strategi untuk mencapai sasaran dan matlamat yang bertepatan dengan keperluan pembangunan negeri. Pelan Pembangunan SMJ 1.0 dijajarkan dengan komitmen agenda *Sustainable Development Goals* 2030 bagi fokus jaringan infrastruktur dan kelestarian hijau.

INISIATIF RANGKAIAN PERSEKITARAN HIJAU DAN PROGRAM KOMUNITI

Program PBT Hijau bagi tahun 2022 adalah berdasarkan pelan tindakan yang digariskan di bawah inisiatif KKTP ke arah Masyarakat Rendah Karbon melalui Strategi 2: Pengekalan Kawasan Hijau; disokong dengan pendekatan Pelan Tindakan 4: Kebun Komuniti; dan strategi 3: Jaringan dan Laluan Hijau yang disokong oleh Pendekatan Pelan Tindakan 7: Penyediaan Jaringan Hijau.



Majlis Daerah Penampang

Usaha ini sebagai salah satu usaha mencapai matlamat pembudayaan masyarakat rendah karbon ke arah kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari.

Program PBT Hijau 2022 dilaksanakan di empat (4) PBT iaitu Majlis Daerah Ranau, Majlis Daerah Tuaran, Majlis Daerah Penampang dan Majlis Daerah Putatan.



Majlis Daerah Tuaran



Majlis Daerah Putatan

Skop kerja merangkumi aspek menambahbaik kualiti persekitaran, fungsi ruang di samping mendatangkan pelbagai manfaat menerusi pendekatan reka bentuk berciri lestari dengan pemilihan bahan binaan mesra alam pada landskap lembut dan landskap kejur.

KESEJAHTERAAN RAKYAT

PELAKSANAAN PROGRAM PBT HIJAU

PROGRAM I.P.L.A.N.T

Program ini merupakan satu inisiatif dan langkah proaktif bagi melestarikan persekitaran dengan kerjasama pelbagai sektor kerajaan dan swasta bagi memberi pendedahan kepada memelihara dan memulihara alam sekitar.

Program ini melibatkan penglibatan 25 PBT negeri Sabah bagi mencapai sasaran 1.3 juta penanaman pokok menjelang tahun 2023. Penanaman pokok sekurangnya 4,000 pokok setahun dan pengiraan pokok dikira berdasarkan pembangunan landskap dan program-program penanaman.



Pelaksanaan program I.P.L.A.N.T di Majlis Daerah Penampang



Pelaksanaan program I.P.L.A.N.T di Majlis Daerah Tambunan



Pelaksanaan program I.P.L.A.N.T di Sulaman Lake Mangrove Forest, Tuaran



Pelaksanaan program I.P.L.A.N.T di Hutan Simpan Bakau Kudat

Menerusi program ini, 15 PBT telah menerima anak pokok berasal dari Borneo berjumlah 1,351 pokok. PBT juga disarankan untuk menitik beratkan usaha bersama dalam mencapai jumlah penanaman pokok yang disasarkan.

Pelaksanaan penanaman pokok secara fizikal telah diadakan dengan kerjasama;

1. Sekolah Menengah Maktab Sabah;
2. Jabatan Perhutanan Sabah,
3. Hutan Simpan Kudat, dan
4. Sulaman Lake Mangrove Forest Tuaran.

KESEJAHTERAAN RAKYAT

MAJLIS PERANCANG NEGERI



Sekretariat Majlis Perancang Negeri (MPN) telah melaksanakan mesyuarat MPN yang dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Panglima Haji Masidi Manjun, Mantan Menteri KKTP, dan Mesyuarat diurus setiakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah.

Pada tahun 2022, sebanyak empat (4) mesyuarat telah dilaksanakan. JPBW bertanggungjawab sebagai penasihat dasar dan teknikal kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli MPN seperti yang termaktub di dalam Ordinan Perancangan Bandar dan Desa.

Objektif Mesyuarat adalah bagi memastikan sebarang dasar dan atau polisi berkaitan perancangan bandar dan desa digubal di peringkat Majlis Perancang Negeri diselaraskan dan diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Sabah.



"Pelaksanaan dua tahun Hala Tuju Sabah Maju Jaya merupakan cabaran yang melibatkan semua Kementerian dalam Negeri Di bawah Bayu. Alhamdulillah, kesungguhan dan dedikasi semua dengan pantas, dapat menyesuaikan cara kerja dalam situasi sedemikian untuk mencapai matlamat dan objektif agenda kerajaan negeri dalam melaksanakan Hala Tuju Sabah Maju Jaya 2021-2025.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah akan terus berusaha mencapai dan menjayakan inisiatif-inisiatif dalam membangun luar bandar demi menyejahterakan rakyat serta meningkatkan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan Negeri yang memegang mandat pentadbiran dan pengurusan negeri."

YB Datuk Jahid bin Jahim
Menteri Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah

Sepanjang tahun 2022, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah (KPLBS) komited dalam menjayakan inisiatif-inisiatif yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya khususnya elemen utama teras kedua iaitu **M : Modal insan dan Kesejahteraan Rakyat.**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR SABAH
(KPLBS)

Antara inisiatif utama Kerajaan Negeri melalui KPLBS adalah memastikan rakyat mampu memiliki rumah. Sebanyak 1,500 unit Rumah Mesra Sabah Maju Jaya (SMJ) bernilai kira-kira RM70,000 setiap satu akan diberikan kepada rakyat Sabah yang tidak memiliki kediaman yang sempurna, rumah daif serta membantu golongan miskin tegar agar dapat memiliki rumah.

Selain itu, program-program lain yang dilaksanakan adalah memberikan kursus kemahiran keusahawanan kepada 225 orang peserta pada setiap tahun melalui pengendalian kursus dalam program pembangunan ekonomi luar bandar dan menyediakan peruntukan sebanyak 100 buah Rumah Sejahtera Rakyat Sabah (RSRS) kepada golongan miskin tegar.



KESEJAHTERAAN RAKYAT

RUMAH MESRA SABAH MAJU JAYA (SMJ)

Inisiatif Rumah Mesra SMJ merupakan usaha kerajaan Negeri Sabah untuk membina 1,500 unit rumah di 73 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dengan anggaran kos RM125.6 juta. Inisiatif ini bertujuan untuk mengeluarkan penduduk luar bandar daripada kemiskinan dan memastikan penyediaan rumah mampu milik untuk rakyat yang kurang berkemampuan. Di samping itu, ia juga merupakan usaha untuk menjaga kebajikan rakyat termasuk pemilikan rumah yang menjadi keutamaan kerajaan dan kepentingan negeri.





Sejak dilancarkan pada 28 September 2022, sebanyak 127 unit Rumah Mesra Sabah Maju Jaya (SMJ) telah dibina. Manakala pada tahun 2023, pembinaan rumah mesra SMJ akan diteruskan dengan membina 2,855 unit. Usaha berterusan ini akan diteruskan dengan keazaman bagi memastikan semua rakyat Sabah yang layak dibantu dapat memiliki rumah kediaman sendiri.

KESEJAHTERAAN RAKYAT

RUMAH SEJAHTERA RAKYAT SABAH (RSRS)

Rumah Sejahtera Rakyat Sabah (RSRS) merupakan sebuah inisiatif Kerajaan Negeri sebagai pelengkap kepada Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kerajaan Persekutuan dengan objektif utama adalah untuk menyediakan tempat tinggal yang lebih selesa kepada golongan penduduk yang memerlukan yang tidak dapat dicakupi oleh program PPRT.



Pembinaan Rumah Sejahtera Rakyat Sabah

KPLBS telah menyasarkan sebanyak 20 rumah RSRS dan akan dibina pada setiap tahun. Program RSRS ini telah dilaksanakan di lapan (8) buah kampung iaitu Kampung Suan Lamba Peringkat 2 (Kinabatangan), Kampung Rinasuk (Pitas), Kampung Bundu Tohuri (Tamparuli), Kampung Tajau (Tuaran), Kampung Bunsit (Keningau), Kampung Cenderamata (Paitan) dan Kampung Gerowot (Kuala Penyu). Bagi inisiatif ini, pencapaian dalam penyediaan peruntukan telah mencapai pencapaian sebanyak 50% bagi tahun 2022.

KESEJAHTERAAN RAKYAT

KURSUS KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN

KPLBS juga melaksanakan Inisiatif dalam memberikan kursus kemahiran keusahawanan kepada 225 orang peserta pada setiap tahun. Pengendalian kursus dalam program pembangunan ekonomi luar bandar bermula tahun 2021 sehingga kini, dan telah melebihi sasarannbagi tahun 2022. Berikut merupakan antara kursus kemahiran keusahawanan yang telah dibuat pada tahun 2022 di setiap daerah di Sabah.



Bengkel Asas Kemahiran Pemasangan Manik Tudung Siri II Peringkat Daerah Lahad Datu



Kursus Pemprosesan Bebola, Kek dan Burger Ikan Peringkat Daerah Beluran



Kursus Asas Kemahiran Pembuatan Mee Bagi Daerah Beaufort & Membakut

KESEJAHTERAAN RAKYAT

MENAMBAHBAIK BANGUNAN KEUSAHAWANAN

Dalam usaha menambahbaik 25 buah bangunan keusahawanan menjelang tahun 2025, KPLBS telah melaksanakan penambahbaikan kepada enam (6) buah bangunan keusahawanan bagi tahun 2022 di Daerah Beluran, Daerah Tenom, Daerah Kecil Menumbok, Daerah Pitas, Daerah Sipitang dan Kota Kinabalu.



Penambahbaikan atap CLC Daerah Sipitang.



Pembaikan Pusat Keusahawanan Desa (PKD) Daerah Menumbok.

KESEJAHTERAAN RAKYAT

MEMBERI LATIHAN KEPADA PENGERUSI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JPKK)

KPLBS dengan dedikasi melalui inisiatif memperkasakan 1,500 pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) telah memberikan Latihan berkaitan pada tahun semasa kepada 1,363 pengerusi JPKK yang telah dilantik pada tahun 2022.






Kursus Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung di peringkat daerah Tamparuli



Kursus Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung di peringkat daerah Tenom / Kemabong.

KESEJAHTERAAN RAKYAT

2853 PELANTIKAN JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN (JPKK)



Pencapaian Pelantikan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan (JPKK)

Pelantikan 2,853 Ahli-ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) telah dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan dan KPLBS telah mencapai peratusan secara kumulatif iaitu 92% bagi tahun 2022.





Majlis penyerahan watikah pelantikan Pengerusi,
Setiausaha dan Biro JPKK bagi kawasan DUN N.12 Sulaman.

SISTEM PENGURUSAN JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG



KPLBS telah membangunkan Sistem Pengurusan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) bagi memudahkan proses lantikan JPKK secara digital. Pembangunan sistem ini telah bermula pada bulan Mac 2021 dan berjaya disiapkan pada bulan Ogos 2022. Sistem Pengurusan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) kini telah mencapai 100%.



JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU:

JARINGAN INFRASTRUKTUR

RINGKASAN IMBASAN



PROJEK PEMBINAAN LEBUH RAYA PAN BORNEO

- Fasa 1 sepanjang 706 kilometer (35 pakej kerja)
- 15 pakej kerja sedang dalam proses pembinaan
- Peratus kemajuan fizikal **78%** setakat **Mac 2023**



PROJEK MENINGKATKAN KAPASITI LOJI RAWATAN AIR

- 84 buah loji rawatan air (LRA)
- Kapasiti pengeluaran sebanyak **1,510 Juta Liter Sehari (JLH)**
- Keupayaan bekalan air disasarkan sebanyak **1,940 JLH** menjelang **tahun 2025**



PROFIL BEKALAN ELEKTRIK NEGERI SABAH

- Kapasiti boleh guna adalah sebanyak **1,278 Megawatt (MW)** berbanding **permintaan tenaga 1,032 MW**
- **996.26 MW** dikeluarkan **oleh Syarikat Pengeluar Tenaga Bebas** manakala baki **281.75 MW** dikeluarkan oleh **SESB**



PROGRAM JALINAN DIGITAL NEGARA (JENDELA)

- 169 menara baharu
- 4,158 Pemancar dinaiktaraf
- 180,346 siap sambungan ke premis
- **Status BWA Satelit:** 100%
- **Status PEDi:** 100%
- **Liputan 4G:** 90.45% bagi setiap 100 penduduk
- **Ketersediaan Gentian Optik** sebanyak 50.01%



PROJEK TEBATAN BANJIR

- **13 projek** seluruh negeri Sabah yang tersenarai dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)
- **4 kajian** pelan induk

JARINGAN INFRASTRUKTUR

PELAKSANAAN PROJEK LEBUH RAYA PAN BORNEO

Projek Pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo dibahagikan kepada tiga (3) fasa. Fasa Satu (1) merupakan jajaran dari laluan Sindumin – Kota Kinabalu – Kudat, Ranau ke Mile 32 Sandakan dan Mile 32 Sandakan - Tawau sepanjang **706 kilometer.** Fasa Dua (2) pula merupakan laluan dari Tamparuli ke Ranau sepanjang 98 kilometer, dan akhir sekali Fasa Tiga (3) merupakan jajaran dari laluan Tawau – Kalabakan –Keningau – Kimanis sepanjang 432 kilometer.

Pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo adalah untuk **menaik taraf jalan sedia ada** kepada **piawaian yang lebih tinggi**. Hal ini demikian kerana kebanyakan jalan-jalan persekutuan yang sedia ada di Sabah dibina dengan piawaian yang rendah iaitu piawaian **R3 (2-*lane single carriageway*).** Oleh itu, terdapat keperluan untuk menaik taraf jalan ini kepada **piawaian yang lebih tinggi** iaitu **R5 (4-*lane dual carriageway*).**

Hal ini akan dapat mencapai agenda utama negeri untuk membangunkan rangkaian infrastruktur yang lebih terancang, sistematik dan selamat serta menyokong pertumbuhan ekonomi negeri Sabah.

Selain itu, pihak kerajaan terpaksa membelanjakan **kos yang tinggi setiap tahun untuk memulihkan kerosakan jalan** terutamanya di sebelah Pantai Timur Sabah. Kerosakan jalan ini dikenalpasti disebabkan oleh keadaan geologi dan diburukkan lagi dengan isu lebih had muatan oleh kenderaan yang menggunakan jalan tersebut.

Bukan itu sahaja, **ketiadaan akses ke kawasan pelancongan *(Tourism Belt)*** iaitu kawasan Pantai Barat Utara Sabah juga merupakan faktor utama projek pembinaan lebuh raya ini diwujudkan. Kawasan persisiran pantai Tuaran ke Kudat adalah kawasan yang berpotensi sebagai pusat pelancongan. Dengan adanya Lebuh Raya Pan Borneo, lebuh raya ini akan dapat menghubungkan Tuaran ke Simpang Mengayau di Kudat dan secara tidak langsung boleh merancakkan pertumbuhan ekonomi di kawasan tersebut.





Sumber : Jabatan Kerja Raya Sabah, 2022

JARINGAN INFRASTRUKTUR

STATUS PELAKSANAAN LEBUH RAYA PAN BORNEO FASA 1

Pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo Fasa Satu (1) dibahagikan kepada **35 pakej kerja.** Setakat Disember tahun 2022, sebanyak **15 pakej kerja** sedang dalam proses pembinaan. Status kemajuan fizikal pembinaan lebuh raya ini telah mencapai **sebanyak 78% setakat Mac 2023** dan dijangkakan siap sepenuhnya menjelang tahun 2025.

PAKEJ	BAHAGIAN	PANJANG JALAN (KM)
WP 1	Sindumin - Kg Melalia	28.5
WP 2	Kg Melalia - Beaufort	34.7
WP 3	Beaufort - Bongawan	22.4
WP 4	Bongawan – Papar	23.2
WP 5	Papar – Donggongon	11.7
WP 6	Putatan - Inanam	19.6
WP 7	Inanam – Sepanggar	9.9
WP 8	Sepanggar - Bulatan Berungis	11.7
WP 9	Serusup – Pituru	20.7
WP 10	Pituru – Rampayan Laut	32.2
WP 11	Rampayan Laut – Sarang	7.3
WP 12	Sarang - Temuno	14.8
WP 13	Temuno – Bingolon	21.2
WP 14	Bingolon – Simpang Mengayau	27.8
WP15	Tawau – Semporna Package 1 Phase 2	5.0
WP 16	Kg. Check Point – Sg Kalumpang	19.3
WP 17	Sg Kalumpang – Madai	19.0
WP 18	Madai – IGN Estate	13.8
WP 19	IGN Estate – Agri Harvest	18.5
WP 20	Agri Harvest - Sapagaya	17.3
WP 21	Lahad Datu Bypass	6.9
WP 22	Lahad Datu Bypass – Kg Sandau	23.5
WP 23	Kg Sandau – Sg Takala	25.0
WP 24	Sg Takala – Kg Perpaduan Datuk Moh	15.9
WP 25	Kg Perpaduan Datuk Moh – Sukau	15.0
WP 26	Sukau – Kg. Lot M	18.0
WP 27	Kg Lot M – Sandakan Mile 32	18.1
WP 28	Sandakan Mile 32 – Moynod	21.7
WP 29	Moynod – Sapi Nangoh	20.4
WP 30	Sapi Nangoh – Sg Baoto	16.8
WP 31	Sg Baoto – Telupid	20.5
WP 32	Telupid – Kg Lumou Baru	18.2
WP 33	Kg Lumou Baru – Kg Toupos	20.2
WP 34	Kg Toupos - Kg Nabutan	24.1
WP 35	Kg Nabutan - Ranau	27.5



PETUNJUK	
	Dalam pembinaan
	Telah diluluskan dalam RMKe-12
	Dalam peringkat memuktamadkan kaedah perolehan




Sumber : Jabatan Kerja Raya Sabah, 2022

JARINGAN INFRASTRUKTUR

STATUS PELAKSANAAN LEBUH RAYA PAN BORNEO FASA 1

WP01 – SINDUMIN – KG MELAILA



58.11%

WP02 – KG MELALIA - BEAUFORT



38.11%

WP03 – BEAUFORT - BONGAWAN



52.39%

WP04 – BONGAWAN - PAPAR



76.09%

WP05 – PAPAR - DONGGONGON




SIAP

WP06 – PUTATAN - INANAM



63.97%

WP07 – PUTATAN - INANAM



83.64%

WP08 – SEPANGGAR – BULATAN BERUNGGIS



60.78%

Sumber : Jabatan Kerja Raya Sabah, 2022

JARINGAN INFRASTRUKTUR

STATUS PELAKSANAAN LEBUH RAYA PAN BORNEO FASA 1


WP10 – PITURU – RAMPAYAN LAUT



WP15 – TAWAU – SEMPORNA PACKAGE 1 PHASE 2



WP21 – LAHAD DATU BYPASS



WP27 – KG LOT M – SANDAKAN MILE 32



WP28 – SANDAKAN MILE 32 - MOYNOD



WP29 – MOYNOD – SAPI NANGOH




WP30 – SAPI NANGOH – SG BAOTO



Sumber : Jabatan Kerja Raya Sabah, 2022

JARINGAN INFRASTRUKTUR

PENINGKATAN KAPASITI LOJI RAWATAN AIR



Kapasiti Loji Rawatan Air (LRA) berjaya ditingkatkan kepada **1,510 Juta Liter Sehari (JLH)** dari **1,500 JLH** melalui projek menaik taraf dan penambahan loji rawatan air. Setakat tahun 2022, terdapat **84 buah loji** yang beroperasi di seluruh negeri Sabah dengan kapasiti pengeluaran sebanyak **1,510 Juta Liter Sehari (JLH).** Melalui inisiatif-inisiatif yang dijalankan dalam meningkatkan kapasiti loji rawatan air di bawah Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya, **keupayaan bekalan air disasarkan sebanyak 1,940 JLH menjelang tahun 2025.**

BAHAGIAN PANTAI BARAT
DAERAH: 6
BILANGAN LRA: 19
JUMLAH KAPASITI: 498.58 JLH

BAHAGIAN SANDAKAN
DAERAH: 6
BILANGAN LRA: 16
JUMLAH KAPASITI: 273.00 JLH

BAHAGIAN TAWAU
DAERAH: 4
BILANGAN LRA: 17
JUMLAH KAPASITI: 285.40 JLH

BAHAGIAN KUDAT
DAERAH: 4
BILANGAN LRA: 8
JUMLAH KAPASITI: 112.00 JLH

BAHAGIAN PEDALAMAN
DAERAH: 8
BILANGAN LRA: 24
JUMLAH KAPASITI: 336.50 JLH

Kapasiti Maksimum Loji Rawatan Air, setakat tahun 2021

Sumber : Jabatan Air Negeri Sabah, 2022

JARINGAN INFRASTRUKTUR

PENINGKATAN KAPASITI LOJI RAWATAN AIR

PROJEK PENAMBAHAN KAPASITI LOJI RAWATAN AIR TELIBONG II DARIPADA 80 JLH KEPADA 160 JLH





Projek penambahan kapasiti Loji Rawatan Air Telibong II Fasa 2, Tuaran dijangka akan siap sepenuhnya menjelang April 2023. Projek ini akan meningkatkan kapasiti loji daripada **80 JLH kepada 160 JLH.** Projek menaik taraf loji rawatan air ini adalah amat penting untuk menampung peningkatan permintaan bekalan air bersih di sekitar kawasan utara Bandaraya Kota Kinabalu selain mengatasi masalah yang terdapat di beberapa kawasan yang sering mengalami masalah kekurangan bekalan air berikutan pertumbuhan yang pesat di kawasan tersebut.



Prestasi Fizikal	**:**	**78%** *termasuk kerja yang tertangguh
Sasaran	**:**	Meningkatkan pengeluaran air terawat kepada 80 JLH

Sumber : Jabatan Air Negeri Sabah, 2022

JARINGAN INFRASTRUKTUR

PENINGKATAN KAPASITI LOJI RAWATAN AIR

BEKALAN AIR BAGI KAWASAN DI BAHAGIAN UTARA KOTA KINABALU, *URGENT WATER SUPPLY SCHEME* (UWSS) TELIBONG II

Projek *Urgent Water Supply Scheme* (UWSS) Loji Rawatan Air (LRA) Telibong II sudah mencapai tahap kemajuan fizikal sebanyak **99%** dan dijadualkan akan siap sepenuhnya pada Februari 2023. Projek ini merupakan inisiatif kerajaan negeri Sabah dalam mengatasi masalah air di bahagian utara Kota Kinabalu. Projek ini akan memberi manfaat kepada sekitar **25,000 penduduk** untuk menangani masalah kekurangan bekalan air oleh penduduk di kawasan sekitar Tamparuli dan Tuaran. Projek ini akan meningkatkan kapasiti bekalan air bertambah kepada sebanyak **10 JLH.**

Prestasi Fizikal	**:**	**99%**
Sasaran	**:**	10 JLH (dijadualkan siap sepenuhnya Feb 2023)









Sumber : Jabatan Air Negeri Sabah, 2022

PENINGKATAN KAPASITI LOJI RAWATAN AIR

PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) PEMBINAAN LOJI RAWATAN AIR PITAS

Prestasi Fizikal	**:**	**50.50%**
Skop Kerja	**:**	1. Pembinaan Loji Rawatan Air (10 JLH) 2. Pembinaan *Elevated Water Tank* 3. Pembinaan Rumah Pam Penggalak
Sasaran	**:**	Memanfaatkan sekitar 8200 buah rumah

PROJEK BALB DI KAMPUNG DANDULIT DAN KAWASAN SEKITARNYA, SANDAKAN, SABAH

Prestasi Fizikal	**:**	**83.00%**
Skop Kerja	**:**	1. Pemasangan Paip Transmisi, Paip Agihan dan Paip Penghubung (20.752 KM) 2. Pembinaan Tangki Imbangan dan Tangki Perkhidmatan 3. Pembinaan Rumah Pam Penggalak
Sasaran	**:**	Memanfaatkan sekitar 398 buah rumah

PROJEK BALB KAWASAN SEMPORNA, SABAH

Prestasi Fizikal	**:**	**67.45%**
Skop Kerja	**:**	1. Pemasangan Paip Transmisi, Paip Agihan dan Paip Penghubung (119.127KM) 2. Pembinaan Tangki Imbangan dan Tangki Perkhidmatan dan *Suction Tank* 3. Pembinaan Rumah Pam Penggalak
Sasaran	**:**	Memanfaatkan sekitar 7,500 buah rumah

Sumber : Jabatan Air Negeri Sabah, 2022

PENINGKATAN KAPASITI LOJI RAWATAN AIR

PROJEK BALB KAMPUNG LANUNG, TONGOD, SABAH

Prestasi Fizikal	**:**	**93.72%**
Skop Kerja	**:**	1. Pemasangan Paip Air Mentah, Paip Agihan dan Paip Penghubung (16.05 KM) 2. Pembinaan Tangki Imbangan, *Elevated Water Tank* dan *Suction Tank*
Sasaran	**:**	Memanfaatkan sekitar 272 buah rumah





PROJEK BALB DI KAWASAN DEWATA, LAHAD DATU, SABAH

Prestasi Fizikal	**:**	**88.04%**
Skop Kerja	**:**	1. Pembinaan Loji Rawatan Air (3.0 JLH) 2. Pemasangan Paip Air Mentah, Paip Agihan, Paip Retikulasi dan Paip Penghubung sepanjang 15.79 Kilometer
Sasaran	**:**	Memanfaatkan sekitar 204 buah rumah





Sumber : Jabatan Air Negeri Sabah, 2022

PENINGKATAN KAPASITI LOJI RAWATAN AIR

PROJEK MENAIK TARAF LIPUTAN DAN PENYELESAIAN AIR DI KAMPUNG KAYUL, KUALA PENYU

Prestasi Fizikal	**:**	**91.50%**
Skop Kerja	**:**	Pemasangan Paip Agihan dan Paip Penghubung
Sasaran	**:**	Memanfaatkan sekitar 325 buah rumah

PROJEK MENAIK TARAF LIPUTAN DAN PENYELESAIAN AIR DI KAMPUNG BARANGKOK/ KAMPUNG MAMALAT, KUALA PENYU

Prestasi Fizikal	**:**	**97.50%**
Skop Kerja	**:**	1. Pemasangan Paip Agihan dan Paip Penghubung 2. Pembinaan Tangki Simpanan 3. Pembinaan Rumah Pam Penggalak (*Pump House*)
Sasaran	**:**	Memanfaatkan sekitar 24 buah rumah

PROJEK BALB KAMPUNG MONGGORIS, KOTA BELUD, SABAH.

Prestasi Fizikal	**:**	**84.68%**
Skop Kerja	**:**	1. Pembinaan Paip Air Mentah, Paip Agihan dan Paip Transmisi 2. Pembinaan Rumah Pam Penggalak 3. Pembinaan Tangki Imbangan dan Tangki Perkhidmatan
Sasaran	**:**	Memanfaatkan sekitar 294 buah rumah

Sumber : Jabatan Air Negeri Sabah, 2022

JARINGAN INFRASTRUKTUR

PROGRAM BEKALAN AIR LUAR BANDAR ALTERNATIF (BALBA)

Program Bekalan Air Luar Bandar Alternatif (BALBA) merupakan inisiatif di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS) untuk membekalkan air dengan kaedah alternatif yang terawat antaranya sistem paip air graviti dan telaga tiub di kawasan pedalaman yang jauh daripada capaian sistem retikulasi Jabatan Air Negeri Sabah. Setakat Disember 2022, sebanyak **tujuh (7)** buah projek di **empat (4)** buah kampung telah siap sepenuhnya.





BIL.	TAJUK PROJEK	DAERAH / DAERAH KECIL
1.	Bina baru paip graviti di Kg. Siwanal	Pagalungan
2.	Bina baru paip graviti di Kg. Takilis	
3.	Penyelenggaraan Sistem Bekalan Air Graviti di Kg. Melangkap Tomis	Kota Belud
4.	Penyelenggaraan Sistem Bekalan Air Graviti di Kg. Lasau Minunsud	
5.	Membina bekalan air paip graviti sejauh 2 kilometer untuk keperluan mendesak 40 buah rumah Kg. Tungab	Kota Marudu
6.	Membina bekalan air paip graviti sejauh 2 kilometer untuk keperluan mendesak 35 buah rumah Kg. Miniran	
7.	Membina sistem paip graviti Kg. Telutuh	Banggi

Status pelaksanaan projek BALBA tahun 2022

Sumber : Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah, 2022

JARINGAN INFRASTRUKTUR

PROGRAM BEKALAN AIR LUAR BANDAR ALTERNATIF (BALBA)





KAMPUNG LASAU MINUNSUD, KOTA BELUD





KAMPUNG MELANGKAP TOMIS, KOTA BELUD





KAMPUNG MINIRAN, KOTA MARUDU

Sumber : Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah, 2022

PROFIL BEKALAN TENAGA NEGERI SABAH


KAPASITI BOLEH GUNA (MW)

2020	1171 MW
2021	1179 MW
2022	1278 MW

Setakat tahun 2022, jumlah kapasiti boleh guna dari penjanaan stesen jana kuasa di negeri Sabah adalah sebanyak **1,278 Megawatt (MW)**. Daripada keseluruhan kapasiti terpasang di negeri Sabah, **78% dikeluarkan oleh Syarikat Pengeluar Tenaga Bebas** iaitu sebanyak **996.26 MW** manakala baki **22%** dikeluarkan oleh SESB iaitu sebanyak **281.75 MW.**

Di peringkat SESB, **kapasiti terpasang** adalah sebanyak **446.41 MW** dan **kapasiti boleh guna** adalah sebanyak **281.74 MW** di mana **4.47%** adalah **tenaga dari sumber yang boleh diperbaharui.**

PERMINTAAN TENAGA (MW) DAN UNJURAN 2023 -2025



Secara keseluruhannya, permintaan tenaga telah pun menunjukkan peningkatan sejak tiga (3) tahun yang lalu. Pada tahun 2020, permintaan tenaga di negeri Sabah adalah 987 MW dan meningkat kepada 1,003 MW bagi tahun 2021 dan 1,032 bagi tahun 2022.

Sumber : Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), 2022

SENARAI STESEN JANAKUASA SESB TAHUN 2022

MAJOR STATION		
BIL.	**STESEN**	**TENAGA BOLEH GUNA (kiloWatt, kW)**
1.	Patau – Patau, W.P Labuan	97,800
2.	Tenom Pangi	-
3.	Tawau	22,903
4.	Kubota	45,000
5.	Sandakan	54,351

MINOR STATION		
BIL.	**STESEN**	**TENAGA BOLEH GUNA (kiloWatt, kW)**
1.	Ranau	11,800
2.	Telupid	7,269

TAWAU CANOPY SET		
BIL.	**STESEN**	**TENAGA BOLEH GUNA (kiloWatt, kW)**
1.	Tawau Canopy, Tawau	6,214

MOBILE GEN. SETS		
BIL.	**STESEN**	**TENAGA BOLEH GUNA (kiloWatt, kW)**
1.	Melawa *Mobile Gen. Sets*	13,640

MINI HYDRO		
BIL.	**STESEN**	**TENAGA BOLEH GUNA (kiloWatt, kW)**
1.	Mini Hydro, Melangkap	-
2.	Mini Hydro, Sayap	1,000
3.	Mini Hydro, Merotai	500
4.	Mini Hydro, Bombalai	800
5.	Mini Hydro, Carabau	1,800
6.	Mini Hydro, Naradau	1,200

Sumber : Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), 2022

JARINGAN INFRASTRUKTUR

SENARAI STESEN JANAKUASA SESB TAHUN 2022

RURAL STATION		
BIL.	**STESEN**	**TENAGA BOLEH GUNA (kiloWatt, kW)**
1.	Kg. Pensiangan, Nabawan	150
2.	Kg. Padang, Pulau Mantanani, Kota Belud	150
3.	Kg. Tanjung Aru, Sandakan	600
4.	Tatabuan, Beluran	450
5.	Kg. Kaniogan, Beluran	250
6.	Kg. Terusan, Beluran	180
7.	Kg. Karamuak Dalam, Telupid	120
8.	Kg. Tenaga Baru, Telupid	18
9.	Kg. Kanang-Kanangan, Kinabatangan	36
10.	SJ Balat, Kinabatangan	650
11.	SJ Lintang, Kinabatangan	650

SOLAR HYBRID		
BIL.	**STESEN**	**TENAGA BOLEH GUNA (kiloWatt , kW)**
1.	SSH Pulau Banggi, Kudat	3,969
2.	SSH Kalabakan, Tawau	3,200
3.	SSH Tanjung Labian, Lahad Datu	3,572
4.	SSH Maligan 1, Sipitang	77
	SSH Maligan 2, Sipitang	152
5.	SSH Pergalungan, Keningau	176
6.	SSH Pulau Lubukan, Sandakan	95
7.	SSH Tg. Batu, Sandakan	680
8.	SSH Kuamut Besar, Kinabatangan	680
9.	SSH Kuamut Seberang, Kinabatangan	116
10.	SSH Tidong, Lahad Datu	263
11.	SSH Tambisan, Lahad Datu	656

**SJ = Stesen Janakuasa*
**SSH = Stesen Solar Hibrid*

Sumber : Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), 2022

SENARAI STESEN JANAKUASA SESB TAHUN 2022

SOLAR HYBRID		
BIL.	**STESEN**	**TENAGA BOLEH GUNA (kiloWatt, kW)**
12.	SSH Sungai Merah, Lahad Datu	1,048
13.	SSH Tundon Bohagin, Sandakan	310
14.	SSH Pulau Pebabag, Semporna	676
15.	SSH Pulau Bait 1, Semporna	676
16.	SSH Pulau Larapan, Semporna	527
17.	SSH Pulau Omadal, Semporna	527
18.	SSH Pulau Bait 2, Semporna	284
19.	SSH Pulau Selakan, Semporna	396
20.	SSH Pulau Denawan, Semporna	361
21.	SSH Pulau Sumander, Semporna	206
22.	SSH Pulau Menampilik, Semporna	214
23.	SSH Kg Sukang Telindusan, Beluran	2,636
24.	SSH Kg Pinangkau, Beluran	1,047
25.	SSH Kg Tangkarason, Beluran	577
26.	SSH Kg Sungai-Sungai, Beluran	451
27.	SSH Kg Tampat, Beluran	286
28.	SSH Pulau Mumiang, Sandakan	680
29.	SSH Pulau Pamaguan, Sandakan	380
30.	SSH Sepinong, Sandakan	468
31.	SSH Semayang, Sandakan	439
32.	SSH Kg Kabuluh, Beluran	1,449
33.	SSH Pantai Boring, Beluran	577

Sumber : Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), 2022

JARINGAN INFRASTRUKTUR

PROGRAM BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR ALTERNATIF (BELBA)

Program Bekalan Elektrik Luar Bandar Alternatif (BELBA) adalah projek untuk memenuhi keperluan bekalan elektrik dalam skala kecil bagi komuniti di kawasan luar bandar. Projek ini merangkumi penjanaan elektrik melalui kaedah alternatif seperti mikro hidro di kawasan pedalaman yang tidak dicakupi oleh program dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan juga kawasan yang jauh dari sistem grid SESB. Setakat Disember 2022, sebanyak **lima belas (15)** buah projek di **empat (4)** buah kampung telah siap sepenuhnya dengan kos keseluruhan sebanyak **RM999,615.00**



BIL.	TAJUK PROJEK	DAERAH / DAERAH KECIL
1.	Pemasangan lampu solar di tepi jalan perkarangan Kg. Rugading	Kota Marudu
2.	Pemasangan lampu solar di tepi jalan perkarangan Kg. Toboliung	
3.	Pembinaan lampu jalan di beberapa kampung daerah Ranau	Ranau
4.	Pemasangan 8 unit lampu solar di halaman 16 buah masjid/surau daerah Ranau tahun 2022	
5.	Pemasangan lampu jalan (solar) Kg. Togop	Kiulu
6.	Pemasangan lampu jalan (solar) Kg. Kelawat	
7.	Pemasangan lampu jalan (solar) Kg. Turongohon	
8.	Pemasangan lampu jalan (solar) Kg. Turongohon	

Sumber : Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah, 2022

PROGRAM BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR ALTERNATIF (BELBA)

BIL.	TAJUK PROJEK	DAERAH / DAERAH KECIL
9.	Pemasangan lampu jalan menggunakan tenaga solar (bertiang) Kg. Singgahmata	Banggi
10.	Pemasangan lampu jalan menggunakan tenaga solar (bertiang) Kg. Perpaduan	
11.	Pemasangan lampu jalan menggunakan tenaga solar (bertiang) Kg. Indalupi	
12.	Pemasangan lampu jalan menggunakan tenaga solar (bertiang) Kg. Kobong	
13.	Pemasangan lampu jalan menggunakan tenaga solar (bertiang) Kg. Limbuak Darat	
14.	Pemasangan lampu jalan menggunakan tenaga solar (bertiang) Kg. Maliyu	
15.	Membekal dan memasang lampu jalan di Masjid Kg. Rajunah	Kota Belud

Status pelaksanaan projek BELBA tahun 2022





Sumber : Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah, 2022

PROGRAM BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR ALTERNATIF (BELBA)





KAMPUNG RUGADING, KOTA MARUDU






KAMPUNG TOBOLIUNG, KOTA MARUDU

KIULU



KAMPUNG TURONGOHON



KAMPUNG TOGOP



KAMPUNG KELAWAT

Sumber : Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah, 2022

JARINGAN INFRASTRUKTUR

PENGAMBILALIHAN SABAH ELECTRICITY SDN. BHD. (SESB) SELEPAS PENUBUHAN SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECos) telah ditubuhkan pada 10 Januari 2023 selepas penggazetan Enakmen Suruhanjaya Tenaga Sabah 2023. ECoS merupakan sebuah badan berkanun di bawah Kerajaan Negeri Sabah dan menjadi pihak pengawalseliaan bagi sektor tenaga di bawah portfolio Ketua Menteri sebagai menteri yang bertanggungjawab.

Badan ini bertujuan untuk menyediakan tenaga yang selamat, mampan, berpatutan dan mudah diakses bagi rakyat di negeri Sabah. ECoS akan mengambil alih kuasa pengawalseliaan untuk bekalan elektrik dan tenaga boleh baharu di Sabah setelah Rang Undang-Undang yang berkaitan diluluskan dan digazetkan dalam Dewan Undangan Negeri.

Penubuhan ECoS juga akan memudahkan penyediaan pelan tindakan bagi pengambilalihan kuasa kawal selia sektor tenaga negeri Sabah. Perkara ini adalah sebahagian daripada tuntutan kerajaan negeri berhubung hak negeri Sabah dalam perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Kerajaan Negeri akan mendapat manfaat penuh hasil daripada penubuhan Suruhanjaya Tenaga Sabah melalui pengambilalihan SESB yang dapat dilaksanakan tanpa sebarang liabiliti. Hal ini juga akan dapat mengatasi isu-isu berkaitan bekalan elektrik di negeri Sabah terutama sekali di kawasan pedalaman.





JARINGAN INFRASTRUKTUR

INISIATIF JALINAN DIGITAL NEGARA (JENDELA)



JENDELA juga merupakan platform untuk mempercepatkan kesalinghubungan digital negara melalui pelaksanaan meluas capaian jalur lebar mudah alih, gentian optik dan tetap sementara membuka jalan kepada 5G di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Status pencapaian inisiatif JENDELA bagi suku pertama tahun 2023 di negeri Sabah adalah seperti yang berikut:-

- **Liputan 4G:** 90.45% bagi setiap 100 penduduk
- **Ketersediaan Gentian Optik** sebanyak 50.01%
- **Status Pembinaan Menara Baharu:** 27.44% (169 menara baharu)
- **Status Naik Taraf Pemancar:** 99.33% (4,158 Pemancar dinaiktaraf)
- **Status Sambungan ke Premis:** 59.41% (180,346 siap sambungan ke premis)
- **Status BWA Satelit:** 100% (138 BWA Satelit)
- **Status PEDi: 100%** (118 PEDi)

PENAIKTARAFAN KAPASITI JALUR LEBAR DENGAN KELAJUAN MINIMA 30 Mbps SEHINGGA 800Mbps DI 305 LOKASI DI NEGERI SABAH



Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) menerusi Sabah Net Sdn. Bhd. telah melaksanakan penaiktarafan kapasiti jalur lebar dengan kelajuan sehingga 800 Mbps di setiap lokasi rangkaian Sabah Net. Sasaran inisiatif ini adalah menjalankan penaiktarafan di 749 lokasi menjelang tahun 2025. Hal ini akan meningkatkan keupayaan perkhidmatan awam mengadaptasi pendigitalan dalam perkhidmatan. Setakat Disember 2022, sejumlah 305 kawasan berjaya dinaiktaraf berbanding sasaran pada tahun 2022 sebanyak 190 kawasan. Bukan itu sahaja, di bawah KSTI juga telah dilaksanakan penambahbaikan sebanyak 222 lokasi baharu dengan rangkaian Sabah Net di seluruh Sabah termasuk Pejabat Kerajaan Negeri Sabah dan agensi-agensi di bawahnya bagi tahun 2022.

Sumber : Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI), 2022

PROJEK-PROJEK TEBATAN BANJIR, JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SABAH

Usaha menangani masalah banjir di negeri Sabah sedang dilaksanakan melalui Rancangan Tebatan Banjir (RTB), Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah secara berperingkat. Sebanyak **13 projek tebatan banjir** yang tersenarai di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 dan terdapat **4 kajian pelan induk** sedang dijalankan.

BIL.	TAJUK PROJEK	STATUS KEMAJUAN FIZIKAL
PROJEK BIAYAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN		
1.	Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Moyog Negeri Sabah	Pakej 1A: 80.04% Pakej 3: 82.76%
2.	RTB Sg. Tawau, Lembangan Sg. Tawau, Sabah (Fasa 1A)	40.27%
3.	RTB Sg. Anip, Lembangan Sg. Anip, Sandakan, Sabah	83.28%
4.	5 RTB Sg. Ketiau, Putatan, Sabah	4.62%
5.	RTB Sg. Pancuran, Lembangan Sg. Sepagaya, Lahad Datu, Sabah	Projek Siap
6.	RTB Sg.Gurong-Gurong Lembangan Sg. Gurong Gurong Pekan Kota Belud	Projek Siap
7.	RTB Sg. Rampayan, Lembangan Sg. Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah	81.96%
8.	RTB Sg. Tebongon (Kg. Teguli), Putatan, Sabah	Projek Siap
9.	RTB Sg. Kedamaian / Sg.Tempasuk / Sg.Abai & Sg. Kawang-Kawang, Kota Belud, Sabah	Kajian sedang dilaksanakan • Kerja RTB 92.34%
10.	RTB Bandar Sierra, Lembangan Sg. Telipok, Kota Kinabalu, Sabah	96.60%
11.	RTB Sg. Padas, Lembangan Sg. Padas, Sabah	Peringkat semakan draf tender
12.	RTB Persekitaran Kawasan Lido Bandaraya Kota Kinabalu Sabah	13.29%

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah, 2022

PROJEK-PROJEK TEBATAN BANJIR, JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SABAH

BIL.	TAJUK PROJEK	STATUS KEMAJUAN FIZIKAL
13.	RTB Sg. Damai, Basin 8, Sabah	Dalam peringkat penyediaan dokumen untuk pelawaan tender.
14.	*Consultancy Services For Feasibility Study For Integrated Water Resource And Flood Mitigation In* Kota Belud, Sabah	Perunding dalam peringkat penyediaan pindaan *Final Report.*
15.	Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kudat, Sabah	Dalam peringkat pelantikan perunding (tender terbuka).
16.	Pembangunan Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Membakut, Sabah	Dalam proses penyediaan Kertas Tambahan Skop dan Kos bagi perunding
17.	Kajian Pelan Induk Bagi Rancangan Tebatan Banjir Sungai Bandau, Kota Marudu, Sabah	Perunding dalam peringkat penyediaan pindaan *Final Report.*
PROJEK BIAYAAN KERAJAAN NEGERI		
18.	RTB Sg Kinarut, Lembangan Sungai Kinarut, Daerah Papar	37.93%
19.	RTB Sg Petagas, Kg Sendil Fasa 2, Putatan.	63.27%
20.	RTB Daerah Sipitang – Kerja Pengaluran Sg. Naparan Hilir.	Dalam proses semakan lukisan kejuruteraan dan BQ.
21.	RTB Sandakan (Batu 3.5) Sri Taman, Sandakan	Dalam proses reka bentuk secara dalaman.

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah, 2022

PROJEK-PROJEK TEBATAN BANJIR, JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SABAH

PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) SUNGAI KEDAMAIAN/SUNGAI TEMPASUK/SUNGAI ABAI DAN SUNGAI KAWANG-KAWANG, KOTA BELUD SABAH (PEMBINAAN BAN DAN PENSTABILAN TEBING SUNGAI)



PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) SUNGAI TEBONGON (KAMPUNG TEGULI) PUTATAN, SABAH



PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) SG. RAMPAYAN, LEMBANGAN SG. MENGGATAL, KOTA KINABALU, SABAH




PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) SUNGAI GURONG-GURONG, LEMBANGAN SUNGAI GURONG-GURONG, PEKAN KOTA BELUD, KOTA BELUD, SABAH



Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah, 2022

RANCANGAN MENCEGAH BANJIR, SUNGAI KINABUTAN KECIL, TAWAU DENGAN MENAIK TARAF SISTEM SUNGAI DAN KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN MENJELANG TAHUN 2025



Lokasi Kawasan Banjir

MAKLUMAT PROJEK	
AGENSI PELAKSANA	JPS Sabah
AGENSI PEMILIK	JPS Sabah
LOKASI	Tawau
TARIKH JANGKA MULA	5 Januari 2022
TARIKH JANGKA SIAP	4 Januari 2024
STATUS PELAKSANAAN	Dalam Pelaksanaan
PRESTASI FIZIKAL (%) Setakat 30.01.23	60.15%

Keadaan banjir akan lebih teruk sekiranya air pasang besar berlaku. Seramai 500 orang di Kg. Rawa-Rawa terjejas akibat banjir. Jalan Apas yang merupakan sebuah jalan protokol akan terjejas sekiranya sungai tidak dinaiktaraf.

Persekitaran Sungai Kinabutan Kecil telah merosot, disebabkan oleh kerana saiz sungai yang semakin cetek, maka kapasiti kian mengurang. Kekerapan banjir yang disebabkan oleh air yang melimpah daripada Sungai Kinabutan Kecil adalah sebanyak 2 hingga 4 kali setahun. Pada tahun 2019, kekerapan banjir semakin meningkat. Banjir besar di Kg. Rawa-Rawa Batu 4 Jalan Apas, terjadi hampir 2 kali setahun sejak 2010 – 2017 memandangkan air banjir tidak dapat mengalir keluar ke laut disebabkan sungai sempit sepanjang 500 meter.

PENYELESAIAN YANG BERPANJANGAN

- Naik taraf alur sungai
- Pembinaan 200m saluran konkrit 1 5m (W) x 2.5m (H)
- 475m *Trapezoidal earth channel* 16.5m (BW) x 25.5m (TW) x 3m (H)
- 475m Perlindungan tebing sungai dengan lapisan batu
- Pembinaan 1 unit jambatan konkrit



Gambar Lokasi Skop Kerja

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah, 2022

RANCANGAN MENCEGAH HAKISAN PANTAI KG. TAJAU LAUT, KUDAT MENJELANG TAHUN 2023







Hakisan yang semakin teruk menyebabkan penduduk hidup dalam kegelisahan kerana kedudukan rumah yang berhampiran dengan pesisir pantai yang mengalami hakisan. Oleh itu, sejumlah 37 buah rumah (anggaran 200 penduduk) mengalami ancaman hakisan termasuklah jalan raya dan kemudahan awam lain

Sejumlah 640 meter panjang struktur penahan ombak telah dibina bagi mengatasi hakisan di kawasan padat penduduk dan pemilihan kaedah hakisan dibuat dengan mengambil kira keupayaan struktur menahan ombak dan memulih kawasan pesisir pantai serta memudahkan aktiviti penduduk sekitar.

STATUS TERKINI : TELAH SIAP SEPENUHNYA PADA 5 DISEMBER 2022

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah, 2022

PROGRAM MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR LADANG PENEROKA/PESERTA SLDB

Infrastruktur ladang seperti jalan adalah antara elemen penting dan merupakan keperluan asas untuk kerja-kerja pembangunan ladang, proses menghantar bahan input tanaman seperti baja, jentera ladang dan seterusnya aktiviti pengeluaran buah tandan segar (BTS) dari ladang untuk dipasarkan. Objektif utama program ini dilaksanakan adalah bagi memastikan operasi harian perladangan berjalan dengan lancar. Pada tahun 2021, SLDB telah memulakan kerja-kerja menaik taraf jalan ladang kepada jalan perbatuan bagi kawasan projek sosioekonomi sepanjang **418 kilometer** di Wilayah Timur seperti di Rancangan Sg. Manila, Sandakan dan di Wilayah Barat Projek Geran Komunal Kg. Bombong, Kota Marudu.

Pada tahun 2022, sepanjang **131 kilometer** telah siap dilaksanakan. Pelaksanaan bagi program ini dijadualkan siap sepenuhnya pada tahun 2023. Impak program ini lebih kepada kelancaran aktiviti pengangkutan, penghantaran bahan input tanaman seperti baja, mobilisasi jentera dan aktiviti pengeluaran BTS dari ladang.

Secara langsung, produktiviti akan meningkat serta efektif dari segi masa dan kos. Dalam konteks SLDB, pengeluaran BTS yang lebih efisien akan menyumbang kepada pendapatan yang lebih baik untuk semua peneroka dan peserta.









Sumber : Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB), 2022


KADAR *SYSTEM AVERAGE INTERRUPTION DURATION INDEX* (SAIDI) DI NEGERI SABAH

Indeks purata gangguan elektrik atau ***System Average Interruption Duration Index* (SAIDI)** merupakan satu kaedah pengiraan dalam menentukan tempoh purata gangguan dalam minit yang dialami oleh pelanggan dalam setahun. Pencapaian SAIDI bekalan elektrik di Sabah pada tahun 2022 telah menurun pada kadar **302.65 minit** berbanding **332.14 minit** pada tahun 2021.

Pihak SESB telah menyasarkan beberapa projek dapat disiapkan dalam tempoh tiga tahun (2022-2024) bagi meningkatkan prestasi daya harap dan kecukupan bekalan elektrik sehingga 40% menjelang tahun 2024 dan antara inisiatif yang berkaitan adalah seperti jadual yang berikut.

Bil.	Nama projek
1.	Projek pengukuhan Sistem Rangkaian Grid Sabah
2.	Menggantikan peralatan dan radas elektrik pada Sistem Rangkaian Grid yang telah berusia lebih 30 tahun dengan peralatan yang menggunakan teknologi terkini
3.	Projek penambahan Pencawang Pembahagian
4.	Projek naik taraf sistem pembahagian untuk mengurangkan gangguan bekalan di bahagian pengagihan elektrik
5.	Projek modenisasi rangkaian pembahagian untuk memendekkan masa pemulihan bekalan elektrik. (Pemasangan *Sectionaliser & Distribution Automation*)
6.	Projek pengukuhan sistem bagi Solar Hibrid di kawasan-kawasan terpencil di Wilayah Sabah

Purata Kadar Gangguan Elektrik (SAIDI) bagi negeri Sabah



Sumber : Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), 2022

INISIATIF PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN NEGERI SABAH

Pembaikan Paip Pembetungan berdiameter 1125mm di MHA34-MHA37, MHA38-MHA41, Paip Pembetungan berdiameter 1050mm di MHAA1-MHAA2 dan Paip Pembetungan berdiameter 975mm di MHA18 ke MHA19 di Sepanjang Jalan Kota Kinabalu - Kudat

Tempoh Masa	**:**	2021-2023
Lokasi	**:**	Sepanjang jalan Kota Kinabalu - Kudat
Sasaran	**:**	Projek dijangka siap sepenuhnya pada 9 November 2023
Pencapaian	**:**	Status kerja fizikal setakat 31 Disember 2022 ialah 82.18%









Sumber : Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sabah, 2022

PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN KERETAPI NEGERI SABAH







Jabatan Keretapi Negeri Sabah menyasarkan **seramai 550,00 orang penumpang (*ridership)* setiap tahun menjelang tahun 2026.** Bilangan penumpang pada tahun 2020 adalah seramai **212,613 penumpang.** Jumlah ini berkurang kepada **105, 792** penumpang berikutan penularan wabak Covid-19 dan penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan yang dilaksanakan.

Namun begitu, angka ini telah melonjak kepada **seramai 426,583 penumpang dalam tahun 2022**. Semua perkhidmatan kereta api yang dibatalkan disebabkan penularan Covid-19 telah dipulihkan sepenuhnya dalam tahun 2022, serta tambahan dua (2) perkhidmatan baharu antara Kinarut dan Sembulan. Tiga (3) set *Diesel Multiple Unit* (DMU) baharu yang berkapasiti penumpang lebih besar dan berhawa dingin juga telah mula beroperasi bermula April 2022.

Sumber : Jabatan Keretapi Negeri Sabah, 2022

INISIATIF JABATAN PELABUHAN DAN DERMAGA SABAH (JPDS)

Menaik taraf Kemudahan Pelabuhan Dalam Kawasan Terminal Feri Menumbok, Fasa 4

Tempoh Masa	**:**	2022-2024
Lokasi	**:**	Terminal Feri Menumbok, Sabah
Pelaksana	**:**	Jabatan Kerja Raya Sabah (JKR)
Sasaran	**:**	Projek dijangka siap dalam tempoh masa 15 bulan (2 November 2022 – 1 Februari 2024) yang melibatkan pembinaan *pontoon* dan jeti untuk kegunaan penumpang bot laju
Pencapaian	**:**	Status kerja fizikal setakat 31 Disember 2022 ialah 4.05%







Sumber : Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah, 2022

MENJADIKAN PELABUHAN SEPANGGAR SEBAGAI *TRANSHIPMENT HUB*





24 MAC 2022

Sabah akan menjadikan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar (SBCP) sebagai *transhipment hub* agar memecut potensi negeri Sabah sebagai pintu utama kepada perdagangan kepada kawasan Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina – *East Asean Growth Area (BIMP-EAGA)* dan meningkatkan perhubungan dengan pasaran antarabangsa. Pihak Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA) telah menandatangani *First Tier Industrial Collaboration Programme* (ICP) *Agreement* (FTIA) dan Kontrak Utama Perolehan untuk *Proposal* Perluasan SBCP bersama WCT Holdings Bhd dan rakan kongsi usaha-sama China Communications Construction Company (M) Sdn. Bhd. (WCJV) di Kota Kinabalu. Projek ini akan menaik taraf, memodenkan fasiliti pelabuhan dan infrastruktur. Perluasan SBCP ini juga disokong dengan Belanjawan Negara 2022 dan akan disiapkan dalam tempoh masa 42 bulan (1 September 2021 sehingga 28 Februari 2025) dan kapasiti akan meningkat kepada 1.25 Juta TEU setiap tahun dari asal iaitu sebanyak 500,000 TEUs setiap tahun.

PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN JALAN RAYA NEGERI SABAH TAHUN 2022

Program Kesedaran Keselamatan Jalan Raya anjuran Kementerian Kerja Raya Sabah adalah bertujuan untuk mengingatkan orang ramai supaya lebih berhati-hati semasa memandu di sepanjang musim perayaan. Program ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya yang bercuti dan balik ke kampung sebelum dan selepas Musim Perayaan. Program ini justeru dapat merealisasikan harapan Kerajaan supaya pengguna jalan raya di Malaysia menjadi pengguna jalan raya yang berhemah dan berpengetahuan dan seterusnya mengurangkan statistik kematian dan kecederaan yang diakibatkan oleh kemalangan jalan raya. Setakat tahun 2022, sebanyak empat (4) kempen keselamatan jalan raya berjaya dilaksanakan sempena perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Pesta Kaamatan dan *Back to School.*



JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU:

KELESTARIAN HIJAU

KELESTARIAN HIJAU

MENINGKATKAN PEWARTAAN KELUASAN *TOTALLY PROTECTED AREA* & MELESTARIKAN PERLINDUNGAN ALAM MELALUI PROJEK HEART OF BORNEO

INISIATIF SABAH MAJU JAYA YANG BERKAITAN:

a) Memulihkan lebih kurang 450,000 hektar kawasan hutan terosot *(Degraded Forest)* di seluruh Sabah menjelang tahun 2030 dengan melaksanakan rawatan Silvikultur seluas 5,000 hektar untuk tahun 2022.

Tempoh	:	2022
Lokasi	:	Seluruh Sabah
Pelaksana	:	Jabatan Perhutanan Sabah
Sasaran	:	5,000 Hektar

b) Memulihkan 1,000 hektar kawasan hutan terosot *(Degraded Forest)* di seluruh Sabah dengan melaksanakan tanaman mengaya untuk tahun 2022.

Tempoh	:	2022
Lokasi	:	Seluruh Sabah
Pelaksana	:	Jabatan Perhutanan Sabah
Sasaran	:	1,000 Hektar



KELESTARIAN HIJAU

MENINGKATKAN PEWARTAAN KELUASAN *TOTALLY PROTECTED AREA* & MELESTARIKAN PERLINDUNGAN ALAM MELALUI PROJEK HEART OF BORNEO

INISIATIF SABAH MAJU JAYA YANG BERKAITAN:

c) Mengenal pasti keluasan *Totally Protected Area* (TPA) seluas 2.2 Juta Hektar (30%) daripada keluasan tanah negeri Sabah menjelang tahun 2025 dengan mewartakan 10,000 Hektar kawasan TPA pada tahun 2022.

Tempoh	**:**	2022
Lokasi	**:**	Seluruh Sabah
Pelaksana	**:**	Jabatan Perhutanan Sabah
Sasaran	**:**	10,000 Hektar

d) Menambah luas kawasan daratan yang dilindungi, *Terrestrial Protected Area* (TPAS) untuk hidupan liar daripada 34,412 Hektar pada tahun 2018 sehingga mencapai jumlah kawasan seluas 100,000 Hektar menjelang tahun 2023.

Tempoh	**:**	2021-2023
Lokasi	**:**	Seluruh Sabah
Pelaksana	**:**	Jabatan Hidupan Liar
Sasaran	**:**	65,588 Hektar



KELESTARIAN HIJAU

Menggalakkan Pertumbuhan Ekonomi Hijau


INISIATIF SABAH MAJU JAYA YANG BERKAITAN:

a) Menyasarkan 400,000 Hektar ladang hutan di seluruh Sabah menjelang tahun 2035 bagi tujuan bekalan kayu secara mampan dengan membangunkan seluas 6,000 Hektar pada tahun 2022.

Tempoh	**:**	2022
Lokasi	**:**	Seluruh Sabah
Pelaksana	**:**	Jabatan Perhutanan Sabah
Sasaran	**:**	6,000 Hektar

b) Melaksanakan penyelenggaraan ladang hutan mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 6 pusingan setahun untuk 1,500 Hektar ladang kayu Acacia Mangium di kawasan Wilayah Utara dan 8 pusingan setahun untuk 2,000 Hektar ladang hutan Lateks Balak Getah di kawasan Wilayah Barat.

Tempoh	**:**	2022
Lokasi	**:**	Seluruh Sabah
Pelaksana	**:**	SAFODA
Sasaran	**:**	6 Pusingan Setahun




KELESTARIAN HIJAU

"Malaysia terutamanya Sabah adalah pusat kepada kepelbagaian biodiversiti dan ekosistem berkepentingan global, menjadikan pemuliharaan amat penting. Pada waktu negara-negara baru berunding dalam *Earth Summit* pada tahun 1992, Sabah telah pun melakarkan hala tuju pemuliharaannya. Kita lebih ke hadapan dalam merangka cadangan dan tindakan untuk pelaksanaan dengan strategi menggalakkan, melindungi dan menguruskan sumber-sumber asli secara mampan, selaras dengan hasil *Earth Summit* serta lain-lain konvensyen dan perjanjian."

YAB Datuk Seri Panglima
Haji Hajiji bin Haji Noor
YAB Ketua Menteri Sabah
15 November 2022

Dalam Belanjawan Tahun 2022 yang telah dibentangkan oleh YAB Ketua Menteri, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM12.35 juta di bawah perbelanjaan perbekalan dan RM16.56 juta di bawah perbelanjaan pembangunan yang bersasar kepada elemen Kelestarian Hijau. Dengan agihan peruntukan yang diberikan, sepanjang tahun 2022, pelbagai program dan inisiatif telah dilaksanakan dengan mengambil kira kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan adalah sebahagian daripada usaha bagi memastikan setiap komponen dalam pewujudan kelestarian hijau dapat diberikan perhatian yang khusus dan teliti. Kelangsungan biodiversiti adalah penting kerana mengandungi khazanah negeri yang tidak ternilai harganya. Sekiranya kawasan perlindungan di Negeri Sabah tidak dipelihara, ekosistem alam dan agenda pembangunan mampan akan terjejas. Pada tahun 2022, beberapa jabatan dan agensi telah memainkan peranan yang penting dalam pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan di negeri ini. Pada tahun 2022, sebanyak 20 inisiatif telah dilaksanakan di bawah Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 (2021-2025) di bawah kluster Kelestarian Hijau.



Jabatan Perhutanan Sabah telah memainkan peranan yang konsisten melalui pelaksanaan inisiatif yang bersasar kepada aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar seperti program kesedaran awam mengenai jenayah perhutanan, pemulihan kawasan hutan terosot (*Degraded Forest*) di seluruh Sabah, pembangunan Sistem *GeoForest* dan pelbagai program lain.

KELESTARIAN HIJAU

PEMULIHAN HUTAN TEROSOT

Pembalakan secara konvensional di kawasan hutan simpan komersial telah menyebabkan kualiti hutan di negeri Sabah merosot *(degraded)*. Kawasan hutan terosot ini sukar untuk dipulihkan secara semula jadi tanpa ada intervensi melalui tanaman mengaya. Tanaman mengaya bermaksud penanaman dalam sesuatu kawasan dengan spesies asal atau spesies dagang untuk mengayakan semula kawasan tersebut dan tindakan pemulihan ini tidak banyak mengganggu dirian tinggal. Tanaman mengaya ini amatlah penting bagi menjalankan aktiviti rehabilitasi hutan dan seterusnya kualiti dan produktiviti hutan dapat ditingkatkan bagi meneruskan agenda pembangunan secara mampan.



Tanaman mengaya adalah salah satu jenis rawatan silvikultur dalam sistem pengurusan hutan di negeri Sabah, di mana silvikultur boleh ditakrifkan sebagai sains dan seni bagi pembangunan penjagaan sesuatu dirian hutan berdasarkan kepada aplikasi pengetahuan silvik. Silvikultur merupakan teori dan amalan dalam pengawalan penubuhan, komposisi, struktur dan pertumbuhan hutan.

Salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Sabah ialah pemulihan lebih kurang 450,000 Hektar kawasan hutan terosot *(degraded forest)* di seluruh Sabah menjelang tahun 2030 dengan melaksanakan rawatan silvikultur seluas 5,000 Hektar untuk tahun 2022. Jabatan berkenaan telah mencapai pencapaian yang cemerlang kerana setakat 31 Disember 2022, seluas 5,489 Hektar hutan telah berjaya dipulihkan iaitu sebanyak 110%.



Rawatan Silvikultur. Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah.

KELESTARIAN HIJAU

TOTALLY PROTECTED AREAS (TPAs)

Dalam menyokong agenda Jaringan Infrastruktur dan Kelestarian Hijau seperti mana yang telah termaktub dalam Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 (2021-2025), Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran untuk menambah keluasan Kawasan Dilindungi Sepenuhnya atau *Totally Protected Areas* (TPAs) yang telah digariskan dalam inisiatif Heart of Borneo (HoB). Tidak dinafikan, salah satu pencapaian utama inisiatif dalam elemen Kelestarian Hijau adalah pengembangan luas TPAs dalam landskap HoB Sabah.

Negeri Sabah mewakili kira-kira 65% landskap HoB Malaysia dan memegang salah satu biodiversiti dunia yang berharga. Negeri ini komited untuk mengembangkan saiz TPAs kepada 2.2 juta hektar, atau 30% daripada jisim tanahnya menjelang 2025. Semenjak agenda HoB yang telah dilaksanakan sejak 14 tahun lalu, sejumlah 26.4% bersamaan 1.9 juta hektar keluasan tanah negeri Sabah telah diwartakan sebagai TPAs di bawah inisiatif HoB. Sehubungan dengan itu, 75% daripada 1.9 juta hektar TPAs tersebut adalah terletak dalam sempadan Malaysia di Kepulauan Borneo.



KELESTARIAN HIJAU

SIMPOSIUM SABAH HEART OF BORNEO (HoB) TAHUN 2022





Pada 02 Disember 2022, *Heart of Borneo Sabah Symposium* the diadakan di Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu pada pukul 07:30 hingga 05:00 petang. Simposium pada tahun 2022 bertemakan "*The Need For Holistic and Pragmatic Approaches On Conservation Efforts*". Simposium berkenaan telah menekankan beberapa agenda seperti perkongsian pendekatan pemuliharaan holistik di Sabah dan pelancaran Pelan Tindakan Strategik (2021-2030) HoB Sabah. Sebanyak lebih 20 agensi Kerajaan, pihak swasta dan *Non-Government Organisation* (NGO) telah mempamerkan usaha masing-masing dalam pemeliharaan alam sekitar di dalam dan luar landskap HoB. Sekretariat Sabah Maju Jaya turut mempamerkan fungsi Sekretariat sebagai pemudahcara dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan flora dan fauna bagi mengimbangi sektor-sektor Negeri Sabah.



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri

Pelancaran Pelan Tindakan Strategik (2021-2030) merupakan salah satu agenda utama *Heart of Borneo Sabah Symposium* Tahun 2022 yang dilaksanakan pada 02 Disember 2022 bertempat di SICC, Kota Kinabalu, Sabah.

KELESTARIAN HIJAU

PELAN TINDAKAN STRATEGIK (2021 – 2030)
SABAH HEART OF BORNEO

Negeri Sabah telah mencapai kemajuan yang ketara dalam memajukan program dan aktiviti berkaitan dengan Heart of Borneo (HoB) seperti dalam bidang pengurusan rentas sempadan, pengurusan kawasan perlindungan, pengurusan sumber asli, pemuliharaan biodiversiti, pembangunan eko-pelancongan dan pembinaan kapasiti. Dalam komitmen agenda kemampanan HoB, Kerajaan Negeri Sabah, Kerajaan Persekutuan Malaysia, pemain sektor swasta, masyarakat sivil, organisasi penyelidikan dan pendidikan, serta agensi pembangunan pelbagai hala (*multi-lateral development agencies*) telah bekerjasama rapat dalam peringkat dasar dan polisi dalam pelaksanaan pelbagai program dan projek HoB.

"Matlamat teras Pelan Strategik Sabah HoB adalah selari dengan matlamat utama Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 (2021-2025), Pelan Tindakan Koridor Pembangunan Sabah 2021-2030 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025)."

Pada 02 Disember 2022, Kerajaan Negeri Sabah telah melancarkan Pelan Tindakan Strategik (2021-2030) Sabah Heart of Borneo bagi memperhebatkan usaha dalam pemulihan dan pengurusan landskap HoB di negeri ini. Pelan Tindakan Strategik (SPA) ini dilancarkan susulan perubahan pantas landskap sosial, ekonomi dan alam sekitar. Pandemik COVID-19 adalah salah satu peristiwa yang melanda di seluruh dunia dan telah mengganggu norma kehidupan harian dan seterusnya mendorong negeri untuk melaksanakan program HoB dengan cara yang baharu dan inovatif. Negeri Sabah kekal berada di barisan hadapan dalam memacu inisiatif HoB, termasuk pelaksanaan program yang ditetapkan dalam SPA HoB. Oleh itu, SPA yang baharu diperlukan bagi mengadaptasikan norma baharu pada hari ini bagi menangani cabaran baharu yang timbul dan memanfaatkan peluang yang berpotensi pada masa hadapan. SPA yang baharu diharapkan dapat memacu usaha setiap pihak yang terlibat bagi memulihara dan menguruskan landskap HoB bagi memastikan kesinambungan khazanah di Negeri Sabah.




KELESTARIAN HIJAU

KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK (2021-2025)

PENGHIJAUAN MALAYSIA
KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK
2021 - 2025

Dalam agenda Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang telah dilancarkan sejak 05 Januari 2021, Kerajaan Negeri telah menyokong usaha bagi memastikan khazanah hutan negeri kekal terpelihara sekali gus menyumbang ke arah Kelestarian Hijau. Kempen yang bertemakan "Penghijauan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita" telah menyasarkan penanaman 100 juta pokok dalam tempoh 5 tahun yang bermula dari tahun 2021 hingga 2025. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA) giat menjalankan promosi dan menggalakkan penglibatan serta kolaborasi dari pelbagai pihak termasuk kerajaan-Kerajaan Negeri, dan pihak-pihak lain iaitu syarikat swasta dan korporat, badan bukan kerajaan, institut pendidikan serta orang awam bagi menjayakan agenda berkenaan.

Hasil titik peluh 8,844 peserta berdaftar, penanaman sebanyak 58,512,339 pokok yang terdiri daripada 1,476 spesies pokok telah berjaya dilaksanakan di seluruh negara setakat 13 Mac 2023. Di peringkat Negeri Sabah, sebanyak 11,466,513 pokok telah berjaya ditanam bagi menyokong kempen berkenaan, iaitu jumlah pokok kedua tertinggi mengikut carta negeri. Jabatan Perhutanan Sabah telah menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA) dengan sasaran penanaman 36 juta pokok di Sabah menjelang tahun 2025.



Kempen penanaman pokok ini akan memberi manfaat besar kepada pertumbuhan ekonomi Sabah yang turut menyokong salah satu sektor utama iaitu Sektor Pelancongan. Usaha ini merupakan nadi pendorong kepada perkembangan pesat industri pelancongan di negeri ini dengan memelihara dan memulihara kepelbagaian flora dan fauna Hutan Hujan Tropika di negeri Sabah.

KELESTARIAN HIJAU

PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN LADANG HUTAN 2022-2036



Sumber: Jabatan Perhutanan Sabah

Pelan Tindakan Pembangunan Ladang Hutan 2022-2036 (PTPLH 2022-2036) yang dirangka oleh Jabatan Perhutanan Sabah akan dijadikan panduan dalam mentransformasikan ladang hutan di negeri Sabah, kata Ketua Menteri ketika merasmikan sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2022 Peringkat Negeri Sabah di Hutan Simpan Sulaman Lake. Sabah telah berjaya melakar kejayaan yang signifikan dalam mendahului rekod pencapaian penanaman pokok di seluruh Malaysia menerusi Kempen Penghijauan Negara melalui Penanaman 100 Juta Pokok, pada suku pertama tahun ini.

YAB Ketua Menteri Sabah berkata PTPLH 2022-2036 akan menjadi Pelan Tindakan Pembangunan Ladang Hutan untuk tempoh 15 tahun akan datang. Pelan berkenaan adalah tindakan strategik dan penentu untuk mengubah ladang hutan kita ke arah mencapai penggunaan tanah yang mampan untuk mengukuhkan tanaman hasil kayu di sabah. Selain itu, ia juga memberi panduan dalam pembangunan ladang hutan mengikut prinsip pengurusan hutan lestari, seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 (2021-2025) dan Dasar Hutan Sabah 2018.

KELESTARIAN HIJAU

INTERNATIONAL GREENTECH & ECO PRODUCTS EXHIBITION & CONFERENCE MALAYSIA (IGEM)



International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) merupakan acara perdagangan terkemuka Asia Tenggara bagi teknologi hijau dan penyelesaian eko. IGEM menjadi platform ideal untuk penyedia penyelesaian *(solution provider)* dan kumpulan perniagaan dalam bidang tenaga hijau untuk meneroka pasaran ASEAN yang berkembang pesat melalui pameran inovasi terkini. Mewakili Kerajaan Negeri Sabah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) telah membawa lima produk inovasi berasaskan teknologi hijau pada tahun 2022.

"Tema acara tahun 2022 ialah Race Towards Net Zero: Fulfilling Sustainable Development Goals (SDG) & Environmental, Social, and Corporate Governance (ESG) Commitments, yang bertepatan dengan aspirasi kerajaan untuk mencapai karbon sifar bersih seawal tahun 2050."

Tema acara tahun 2022 ialah *Race Towards Net Zero: Fulfilling Sustainable Development Goals (SDG) & Environmental, Social, and Corporate Governance (ESG) Commitments*, yang bertepatan dengan aspirasi kerajaan untuk mencapai karbon sifar bersih seawal tahun 2050. IGEM 2022 telah diadakan secara fizikal pada 12 hingga 14 Oktober 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur yang juga telah mengintegrasikan elemen secara maya (*hybrid*). Beberapa agenda utama yang menjadi tumpuan IGEM adalah seperti pameran, persidangan dan seminar. Terdapat agenda-agenda lain yang turut dilaksanakan seperti *Business Matching Side Events* (Majlis Perasmian dan *Appreciation Hi-Tea*) serta *International Sourcing Programme.* Selain pameran dan persidangan yang memfokuskan kepada inovasi dan inisiatif tempatan, acara tiga hari itu juga akan menampilkan pakar daripada pelbagai industri, termasuk wakil kerajaan, pemimpin teknologi, perintis, ahli akademik dan usahawan yang akan menyumbang dan berkongsi pengalaman masing-masing. Mewakili Kerajaan Negeri Sabah, dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) dan pelbagai agensi di bawah kerajaan negeri telah membawa lima produk inovasi berasaskan teknologi hijau pada tahun 2022. Setiap produk inovasi yang dibawa oleh para peserta pameran dipertandingkan, dan pada hari terakhir pameran, Kerajaan Negeri Sabah telah ditabalkan sebagai naib juara kategori Anugerah Inovasi Pavilion Negeri sempena (IGEM) 2022.

KELESTARIAN HIJAU

PROGRAM *ENVIRONMENTAL EDUCATION (EE) RACE*

Sejak tahun 2010, program pendidikan alam sekitar disediakan untuk para pengetua, guru besar dan guru-guru lain di seluruh Sabah dan diadakan setiap tahun yang dikenali sebagai *Environmental Education Race* atau *EE Race* anjuran Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS). Pada tahun 2022, EE *Race* dilaksanakan dengan menyasarkan guru-guru sekolah rendah dan sekolah menengah di Daerah Papar dan Tuaran pada 29 Ogos 2022 yang bertempat di Wisma IDS, Kota Kinabalu.

Program yang berkonsepkan perlumbaan mendapatkan maklumat mengenai alam sekitar secara pembelajaran melalui pengalaman berkenaan menyasarkan objektif seperti meningkatkan pengetahuan guru sekolah mengenai isu alam sekitar serta mendorong guru-guru untuk memberikan penekanan kepada program pendidikan alam sekitar di sekolah dan luar sekolah di samping mewujudkan jaringan dan jalinan di antara guru-guru dan organisasi.



Sumber: Jabatan Perlindungan Alam Sekitar

Bagi memperluas pelaksanaan program dan aktiviti alam sekitar di Sabah, JPAS turut menyedia dana kecil atau peruntukan yang boleh dipohon oleh sekolah, institusi pengajian tinggi dan komuniti di Sabah. Sehubungan dengan itu, satu aplikasi permohonan bantuan kewangan secara *online* telah dibangunkan untuk program alam sekitar dinamakan sebagai *Environmental Financial Assistance System* (EFAS) bagi memudahkan permohonan-permohonan yang berkaitan alam sekitar.

KELESTARIAN HIJAU

PROGRAM *ENVIRONMENTAL SELF-REGULATION* (ESR)

Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) telah melaksanakan pemantauan ke atas Syarat-syarat Alam Sekitar yang ditetapkan selepas kelulusan Laporan EIA ke atas suatu projek pembangunan. Dalam meningkatkan tahap pematuhan Syarat-syarat Alam Sekitar, peranan pemaju adalah sangat penting bagi memastikan langkah-langkah kawalan yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan berkesan agar kesan ke atas alam sekitar dapat diminimumkan.

Program Pengenalan *Environmental Self-Regulation* (ESR) telah dirangka sebagai panduan kepada pemaju projek mengenai kaedah untuk mematuhi Syarat-syarat Alam Sekitar yang ditetapkan oleh Jabatan dan menggalakkan pematuhan kendiri di kalangan pemaju projek. Pada 13 Oktober 2022, Program ESR bagi aktiviti perladangan kelapa sawit telah diadakan bersama dengan KL-Kepong *Plantation* Tawau yang dihadiri oleh para pengurus ladang daerah Tawau. Dua program ESR yang seterusnya bakal diadakan pada tahun 2023 di daerah Sandakan dan daerah Keningau.

"Program Pengenalan Environmental Self-Regulation (ESR) telah dirangka sebagai panduan kepada pemaju projek mengenai kaedah untuk mematuhi Syarat-syarat Alam Sekitar. "



Sumber: Jabatan Perlindungan Alam Sekitar

KELESTARIAN HIJAU

KEMPEN KONSERVASI HIDUPAN LIAR





Jabatan Hidupan Liar komited untuk mengadakan kempen-kempen konservasi hidupan liar pada setiap tahun yang merupakan salah satu strategi Jabatan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat di semua peringkat umur untuk menghargai hidupan liar di Sabah. Antara kempen konservasi alam sekitar yang diadakan ialah Hari Hidupan Liar Sedunia, Hari Penyu Sedunia dan Hari Gajah Sedunia.


Dalam pelaksanaan Kempen Hidupan Liar yang diadakan pada 3 Mac setiap tahun, kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga dan memulihara hidupan liar dapat ditingkatkan dengan mengetengahkan usaha-usaha konservasi di negeri Sabah. Antara fokus yang diketengahkan dalam kempen-kempen berkenaan ialah seperti pemuliharaan spesies hidupan liar ikonik negara, isu dan cabaran semasa pemuliharaan hidupan liar dan perkongsian pengalaman wira hidupan liar tidak didendang (*unsung heroes*). YAB Ketua Menteri Sabah telah menyampaikan aspirasi beliau mengenai komitmen Sabah dalam memastikan insiden kepupusan spesies Badak Sumatera tidak berulang dan berazam untuk mengukuhkan usaha-usaha dalam pemuliharaan spesies terancam seperti Gajah, Orang Utan, Tembadau, Harimau Dahan dan Monyet Belanda.

Hidupan liar dan habitatnya merupakan khazanah negara yang berharga dalam menjamin kestabilan ekosistem untuk kesejahteraan hidup bagi menuju ke arah pembangunan mampan. Oleh itu, sambutan kempen-kempen konservasi hidupan liar akan memberi kesedaran kepada kita untuk meningkatkan lagi usaha melindungi hidupan liar serta habitatnya yang dalam situasi yang sangat mencabar ekoran perubahan guna tanah, pemburuan dan perdagangan haram, fenomena perubahan iklim serta penyakit zoonotik.



KELESTARIAN HIJAU

BUKU DOKUMENTASI PEMULIHARAAN *DIPTEROCARPACEAE*





Jabatan Perhutanan Sabah telah menghasilkan satu penerbitan buku baharu yang bertajuk '*The Sabah Red List of Dipterocarpaceae*' iaitu satu dokumentasi status pemuliharaan hutan dipterokarpa di negeri ini. Hutan dipterokarpa campuran adalah sejenis tumbuhan yang paling dominan di negeri ini dengan 182 spesies direkodkan terdapat di seluruh Sabah. Sehingga kini, kira-kira 26 peratus daripada kawasan tanah Sabah terdiri daripada rangkaian Kawasan Terlindung Sepenuhnya.

Penilaian dokumentasi berkenaan dijalankan oleh penyelidik dari Jabatan Perhutanan Sabah, Forever Sabah dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) iaitu Eyen Khoo, Sandy Tsen, Lee Yew Leung, John Sugau, Dr. Joan Pereira, Dr. Reuben Nilus, dan Dr. Colin Maycock. Daripada 182 spesies dipterokarpa yang direkodkan di Sabah, 166 spesies iaitu 91 peratus direkodkan dalam sistem TPA manakala lebih separuh daripada dipterokarpa dikategorikan sebagai “terancam” kerana kehilangan habitat. Bagi spesies yang direkodkan di luar sistem TPA, ia sama ada dinilai sebagai terancam atau disebabkan kekurangan data.



Sumber: Utusan Borneo Online

KELESTARIAN HIJAU

PERMAINAN DIGITAL ALAM SEKITAR

Jabatan Perlindungan Alam Sekitar telah membangunkan permainan digital yang dinamakan Desa Marina, Misteri Penyu Mati, Kapten Eeklim dan Polis Alam Sekitar. Permainan-permainan digital ini digunakan sebagai alat penyampaian pendidikan alam sekitar untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran para pelajar, guru-guru dan komuniti berkaitan sumber dan kesan pencemaran marin, di samping menyediakan capaian yang mudah dan meluas kepada kumpulan sasaran.



Sumber: Jabatan Perlindungan Alam Sekitar

Dengan adanya pembangunan permainan digital berkenaan, golongan muda terutamanya pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah dapat didedahkan dengan konsep pengurusan alam sekitar secara maya di samping menarik pelajar untuk memelihara dan memulihara alam sekitar dengan kaedah yang interaktif dan kreatif.

Polis Alam Sekitar (POLAS) ialah permainan papan pertama yang dibangunkan di Sabah untuk tema Pendidikan Alam Sekitar. Permainan ini dimulakan dengan permainan papan fizikal yang dibangunkan oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah, melalui salah satu kajian yang dijalankan untuk Pendidikan Alam Sekitar dan kini telah disesuaikan menjadi permainan digital interaktif yang boleh dimuat turun dan dimainkan secara dalam talian yang terbuka kepada umum.



Kapten EEklim pula ialah permainan yang bertujuan untuk mempelajari persekitaran kita dan kaedah bagi mencegah perubahan iklim. Antara objektif permainan berkenaan ialah untuk menyelamatkan planet maya dengan menyelesaikan misi di tiga benua - Asia, Amerika Utara dan Amerika Selatan dengan lebih daripada 20 misi yang tersebar di seluruh 3 benua berkenaan.

“Antara permainan digital yang telah dibangunkan ialah Desa Marina, Misteri Penyu Mati, Kapten EEklim dan Polis Alam Sekitar. "

KELESTARIAN HIJAU

VIDEO ANIMASI PENDIDIKAN ALAM SEKITAR AWANG & NONG

Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) telah berjaya menerbitkan dua siri video animasi pendidikan alam sekitar yang menyasarkan golongan pelajar, masyarakat dan orang awam. Video animasi pendek ini dikenali sebagai “Awang & Nong” yang boleh ditonton secara percuma di platform video dalam talian.

Video Awang & Nong (Bertindak Mengatasi Perubahan Iklim) merupakan siri pertama bagi video pendidikan alam sekitar JPAS. Dengan durasi selama 3:28 minit, para penonton yang menonton video animasi berkenaan boleh mempelajari dengan lebih lanjut mengenai konsep dan cara mengatasi perubahan iklim.



Sumber: Laman Youtube JPAS



Sumber: Laman Youtube JPAS



Video Awang and Nong Kembali (Perlindungan Sungai) adalah siri kedua video animasi oleh JPAS. Video berkenaan dengan durasi selama 2:42 minit memberi kesedaran kepada penonton khususnya dalam perlindungan sungai yang juga merupakan elemen keperluan manusia dalam menjalani kehidupan.

Kedua-dua video animasi ini merupakan salah satu medium dalam memberikan kesedaran dan pendidikan alam sekitar yang menceritakan mengenai tindakan yang perlu dilakukan untuk menangani perubahan iklim dan cara-cara perlindungan sungai agar sungai dapat dipelihara untuk kegunaan pada masa akan datang.

KELESTARIAN HIJAU

PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR (EIA)

Salah satu inisiatif dari Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) ialah meningkatkan kecekapan penyampaian keputusan kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) Biasa dengan mengurangkan tempoh pemprosesan Laporan EIA Biasa dalam tempoh 25 hari dan 40 hari bagi projek pembangunan mengikut kategori yang ditetapkan di samping membangunkan sebuah Dashboard EIA pada tahun 2022.


CERTIFICATE

JABATAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR SABAH
TINGKAT 1, 2 & 3, WISMA BUDAYA
JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN
88999 KOTA KINABALU
SABAH
MALAYSIA

has implemented a Quality Management Systems complying with

ISO 9001:2015
QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS – REQUIREMENTS

Scope of Certification

1) DETERMINATION OF TERMS-OF-REFERENCE FOR ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT(EIA) STUDIES AND THE ASSESSMENT OF THE EIA REPORTS;
2) MONITORING COMPLIANCE TO APPROVAL CONDITIONS OF ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT REPORTS.

Issue date : 28 August 2022
Original certification date : 17 August 2001
Expiry date : 16 August 2025
Certificate no : QMS 00914


Nur Fadhilah Muhammad
Chief Executive Officer
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.


JPAS telah melaksanakan Sistem Penilaian Kesan Alam Sekitar ke atas projek pembangunan di Sabah dalam senarai Aktiviti Ditetapkan dan tertakluk kepada pertimbangan kelulusan Laporan EIA di bawah Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti Ditetapkan) (Penilaian Kesan Alam Sekitar) 2005.

Inisiatif ini adalah bertujuan untuk memendekkan tempoh pemprosesan Laporan EIA dengan pengurangan sebanyak 5 hari setiap tahun sejak 2019. Tempoh pemprosesan Laporan EIA telah dikurangkan dari 58 hari ke 25 hari pada tahun 2022. Sistem EIA Jabatan mempunyai persijilan MS ISO 9001:2015 sejak tahun 2001 dan pada tahun 2022 sijil telah diperbaharui untuk tempoh tiga tahun lagi sehingga tahun 2025.



Bagi melancarkan pelaksanaan sistem EIA, JPAS telah membangunkan *Database Maintenance of EIA System* (DEIAS) yang bertujuan dalam penyimpanan data-data yang terkandung dalam Laporan EIA yang diterima atas talian, pemantauan tempoh pemprosesan Laporan EIA adalah mengikut tempoh yang ditetapkan dan memaparkan status pemprosesan laporan EIA secara dalam talian di laman web JPAS.





Selain itu, JPAS juga telah membangunkan *Environmental Consultant Registration & Renewal System* (ECRES) yang berfungsi untuk memudahkan firma atau individu perunding alam sekitar yang berdaftar dengan Jabatan untuk membuat permohonan pendaftaran atau pembaharuan sijil praktis secara dalam talian.

KELESTARIAN HIJAU

PROGRAM
JUNIOR PARK RANGERS ENVIRONMENTAL EDUCATION

Sepanjang tahun 2022, sejumlah enam program pendidikan di bawah jenama Program *Junior Park Rangers Environmental Education* telah berjaya dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar melalui Taman-Taman Sabah yang melibatkan sejumlah 3,871 orang peserta.

Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti Program Renjer Muda Taman-Taman Sabah (RMTTS): Pelindung Fauna Terestrial Peringkat Negeri Sabah. Program berkenaan telah dilaksanakan secara dalam talian melalui aplikasi *Zoom Meeting, Facebook* dan *Youtube* yang telah dihadiri oleh 3,309 peserta. Kedua, Program RMTTS *Climate Change Awareness Programme* yang bertempat di SMK Kolej Vokasional, Keningau. Program berkenaan telah mendapat sambutan seramai 368 orang peserta. Selain itu, terdapat juga Program RMTTS: Sekolah Angkat Geopark di SK Kundasang Ranau seramai 25 orang peserta, Program RMTTS: Penjelajah Lautan di Taman Pulau Tiga Kuala Penyu seramai 40 orang peserta dan Program RMTTS Penjelajah Lautan TTAR Peringkat Negeri Sabah di Taman Tunku Abdul Rahman Kota Kinabalu seramai 87 orang peserta. Akhir sekali, Program RMTTS Pengembara Sungai di Sub-stesen Inobong, Taman Banjaran Crocker, Penampang yang dihadiri oleh 42 orang peserta.




"Sepanjang tahun 2022, sebanyak enam program pendidikan di bawah jenama Program Junior Park Rangers Environmental Education telah berjaya dilaksanakan."

Matlamat penganjuran program adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat khususnya pelajar mengenai kepentingan melindungi dan memulihara sumber alam semula jadi dan biodiversiti di Sabah.

KELESTARIAN HIJAU

PELAKSANAAN AKTIVITI RONDAAN KAWASAN KONSERVASI DAN KAWASAN REHABILITASI

Komitmen Yayasan Sabah adalah untuk melaksanakan aktiviti rondaan kawasan sebanyak 180 aktiviti setiap tahun. Pada tahun 2022, sebanyak 516 aktiviti rondaan kawasan bagi keseluruhan lima (5) kawasan konservasi & dua (2) kawasan rehabilitasi telah dilaksanakan bagi mengurangkan/ mencegah insiden pencerobohan hutan dan pemburuan haram khususnya untuk melindungi biodiversiti dan ekosistem yang berharga dan menjamin keselamatannya daripada ancaman luar/manusia. Rondaan yang dilakukan adalah menerusi kerjasama Yayasan Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Hidupan Liar Sabah dan Sabah Environmental Trust (SET) selaku pemberi dana, menerusi Inisiatif Rondaan (Penguatkuasaan & Pemantauan): DaMaI (Danum Valley - Maliau Basin - Imbak Canyon).



Pemasangan kamera perangkap bagi membantu dalam usaha pemantauan hidupan liar.
Sumber: Yayasan Sabah

"Sebanyak 516 aktiviti rondaan kawasan bagi keseluruhan lima kawasan konservasi & dua kawasan rehabilitasi telah dilaksanakan bagi mengurangkan dan mencegah insiden pencerobohan hutan dan pemburuan haram."

Agensi lain yang turut terlibat dalam rondaan ini adalah daripada WWF-MY dengan bantuan pihak PDRM melalui Pasukan Gerakan Awam (PGA). Antara impak atau hasil yang telah dicapai adalah seperti (i) peningkatan kesedaran awam mengenai perlindungan hutan dan hidupan liar; (ii) peningkatan keupayaan dan kapasiti untuk operasi rondaan (penguatkuasaan & pemantauan); dan (iii) pengukuhan kerjasama di antara agensi dalam aktiviti rondaan.

KELESTARIAN HIJAU

MENINGKATKAN ATAU MENGEKALKAN KONSISTENSI KEDATANGAN PELAWAT

Komitmen Yayasan Sabah adalah untuk meningkatkan atau mengekalkan konsistensi kedatangan pelawat dengan sasaran seramai 7,300 orang setahun ke Kawasan Konservasi dan Rehabilitasi. Pada tahun 2022, seramai 15,405 orang pelawat telah berkunjung ke kawasan tersebut. Kemudahan/infrastruktur mesra pelancongan yang terdapat di kawasan tersebut tersedia untuk pengunjung yang berkunjung bagi tujuan rekreasi.

"Pada tahun 2022, seramai 15,405 orang pelawat telah berkunjung ke kawasan Konservasi dan Rehabilitasi. "



Pelawat yang sedang beriadah. Sumber: Yayasan Sabah



Photobooth **disediakan kepada pengunjung sebagai tanda mercu kawasan.**


Sumber: Yayasan Sabah

Antara aktiviti pelancongan yang terdapat di kawasan konservasi dan rehabilitasi di negeri Sabah termasuklah aktiviti meredah hutan, memerhati burung, melawat air terjun, melihat hidupan liar, aktiviti kembara malam untuk melihat hidupan liar pada waktu malam, dan berjalan di sepanjang *sky bridge* yang menyediakan pemandangan hutan dari pandangan 360 darjah.

Selain itu, terdapat juga jambatan gantung, menara pemerhati dengan pemandangan yang indah, melawat pokok tropika tertinggi di dunia dan pokok belian besar, serta aktiviti air seperti bot, berkayak, berenang dan *snorkeling* untuk melihat hidupan laut yang unik.

KELESTARIAN HIJAU

PROJEK *SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT* (SFM)



Nombor *site* bagi Projek SFM Sook Lake di dalam COMPASS.

Projek SFM Sook Lake telah dikenal pasti sebagai salah satu inisiatif Jabatan Perhutanan Sabah. Lokasi Projek SFM berkenaan terletak di Hutan Simpan Sook Lake, daerah Sook. Hutan Simpan Sook Lake ini telah digazetkan sebagai Hutan Simpan Kelas 1. Keluasannya adalah sebanyak 1,452 hektar di mana merangkumi (2) blok iaitu Blok A seluas 732 hektar dan Blok B seluas 720 hektar.



Pegawai-pegawai Jabatan yang menghadiri Kursus METT.

Projek SFM Sook Lake telah berjaya didaftarkan ke dalam *COMPASS IUCN Green List* dengan nombor Site S-0271. Projek tersebut masih dalam proses “Fasa Pencalonan” di mana untuk melengkapkan 45 verifikasi indikator (dokumentasi yang berkenaan) secara dalam talian melalui *COMPASS. COMPASS* merupakan satu sistem penyimpanan maklumat dan dokumen yang relevan bagi 50 indikator.

Sepanjang proses tersebut, satu kursus *Management Effectiveness Tracking Tools (METT)* yang dianjurkan oleh WWF – Malaysia telah diadakan pada 26hb hingga 28hb Julai 2022. Kursus tersebut mempunyai kaitan dengan proses pensijilan *IUCN Green List*. Beberapa pegawai-pegawai Jabatan dari Ibu Pejabat, Lahad Datu, Sook, Tenom dan Tongod telah mewakili kursus tersebut.

Inisiatif ini mempunyai objektif dalam mewujudkan pengurusan dan tadbir urus hutan secara mampan dan mempunyai *transparency.* Selain itu, inisiatif ini juga membolehkan *forest governance* ditingkatkan dan diperkukuhkan. Akhir sekali, ia membolehkan peningkatan ketelusan dalam menjamin kelestarian bagi maksud kewujudan kawasan konservasi hutan di Sabah.

BAHAGIAN 2
INISIATIF HALA TUJU SABAH MAJU JAYA (2022)
PEMBOLEH DAYA



PEMBOLEH DAYA 1:

KEMAMPANAN FISKAL

PEMBOLEH DAYA 1
Kemampanan Fiskal

"Greater Say,
Greater Participation,
Greater Revenue"

YAB Datuk Seri Panglima
Haji Hajiji bin Haji Noor
YAB Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Kewangan Sabah
03 Disember 2021

- Pakej Bantuan/Perangsang Ekonomi
- Hasil baharu dan sistem percukaian
- Peningkatan pulangan dividen pelaburan
- Perbelanjaan Pembangunan Bersasar

Selain daripada pelaksanaan empat strategi pemboleh daya kemampanan fiskal yang sedia ada, kerajaan negeri memfokuskan pemerkasaan sektor minyak dan gas untuk merangsang ekonomi negeri yang sekaligus meningkatkan hasil negeri.



Strategi pemerkasaan sektor minyak dan gas dilaksanakan dengan pemeteraian *Commercial Collaboration Act* (CCA) di antara Kerajaan Negeri Sabah dengan Petronas. Perjanjian ini membolehkan kerajaan negeri untuk menerima hasil yang lebih tinggi dan mempunyai hak bersuara yang lebih besar dalam hal-hal yang berkaitan dengan industri minyak dan gas.



Kerajaan negeri turut berusaha untuk meningkatkan hasil negeri melalui pemerkasaan sektor minyak dan gas di Sabah dengan memperkenalkan Cukai Jualan ke atas Produk Ammonia dan Urea pada 1 Ogos 2022 yang lalu. Peluasan skop cukai tersebut telah menyumbang sebanyak RM52.3 juta kepada hasil negeri tahun 2022. Di samping itu, sebanyak RM1.9 bilion cukai produk petroleum dikutip pada tahun 2022 dengan peningkatan sebanyak 35% atau RM521.7 juta berbanding tahun 2021.

Sumber: Kementerian Kewangan (2022)

PEMBOLEH DAYA 1
Kemampanan Fiskal

BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2022 (03 DISEMBER 2021)



Peruntukan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0: 2021-2025) melalui Belanjawan Sabah Maju Jaya 2022 yang bertemakan “Ekonomi Pulih, Rakyat Sejahtera” adalah berjumlah RM4.60 bilion. Dalam Belanjawan tahun 2022 ini, kerajaan negeri telah menganggarkan hasil pendapatan berjumlah RM4.71 bilion dengan lebihan berjumlah RM0.11 bilion.





Pada tahun 2021, kerajaan negeri telah melakar kejayaan yang amat signifikan di mana jumlah keseluruhan kutipan hasil negeri Sabah bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2021 ialah sebanyak RM5.449 bilion, melebihi sasaran awal sebanyak RM4,481.96 juta. Kerajaan Negeri sekali lagi melakar kejayaan dengan meraih kutipan hasil berjumlah RM6.960 bilion pada tahun 2022.

Sumber: Teks Ucapan Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2022

PEMBOLEH DAYA 1
Kemampanan Fiskal

BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2022 (03 DISEMBER 2021)



TEMA BELANJAWAN NEGERI SABAH 2022: "EKONOMI PULIH, RAKYAT SEJAHTERA"

Dalam Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2022, perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM849.27 juta telah diagihkan kepada Jabatan Ketua Menteri, Kementerian Kewangan Negeri Sabah, Kementerian Kerja Raya Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah, Kementerian Belia dan Sukan Sabah, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah dan Kementerian Pembangunan Perindustrian.

AGIHAN BELANJAWAN 2022

JABATAN KETUA MENTERI
PERBEKALAN: RM514.94 JUTA
PEMBANGUNAN: RM161.59 JUTA
JUMLAH: RM676.53 JUTA

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
PERBEKALAN: RM1,824.00 JUTA
PEMBANGUNAN: RM4.0 JUTA
JUMLAH: RM1,828.00 JUTA

KEMENTERIAN KERJA RAYA SABAH
PERBEKALAN: RM770.10 JUTA
PEMBANGUNAN: RM244.97 JUTA
JUMLAH: RM1,015.07 JUTA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN
PERBEKALAN: RM319.01 JUTA
PEMBANGUNAN: RM111.87 JUTA
JUMLAH: RM430.88 JUTA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
PERBEKALAN: RM206.01 JUTA
PEMBANGUNAN: RM10.60 JUTA
JUMLAH: RM216.61 JUTA

KEMENTERIAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR
PERBEKALAN: RM113.35 JUTA
PEMBANGUNAN: RM18.58JUTA
JUMLAH: RM131.93 JUTA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT
PERBEKALAN: RM122.40 JUTA
PEMBANGUNAN: RM11.72 JUTA
JUMLAH: RM134.12 JUTA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SABAH
PERBEKALAN: RM87.66 JUTA
PEMBANGUNAN: RM123.00 JUTA
JUMLAH: RM210.66 JUTA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN SABAH
PERBEKALAN: RM87.66 JUTA
PEMBANGUNAN: RM123.0 JUTA
JUMLAH: RM210.66 JUTA


KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SABAH
PERBEKALAN: RM121.22 JUTA
PEMBANGUNAN: RM13.89 JUTA
JUMLAH: RM135.11 JUTA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN
PERBEKALAN: RM19.91 JUTA
PEMBANGUNAN: RM26.05 JUTA
JUMLAH: RM45.96 JUTA

Sumber: Teks Ucapan Belanjawan Negeri Sabah Tahun 2022

PEMBOLEH DAYA 1
Kemampanan Fiskal

KUTIPAN HASIL YANG TERTINGGI



Nota: * Terimaan hasil setakat 31 Disember 2022 **sebelum diaudit.**

Hasil daripada pelaksanaan inisiatif-inisiatif dalam Hala Tuju Sabah Maju Jaya, Kerajaan Negeri Sabah sekali lagi melakar kejayaan dengan kutipan hasil yang berjumlah RM6.960 bilion pada tahun 2022. Kutipan hasil 2022 meningkat sebanyak 27.75 peratus berbanding tahun 2021. Pencapaian ini menunjukkan kerajaan negeri komited dan terus berusaha untuk memajukan Sabah melalui pelaksanaan Hala Tuju Sabah Maju Jaya.

PENUBUHAN PASUKAN PETUGAS KHAS CUKAI JUALAN NEGERI KE ATAS PRODUK PETROLEUM



Salah satu usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan hasil adalah melalui penubuhan Pasukan Petugas Khas Cukai Jualan Negeri ke atas Produk Petroleum dengan kerjasama anggota pasukan daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah, Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah serta SMJ Sdn. Bhd. selaku penasihat. Hasil daripada penubuhan pasukan ini, cukai tertunggak berjumlah RM132 juta telah berjaya dikutip semula.

PENUBUHAN TASK FORCE OPS TIRIS 2.0



Sumber:
Teks Ucapan Amanat YB SKN 2023

Penubuhan *'task force'* yang diberi nama OPS TIRIS 2.0 terdiri daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM Sabah), Kementerian Kewangan Negeri Sabah (MOF) dan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah menjalankan pemeriksaan terhadap 100 buah syarikat bagi mengenal pasti kilang-kilang dan syarikat-syarikat kelapa sawit yang tidak mengisytiharkan jumlah sebenar jualan minyak sawit mentah. Hasil daripada tindakan OPS TIRIS 2.0, didapati sebanyak 58 syarikat telah mengisytiharkan jualan minyak sawit mentah kurang daripada nilai sebenar kepada pihak MOF Sabah. Berdasarkan rekod operasi, OPS TIRIS 2.0 telah berjaya mendapatkan semula hasil sebanyak RM 18.53 juta.

PEMBOLEH DAYA 1
Kemampanan Fiskal

"GREATER SAY, GREATER PARTICIPATION, GREATER REVENUE"



Perjanjian Kerjasama Komersial (CCA) telah termeterai antara Kerajaan Negeri Sabah dengan syarikat minyak nasional Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) pada 7 Disember 2022. CCA ini akan memelihara hak undang-undang negeri dengan menyediakan perlindungan menyeluruh demi kepentingan negeri.

SABAH ENERGY CORPORATION MENJADI PEMBEKAL DAN PENGANGKUT GAS ASLI DOMESTIK TERBESAR DI SABAH





Perjanjian Bekalan Gas Asli telah dimeterai antara Petronas dan Kerajaan Negeri Sabah melalui Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Sabah, Sabah Energy Corporation Sdn Bhd (SEC) yang sekaligus menjadikan SEC sebagai pembekal dan pengangkut gas asli domestik terbesar di Sabah. Di samping itu, berlangsung pertukaran dokumen Perjanjian Jual Beli Perniagaan Gas dan Aset antara kedua belah pihak. Berikutan kemasukan Petrochemical (PetChem) dalam enakmen State Sales Tax (SST) baru-baru ini, Sabah dijangka mengutip RM2.45 Billion royalti dan SST daripada sektor minyak dan gas dalam tempoh setahun. Petronas Chemical juga telah membuat sumbangan tambahan sebanyak RM10 juta bagi bulan Ogos tahun ini kepada kutipan SST Sabah untuk operasi Samur di Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (SOGIP).

PEMBOLEH DAYA 1
Kemampanan Fiskal

KUASA KAWAL SELIA SEKTOR TENAGA SABAH



Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah telah meluluskan dua usul Rang Undang-Undang (RUU) berkait iaitu Suruhanjaya Tenaga Negeri Sabah 2023 dan RUU Bekalan Gas 2023. Kedua-dua RUU menyatakan Kerajaan Negeri Sabah menetapkan pengambilalihan kuasa kawal selia sektor tenaga Sabah dalam dua fasa.

Sumber: Sidang Khas Dewan Undangan Negeri (DUN), 10 Januari 2023

PENGAMBILALIHAN 25% KEPENTINGAN EKUITI MELALUI SMJ SDN. BHD.

Kerajaan negeri melalui syarikat milik penuhnya SMJ Sdn. Bhd. (SMJSB), dan Petronas Chemicals Group Berhad (PCG) menandatangani Perjanjian Dasar Induk bagi pengambilalihan 25 peratus kepentingan ekuiti dalam Petronas Chemicals Fertiliser Sabah Sdn. Bhd. (PC FSSB). Pengambil-alihan kepentingan ekuiti dalam PC FSSB akan membuahkan perkongsian keuntungan yang lebih besar kepada Sabah.



Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah (2022)

PELANCARAN PELAN INDUK GAS SABAH (SGM)

Pelan Induk Gas Sabah (SGM) yang dilancarkan pada 4 Januari 2022 merupakan inisiatif awal yang memaknai kerjasama yang rapat di antara Kerajaan Negeri Sabah dan PETRONAS. PETRONAS juga telah melaksanakan tanggungjawab untuk memulakan Cukai Jualan Negeri (CJN) ke atas produk Petroleum.

Sumber: Sabah Gas Masterplan



PEMBOLEH DAYA 1
Kemampanan Fiskal

PENINGKATAN PENERIMAAN DIVIDEN OLEH KERAJAAN NEGERI SABAH

Kerajaan Negeri Sabah telah menerima dividen lebih daripada RM152 juta daripada 15 Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) bagi tahun 2022. Nilai itu dilihat meningkat sebanyak 30.64 % berbanding tahun 2021.

Badan-badan Berkanun (BBN)	Dividen
Perbadanan Pinjaman Sabah (SCC)	RM17 juta
Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC)	**Dividen**
Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.	RM41.976 juta
Sabah Development Bank Bhd	RM20 juta
Sabah Electricity Sdn Bhd	RM17.242 juta
Ohazanah Sabah Berhad	RM15 juta
KKIP Sdn. Bhd.	RM10 juta
Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd.	RM9 juta
Progressive Insurance Bhd	RM6.183 juta
Innoprise Corporation Sdn Bhd	RM2.608 juta
Sabah International Diaries Sdn. Bhd.	RM2 juta
Desa Plus Sdn Bhd	RM2 juta
Tongod Plantation Sdn Bhd	RM1.680 juta
Keningau Agro-Venture Sdn Bhd	RM1.150 juta
Borneo Development Corporation Sdn Bhd	RM0.174 juta

Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah (2022)



Pihak SCC menyerahkan *mock cheque* berjumlah RM17 juta kepada Kerajaan Negeri Sabah.




Selain daripada RM1 juta dividen, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah turut menyumbang sebanyak RM21.6 juta hasil daripada pembayaran pendapatan peneroka dan dividen peserta LKNS bagi tahun 2021.

Sumbangan Badan-badan Berkanun 2022

Badan-badan Berkanun (BBN)	Jumlah
Lembaga Industri Getah	RM 1.317 juta
Koperasi Pembangunan Desa	RM 1 juta
Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	RM 70 ribu
Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS)	RM 1 juta
Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah (Sabah Parks)	RM 681 ribu

Sumber: Kementerian Kewangan Negeri Sabah (2022)



PEMBOLEH DAYA 2:

KEMUDAHAN KEWANGAN

PEMBOLEH DAYA 2
Kemudahan Kewangan

PROGRAM PEMACU PEMBANGUNAN EKONOMI DAN POTENSI BELIA SABAH (SYABAS)

Program Skim Usahawan Belia Jaya (SYABAS) merupakan inisiatif baharu Kerajaan Negeri Sabah yang diperkenalkan pada dalam Belanjawan 2022 bagi memacu gerakan pembangunan ekonomi serta pengukuhan potensi para belia Sabah. Program ini merupakan inisiatif yang dirintis oleh Ketua Menteri Sabah melalui aspirasi yang disuarakan generasi muda bagi membantu belia Sabah mengembangkan perniagaan sedia ada mahupun memulakan perniagaan baharu. Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk Program SYABAS bagi menyediakan bantuan kewangan kepada para usahawan belia negeri Sabah.



Sumber: Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah

Sasaran program ini adalah belia bumiputera Sabah yang berumur 18-40 tahun. Program ini juga membantu belia-belia di negeri Sabah yang ingin memulakan perniagaan dan mengembangkan perniagaan dalam bentuk bantuan kewangan kecil.

Terdapat 2 kategori permohonan yang ditawarkan iaitu:

Start-up Fund:
Dana bagi belia yang ingin memulakan perniagaan yang berjumlah RM2,000.

Young Developing Creative Business Fund:
Dana bagi belia yang ingin mengembangkan perniagaan sedia ada yang berjumlah RM5,000.

INISIATIF BIZRIDER 300



Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) telah memperkenalkan program BIZRIDER 300. Inisiatif BIZRIDER 300 tercetus kerana kebimbangan kerajaan negeri terhadap tahap kemiskinan dan belia menganggur di negeri Sabah. Inisiatif ini memberi peluang kepada golongan miskin bandar dan belia menganggur di negeri ini agar dapat meningkatkan pendapatan dengan bekerja dalam perkhidmatan penghantaran. Bantuan inisiatif ini berbentuk motorsikal kepada 300 belia Sabah. Inisiatif ini juga dilaksanakan oleh SEDIA dengan kerjasama syarikat seperti *Foodpanda* – perniagaan yang berorientasikan digital dengan membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat melalui penghantaran makanan dan keperluan harian.

PEMBOLEH DAYA 2
Kemudahan Kewangan

BANTUAN INDUSTRI KECIL SEDERHANA (BAIKS)

Bantuan Industri Kecil dan Sederhana Sabah (BAIKS) adalah salah satu inisiatif kerajaan untuk merangsang pertumbuhan industri kecil dan sederhana (IKS) di Sabah. Program ini bertujuan untuk membina kapasiti, daya tahan dan daya saing usahawan IKS di Sabah melalui bantuan dalam bentuk geran. Antara bantuan yang ditawarkan terdiri daripada empat (4) kategori iaitu mesin dan peralatan, pembungkusan, e-dagang/digital, dan francais. Pada tahun 2022, sebanyak RM10.95 juta telah diperuntukan untuk BAIKS dan seramai 3,384 orang menerima bantuan tersebut.





Sumber: Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan (2022)

KEMUDAHAN KEWANGAN BAGI BAKAL PELABUR DI SABAH

Pada 8 April yang lalu, Palm Oil Industrial Cluster (POIC) Sabah Sdn Bhd dan China Construction Bank Corporation Labuan Branch (CCBL) telah menandatangani *Strategic Collabration Act* (SCA). Usaha tersebut membantu untuk merancakkan pelaburan di Sabah dengan mengutamakan perkhidmatan kewangan kepada syarikat yang disyorkan oleh POIC serta memberikan akses kepada platform pemadanan perniagaan rentas sempadan. Tuntasnya, perjanjian tersebut merupakan kemudahan kewangan bagi menarik lebih banyak pelabur untuk melabur di Sabah.



CCB

中国建设银行
China Construction Bank
纳闽分行
Labuan Branch

Sumber: Palm Oil Industrial Cluster Sdn. Bhd. (2022)

PEMBOLEH DAYA 2
Kemudahan Kewangan

INSENTIF SKIM KREDIT KO-NELAYAN

Insentif skim kredit merupakan salah satu inisiatif **Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan)** yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan nelayan di Sabah. Terdapat tiga (3) jenis skim kredit yang ditawarkan oleh Ko-Nelayan kepada nelayan seperti yang berikut:

Skim Pembangunan Industri Kecil Perikanan (PIKP)

Skim ini menyediakan kemudahan kredit dalam bentuk modal pusingan untuk membeli peralatan pemprosesan hasil-hasil hiliran perikanan kepada pengusaha. Pada tahun 2022, sebanyak 43 orang pengusaha kecil hiliran perikanan di seluruh Sabah telah menerima PIKP.

Skim Bantuan Nelayan (SBN)

Skim Bantuan Nelayan bertujuan untuk menyediakan kemudahan kredit dalam bentuk peralatan menangkap ikan khususnya kepada nelayan tradisi. Pada tahun 2022, sebanyak 60 nelayan artisanal di seluruh Sabah telah menerima SBN.

Skim Bantuan Pengusaha Akuakultur (SBPA)

Inisiatif skim ini adalah untuk membantu meningkatkan pendapatan dan mempelbagaikan punca pendapatan melalui pengusahaan projek akuakultur dengan menyediakan kemudahan kredit berbentuk peralatan dan modal pusingan. Pada tahun 2022,sebanyak tiga (3) pengusaha akuakultur di seluruh Sabah menerima SBPA.





Sumber: Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan) (2022)



PEMBOLEH DAYA 3:

KEBERKESANAN DAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN

“ Perkhidmatan awam perlu tampil dengan idea-idea lebih bernas dan berani, agresif membuat penambahbaikan demi Sabah Maju Jaya. Ini sejajar dengan matlamat kerajaan Sabah yang memberi tumpuan kepada usaha mewujudkan negeri yang mesra pelabur bagi menarik pelaburan asing untuk datang ke negeri ini. Kita mahu membawa lebih banyak pelabur datang dan dalam usaha bagi memastikan urusan pelaburan itu dipermudahkan, sistem penyampaian perkhidmatan awam juga perlu dipertingkatkan. ”

YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor
Ketua Menteri Sabah

Antara strategi yang menjadi fokus utama bagi menjayakan Pemboleh Daya 3: Keberkesanan dan Kecekapan Penyampaian di bawah Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0: 2021-2025) adalah;

- Inisiatif berteraskan keberhasilan.
- Menaik taraf kapasiti rangkaian internet agensi kerajaan sekurang-kurangnya 100Mbps.
- Pencapaian dipantau.
- Perkongsian data.
- Pendigitalan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.
- Pemberdayaan Ketua Adat melalui Ordinan Pentadbiran Luar Bandar.
- Meningkatkan kapasiti anggota perkhidmatan awam.



Struktur landskap perkhidmatan awam negeri Sabah bagi tahun 2022 menunjukkan peningkatan daripada tahun sebelumnya di mana jumlah penjawat awam negeri terkini adalah seramai 20,846 orang manakala bagi tahun 2021 seramai 20,406 orang. Struktur ini terbahagi kepada empat (4) kumpulan penjawat awam iaitu Kumpulan Pengurusan Tertinggi seramai 64 orang (0.31%), Kumpulan Pengurusan dan Profesional seramai 1,739 orang (8.34%), Kumpulan Pelaksana I seramai 3,296 orang (15.81%) dan Kumpulan Pelaksana II seramai 15,747 orang (75.54%). Daripada jumlah tersebut, seramai 983 orang adalah anggota perkhidmatan awam wanita yang berada di Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang merangkumi 47% daripada jumlah keseluruhan perkhidmatan awam.

Pada tahun 2022, jumlah lantikan baharu adalah seramai 333 anggota dan jumlah kenaikan pangkat adalah seramai 615 anggota. Kedua-dua data tersebut menunjukkan trend yang meningkat dari tahun sebelumnya. Hal ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri amat mementingkan peningkatan kapasiti perkhidmatan awam negeri khususnya.



PENINGKATAN KAPASITI PENJAWAT AWAM NEGERI SABAH

Selaras dengan konsep 5A iaitu *Accessible by Anyone*, *At Anytime*, *Anywhere by using Any Device* yang diperkenalkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, penjawat awam digalakkan untuk senantiasa meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran dalam memastikan perkhidmatan terbaik diberikan kepada rakyat. Perkhidmatan awam harus kekal relevan seiring merentasi pelbagai zaman dan arus teknologi masa kini yang semakin ke hadapan. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah sentiasa membuka dan memberikan peluang yang luas kepada pegawai perkhidmatan awam yang ingin melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi dan mengikuti program-program kompetensi di dalam mahupun di luar negara.



Sumber: Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah (ISAS) 2021 dan pelancaran buku panduan Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah. Laman web Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.



Sumber: Kursus Imej Penampilan Profesionalisme. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

Di samping itu, Institut Latihan Sektor Awam Negeri telah menganjurkan latihan dan kursus berasaskan kompetensi dan keperluan tugas hakiki kepada 9,216 pegawai perkhidmatan awam negeri daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi sepanjang tahun 2022. Pihak Institut Latihan Sektor Awam Negeri juga bertanggungjawab bagi menjalankan peperiksaan bagi mengukuhkan pengurusan bakat dan peningkatan kapasiti pegawai perkhidmatan awam negeri. Dua (2) siri peperiksaan guna sama telah dijalankan dalam tahun 2022 kepada 82 skim perkhidmatan secara atas talian.

Sepanjang tahun 2021 dan tahun 2022, seramai 81 orang pegawai perkhidmatan awam telah menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Jumlah tersebut adalah pecahan daripada empat (4) orang ke peringkat pengajian PHD, 21 orang ke peringkat pengajian Ijazah Sarjana dan 56 orang ke peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda. Bagi tahun 2022, seramai 600 orang pegawai perkhidmatan negeri telah menyertai 32 program latihan dalam perkhidmatan. Program latihan dalam perkhidmatan ini merangkumi lapan (8) program luar negara yang disertai oleh 40 peserta, tujuh (7) program luar negeri yang disertai oleh 75 peserta dan 17 program dalam negeri yang disertai oleh 485 peserta.

FAEDAH PENJAWAT AWAM NEGERI SABAH



Sumber: YAB Ketua Menteri semasa Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Ke-16. Laman Facebook YAB Haji Hajiji Haji Noor (Ketua Menteri Sabah).

Pindaan elaun bagi Elaun Makan, Bayaran Sewa Hotel dan Elaun Lojing Semasa Bertugas Rasmi di Dalam dan di Luar Negeri Serta Elaun Gantian Makan dan Bayaran Sewa Hotel Kerana Bertukar atau Berpindah Rumah dinaikkan sesuai dengan peningkatan kos sara hidup pada masa ini. Selain itu, kerajaan negeri juga telah memberikan Bantuan Khas Kewangan sebanyak setengah bulan gaji dengan kadar minimum RM1,000 kepada 20,271 penjawat awam negeri. Sebagai tambahan, kerajaan negeri turut memberikan Bantuan Khas sempena Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan sebanyak RM500 yang akan diberikan pada bulan April tahun 2023. Kerajaan negeri tidak melupakan para pesara kerajaan atas khidmat bakti mereka kepada kerajaan negeri. Oleh yang demikian, semasa Majlis Jasamu Dikenang Pesara Perkhidmatan Awam Negeri Sabah Tahun 2022 pada 18 Oktober 2022, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah telah mengumumkan pemberian geran peruntukan khas sebanyak RM100,000 kepada Persatuan Pesara Kerajaan Sabah.

Kerajaan Negeri senantiasa menghargai usaha dan kerja keras semua penjawat awam khususnya di negeri Sabah. Sebagai penghargaan kepada para penjawat awam, Kerajaan Negeri turut memberikan faedah-faedah bagi memastikan kebajikan penjawat awam sentiasa terbela. Bagi tahun 2022, kerajaan negeri bersetuju meningkatkan kadar elaun ke luar daerah melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 6/2022 yang berkuat kuasa mulai 3 November 2022.



Sebagai penghargaan, para pesara juga menerima *Gold Coin* semasa Majlis Jasamu Dikenang. Kerajaan negeri juga memberikan Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM150.00 yang akan dicarumkan ke dalam akaun i-Saraan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan peningkatan jumlah maksimum Gantian Cuti Rehat (GCR) daripada 160 hari kepada 180 hari. Kerajaan negeri juga akan menyediakan pejabat khas untuk para pesara di beberapa daerah yang akan diumumkan kelak.



MAJLIS ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM SABAH (ISAS) TAHUN 2021

Pelaksanaan program Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah (ISAS) telah membudayakan inovasi dengan menggunakan pendekatan inovasi teknologi yang relevan mengikuti zaman terkini. Majlis yang berprestij ini telah diadakan di Dewan Bankuasi, Menara Kinabalu pada 14 Jun 2022. Melalui majlis tersebut, Anugerah Khas Setiausaha Kerajaan Negeri dan Anugerah Inovasi dan Pembudayaan Digital telah disandang oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah. Manakala Anugerah Khas Ketua Menteri, Anugerah Khas Setiausaha Persekutuan Sabah dan Anugerah Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah disandang oleh Markas 5 Divisyen, Kem Lok Kawi. Anugerah seterusnya adalah Anugerah Khusus Inovasi Pejabat Ceria dan Kaunter Terbaik disandang oleh Majlis Daerah Keningau dan Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan diberikan kepada Lembaga Bandaran Kudat. Anugerah Khusus Inovasi dan Pembudayaan Digital: Peluasan Kepada Masyarakat Awam diberikan kepada Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah dan Anugerah Horizon Baharu KIK disandang oleh Jabatan Perikanan Sabah.



Sumber: Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah (ISAS) 2021. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.



Sumber: Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam Sabah (ISAS) 2021. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

PEMBINAAN BANGUNAN PEJABAT DAERAH KECIL KIULU

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta untuk pembinaan bangunan Pejabat Daerah Kecil Kiulu yang baharu. Bangunan ini akan dibina di atas tapak tanah seluas 2.5 ekar di daerah tersebut. Majlis Pecah Tanah Tapak Bangunan Pejabat Daerah Kecil Kiulu yang diadakan pada 3 November 2022 dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah.



Sumber: Majlis Pecah Tanah Tapak Bangunan Pejabat Daerah Kecil Kiulu. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

SEMINAR PEMANTAPAN PENYEDIAAN JAWAPAN SIDANG DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)

Seminar Pemantapan Penyediaan Jawatan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) telah berlangsung pada 27 Oktober 2022 di Shangri-La Tanjung Aru. Seminar ini sebagai langkah dalam memberi pendedahan mengenai proses, isu pengurusan dan kaedah menjawab soalan dewan mengikut Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri. Seminar yang julung kali diadakan ini disertai seramai 219 pegawai perkhidmatan awam negeri yang terdiri daripada Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan para pegawai perkhidmatan awam negeri. Seminar ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri.

PENUBUHAN PEMUDAHCARA SMJ BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN



Sumber: Sesi Taklimat PemudahCara SMJ. Arkib Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

PemudahCara SMJ berperanan sebagai platform kepada pihak berkepentingan dalam mengetengahkan isu-isu dan masalah yang dihadapi oleh sektor perniagaan dan bersama-sama mencari penyelesaian terbaik. Input, cadangan dan komen daripada pihak industri dijadikan asas bagi meminda atau menambah baik perundangan, peraturan atau garis panduan sedia ada dalam meningkatkan sistem penyampaian.

Hasil perbincangan didokumentasikan secara berstruktur dan pihak sekretariat akan memberikan dan membincangkan hal tersebut bersama pihak kementerian, jabatan dan agensi yang terlibat. Setakat ini, PemudahCara SMJ dianggotai oleh 13 pemain industri sebagai pihak berkepentingan bersama Sekretariat GRP dan Sekretariat SMJ.

Sesi Taklimat PemudahCara SMJ telah diadakan pada 13 Januari 2023 di Menara Kinabalu. Antara 13 pemain industri tersebut adalah *Federation of Malaysia Manufacturers Sabah Representative Office (FMM Sabah Branch), Federation of Sabah Industries, SME Association of Sabah, Dewan Usahawan Melayu Sabah (DEUMESA), Sabah Economic Advisory Council (SEAC), Malaysia International Chamber of Commerce and Industry (MICCI), Sabah Professional Council,* Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah*, Kadazandusun Chamber of Commerce and Industry (KCCI),* Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Sabah (DPMM), Dewan Perniagaan dan Perindustrian Tionghoa Kota Kinabalu, Persatuan Gabungan Persatuan Cina Sabah dan *Sabah Housing and Real Estate Developers Association (SHAREDA).*

LAWATAN KE PEJABAT KONSULAT JENERAL MALAYSIA DI PERTH, AUSTRALIA

Rombongan Kerajaan Negeri telah mengadakan sesi lawatan ke Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Perth, Australia pada 5 September 2022. Lawatan ini bertujuan bagi pemakluman awal berkenaan kehadiran beberapa Penolong Pegawai Daerah yang akan mengikuti program *Socio Economic Development Through Regional Innovation* (SEDRI) di Western Australia dan kolaborasi bersama kerajaan tempatan Shire of Murray.



Sumber: Lawatan kerajaan negeri ke Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Perth, Australia. Laman Facebook Sekretariat Sabah Maju Jaya.

SOCIO-ECONOMIC DEVELOPMENT THROUGH REGIONAL INNOVATION (SEDRI) PROGRAMME



Sumber: Socio-Economic Development through Regional Innovation (SEDRI) Programme. Arkib Sekretariat Sabah Maju Jaya.

Seramai 10 orang Penolong Pegawai Daerah telah menyertai program *Socio-Economic Development Through Regional Innovation* (SEDRI) di Shire of Murray, Western Australia selama dua (2) minggu bermula 29 Ogos 2022.

Lanjutan daripada program tersebut, sesi pembentangan peserta kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah diadakan di Menara Kinabalu pada 23 November 2022. Para peserta telah membentangkan hasil dapatan daripada program tersebut dan juga cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan di daerah masing-masing.



Sumber: Pembentangan Program SEDRI. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

PROGRAM TRANSFORMASI ORGANISASI MELALUI PENDEKATAN TADBIR URUS BERSEPADU (TUBE)



Sumber: Transformasi Organisasi Melalui Pendekatan Tadbir Urus Bersepadu (TUBE). Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

Program yang diadakan di Bandung, Indonesia ini melibatkan empat (4) orang pegawai perkhidmatan awam yang terpilih pada 10 hingga 14 Oktober 2022. Program ini adalah program pertama dalam membantu peserta membangunkan pelan transformasi melalui pendekatan tadbir urus yang bersepadu (TUBE). Program ini adalah berteraskan kerangka hasil yang menjurus kepada usaha penyelesaian menyeluruh dan sistematik di peringkat organisasi.

MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN PEMODENAN PENTADBIRAN AWAM (JPPPA)



Sumber: Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pemodenan Pentadbiran Awam (JPPPA). Laman web Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pemodenan Pentadbiran Awam (JPPPA) Bilang 2 Tahun 2022 telah dianjurkan pada 27 September 2022 di Sabah International Convention Centre (SICC). Mesyuarat ini bertujuan bagi membincangkan usaha-usaha pemodenan jentera pentadbiran awam sekali gus meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kerajaan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Sumber Manusia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri yang turut dihadiri oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA SABAH

Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah menerima kunjungan hormat daripada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia Sabah pada 13 Oktober 2022 di Menara Kinabalu. Kunjungan hormat ini bertujuan bagi menjelaskan isu-isu berkaitan pemeriksaan amalan, sistem dan tatacara kerja berkaitan tuntutan perbelanjaan pengangkutan bagi pegawai yang diarah bertukar oleh jabatan di bawah Kerajaan Negeri Sabah. Kunjungan ini diketuai oleh Pengarah SPRM Sabah iaitu YBhg. Datuk Karunanithy A/L Y. Subbiah.



Sumber: Kunjungan hormat SPRM Sabah kepada JPANS. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

BENGKEL LIBAT URUS PENYELESAIAN ISU-ISU LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) BAGI NEGERI SABAH



Sumber: Bengkel Libat Urus Penyelesaian Isu-Isu Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

Bengkel tersebut telah dilaksanakan bagi menyelesaikan isu-isu Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dan meningkatkan akauntabiliti, integriti dan tadbir urus dalam perkhidmatan awam negeri Sabah. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri Sabah menyeru semua pihak kementerian, jabatan dan agensi untuk mengambil tindakan proaktif ke atas setiap teguran audit dengan kadar segera. Objektifnya adalah setiap program dan projek akan dapat dinikmati oleh semua golongan sasar dalam tempoh masa, kos dan kualiti yang telah ditetapkan tanpa sebarang masalah. Bengkel ini telah diadakan pada 20 hingga 21 Jun 2022.

PELANCARAN PENDIGITALAN SISTEM E-LESEN DI PEJABAT-PEJABAT DAERAH NEGERI SABAH

Pelancaran pendigitalan Sistem e-Lesen telah dilaksanakan di Pejabat Daerah Tambunan dan Pejabat Daerah Putatan pada 21 Oktober 2022. Seterusnya Pejabat Daerah Tuaran, Pejabat Daerah Tenom, Pejabat Daerah Keningau pada 28 Oktober 2022. Pelancaran seterusnya diadakan di Pejabat Daerah Papar dan Pejabat Daerah Kota Marudu pada 3 November 2022.



Sumber: Pelancaran Sistem e-Lesen di Pejabat Daerah Tambunan. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.



Sumber: Pelancaran Sistem e-Lesen di Pejabat Daerah Kota Marudu. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

Pelancaran sistem tersebut diteruskan di Pejabat Daerah Pitas pada 7 Disember 2022. Sistem yang diperkenalkan oleh Bahagian Kerajaan Digital, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah adalah sebagai langkah dalam menaik taraf sistem dan sebagai pemudah cara permohonan dan pengurusan lesen di pejabat daerah secara digital. Sesi latihan di pejabat daerah dikendalikan oleh pegawai-pegawai daripada Bahagian Kerajaan Digital, JPANS kepada pegawai-pegawai di Pejabat Daerah.

PERSIDANGAN SERANTAU ASIA-PASIFIK PERSATUAN ANTARABANGSA BAGI PENYELIDIKAN SEKTOR KETIGA (ISTR) KE-12

Seramai 30 orang pegawai perkhidmatan awam telah menyertai Persidangan Serantau Asia-Pasifik Persatuan Antarabangsa bagi Penyelidikan Sektor Ketiga (ISTR) ke-12 pada 7 hingga 9 Disember 2022 bertempat di Universiti Malaysia Sabah. Peserta didedahkan dengan perkongsian intelektual daripada wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), aktivis dan sektor koperasi daripada penyelidik luar negara iaitu Jepun, Filipina, Australia, New Zealand, Taiwan, Mexico dan Thailand.



Sumber: Persidangan ISTR ke-12. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

PROGRAM OUTREACH PERDANA
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH TAHUN 2022



Sumber: Program Outreach Perdana Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah Tahun 2022. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

Outreach Perdana anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah kali ini diadakan pada 14 Julai 2022 di Balai Seni Lukis Sabah dan telah mendapat sambutan baik dengan jumlah kehadiran melebihi 700 orang pegawai perkhidmatan awam. Program dimulakan dengan ceramah khas integriti dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan dari Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah. Sesi seterusnya diteruskan dengan sesi bicarawara bersama Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri Sabah. Para pelanggan juga disantuni dengan perkhidmatan kaunter-kaunter terbuka daripada pelbagai pihak terlibat.

MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
PERINGKAT NEGERI SABAH TAHUN 2022

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Peringkat Negeri Sabah Tahun 2022 telah diadakan pada 6 Disember 2022 di Raia Hotel, Kota Kinabalu. Majlis ini bertujuan sebagai peningkatan kefahaman kepada para penjawat awam negeri tentang pengurusan efektif Majlis Bersama Jabatan melalui penyampaian sesi perkongsian ilmu. Sijil dan anugerah pengurusan MBJ terbaik bagi tahun 2021 turut diberikan semasa majlis tersebut.



Sumber: Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Peringkat Negeri Sabah Tahun 2022. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

MAJLIS PENGANUGERAHAN PENARAFAN BINTANG
SISTEM MAKLUMAT SUMBER MANUSIA (SM2) TAHUN 2022



Sumber: Majlis Penganugerahan Penarafan Bintang Sistem Maklumat SM2 Tahun 2022. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

Majlis Penganugerahan Penarafan Bintang Sistem Maklumat Sumber Manusia (SM2) Tahun 2022 telah diadakan pada 15 November 2022 di Sabah International Convention Centre (SICC). Pada majlis kali ini, sebanyak 35 agensi kerajaan menerima Anugerah Penarafan Lima (5) Bintang SM2 bagi lapan (8) kategori yang telah mencapai markah keseluruhan sebanyak 95% ke atas. Di samping itu, Anugerah Pengurus Sumber Manusia Cemerlang (Pengurusan SM2) Tahun 2022 disampaikan buat pertama kalinya kepada Pengurus Sumber Manusia dari Jabatan Perhutanan Sabah.

SESI LIBAT URUS PENGURUS SUMBER MANUSIA BERSAMA URUS SETIA PENGURUSAN PENILAIAN PRESTASI NEGERI SIRI 3/2022

Sesi Libat Urus yang berlangsung pada 11 Oktober 2022 bertempat di Dewan Seri Kinabatangan, Jabatan Kerja Raya telah disertai seramai 131 Ketua Pengurus Sumber Manusia dari pelbagai kementerian, jabatan dan agensi kerajaan negeri. Program ini adalah anjuran Unit Pengurusan Bakat dan Prestasi, Bahagian Perkhidmatan Awam, JPANS. Sesi dimulakan dengan taklimat dan bimbingan pengemaskinian Bahagian 3 SKT dan seterusnya sesi penyediaan laporan penilaian prestasi tahunan dan kaedah pengendalian mesyuarat panel pembangunan sumber manusia.



Sumber: Sesi Libat Urus Pengurus Sumber Manusia bersama Urus Setia Pengurusan Penilaian Prestasi Negeri Siri 3/2022. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

BIASISWA PEGAWAI KERAJAAN NEGERI SABAH DAN DERMASISWA



Sumber: Taklimat Hadiah Dalam Perkhidmatan. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

Seksyen Biasiswa dan Latihan Dalam Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Kapasiti, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah mengadakan taklimat pada 11 Oktober 2022 di Menara Kinabalu. Inisiatif ini sebagai penyampaian maklumat khusus kepada pegawai perkhidmatan awam negeri yang berminat untuk melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi. Taklimat ini telah disampaikan kepada 77 orang pegawai perkhidmatan awam dari pelbagai agensi kerajaan negeri dan badan-badan berkanun. Taklimat ini akan diadakan kepada zon-zon seterusnya di negeri Sabah.

PROGRAM LITERASI EKONOMI (ELITE) “BASIC ECONOMICS" AND SABAH STATE DEVELOPMENT PLANS 2022 & ROADSHOW HADIAH DALAM PERKHIDMATAN (HDP)

Program ini bertujuan bagi memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para peserta berkaitan konsep dan prinsip ekonomi dalam pelaksanaan agenda pembangunan negeri dan taklimat berkenaan hadiah dalam perkhidmatan. Seramai 32 orang pegawai perkhidmatan awam negeri yang terdiri daripada Pegawai Daerah, Penolong Pegawai Daerah dan pegawai kanan kerajaan negeri yang telah mengikuti program ini.



Sumber: Program ELITE & Roadshow Hadiah Dalam Perkhidmatan. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

ACARA MENANDATANGANI DOKUMEN PERJANJIAN KONTRAK PEMBEKALAN 999.9 GOLD BAR



Sumber: Acara Menandatangani Dokumen Perjanjian Kontrak Pembekalan 999.9 Gold Bar. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

Acara menandatangani dokumen perjanjian kontrak pembelian 999.9 gold bar di antara kerajaan negeri dan Habib Jewel Sdn. Bhd. telah berlangsung pada 25 September 2022. perjanjian ini bertujuan sebagai pemberian cendera kenangan kepada para pesara penjawat awam selaku menghargai sumbangan dan khidmat bakti mereka kepada kerajaan negeri. Pemberian gold bar ini akan disampaikan kepada para pesara semasa Majlis Jasamu Dikenang. Perjanjian selama setahun ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri Sabah dan wakil daripada pihak Habib Jewel Sdn. Bhd.

LAWATAN KERJA BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI UPPSM, JABATAN PREMIER SARAWAK KE JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

Lawatan Kerja Bahagian Pembangunan Organisasi UPPSM, Jabatan Premier Sarawak ke Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah diadakan pada 6 Oktober 2022 di Menara Kinabalu. Lawatan kerja ini diketuai oleh Puan Sharifah Rohana binti Datu Wan Alwi, Timbalan Pengarah UPPSM yang disertai oleh 15 pegawai di jabatan tersebut. Sesi dimulakan dengan ucapan daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri Sabah dan sesi perkongsian daripada kedua belah pihak berkenaan Hala Tuju Sabah Maju Jaya dan pelaksanaan struktur organisasi dan perjawatan.



Sumber: Lawatan kerja Bahagian Pembangunan Organisasi UPPSM, Jabatan Premier Sarawak ke JPANS. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

MAJLIS PENUTUPAN PERTANDINGAN LAMAN WEB KERAJAAN NEGERI SABAH (SOWC) TAHUN 2022



Sumber: Majlis Penutupan Pertandingan Laman Web Kerajaan Negeri Sabah (SOWC) Tahun 2022. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah memenangi dua (2) anugerah sempena Majlis Penutupan Pertandingan Laman Web Kerajaan Negeri Sabah (SOWC) Tahun 2022 yang telah diadakan pada 18 November 2022. Anugerah tersebut adalah Anugerah *Most Creative Website* dan 2nd *Runner Up Best Designed Website.* Pertandingan ini telah disertai oleh 118 penyertaan daripada pelbagai kementerian, jabatan, pejabat daerah, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun.

MINI ROADSHOW HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

Mini *Roadshow* Hala Tuju Sabah Maju Jaya adalah sebahagian dari acara 'turun padang' pihak Sekretariat Sabah Maju Jaya untuk menyebar luas dan menguar-uarkan berkenaan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0: 2021-2025) kepada rakyat di Negeri Sabah khususnya. Sepanjang tahun 2022, pihak sekretariat berjaya menganjurkan lima (5) *Mini Roadshow* Hala Tuju Sabah Maju Jaya di lima (5) daerah utama.



Sumber: Mini Roadshow Hala Tuju Sabah Maju Jaya di daerah Kalabakan. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.



Sumber: Mini Roadshow Hala Tuju Sabah Maju Jaya di daerah Tawau. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

Seterusnya, *Mini Roadshow* telah diadakan di daerah Tawau bertempat di Dewan Masyarakat Tawau pada 20 April 2022. Acara tersebut telah disertai oleh 320 orang termasuk penjawat awam negeri dan persekutuan di daerah tersebut. *Mini Roadshow* seterusnya telah diadakan di daerah Ranau bertempat di Perkasa Hotel Kundasang. Acara tersebut telah diadakan pada 28 April 2022 dan disertai oleh 65 orang peserta. *Mini Roadshow* yang keempat telah diadakan di daerah Semporna bertempat di 17 Jun 2022 dan disertai oleh 180 orang.



Sumber: Mini Roadshow Hala Tuju Sabah Maju Jaya di daerah Kota Belud. Laman Facebook Mini Roadshow HTSMJ.

Mini Roadshow tersebut juga bertujuan untuk mendapatkan input dan cadangan daripada rakyat bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan negeri dan memacu kejayaan negeri ke hadapan. Input dan cadangan tersebut seterusnya dibincangkan bersama pihak jabatan, kementerian dan agensi terlibat demi pembangunan negeri. Hala Tuju Sabah Maju Jaya yang pertama telah diadakan di daerah Kalabakan bertempat di Pejabat Daerah Kalabakan. Acara tersebut telah diadakan pada 19 April 2022 dan disertai oleh 88 orang peserta.



Sumber: Mini Roadshow Hala Tuju Sabah Maju Jaya di daerah Semporna. Laman Facebook Mini Roadshow HTSMJ.

Mini Roadshow Hala Tuju Sabah Maju Jaya kelima telah diadakan di daerah Kota Belud bertempat di Dewan Kebudayaan R&R Kota Belud pada 24 Jun 2022 dan disertai oleh 60 orang peserta. Pihak sekretariat juga mengambil peluang beramah mesra dan lawatan ke Sekolah Kebangsaan Peladok, Kota Belud sebelum ke tempat acara utama.

BENGKEL MERANGKA INISIATIF PELAN PEMBANGUNAN SABAH MAJU JAYA 1.0: 2021-2025 (2022 – 2023) & MAJLIS PELANCARAN BUKU GARIS PANDUAN PELAKSANAAN POLISI AMALAN BAIK PERATURAN NEGERI SABAH (GRP SABAH)



Sumber: Bengkel Merangka Inisiatif SMJ & Majlis Pelancaran Buku GRP Sabah. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

Bengkel Merangka Inisiatif Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0: 2021-2025 bagi tahun 2022 dan tahun 2023 dan Majlis Pelancaran Buku Garis Panduan GRP Sabah telah diadakan di Hotel Hilton pada 13 September 2022. Majlis telah dimulakan dengan penyampaian retrospektif aspirasi daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri Sabah merangkap Ketua Sekretariat Sabah Maju Jaya. Seterusnya majlis diteruskan dengan pelancaran portal rasmi SMJ dan pelancaran Buku Garis Panduan GRP Sabah. Majlis ini telah dihadiri oleh seramai 100 orang peserta bengkel termasuk para Setiausaha Tetap Kementerian, Ketua Jabatan, Pegawai Daerah, Penolong Pegawai Daerah, Presiden Majlis Perbandaran, Ketua Agensi, pegawai-pegawai kanan dan para *focal person* SMJ. Sesi seterusnya diteruskan dengan sesi bengkel merangka inisiatif Sabah Maju Jaya yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai Sekretariat Sabah Maju Jaya. Bengkel ini dapat membantu para *focal person* supaya merangka inisiatif bagi kementerian, jabatan dan agensi masing-masing yang berkonsepkan SMART – *specific, measurable, achievable, relevant dan time based* ke arah pembangunan negeri Sabah.



Sumber: Bengkel Merangka Inisiatif SMJ & Majlis Pelancaran Buku GRP Sabah. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.



Sumber: Bengkel Merangka Inisiatif SMJ & Majlis Pelancaran Buku GRP Sabah. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

TALENT DEVELOPMENT PROGRAM PITCHING DAY



Sumber: Talent Development Program Pitching Day. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

Program ini adalah usaha sama di antara Kerajaan Negeri dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang memberikan peluang kepada pegawai-pegawai perkhidmatan awam menimba pengalaman bersama pihak GLC selama setahun. Seramai lapan (8) pegawai perkhidmatan awam negeri yang mengikuti program tersebut telah berjaya melepasi tugasan terakhir iaitu *pitching day*. Setiap peserta melaksanakan pembentangan dengan tajuk dapatan berbeza dan dapat menyempurnakan tugasan dengan jayanya. Kesemua pegawai seterusnya Kembali berkhidmat kepada kerajaan negeri di kementerian, jabatan dan agensi berbeza.

SESI PEMBENTANGAN AKHIR PEGAWAI INTERIM PROGRAM HIGH PERFORMANCE TALENT (HiTalent)

Seramai 21 peserta Program *High Performance Talent* (HiTalent) telah menyempurnakan tugasan akhir yang diberikan kepada mereka. Kesemua peserta menyampaikan pembentangan berkenaan isu-isu utama di Negeri Sabah. Semasa sesi pembentangan, beberapa panel telah dijemput bagi sesi tersebut iaitu YBhg. Datuk Dr. Jamili Nais, YBhg. Datuk Dr. Mariana Tinggal, YBhg. Datuk Hajah Diyanah Abdullah, YBhg. Tuan Sapdin Ibrahim, YBrs. Prof. Madya Dr. Ts. Ramzah Dambul dan YBrs. Dr. Firdausi Suffian. Sesi tersebut telah diadakan pada 4 Julai 2022 di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu.



Sumber: Sesi Pembentangan Akhir Pegawai Interim Program HiTalent. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

SESI LATIHAN SISTEM E-KUARTERS KEPADA 51 JAWATANKUASA PERUMAHAN DAERAH

Seramai 51 orang jawatankuasa perumahan di seluruh daerah Negeri Sabah telah menyertai latihan Sistem e-Kuarters anjuran Bahagian Saraan dan Pencen, JPANS di Makmal IT Bahagian Latihan dan Kompetensi, Menara Kinabalu pada 6 September 2022. Semua ahli jawatankuasa dapat mempraktikkan sistem tersebut supaya setiap daerah mempunyai data dan dokumen yang lebih tersusun serta praktikal serta sahih.



Sumber: Sesi Latihan Sistem e-Kuarters. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

HAPPINESS SEMINAR DISERTAI OLEH PENJAWAT AWAM GENERASI Y (MILLENIALS)

Happiness Seminar yang dianjurkan oleh Seksyen Budaya Prestasi Tinggi, Bahagian Pembangunan Kapasiti, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri bertujuan bagi meningkatkan indeks kegembiraan penjawat awam negeri Sabah. Seminar ini memberi pendedahan kepada peserta dalam mempelajari cara untuk beradaptasi dari segi karakter dan personaliti dalam alam pekerjaan, mencapai wawasan dan tujuan hidup yang lebih cemerlang. Seminar ini disertai oleh 100 orang penjawat awam dalam kalangan Generasi Y (*Millenials*) dari pelbagai agensi kerajaan negeri.



Sumber: Happiness Seminar anjuran JPANS. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

BENGKEL AMALAN BAIK PERATURAN (GOOD REGULATORY PRACTICE)



Sumber: Bengkel Amalan Baik Peraturan (Good Regulatory Practice (GRP). Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

Bengkel Amalan Baik Peraturan (*Good Regulatory Practice* – GRP) – Analisis Impak peraturan (*Regulatory Impact Analysis* – RIA) yang dikendalikan oleh Sekretariat GRP Sabah telah berjaya dilaksanakan pada 18 Mei 2022. Hasil daripada bengkel ini, seramai 258 pegawai dari pelbagai agensi kerajaan negeri Sabah telah diberikan latihan intensif membabitkan tujuh (7) elemen Analisis Impak Peraturan atau RIA di mana elemen tersebut perlu dipatuhi bagi proses penyemakan peraturan.

BENGKEL MODEL KOMPETENSI BAGI KUMPULAN PELAKSANA GRED 11-40

Bahagian Pembangunan Kapasiti, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah menganjurkan Bengkel Model Kompetensi bagi Kumpulan Pelaksana Gred 11-40 pada 7 Disember 2022 di Hotel Shangri-La, Tanjung Aru. Bengkel ini diadakan bagi menggalakkan pembangunan kompetensi pegawai kumpulan pelaksana di samping mengukuhkan penguasaan dalam intelektual, kemahiran dan keperibadian bagi memastikan tahap kompeten pegawai sentiasa cekap. Seramai 20 orang pegawai sumber manusia dari pelbagai jabatan kerajaan negeri menghadiri bengkel tersebut.



Sumber: Bengkel Model Kompetensi Bagi Kumpulan Pelaksana Gred 11-40. Laman Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.



PEMBOLEH DAYA 4:

KECEMERLANGAN TADBIR URUS YANG BERINTEGRITI



“Kita perlu sentiasa mencerminkan nilai integriti dalam semua tindakan sama ada melalui penampilan, sikap dan sebarang keputusan yang diambil. Kita semua perlu berani berubah ke arah yang lebih baik dan meletakkan integriti sebagai tonggak utama dalam perubahan yang kita ingin capai."

YB Datuk Seri Panglima Sr.
Haji Safar bin Untong, JP
Setiausaha Kerajaan Negeri
12 November 2022

Tadbir urus yang baik *(good governance)*

Memperkukuhkan mekanisme semak dan imbang

Pelan Anti Rasuah Negeri Sabah (OACP)

Penerapan nilai-nilai murni dan etika kerja terbaik

PEMBOLEH DAYA 4:
KECEMERLANGAN TADBIR URUS YANG BERINTEGRITI

PEMANTAPAN INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI MELALUI PELAN ANTI RASUAH JABATAN KETUA MENTERI DAN KEMENTERIAN





















Sepuluh (10) Kementerian dan Jabatan Ketua Menteri telah merangka serta menyiapkan Pelan Anti Rasuah.

Kesedaran dalam masyarakat terhadap keperluan untuk memperkukuh disiplin moral semakin meningkat berikutan perubahan sosial. Maka, tuntutan terhadap kewujudan perkhidmatan yang cekap dan berkesan juga semakin menebal.

Kepentingan meletakkan budaya berintegriti dalam kalangan penjawat awam bukan perkara baharu namun ia perlu dimantapkan lagi kerana penjawat awam memerlukan nilai integriti yang tinggi. Mereka perlulah bertindak jujur dan amanah mengikut bidang kuasa dan tugas masing-masing.

PEMBOLEH DAYA 4:
KECEMERLANGAN TADBIR URUS YANG BERINTEGRITI

MENGEKANG KETIRISAN HASIL KERAJAAN NEGERI SABAH MELALUI PENUBUHAN PASUKAN PETUGAS KHAS *(TASK FORCE)*

Kita tidak boleh menutup mata apabila menangani ketirisan hasil khususnya bagi Negeri Sabah. Ketirisan integriti ini pastinya akan menjejaskan keutuhan perkhidmatan. Justeru, satu Pasukan Petugas Khas *(Task Force)* telah ditubuhkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) Peringkat Negeri pada 4 Oktober 2022 sebagai salah satu usaha bagi mengekang ketirisan hasil Kerajaan Negeri Sabah daripada terus berlaku.

Penubuhan Pasukan Petugas Khas *(Task Force)* ini juga bertujuan untuk mengutip semua cukai jualan yang gagal dibayar sebelum ini dan yang masih belum diisytiharkan kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

Pasukan Petugas Khas *(Task Force)* ini terdiri sepuluh (10) orang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan sepuluh (10) orang lagi pegawai daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang mana mereka dibahagikan kepada lima (5) zon. Langkah-langkah ini adalah signifikan bagi memastikan ketirisan tidak berlaku dan kepentingan Kerajaan Negeri Sabah sentiasa terjaga rapi.

Kerajaan Negeri Sabah juga komited bagi mengekang ketirisan hasil negeri dengan mewujudkan *Integrated System* secara atas talian menerusi kerjasama antara Kementerian Kewangan Negeri Sabah dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Usaha ini adalah untuk mencegah pemalsuan pengisytiharan cukai jualan oleh syarikat di negeri ini.

PEMBOLEH DAYA 4:
KECEMERLANGAN TADBIR URUS YANG BERINTEGRITI

PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS (ICU)



Setakat September 2022, sembilan (9) Badan Berkanun dan GIC Negeri telah menubuhkan Unit Integriti dan Governans (ICU) di agensi masing-masing, manakala 76 lagi Badan Berkanun dan GIC Negeri yang belum menubuhkan ICU diarah untuk menubuhkan unit ini.

Unit ini bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam.

MENAIK TARAF UNIT INTEGRITI KEPADA BAHAGIAN INTEGRITI DAN GOVERNANS NEGERI SABAH

Bagi meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan, sistem tadbir urus sektor awam mestilah mempunyai budaya kualiti yang terbaik dengan memantapkan nilai integriti dalam kalangan penjawat awam.



Kerajaan Negeri terus mengambil langkah untuk memantapkan lagi integriti penjawat awam dengan menaik taraf Unit Integriti kepada Bahagian Integriti dan Governans Negeri Sabah.

PEMBOLEH DAYA 4:
KECEMERLANGAN TADBIR URUS YANG BERINTEGRITI

PELAPORAN KEMAJUAN INISIATIF HALA TUJU SABAH MAJU JAYA



Hala Tuju Sabah Maju Jaya adalah sebuah perjalanan yang panjang dan kita haruslah memastikan bahawa kita sentiasa berada dalam landasan yang tepat.

Sesi Libat Urus telah dilaksanakan oleh pihak Sekretariat Sabah Maju Jaya bersama kementerian, jabatan dan agensi pada tahun 2022 bagi membincangkan kemajuan inisiatif-inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya.





Sumber: Sekretariat Sabah Maju Jaya

Terdapat banyak input-input yang telah diterima daripada kementerian, jabatan dan agensi yang terlibat bagi memantapkan lagi pelaporan pencapaian Hala Tuju Sabah Maju Jaya.

Sesi Libat Urus ini juga adalah signifikan bagi menentukan garis masa dan melaksanakan retrospektif aspirasi iaitu meninjau status prestasi, dan memperteguh tekad aspirasi.

Hasrat kita pastinya adalah untuk memastikan jentera Kerajaan di seluruh peringkat menjunjung Hala Tuju Sabah Maju Jaya ini sebagai satu amanah sekali gus melaksanakan pelan pembangunan ini dengan penuh iltizam yang tidak lain dan tidak bukan untuk kepentingan anak watan Sabah dan tanah air tercinta.

PEMBOLEH DAYA 4:
KECEMERLANGAN TADBIR URUS YANG BERINTEGRITI

PENGANJURAN FIT INTEGRITI BAGI MEMUPUK BUDAYA GAYA HIDUP SIHAT DAN INTEGRITI PENJAWAT AWAM

Penganjuran Fit Integriti bertujuan untuk melestari dan juga memantapkan lagi pembudayaan integriti dalam kalangan penjawat awam secara menyeluruh, berkesan dan berterusan.

Program ini dihadiri dan disertai oleh seramai 348 peserta daripada 24 jabatan, pejabat, bahagian dan agensi di bawah Jabatan Ketua Menteri.


Program ini turut dilengkapi dengan aktiviti-aktiviti menarik iaitu senamrobik serta sukan SOFIT seperti Bola Way Forward, Cakera Buana, Calitan Paradigma, Belon Swadaya dan Kuasa Pancaindera selaras dengan slogan 'Amalan Gaya Hidup Sihat Melalui Bersenam'.





Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah

PERSIDANGAN PENGURUS SUMBER MANUSIA DI KEMENTERIAN DAN JABATAN



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah

Persidangan Pengurus Sumber Manusia dilaksanakan sekali secara atas talian dan sekali secara fizikal. Persidangan secara atas talian dilaksanakan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah. Inti pati utama Persidangan Sumber Manusia ini adalah berkaitan sistem perakam kehadiran biometrik bersepadu.

PEMBOLEH DAYA 4:
KECEMERLANGAN TADBIR URUS YANG BERINTEGRITI

Penjawat awam sentiasa dituntut untuk memberikan perkhidmatan yang cekal, telus dan berintegriti kepada seluruh rakyat Sabah. Ini adalah bersesuaian dengan tema Hari Integriti Negeri Sabah 2022 yang diadakan pada 1 September 2022 iaitu "Integriti Pemangkin Kesejahteraan dan Kemakmuran Negeri Sabah".





HARI INTEGRITI NEGERI SABAH 2022

Sambutan Hari Integriti ini juga akan memantapkan lagi budaya dan nilai integriti dalam kehidupan harian penjawat awam. Ini adalah penting dalam menuju ke arah menjadi sebuah negeri yang maju kerana memiliki nilai moral, etika dan integriti yang tinggi.

Amanah yang digalas oleh penjawat awam perlulah dilaksanakan dengan adil dan berhemah. Penganjuran Hari Integriti Negeri Sabah 2022 juga merupakan komitmen berterusan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesedaran serta penghayatan nilai integriti dalam kalangan penjawat awam di Sabah.



Sumber: Bahagian Integriti dan Governans Negeri Sabah

PEMBOLEH DAYA 4:
KECEMERLANGAN TADBIR URUS YANG BERINTEGRITI



Sumber: Bahagian Integriti dan Governans Negeri Sabah

1,128 ADUAN DITERIMA DAN 883 ADUAN TELAH DISELESAIKAN MELALUI SISTEM i-ADU PADA TAHUN 2022

Sistem i-Adu adalah sistem aduan Kerajaan Negeri yang telah dilancarkan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri pada 06 Mei 2021 sempena Majlis Amanat YB Setiausaha Kerajaan Negeri.

Surat Arahan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2021 yang telah diedarkan pada 30 April 2021 bertujuan menguatkuasakan penggunaan Sistem i-Adu di peringkat Kementerian, Jabatan, Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri. Sistem i-Adu ini adalah penambahbaikan daripada Sistem Aduan Unit Integriti Negeri Sabah seiring dengan inisiatif Pendigitalan Perkhidmatan Kerajaan Negeri Sabah.

Setakat Disember 2022, sebanyak 1,128 aduan telah diterima dan 883 aduan telah diselesaikan melalui sistem i-Adu ini. Sistem ini berfungsi sebagai medium untuk orang awam membuat aduan dan mendapatkan maklum balas dengan lebih cekap, cepat dan telus. Sistem ini mampu memaparkan statistik dan data aduan awam dan aduan integriti secara *"real time".* Selain itu, sistem ini mengurangkan risiko kecicir an aduan awam dan aduan integriti serta meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui pengurusan aduan yang seragam dan sistematik.

PEMBOLEH DAYA 4:
KECEMERLANGAN TADBIR URUS YANG BERINTEGRITI

Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah sentiasa berusaha untuk memastikan undang-undang di negeri ini adalah terkini, tepat dan selari dengan keperluan semasa.

Antara kaedah yang dilakukan adalah dengan melaksanakan pengemaskinian undang-undang negeri Sabah yang sedia ada *(Reprint of laws)*, membuat perubahan dan pindaan baharu kepada undang-undang negeri Sabah *(Amendment of laws)* mengikut perubahan undang-undang Persekutuan dan penggubalan undang-undang baharu yang relevan dan terkini sejajar dengan usaha Kerajaan Persekutuan.



Sumber: Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah

UNDANG-UNDANG NEGERI SABAH ADALAH TERKINI, TEPAT DAN SELARI DENGAN KEPERLUAN SEMASA




Sumber: Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah

Inisiatif ini juga memberi manfaat kepada Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah antaranya undang-undang negeri dikemaskini agar naskah sahih undang-undang yang terkini dapat disediakan untuk bacaan dan rujukan umum, pewujudan lebih banyak undang-undang sesuai dengan peredaran masa, inisiatif ini dapat menyelaraskan undang-undang negeri dengan undang-undang persekutuan yang sedia ada sekali gus memelihara hak masyarakat negeri Sabah.

Inisiatif ini secara umumnya dikendalikan dan digerakkan oleh Unit Gubalan Undang-Undang JPBNS yang berupaya untuk menggubal dan membuat undang-undang yang baharu dan terkini. Rekod dan data undang-undang negeri dapat diukur dengan berapa banyak dan berapa kerap undang-undang dapat digubal dan dibuat oleh JPBNS melalui Sasaran Bulanan iaitu satu (1) undang-undang baharu digubal setiap bulan dan Sasaran Tahunan iaitu dua belas (12) undang-undang setiap tahun (maksimum).

13 UNDANG-UNDANG BAHARU DAN PINDAAN TELAH DIBUAT PADA TAHUN 2022





Sumber: Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah

Tiga belas (13) undang-undang baharu dan pindaan telah dibuat oleh Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah antaranya Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2022; Pindaan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961; Enakmen Bekalan Air Sabah 2003; Enakmen Makanan Haiwan 2022; Enakmen Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pindaan) 2022; Enakmen Kumpulan Wang Amanah Kerajaan (Pindaan) 2022; Enakmen Perbekalan (2023) 2022; Rang Undang-Undang Bekalan Gas 2023; Rang Undang-Undang Suruhanjaya Tenaga Sabah 2023; Enakmen Perbekalan Tambahan Pertama (2022) 2022; Enakmen Mahkamah Syariah (Pindaan) 2022; Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2022; dan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan (Saraan) (Pindaan) 2022.



PEMBOLEH DAYA 5:

KERAJAAN DIGITAL BERTERASKAN TEKNOLOGI DAN INOVASI



"Kita perlu mempergiatkan penciptaan kaedah dan penggunaan cara baharu untuk melakukan sesuatu dalam pelbagai aspek."

YB DATUK SERI PANGLIMA SR.
HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH

Pada tahun 2022, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah telah memperkenalkan konsep 3R, iaitu *Revitalize, React & Responsible.* Konsep 3R mengutamakan penciptaan kaedah atau cara baharu khususnya dalam berdepan situasi yang belum dijangkakan sebelum ini.

REVITALIZE
Penciptaan kaedah atau cara baharu untuk melakukan sesuatu

REACT
Memberi reaksi atau bertindak balas kepada situasi dalam penyampaian perkhidmatan

RESPONSIBLE
Bertanggungjawab terhadap tugas dan amanah yang telah diberi

Segala inisiatif pendigitalan menggiatkan pemikiran dan tindakan yang lebih inovatif dan kreatif dalam penggunaan kaedah digital untuk penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Selaras dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 : 2021-2025). , usaha-usaha untuk menggiatkan inisiatif pendigitalan akan terus diberi keutamaan.






Usaha untuk memacu Kerajaan Digital yang berteraskan teknologi dan Inovasi diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif di bawah Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 : 2021-2025). Antaranya adalah pewujudan *Sandbox* pertama di Sabah yang merupakan Inisiatif *Flagship* di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Pusat *Sandbox* ini akan berfungsi sebagai satu hub bagi inovator dan usahawan digital untuk melaksanakan kajian kesauran dan mencipta teknologi dan inovasi baharu bagi tujuan pengkomersialan.

Di samping itu, *Sandbox* ini akan menjadi platform bagi kolaborasi dalam pembangunan ekonomi digital, pengaplikasian teknologi baharu sebagai pemangkin bidang STEM (*Science, Technology, Engineering & Mathematics)* dan pembudayaan Teknologi IR 4.0 dalam kalangan rakyat Sabah.


PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL

SABAH DIGITAL INTEGRATION & INTERCHANGE PLATFORM (DIIP)



DIIP terdiri daripada tiga hab iaitu hab geo, hab perniagaan dan hab rakyat. Tiga hab tersebut adalah sebahagian daripada *Data Integration and Interchange Platform* (DIIP). Dengan tiga hab berada di bawah bumbung yang sama, DIIP menyasarkan untuk membuka laluan kepada penciptaan Pasaran Digital Sabah yang mengumpulkan data, teknologi, kecerdasan, standard, dan keupayaan di bawah bumbung yang sama untuk membolehkan kerajaan negeri mencipta model mampan baharu untuk penyampaian perkhidmatan.


Data *geospatial* menyokong hampir segala-galanya dan itulah sebab utama Sabah *Geo Hub* dimasukkan ke dalam DIIP. Data berasaskan tempat di Sabah *Geo Hub* membentangkan jalan alternatif untuk mengumpulkan data sumber yang berbeza bersama-sama. Ini termasuk data yang bersifat bukan *geospatial* seperti pendaftaran syarikat, demografi dan pengeluaran dana yang disediakan dalam *Business Hub* dan *People Hub*. Penyepaduan data dan sumber lain termasuk proses perniagaan dalam kalangan perniagaan, rakyat dan *Geo Hub* adalah manfaat terbesar yang dapat direalisasikan oleh kerajaan negeri di bawah peta jalan pendigitalan yang disemak semula.



PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL

SABAH DIGITAL INTEGRATION & INTERCHANGE PLATFORM (DIIP)

BILANGAN DATA DIIP



PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL



JPKN

PEMBANGUNAN APLIKASI	PEROLEHAN ICT	LINTAS LANGSUNG	PEMASANGAN INFRASTRUKTUR RANGKAIAN
89	966	27	9

PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL

PUSAT DIGITAL *INTERNET OF THINGS* (IoT) SANDBOX



Melalui kolaborasi dengan rakan strategik KSTI, Pusat Digital IoT *Sandbox* akan memacu dan menggalakkan lebih banyak inovasi dibawa dan diuji dalam ruang Sandbox.

Antara perkhidmatan dan kemudahan yang akan ditawarkan di *sandbox* ini adalah peluang pelaburan untuk inovator dan usahawan, nasihat undang-undang dan latihan keusahawanan.

Konsep Sandbox ini adalah berasaskan '*Quintuple Helix Model Of Innovation Economics*' yang mengambil kira faktor persekitaran, kerajaan, ahli akademik, masyarakat sivil dan industri.



Pelbagai program akan dilaksanakan oleh pihak SCENIC, MRANTI, SabahNet dan Kinabalu Coders berkaitan dengan teknologi digital dan IoT.





PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL

SABAH STATE DIGITAL AUTHORITY

Selaras dengan Inisiatif Semasa Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 : 2021-2025), iaitu “Menubuhkan pihak berkuasa digital negeri sabah”, kerajaan negeri Sabah telah memulakan perancangan bagi penubuhan *Sabah Digital Multimedia Authority* (SDMA) yang bakal dilancarkan pada tahun 2023. Pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI) telah melaksanakan lawatan ke *Sarawak Multimedia Authority* (SMA) bagi tujuan menanda aras (*benchmarking*) dalam perancangan penubuhan SDMA.









PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL

PENUBUHAN MAJLIS PEMBANGUNAN TEKNOLOGI DAN INOVASI SABAH (MaPTIS)





MaPTIS telah ditubuhkan untuk mendukung Semasa Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 : 2021-2025) melalui pembinaan dasar dan pembangunan strategi bagi mempertingkatkan keupayaan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) dalam menjana kemakmuran, kesejahteraan rakyat, pembangunan sosioekonomi dan kelestarian daya saing negeri Sabah. Peranan MaPTIS adalah seperti peranan Majlis Sains Negara di peringkat Persekutuan yang diselaraskan oleh MOSTI.

MapTIS juga akan membantu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI) bagi mengukuhkan fungsi dan peranannya dalam merangka dasar, strategi, latihan berteknologi tinggi dan program pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan sebagai pembuat keputusan dan memberi mandat kepada KSTI untuk melaksanakan hal ehwal yang berkaitan dengan STI.

MaPTIS
MAJLIS PEMBANGUNAN TEKNOLOGI DAN INOVASI SABAH

PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL

MALAYSIA TECH LYMPICS








Dalam usaha murni Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI) untuk melahirkan masyarakat yang berfikiran saintifik, kreatif dan inovatif dalam kalangan Masyarakat menjadi kenyataan, KSTI telah melancarkan Techlympics bagi peringkat Negeri Sabah.

KSTI yakin bahawa Malaysia mampu melahirkan generasi yang celik sains teknologi dan inovasi (STI) dan para inovator muda yang berkebolehan untuk menghasilkan solusi, aplikasi dan produk berteknologi untuk masyarakat dan kelestarian negara.

Bertemakan ‘Berhubung, Bersaing, Berjaya’, Malaysia Techlympics telah dirangka supaya bersifat inklusif agar lebih ramai golongan sasar mendapat peluang untuk turut terlibat menghasilkan produk inovasi menggunakan pendekatan tidak formal sekali gus merancakkan aktiviti STI negara melalui *experiential learning*.

PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL

SABAH JOBS PORTAL





Sabah Jobs Portal (SJP) merupakan pusat mencari pekerjaan setempat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada majikan dan pencari kerja di dalam sektor swasta.

Selaras dengan konsep 5A, portal ini beroperasi 24 jam dan dapat dicapai dengan telefon pintar dan komputer secara atas talian. SJP juga menyediakan platform untuk memudahkan proses permohonan pekerjaan dan pengiklanan kekosongan jawatan secara percuma.

Kini, perancangan bagi pengintegrasian antara Sistem Sabah Jobs Portal & MyFuture Jobs telah bermula agar penyampaian perkhidmatan kepada pencari kerja Sabah dapat ditingkatkan.

10,023
PENCARI KERJA

612
JAWATAN KOSONG

361
MAJIKAN

Setakat Mei 2023

PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL

SABAH PAY



Sabah Pay merupakan sebuah E-Wallet dan aplikasi digital mudah alih terpusat yang inklusif untuk meningkatkan persekitaran yang lebih berorientasi rakyat melalui pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan dalam aplikasinya. Setakat Oktober 2022, Sabah Pay mempunyai sebanyak 190,860 pengguna. Pada tahun 2022, Sabah Pay telah digunakan oleh beberapa jabatan dan agensi kerajaan, antaranya adalah Jabatan Air Negeri Sabah, Sabah Credit Corporation, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Jabatan Tanah & Ukur, Lembaga Pembangunan Perumahan & Bandar, Yayasan Usaha Maju, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah, Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah.

PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL


DASHBOARD KERAJAAN BERSEPADU (DASHBOARD SMJ KSTI) YANG PERTAMA DI SABAH



Dashboard Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI) dapat menyelaraskan format perkongsian data sekali gus mengemas kini data secara masa nyata (*real time).* Keberhasilan yang diperoleh akan memberi impak dalam membangunkan hab data negeri dengan data masa nyata (*live data*) untuk akses awam. Melalui dashboard ini, strategi kerajaan untuk pemerkasaan data terbuka antara agensi kerajaan dapat diterjemahkan di samping memacu Hala Tuju Strategik Teknologi Digital dan Kreatif.

PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL

DASHBOARD BERSEPADU KEMENTERIAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR SABAH (KePKAS)





DASHBOARD TAMAN-TAMAN SABAH



DASHBOARD PELAWAT SABAH

STATISTIK MUZIUM-MUZIUM



DASHBOARD LEMBAGA PELANCONGAN SABAH



DASHBOARD JABATAN HIDUPAN LIAR SABAH

Dashboard KePKAS berfungsi sebagai *landing page* kepada dashboard-dashboard bagi jabatan, Lembaga dan agensi di bawah KePKAS. Dashboard-dashboard ini adalah selaras dengan konsep 5A dan memaparkan data terkini berkenaan jumlah pelancong dan pelawat-pelawat di Sabah.

PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL

PELAKSANAAN KONSEP SMART TOWN DI DAERAH TUARAN



Sebagai langkah awal untuk mewujudkan *Smart City* di Sabah, kerajaan negeri telah memulakan perancangan bagi *Smart Town* yang pertama di Sabah di daerah Tuaran. Fasa pertama bagi konsep *Smart Town* melibatkan pewujudan bilik kawalan di Pejabat Daerah Tuaran dan pemasangan kamera litar tertutup yang menyeluruh (CCTV) dalam lingkungan 0.5km dari bilik kawalan. Liputan CCTV yang menyeluruh ini akan membolehkan pemantauan 24 jam dan tindakan segera khususnya bagi kes jenayah, pembuangan sampah merata-rata dan kesesakan lalu lintas.

PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL

SEMINAR ICT SEKTOR AWAM NEGERI



Seminar ini bertujuan bagi memberi kesedaran kepada para peserta mengenai dengan kepentingan mengoptimumkan perkembangan teknologi ICT yang pesat bagi membantu meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan menjayakan inisiatif kerajaan memaju ekonomi digital negara; Mengembangkan budaya pembelajaran berterusan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif terhadap penggunaan ICT dan inovasi digital yang diperkenalkan dan; Menyediakan medan pertemuan kepada penjawat awam di peringkat daerah/wilayah untuk perbincangan dan mewujudkan kerjasama strategik sesama agensi dalam aspek peningkatan penyampaian perkhidmatan Kerajaan Digital.

PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI (JPKN) DAN CYBERSECURITY MALAYSIA (CSM)



Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) dan CyberSecurity Malaysia (CSM) telah ditandatangani pada 25 Ogos 2022, bertujuan untuk mengesahkan kerjasama bagi melaksanakan Program CyberGuru di negeri Sabah, dengan berfokuskan program Pensijilan *Certified Information Security Awareness Manager* (CISAM).

Ia merupakan satu program latihan dan pensijilan ikhtisas yang memberi pengetahuan praktikal bagi membolehkan para pegawai perkhidmatan awam Sabah membangun dan mengurus program kesedaran keselamatan siber dalam organisasi mereka. MoU ini dimeterai berdasarkan keperluan utama untuk memperkasa pelaksanaan program kesedaran keselamatan siber yang dijalankan ketika ini, iaitu ia perlu diuruskan dengan lebih teratur di dalam setiap organisasi, di mana ini memerlukan pegawai dalam organisasi yang terlatih untuk membantu JPKN dalam meningkatkan tahap kesedaran keselamatan siber.



PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL

APLIKASI PERMAINAN PENDIDIKAN ALAM SEKITAR

Bagi mewujudkan kesedaran terhadap alam sekitar, kerajaan negeri telah membangunkan dua aplikasi permainan pendidikan alam sekitar iaitu ‘Polis Alam Sekitar’(POLAS) dan Captain Eeklim.

Permainan POLAS memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai punca pencemaran marin serta kesan pencemaran terhadap persekitaran marin dan komuniti setempat. Aplikasi ini adalah permainan board game pendidikan alam sekitar marin pertama yang dibangunkan oleh kerajaan negeri.










Manakala permainan Captain Eeklim memberi kesedaran kepada pelajar tentang pencemaran udara dan langkah-langkah untuk menjaga pencemaran melalui permainan.





PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL

RoboNeo



RoboNeo merupakan acara robotik dan automasi yang bertujuan untuk mendidik pelajar kemahiran menyelesaikan masalah melalui pelbagai kaedah seperti pemikiran kreatif, pemikiran logik dan pemikiran di luar sempadan.




Program ini juga mampu meningkatkan kepakaran menggunakan peralatan berteknologi seperti memprogramkan komputer, membina dan mereka cipta robot, menguasai bidang matematik, sains, komputer, seni dan bahasa.

PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL

SabahTAMU



Misi asas SMJ ialah "visi kemakmuran bersama", dan pendigitalan akan menjadi pemboleh utama bagi memacu visi ini. Pewujudan platform perniagaan digital adalah salah satu strategi asas bagi mencapai Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0.




	Promote Local Products and Services Buy local Sabahan product and other services
	Online Sales Channel Higher exposure and generate higher sales
	Assortments Variety of products and services to offer
	Drive customer to physical store Increase customer to physical merchant venue

SabahTAMU ialah pasaran perniagaan kepada warganegara (B2C) dalam talian di bawah inisiatif Kerajaan Sabah untuk menggiatkan semula perniagaan tempatan yang membolehkan pelanggan membeli kupon dan menikmati tawaran hebat, diskaun, dan banyak lagi. Ia juga merupakan satu saluran untuk mempromosikan lokasi fizikal peniaga kepada pelanggan. Pendaftaran dan penggunaan SabahTAMU adalah percuma untuk semua rakyat Sabah.

BAHAGIAN 3
RANTAIAN KE HADAPAN

BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2023

Belanjawan 2023 yang bertemakan “Ekonomi Diperkasa, Rakyat Sejahtera” telah dibentang oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor – Ketua Menteri Sabah pada 25 November 2022 yang lalu. Fokus utama Belanjawan 2023 adalah untuk memacu dan memperkasa ekonomi negeri demi memastikan pembangunan Sabah dan kesejahteraan rakyat secara inklusif dan berterusan.



Sama seperti Belanjawan 2022, Belanjawan 2023 yang berjumlah RM5.138 bilion merupakan Belanjawan Lebihan dengan Anggaran Kutipan Hasil sebanyak RM5.268 bilion dan Lebihan sebanyak RM130.47 juta. Bagi merealisasikan matlamat fokus utama, dicadangkan sebanyak RM5.138 bilion diperuntukkan bagi Belanjawan 2023 dengan peningkatan sebanyak 11.58 peratus berbanding tahun lalu. Peningkatan ini membuatkan Belanjawan 2023 belanjawan yang tertinggi sejak merdeka.


BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2023



Strategi pemulihan ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan meningkatkan perbelanjaan pembangunan melalui Belanjawan Negara serta Belanjawan Negeri telah membuahkan hasil. Sekali lagi, negeri Sabah melakar sejarah kerana berjaya meraih kutipan hasil sebanyak RM6.8 bilion pada tahun 2022.

Kutipan tersebut merupakan jumlah yang lebih tinggi berbanding kutipan 2021 iaitu RM5.449 bilion dan paling tertinggi sejak tahun 2014 dengan kutipan sebanyak RM4.541 bilion. Tambahan itu, kutipan hasil 2022 juga melebihi Anggaran Hasil Asal 2022 iaitu RM4.707 bilion. Di samping itu, kutipan dividen daripada Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan turut meningkat pada tahun 2022 yang berjumlah RM152 juta berbanding pada tahun 2021 (RM116.35 juta). Kutipan dividen menunjukkan peningkatan sebanyak 30.64 peratus.






Bagi meningkatkan dan memampankan lagi hasil negeri, Kerajaan Negeri telah menggariskan empat (4) strategi untuk menjana sumber hasil melalui;

- penambahbaikan pengurusan hasil secara komprehensif dengan memperkasa setiap aspek penguatkuasaan bagi mendapatkan semula tunggakan hasil dan menangani ketirisan hasil;
- memperluas sumber hasil negeri dengan meluaskan skop kutipan cukai;
- mempertahan dan memperjuangkan hak Negeri Sabah; dan
- mempergiatkan lagi penguatkuasaan kutipan dividen Syarikat Milik Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.

BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2023

Daripada jumlah Belanjawan 2023, sejumlah RM5.138 bilion diperuntukkan untuk membiayai perbelanjaan operasi dan pengurusan. Jumlah ini diagihkan kepada Emolumen (RM792.28 juta), Perbelanjaan Berulang (RM1.977 bilion), dan Perbelanjaan Khas (RM2.369 bilion).





Manakala bagi Perbelanjaan Pembangunan pula, sejumlah RM788.94 juta telah diperuntukkan untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan merancakkan lagi program pembangunan. Daripada jumlah ini, RM515.81 juta diagihkan kepada Sektor Ekonomi, RM254.93 juta diagihkan kepada Sektor Sosial, dan lebihan RM18.2 juta diagihkan kepada Sektor Pentadbiran Awam.

BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2023

Berdasarkan Belanjawan 2023, kesemua 12 Kementerian Kerajaan Negeri masing-masing menerima agihan peruntukan seperti yang berikut - Kementerian Kewangan menerima peruntukan sebanyak RM2.16 bilion. Kementerian Kerja Raya diperuntukkan sebanyak RM1.16 bilion. Manakala Jabatan Ketua Menteri diperuntukkan sebanyak RM634.41 juta.







BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2023



Bagi merancakkan pembangunan sektor utama fokus pertumbuhan ekonomi, sebanyak **RM501.54 juta** diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian dan Perikanan serta jabatan-jabatan di bawahnya.



Di bawah subsektor tanaman, sebanyak **RM115.39 juta** diperuntukkan kepada Jabatan Pertanian dan sebanyak **RM20.28 juta** diperuntukkan kepada Korporasi Pembangunan Desa.



Peruntukkan disalurkan melalui agensi-agensi tersebut untuk membantu menjana pendapatan golongan petani serta membantu golongan sasar B40 dan miskin tegar.





Agensi di bawah subsektor perikanan dan akuakultur seperti Jabatan Perikanan dan Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah masing-masing menerima peruntukan sebanyak RM46.09 juta dan RM14.80 juta.





Bagi subsektor ternakan dan komoditi getah pula, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah menerima peruntukan sebanyak RM75.51 juta manakala Lembaga Industri Getah Sabah pula diperuntukkan sebanyak RM16.35 juta.

BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2023

Diikuti dengan sektor pelancongan, RM134.59 diperuntukkan kepada Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar serta agensi-agensi yang berkaitan.







BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2023

Sektor utama seterusnya adalah sektor perindustrian dengan peruntukan sebanyak RM54.51 kepada Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan serta jabatan dan agensi di bawahnya.









BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2023



Sejumlah RM212.63 juta telah diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS) untuk menaik taraf kehidupan penduduk luar bandar.



Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan pula menerima peruntukan sebanyak RM204 juta bagi tujuan operasi dan meneruskan projek sedia ada di samping melaksanakan projek baharu.



RM175.61 juta diperuntukkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah untuk membangunkan pembangunan modal insan dan ICT.

BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2023

Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Tugas-Tugas Khas) (sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Tugas-Tugas Khas dan Penyelarasan) turut menerima peruntukan sebanyak RM167.75 juta untuk digunakan dalam penyelarasan dan pengendalian Bantuan Khas Pendidikan.





Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat dan jabatan di bawahnya pula diagihkan peruntukan yang berjumlah RM157.58 juta untuk memastikan nasib rakyat dibela.

Golongan belia adalah aset yang penting dalam pembangunan negara. Bagi pembangunan belia dan sukan di Sabah, peruntukan sebanyak RM97.5 juta diagihkan kepada Kementerian Belia dan Sukan.



BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2023



Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri akan diperuntukkan sejumlah RM26.15 juta bagi perbelanjaan operasi dan pembangunan sistem aplikasi untuk agensi-agensi Kerajaan Negeri.



Sabah Net akan meneruskan kerja menaik taraf rangkaian fiber di semua premis Kerajaan Negeri dengan peruntukan sebanyak RM32 juta



Jabatan Pembangunan Sumber Manusia diperuntukkan sebanyak RM26.25 juta pada tahun 2023. Peruntukan ini akan digunakan untuk pengendalian kursus dan latihan kemahiran dalam bidang teknologi, teknikal dan perdagangan

BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2023



Perpustakaan Negeri Sabah diperuntukkan sebanyak RM43.51 juta untuk perbelanjaan operasi dan pengurusan perpustakaan di seluruh negeri.

Bantuan Khas Pendidikan bagi membantu para pelajar yang akan memasuki pusat pengajian tinggi dan yang akan menghadapi peperiksaan. Program-program bantuan sedia ada akan diteruskan dengan penambahan 5 program baharu untuk menyokong institusi pendidikan pada tahun 2023 iaitu Bantuan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (BAGUS); Bantuan Ihsan Sekolah (BISBAH); Bantuan Kecil Infra Sekolah; Anugerah Khas Kecemerlangan Pendidikan (AKSA) dan Bantuan Khas Pendidikan (BANTU) dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM43 juta.





Pemberian Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajar Negeri akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri untuk memberi peluang kepada anak watan Sabah melanjutkan pengajian dan latihan ke peringkat lebih tinggi. Untuk tujuan tersebut, sebanyak RM57 juta diperuntukkan pada tahun 2023.

BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2023



Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am diperuntukkan sebanyak RM107.43 juta pada tahun 2023, antara lain bagi meneruskan projek pembinaan Kompleks Bersepadu Orang Kelainan Upaya (OKU) dan Warga Emas; serta pembinaan bangunan Taman Didikan Kanak-Kanak Kurang Upaya Sandakan; dan Kompleks Latihan OKU di Daerah Sandakan.

Bagi memperkasa program-program pembangunan wanita, sebanyak RM5.83 juta diperuntukkan kepada Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah untuk membiayai pelbagai program kepimpinan dan pembangunan wanita.



BELANJAWAN NEGERI SABAH TAHUN 2023



Kerajaan Negeri juga akan meneruskan pemberian geran dan peruntukan pembangunan sebanyak RM36.2 juta kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu bagi memantapkan lagi aspek pengurusan dan pembangunan dalam kawasan Bandaraya Kota Kinabalu sebagai ibu negeri.

Sebanyak RM23 juta diperuntukkan kepada Lembaga Sukan Sabah bagi mentadbir dan menyelenggara 16 buah kompleks sukan serta 5 buah asrama sedia ada





Kerajaan Negeri juga akan terus melaksanakan program-program keagamaan dan kerohanian dengan jumlah peruntukan sebanyak RM176.16 juta.

BAHAGIAN 4
TADBIR URUS
HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

PENETAPAN DAN PEMANTAUAN INISIATIF HALA TUJU SABAH MAJU JAYA - PELAN PEMBANGUNAN SMJ 1.0: (2021-2025)




PENETAPAN HALA TUJU	LIBAT URUS BERSAMA KEMENTERIAN	LIBAT URUS BERSAMA PEMEGANG TARUH
Merangka Hala Tuju Sabah Maju Jaya (HTSMJ)	Sesi Libat Urus bersama semua Kementerian untuk merangka inisiatif	Mendapatkan input rakyat untuk mengumpulkan idea/cadangan inisiatif
Pengenalan konsep Teras/Elemen dan Pemboleh Daya HTSMJ	Membincangkan inisiatif fokus semasa jangka pendek dan jangka panjang	Sesi *Open Day*
Kelulusan konsep dan kerangka HTSMJ oleh YAB DSP Ketua Menteri	Membincangkan inisiatif yang belum dimasukkan dalam Belanjawan Negeri	E-*Participation* *(www.sabahmajujaya.my)*



ROAD MAP **PELANCARAN HALA TUJU SABAH MAJU JAYA**	**PELAKSANAAN INISIATIF**	**PEMANTAUAN & PELAPORAN**
Memuktamadkan inisiatif Pelan Pembangunan SMJ 1.0: 2021-2025	Kementerian/Jabatan/ Agensi melaksanakan pelbagai inisiatif yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan SMJ 1.0: 2021-2025	Sekretariat HTSMJ membuat pemantauan pelaksanaan inisiatif melalui laporan yang diterima daripada kementerian/jabatan dan membuat validasi kesahan laporan tersebut
Menyediakan Buku Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0: 2021-2025)		Sekretariat HTSMJ menyediakan laporan bulanan dan tahunan
Hebahan *road map* HTSMJ kepada orang awam melalui sesi pelancaran		


UNITED NATIONS SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG) 2030 DAN HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

United Nations Sustainable Development Goals 2030 (SDG2030) ialah senarai 17 matlamat global yang saling berkait yang direka untuk berfungsi sebagai *blueprint* bagi membolehkan penduduk dunia mencapai masa depan yang lebih baik dan lebih mampan menjelang tahun 2030.



MALAYSIA MADANI: ENAM TONGGAK DASAR DAN HALA TUJU SABAH MAJU JAYA


Malaysia MADANI merupakan panduan dan ikhtiar secara bersepadu dan holistik sebagai dasar pentadbiran yang lebih manusiawi. Malaysia MADANI bertunjangkan sikap saling menghormati, meraikan kepelbagaian dan menjadi medan dialog peradaban. Kerangka Malaysia MADANI menjadi pemacu kewujudan masyarakat maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan tempatan.



INSTRUMEN PEMANTAUAN & PELAPORAN

BORANG KAMUS INISIATIF

Borang Kamus Inisiatif adalah satu set borang yang diedarkan untuk menyimpan maklumat terperinci berkenaan pelaksanaan suatu inisiatif sedia ada di bawah Pelan Pembangunan SMJ. Borang Kamus Inisiatif merupakan borang yang penting dalam proses pemantauan dan pelaporan inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya kerana borang ini menyimpan maklumat terperinci dan menyeluruh suatu Inisiatif seperti latar belakang, kaedah pengukuran, anggaran kos, sasaran, hubung kait dengan inisiatif-inisiatif lain dan lain-lain maklumat. Kewujudan borang ini memudahkan serta melancarkan proses pemantauan dan pelaporan perkembangan suatu inisiatif dari semasa ke semasa.




BORANG KAMUS INISIATIF HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

LAMPIRAN B

KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI	*Nota: Nyatakan Nama Kementerian / jabatan / agensi pelaksana*
PENYATA MASALAH *(PROBLEM STATEMENT)*	*Nota: Nyatakan apa masalah yang hendak diselesaikan atau penambahbaikan*
PENYATA INISIATIF	*Nota:Nyatakan apakah Inisiatif yang hendak dilaksanakan untuk menyelesaikan penyata masalah. Ayat penyata inisiatif hendaklah dapat diukur berdasarkan prinsip SMART (Specific, Measurable, Achievable, Realistic, Time-bound)*
BUTIRAN PENYATA INISIATIF	*Nyatakan latar belakang Inisiatif:* • *jumlah atau bilangan keseluruhan/ keluasan dll. yang sedia ada* • *jumlah yang hendak ditambah/ dicapai/ disasarkan dan justifikasinya* • *pemegang taruh (stakeholders) yang terlibat* • *tempoh pelaksanaan dan lokasinya* *Masukkan maklumat- maklumat yang dapat memberi gambaran lengkap terhadap latar belakang Inisiatif yang disasarkan.*

BORANG LAPORAN PENCAPAIAN INISIATIF

Borang Laporan Pencapaian Inisiatif adalah satu set borang untuk menyimpan maklumat perjalanan pelaksanaan suatu inisiatif sedia ada di bawah Pelan Pembangunan SMJ. Borang Laporan Pencapaian Inisiatif diedarkan setiap bulan kepada *focal person* setiap agensi yang terlibat dalam pelaksanaan inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya.



	A	B	E	F	G	M	N
1	SENARAI INDUK INISIATIF SABAH MAJU JAYA 2022						
2	NAMA KEMENTERIAN / JABATAN						
3	NO.	INISIATIF SMJ 2022	ELEMEN UTAMA DAN PEMBOLEH DAYA SABAH MAJU JAYA (SMJ	INISIATIF UTAMA (%)	SUB INISIATIF (%)	KAEDAH PENGUKURAN (KESELURUHAN)	SASARAN 2022
61							
62							
788							
789							
790							

MEKANISME TADBIR URUS
INISIATIF HALA TUJU SABAH MAJU JAYA
PELAN PEMBANGUNAN SMJ 1.0: (2021-2025)

JAWATANKUASA PEMANDU HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

- Dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri
- Memandu arah penetapan inisiatif yang bersesuaian selaras dengan inspirasi Kerajaan Negeri dan pembuatan keputusan dalam merealisasikan inspirasi inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya
- Mengambil tindakan susulan sekiranya terdapat isu berdasarkan syor Yang Amat Berhormat Ketua Menteri

JAWATANKUASA TEKNIKAL HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

- Dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian/Ketua Jabatan dan ahli ahli yang berkaitan dengan jawatankuasa tersebut
- Mengkaji cadangan inisiatif dari aspek teknikal dan berkolaborasi dengan pelbagai pemegang taruh yang boleh membantu untuk mencapai pelaksanaan inisiatif
- Mengambil tindakan susulan sekiranya terdapat isu berdasarkan arahan Jawatankuasa Pemandu

SEKRETARIAT HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

- Urus Setia Jawatankuasa Pemandu
- Mengadakan sesi konsultasi/ libat urus/ intervensi
- Mengadakan bengkel
- Menyediakan laporan berkala
- Menilai cadangan inisiatif

BAHAGIAN 5
PENGHARGAAN

PENGHARGAAN KHAS

Sekretariat Sabah Maju Jaya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri dan semua Setiausaha Tetap, Ketua Jabatan dan Penyelaras Inisiatif (Focal Person) di Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing di atas komitmen dan kerjasama dalam menjayakan Hala Tuju Sabah Maju Jaya

KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI KERAJAAN NEGERI

JABATAN KETUA MENTERI

KEMENTERIAN PERTANIAN PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

KEMENTERIAN KERJA RAYA

KEMENTERIAN KEWANGAN

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

KEMENTERIAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN

Sekalung penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas sumbangan dan jasa bakti sepanjang menjayakan Dua Tahun Hala Tuju Sabah Maju Jaya

DATUK (DATU) ROSMADI BIN DATU SULAI, JP
KETUA SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA

RAMLEE BIN KARIAH
TIMBALAN KETUA SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA

ROSNIH BINTI OTHMAN
PENGARAH SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA

SEKRETARIAT SABAH MAJU JAYA

CHUNG CHING YIAN
MOHD HISHAM BIN UJANG
MOHD IZZAT BIN AHMAD
NUR SHAMIMI KHALISAH BINTI JAMIL
NUR SYAHIRRA NATHASA BINTI STEPHEN
MOHD IZWAN IZZUDDIN BIN RAMLAN
JOSEPH IVOR BACHEE
OREYNIE ARLINA YEOP BINLI MD ARLING
EVY CHARLYN MASIUL
NUR SYAQIRAH BINTI MANSOR
MUHAMMAD AFIQ BIN AWANG MUHAIDIN
AZLAN BIN ASNIN
IZAMRI BIN ROSMAN
MOHD FIRDAUS BIN SARIMAN
MOHD FIKRI BIN MAHMUDA
MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH SALLEH
BECKY BERTHILDA YUSAK
CHELSIE FEELEY BACHEE
NA'IMAH BINTI AHMAD
NURUL ADILAH BINTI AHMAD RASYID
ALORENSO SAMPALADON
SITI SHAERA BINTI SALLEH
SANDRA ANN JERRY
AG MOHD HAZMAN BIN HASSAN
MOHD AIZAT BIN AZLAN
CHRISTY BETTY JOHN
NURAZLINA BINTI MATMALI
HISYAM BIN HAZARIL

BAHAGIAN PRESTASI AGENSI AWAM

DR. ZULASRI BIN PITTING
CLARICE ADRIAN
SOMIIN BINTI SUALIN
AIMAN AKMAL BIN MOHAMAD @ MUHAMMAD
DANIEL ARIZIO CASIANUS BANSIN
MIZA HANIRA BINTI ABD KARIM
SHIRLEY JOSEPH
HANISH SHAMSIAH TALIP
NOOR ATHIRAH FARAHAIN HASENI
GARINO PANCHIDO GANKAI

BAHAGIAN GOVERNAN DAN KORPORAT

MASAWI BIN SALLEH
MAZNAH BINTI MOHD MAUN
MOHD GAZALI BIN SUHAILI
SYARIFAH NURUL AIN ATIKA PUTRI HAMNIS BINTI SYED ABDUL HAMID
NUR AZIRAH BINTI MOHAMMAD AZWAN
NURUL SHARIFAH SAKINAH BINTI HEXTASAN
MOHD NASHRUL BIN IBRAHIM
DAYANG HANIA BINTI RAFEI
RADZIF BIN ISMAIL
MOHD ARIB ABD MASAH

SEKRETARIAT
HALA TUJU SABAH MAJU JAYA
PELAN PEMBANGUNAN SMJ 1.0 : (2021-2025)



Barisan Pertama: Datuk (Datu) Rosmadi Datu Sulai, JP (Ketua Sekretariat Sabah Maju Jaya)
Barisan Kedua dari Kiri: Tuan Ramlee Kariah (Timbalan Ketua Sekretariat Sabah Maju Jaya) dan Puan Rosnih Othman (Ketua Penyelaras Sekretariat Sabah Maju Jaya)
Barisan Ketiga dari Kiri: Na'imah binti Ahmad, Sandra Ann Jerry, Chelsie Feeley Bachee, Nurul Adilah binti Ahmad Rasyid, Chung Ching Yian, Oreynie Arlina Yeop binti Md Arling, Siti Shaera binti Salleh, Becky Berthilda Yusak, Nur Syahirra Nathasa binti Stephen.
Barisan Keempat dari Kiri: Dr. Zulasri bin Pitting, Alorenso Sampaladon, Mohd Firdaus bin Sariman, Mohd Izwan Izzuddin bin Ramlan, Mohd Hisham bin Ujang, Mohd Izzat bin Ahmad, Ag Mohd Hazman Bin Hassan, Mohd Shafiq bin Abdullah Salleh, Izamri bin Rosman, Mohd Aizat bin Azlan, Azlan bin Asnin, Muhammad Afiq bin Awang Muhaidin, Mohd Fikri bin Mahamuda @ Mahmuda.
Tiada Dalam Gambar: Nur Shamimi Khalisah binti Jamil, Joseph Ivor Bachee, Evy Charlyn Masiul, Nur Syaqirah binti Mansor



SABAH MAJU JAYA

Sabah Maju Jaya yang merupakan slogan Jata Negeri sejak sekian lama telah diangkat sebagai nama Pelan Pembangunan Negeri Sabah bagi tahun 2021-2025, untuk membawa citra inklusiviti, pemilikan bersama dan kebertanggungjawaban setiap anak Sabah untuk menjayakan agenda pembangunan negeri. Hala Tuju Sabah Maju Jaya berfungsi sebagai panduan hala tuju dasar dan program kerajaan, seterusnya memandu arah pelaksanaan secara terancang dan strategik, untuk mencapai sasaran dan matlamat yang bertepatan dengan keperluan pembangunan negeri.

JABATAN KETUA MENTERI
www.smj.sabah.gov.my